

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA**

**Bil. 23** **Rabu** **2 Oktober 2013**

## KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT** (Halaman 26)

## RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah  
(Pindaan dan Pemerluasan) 2013 (Halaman 27)

## **USUL-USUL:**

- Waktu Mesyuarat dan urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 27)
  - Merentikan Kuat Kuasa Peraturan Mesyuarat Di Bawah P.M. 90(2) (Halaman 219)
  - Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M. 16(3) (Halaman 234)

#### **UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:**

- Tapak Pelupusan Sampah Haram Sg. Klang PJS3  
– *Y.B Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)* (Halaman 234)
  - Masalah Kerakyatan Yang Menjejaskan Persekolahan dan Pelbagai Masalah  
- *Y.B. Tuan Sim Tze Tzin (Bayan Baru)* (Halaman 236)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA  
Rabu, 2 Oktober 2013**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Haji Mohd Fasiah bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan perancangan kementerian bagi melahirkan atlet negara berprestasi tinggi semenjak alam persekolahan lagi dan nyatakan setakat ini bilangan atlet berprestasi tinggi dan bidang sukan yang telah dikenal pasti mampu melonjakkan nama negara di bidang sukan antarabangsa.

**Menteri Belia dan Sukan [Tuan Khairy Jamaluddin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya jawab soalan nombor satu, jawapan daripada calon nombor satu Ketua Pemuda UMNO Malaysia. *[Ketawa]*

Pertamanya, sebelum saya menjawab soalan ini saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Kontinen Malaysia ke Sukan Perpaduan Negara-negara Islam Ketiga yang baru sahaja tamat di Palembang, Indonesia yang mana kita telah mencatat kedudukan keempat dengan 26 pingat emas dan 72 pingat keseluruhan. Ini adalah sembilan kali ganda sasaran yang ditetapkan oleh Majlis Sukan Negara. Tahniah dan syabas kepada kontinen dan atlet-atlet yang terlibat. *[Tepuk]* Menang banyak pingat. *[Disampuk]* Banyak, banyak.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan telah dan sedang melaksanakan program pencarian bakat ataupun *talent identification* di peringkat akar umbi melalui kerjasama dengan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam kalangan kanak-kanak semenjak usia 7 tahun hingga 12 tahun. Pembangunan bakat atlet daripada peringkat umur mula sehingga mewakili negara adalah dalam jangka masa 8 hingga 10 tahun. Ia bermula daripada latihan awal atas sukan dan seterusnya kepada peringkat spesifik sukan mengikut umur. Di samping itu setelah pemilihan kali kedua dibuat terhadap atlet terbabit, KBS juga melihat kepada kecenderungan kemampuan motor ataupun *motor skills* dengan izin, dan fizikal struktur badan yang sesuai dengan sukan yang dipilih.

Melalui program pengenalpastian bakat, bakat-bakat muda diterapkan dengan elemen-elemen sains sukan seperti pemakanan, nutrisi, suaian fizikal, psikologi, fisiologi senam, biomekanik dan analisis prestasi agar diamalkan dalam budaya hidup sebagai seorang atlet untuk

diaplikasikan dalam proses melahirkan atlet negara berprestasi tinggi semenjak alam persekolahan lagi.

Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara dan kerjasama Persatuan Sukan Kebangsaan telah pun melaksanakan program pelapis di pelbagai peringkat iaitu kebangsaan, serantau dan negeri bermula tahun 2007. Program ini merupakan usaha kerajaan dalam melahirkan lebih ramai atlet remaja yang berbakat di peringkat umur 13 tahun hingga 21 tahun sebagai *feeder* kepada Program Latihan Atlet Elit Negara. Sehingga kini seramai 5,635 atlet sedang menjalani latihan di bawah program pelapis di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, seramai 668 atlet elit negara sedang menjalani latihan dengan pecahan program seperti berikut:-

- (i) Program *Road to Rio Olympics 2016* – 47 atlet;
- (ii) Program Latihan Atlet 2011 hingga 2014 – 308 atlet;
- (iii) Bantuan Latihan Luar Program – 113 atlet.

Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan pada tahun 2004 telah mengenal pasti sebanyak 19 jenis sukan untuk dibangunkan bagi memberi saungan negara di peringkat antarabangsa. Kriteria pemilihan jenis sukan ini adalah berdasarkan sukan yang mempunyai rekod prestasi cemerlang, sukan yang tidak melibatkan bentuk fizikal ataupun *body contact*, sukan yang mempunyai kategori berat badan, sukan yang menggunakan sasaran ataupun *precision sport*, sukan yang menggunakan peralatan dan sukan-sukan individu.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sukan-sukan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) sukan akuatik, terjun dan renang;
- (ii) badminton;
- (iii) bola sepak lelaki;
- (iv) tenpin boling;
- (v) hoki lelaki;
- (vi) olahraga;
- (vii) skuasy;
- (viii) gimnastik;
- (ix) angkat berat;
- (x) berbasikal trek;
- (xi) boling padang;
- (xii) karate;
- (xiii) memanah;
- (xiv) menembak;
- (xv) pelayaran'
- (xvi) sepak takraw;
- (xvii) pencak silat, silat olahraga;
- (xviii) tekwando; dan
- (xix) wushu.

Ini adalah sukan-sukan yang telah dikenal pasti sebagai *core sports* ataupun sukan teras prestasi tinggi yang mana kita boleh mencatat prestasi yang cemerlang di peringkat antarabangsa. Terima kasih.

**Tuan Haji Mohd Fasiah bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan sebentar tadi. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada atlet Malaysia yang telah muncul sebagai juara keseluruhan Temasya Sukan Pelajar ASEAN-Australia 2013 di Pusat Sukan dan Akuatik Melbourne, Australia baru-baru ini dengan mengumpulkan 14 pingat emas, 14 perak dan 14 gangsa. Meninggalkan Singapura di tempat kedua dan diikuti oleh Thailand dan disertai oleh atlet dari tujuh negara Asia Tenggara dalam sepuluh jenis sukan. Walau bagaimanapun, pencapaian ini belum menggambarkan pencapaian sebenarnya pelajar-pelajar kita dalam sukan berprestasi tinggi di peringkat antarabangsa.

Yang Berhormat, seperti yang kita sedia maklum, sukan di peringkat kebangsaan telah lama diwujudkan di semua sekolah di Bukit Jalil, sebuah lagi di Bandar Penawar dan juga yang terbaru di Gambang, Pahang. Adakah sekolah sukan yang diwujudkan ini sememangnya benar-benar melahirkan atlet muda bertaraf dunia? Sekian, terima kasih.

#### ■1010

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat di atas soalan yang penting mengenai pembangunan dan juga peranan yang dimainkan oleh sekolah-sekolah sukan yang ada di negara kita ini. Kewujudan dua sekolah sukan tradisi iaitu Sekolah Sukan Bukit Jalil dan Sekolah Sukan Bandar Penawar yang sekarang ini dikenali sebagai Sekolah Sukan Tengku Mahkota Ismail di Johor, sebenarnya banyak membantu kontingen negara meraih pungutan pingat di temasya sukan antarabangsa seperti Sukan SEA, Sukan Komanwel, Sukan Asia dan juga Sukan Olimpik.

Saya melihat kepada statistik sukan sekolah sukan ini. Saya melihat bahawa lebih kurang daripada 350 orang atlet daripada Sekolah Sukan Malaysia telah mewakili negara di dalam 18 edisi temasya sukan dari Temasya Sukan Komanwel 1998 di Kuala Lumpur hingga Sukan Olimpik pada tahun 2012 di London iaitu dengan jumlah pungutan pingat sebanyak 101 emas, 93 perak dan 89 gangsa.

Antara atlet-atlet ternama yang telah melalui proses ataupun melalui sekolah-sekolah sukan adalah atlet seperti Pandalela Rinong acara terjun, Leong Mun Yee acara terjun, Bryan Nickson Lomas acara terjun, Daniel Bego acara renang, Khoo Cai Lin acara renang, Muhammad Azizul Hasni bin Awang acara berbasikal, Fatehah Mustapa acara berbasikal, Tan Boon Heong acara badminton, Wan Mohd Khalmizam acara memanah. Skuad Hoki Negara seperti Muhammad Razie Abdul Rahim, Tengku Ahmad Tajuddin dan ramai lagi.

Kementerian percaya dengan penubuhan sebuah lagi sekolah sukan yang telah bermula beroperasi pada tahun lepas iaitu di Gambang, Pahang dapat menempatkan lebih ramai lagi bakal atlet kebangsaan yang dapat kita gilap bakat mereka untuk ke peringkat antarabangsa. Walaupun sekolah sukan ini untuk makluman Yang Berhormat tidak terletak secara langsung di bawah kelolaan Kementerian Belia dan Sukan, namun sebilangan besar daripada atlet-atlet sekolah

sukan yang saya maksudkan tadi dan juga mereka yang ada di sekolah sukan menjalani latihan di bawah program Majlis Sukan Negara sama ada di peringkat elit ataupun di peringkat pelapis.

Untuk menjawab soalan spesifik daripada Ahli Yang Berhormat, memang sekolah-sekolah sukan kebangsaan dan juga sekolah-sekolah sukan negeri memberikan impak yang cukup besar untuk kita menyediakan atlet pelapis yang akan diserapkan dalam program di bawah Majlis Sukan Negara. Terima kasih.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya sudah mendengar tadi penjelasan tentang penyediaan mengenai atlet berprestasi tinggi dan saya fikir ke depan ini, untuk masa hadapan, kita melihat sukan ini sebagai satu industri. Saya fikir bukan sekadar hendak melahirkan atlet berprestasi tinggi, tetapi menyediakan pemimpin-pemimpin dalam industri sukan ini. Saya ingin tanya kementerian, bagaimana dengan cadangan yang pernah dikemukakan oleh mantan Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Yang Berhormat Muar tentang universiti sukan yang pernah dicadangkan sekitar tahun lepas. Jadi saya hendak tahu, apakah ini sekadar cadangan ataupun memang betul-betul diambil satu penekanan yang serius dalam usaha kita untuk melahirkan pemain dalam industri sukan dan juga atlet yang baik. Terima kasih.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil, rakan sejawatan saya daripada parti lawan. Pertamanya, idea untuk penubuhan universiti sukan itu adalah idea yang baik. Memandangkan kita di Kementerian Belia dan Sukan dan juga Kementerian Pendidikan Malaysia berpandangan bahawa yang pertamanya, kita harus menyediakan laluan akademik untuk atlet-atlet kita.

Hari ini sebahagian besar daripada atlet kita tidak dapat mengikuti pengajian tinggi disebabkan kekangan waktu dan masa yang bertindih dengan jadual latihan mereka. Ada yang komited dan ada yang dapat mengagihkan masa. Contohnya Pandalela, dapat membuat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Malaya dan pada masa yang sama dapat melatih ke tahap yang masih lagi boleh dikatakan antara yang terbaik di dunia. Akan tetapi ada juga yang terpaksa bersara awal, contohnya Bryan Lomas dalam acara terjun juga disebabkan tidak boleh mencapai keseimbangan antara kerjaya dan juga akademik beliau.

Jadi dari segi satu sudut, universiti sukan ini adalah idea yang baik untuk memberikan kelonggaran dan satu jadual yang fleksibel kepada atlet kita. Kedua, saya bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bukit Katil bahawa sukan ini bukan hanya penyediaan atlet tetapi juga dari sudut industri sukan dan kita hendak bangunkan industri sukan dengan lebih besar lagi. Untuk makluman Yang Berhormat, industri sukan pada tahun lepas telah menyumbang sebanyak 5% kepada KDNK negara kita. Ini termasuk penjualan peralatan sukan, penganjuran temasya-temasya sukan dan juga acara-acara sukan. Dengan itu kita melihat bahawa ini menjadi satu aspek atau sektor ekonomi yang begitu penting untuk pembangunan KDNK negara kita.

Mengenai soalan spesifik, soal pembangunan universiti sukan. Kerajaan buat masa ini kita sedang berbincang dengan salah sebuah syarikat swasta ataupun syarikat GLC sebenarnya untuk mengujudkan universiti sukan. Ini kerana kalau sekiranya kita membina daripada peruntukan

kerajaan sahaja, saya rasa dengan kekangan yang dihadapi pada waktu dan ketika ini di mana kita hendak mengurangkan defisit kerajaan, saya rasa mungkin tidak menjadi keutamaan.

Akan tetapi saya ada perbincangan dengan satu syarikat GLC supaya perkara ini dapat dibuat dalam bentuk *public private partnership* dan dengan satu universiti sukan terkemuka daripada United Kingdom. Perkara ini masih lagi dalam peringkat perbincangan, kalau sekiranya ada apa-apa perkembangan, saya akan maklumkan kepada Dewan dan kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

2. **Dr. Ong Kian Ming [Serdang]** minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang akan dilakukan untuk menghukum orang yang menggunakan ijazah palsu atau pun ijazah daripada universiti yang tidak diiktiraf seperti mana yang diamalkan di Singapura.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Menteri di Jabatan Perdana Menteri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menjawab soalan nombor dua. Saya calon nombor satu Ketua UMNO Bahagian Arau dan juga nombor satu Ahli Majlis Tertinggi. Terima kasih kepada – kita semua mengalu-alukan kepulangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dari luar negara setelah berjuang berhabis-habisan untuk memartabatkan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah yang diambil untuk menghukum penjawat awam yang menggunakan ijazah palsu ataupun ijazah daripada universiti yang tidak diiktiraf adalah;

- (i) menamatkan perkhidmatan penjawat awam yang didapati meminda atau memalsukan apa-apa dokumen termasuk ijazah palsu berhubung dengan pelantikannya di bawah peruntukan di dalam peraturan-peraturan pegawai awam, pelantikan kenaikan pangkat dan juga penamatan perkhidmatan; dan
- (ii) mengenakan tindakan tatatertib sehingga hukuman buang kerja ke atas pegawai awam berdasarkan Peraturan-peraturan Pegawai Awam, Kelakuan dan Tatatertib 1993 sekiranya terdapat aduan atau disyaki pegawai awam berbuat demikian dan dapat dibuktikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada tahun 2007 hingga 2012, hanya dua kes pemalsuan sijil akademik dikesan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Kes pertama melibatkan pegawai yang telah pun dilantik dalam perkhidmatan dan telah ditamatkan perkhidmatannya. Manakala kes yang kedua ialah dikesan setelah calon selesai melalui proses temu duga dan tawaran pelantikan dibatalkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semakan pengiktirafan sijil akademik boleh dilaksanakan melalui sistem semakan pengiktirafan kelayakan JPA, e-SISRAF yang boleh dilayari di laman web JPA. Sekian, terima kasih.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Menteri tadi. Saya ingat bahawa Yang Berhormat Menteri mungkin tidak faham soalan saya di mana saya menyoalkan langkah-langkah yang dilakukan untuk menghukum orang yang menggunakan ijazah

palsu ataupun daripada ijazah universiti yang tidak diiktiraf, bukan sahaja penjawat awam. Akan tetapi memandang jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri, saya rasa bahawa perbuatan kerajaan itu tidak konsisten dan ini membuktikan bahawa kerajaan Barisan Nasional ini tidak ada kredibiliti langsung...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** ...untuk melaksanakan langkah-langkah ini. Saya memberikan sebab, saya hendak memberikan sebab. Saya hendak tanya sama ada Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ada dua Menteri di Kabinet sekarang yang mempunyai bukan satu tetapi dua ijazah daripada kilang ijazah yang terkenal di dunia ini.

#### ■1020

Ini termasuk Yang Berhormat dari Serian sekarang ini Menteri Sumber Manusia yang sebelum ini adalah Timbalan Menteri Luar Negeri di mana telah disenaraikan di dalam laman web kementerian luar negeri. Ini bukan petikan yang saya ambil daripada *Wikipedia* atau pun *WikiLeaks*. Ini daripada laman web kementerian yang menunjukkan bahawa kelayakan beliau adalah *first degree* dalam pengurusan perniagaan daripada *Chartered Institute of Business Administration*, Ireland, Teoranta dan juga mendapatkan MBA daripada Preston University di Amerika Syarikat. Preston University memang terkenal sebagai kilang ijazah dan juga telah didedahkan oleh surat khabar *The Star* pada tahun 2009 dan 2010. Adakah Yang Berhormat juga sedar bahawa Menteri untuk Sains Teknologi dan Inovasi iaitu Yang Berhormat daripada Ranau juga disenaraikan dengan kelayakan *Doctor of Business Administration* daripada *Golden State University Wyoming*?

Saya juga diberitahu bahawa beliau telah memperoleh satu MBA daripada *Commonwealth Open University* yang didaftar di British Virgin Ireland. Kedua-dua ini juga merupakan kilang ijazah yang terkenal. Saya pun hendak tanya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Soalan Yang Berhormat.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Okey, saya pun hendak bertanya sama ada...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Soalan apa dia ini?

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Sama ada Menteri sedar bahawa ada juga dua pelantikan untuk GLC yang juga...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat soalan.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Mempunyai ijazah daripada kilang ijazah. Termasuk Dr. Emir Mavani Abdullah yang dilantik sebagai group presiden dan CEO FELDA. Dia bukan sahaja mempunyai ijazah daripada kilang ijazah universiti one.... ini, bukan sahaja kerajaan tidak menghukum dia tetapi telah memberi dia sejumlah 150,000 saham Felda Global Ventures ini yang bernilai lebih daripada RM500,000 [*Dewan riuh*] Juga pengerusi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat saya tidak boleh bagi masa yang terlalu banyak Yang Berhormat.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Last sekali, dan juga saya hendak memberi maklumat ini supaya Menteri boleh memberi jawapan [*Dewan riuh*] Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Soalan Yang Berhormat.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Last sekali adakah Menteri tahu sedar bahawa pengerusi yang baru dilantik sebagai *chairman* Lembaga Tabung Haji yang juga merupakan Yang Berhormat Baling, disenaraikan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** ...Sebagai mempunyai MBA daripada Preston University. Jadi soalan saya ialah kenapa kerajaan itu tidak konsisten hendak menghukum penjawat awam yang ada ijazah palsu ataupun ijazah daripada kilang ijazah. Akan tetapi untuk pelantikan Menteri ataupun pelantikan GLC...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukup Yang Berhormat. Yang Berhormat Serdang cukup Yang Berhormat.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** ...Tidak dihukum macam di Pakistan di mana Ahli Parlimen atau wakil rakyat boleh dipenjarakan...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Pengurus, Yang Berhormat Serdang ini apa...

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** ...Ada ijazah palsu. Ini perkara yang begitu serius.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ini ada ijazah apa ini..

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Saya minta penjelasan daripada Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Hendak baca peraturan undang-undang pun tidak tahu. Tuan Yang di-Pertua, kita kena ada peraturan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya sudah berkali-kali memberitahu kepada dia Yang Berhormat untuk kemukakan soalan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kalau kita nak tegur orang lain... Biar saya jawab. Kalau hendak tegur orang lain kononnya ada ijazah atau tidak ada ijazah, kita sendiri hendak baca peraturan mesyuarat pun tidak reti [*Dewan riuh*] Peraturan mesyuarat kan kita tanya soalan tetapi kita cakap berceramah. Itu merupakan ketidakarifan [*Dewan riuh*]

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Saya hendak penjelasan sahaja, penjelasan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Duduk, duduk saya tidak benarkan. Kalau kita cerdik, kita tanya secara sikit-sikit [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli Yang Berhormat, minta diam Ahli Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Eh mulut jaga, diam sedikit, dengar. Ini bukan zoo negara. Ini adalah tempat orang yang berhormat berbincang. Okey, tanya soalan ikut peraturan, saya akan jawab.

Kita hendak pakai panduan daripada JPA ini untuk yang lain-lain. Pertama sekali kalau sekiranya ada jabatan lain ataupun GLC yang lain yang berasa sangsi kepada apa yang telah disebutkan di mana JPA kita ambil sebagai contoh, sesiapa yang tidak ada kelulusan akademik

yang disyaratkan dalam jawatan yang dia pegang, maka tindakan akan diambil. Itu syaratnya. Kita ambil JPA sebagai pegangan kita. Kalau sekiranya dia bekerjasama GLC...

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Mana soalan saya?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Diamlah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Serdang. Tolong ikut peraturan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Diamlah. Kalau tidak puas hati boleh sambung dekat luar ya. Ini peraturan mesyuarat balik baca. Budak sekolah rendah boleh faham ya. Okey, kalau sekiranya GLC mengambil orang yang tidak mengikut kelayakan akademik atau pun dia ambil berdasarkan kelayakan akademik yang dia tipu, kita boleh ambil tindakan. Pengiktirafan sijil akademik kita buat melalui jawatankuasa tetap penilaian dan pengiktirafan kelayakan yang dipengerusikan oleh Menteri Pelajaran.

Di bawah jawatankuasa ini terdapat beberapa jawatankuasa kecil berdasarkan bidang tersebut iaitu teknikal, sastera dan sains kemasyarakatan sains, perubatan dan separa perubatan. Ini ialah untuk sijil yang diiktiraf. Berhubung dengan Yang Berhormat sebut tentang kilang di universiti dan sebagainya, kita kena ingat bahawa kita kena ada satu peraturan yang mesti diterima pakai di negara ini iaitu kalau sekiranya mereka dapat daripada mana universiti yang kita anggap universiti itu diiktiraf atau pun tidak diiktiraf.

Pertama pengiktirafan dahulu. Pengiktirafan itu untuk kerajaan. Kemudian yang keduanya mungkin kita kata dia dapat daripada universiti yang tidak diiktiraf. Kalau dapat daripada universiti yang tidak diiktiraf, kita tidak boleh buat apa-apa sebab dia dapat universiti yang tidak diiktiraf dia simpan sijil itu. Mungkin dia buat kenangan, nak *wall frame* dekat rumah dia dan sebagainya. Akan tetapi kalau sekiranya dia ambil dan dia sebarkan untuk orang lain...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Buat *souvenir* Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ....Dia tidak boleh kalau sekiranya untuk tujuan dia mendapatkan apa-apa jawatan. Sekiranya dia menggunakan perkataan Dr. untuk tujuan dia mendapat kerja, maka dia tidak boleh, kerja berdasarkan kepada universiti-universiti yang kita iktiraf. Yang kita tidak iktiraf dia simpan dalam *frame* dan kalau sekiranya kita hendak buat satu syarat bahawa Malaysia hanya boleh mengiktiraf universiti ini sahaja. Kalau sesiapa ambil universiti lain kita potong tangan, kita kena buat peraturan. Pada masa sekarang, banyak barang-barang daripada negara China yang kita beli penuh di rata-rata tempat di seluruh Malaysia dengan jenama tipu. Jenama betul, jenama sama tetapi barang tipu.

Ada juga barang, contohnya jenama Louis Vuitton (LV), ada pula LV kelas satu tipu, kelas dua tipu, itu pun banyak hendak kena buat. Jadi banyak kerja yang harus kita buat. Macam Yang Berhormat sana mungkin suka pergi ke jalan Puchong sana membeli barang-barang yang LV tetapi bukan original. Begitu juga dengan sijil tetapi kalau kita hendak pakai LV, kita bawa ke mana-mana, mata ini akan menyatakan ini LV tipu. Demikian juga sijil.

Kalau untuk tujuan mendapat pekerjaan, dapat universiti yang tidak diiktiraf tidak sah. Akan tetapi kalau dapat universiti yang diiktiraf kita sah. Kalau dia beli ambil sijil untuk tujuan

persendirian atau sebagainya apa boleh kita buat, kalau dia bubuh *frame* dekat rumahnya, dia tulis itu "Dr". dan sebagainya kita hanya boleh kata ini universiti yang tidak diiktiraf.

Akan tetapi dia bagi untuk dirinya, untuk kegunaannya sendiri. Kalau kita tidak puas hati, kita kena buat peraturan. Barang-barang *fake*, barang-barang tiruan daripada negara-negara tidak boleh masuk, sijil tiruan tidak boleh masuk, kita boleh buat kemudian...

**Menteri Sumber Manusia [Datuk Richard Riot anak Jaem]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya menjemput Yang Berhormat Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari.

**Datuk Richard Riot anak Jaem:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya menjawab?

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak boleh. Tidak boleh Yang Berhormat.

**Datuk Richard Riot anak Jaem:** *Because Ong was saying, Serian is there, and I need to answer [Dewan riuh]*

3. **Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [Setiawangsa]** minta Perdana Menteri menyatakan status kejayaan enam agensi awam iaitu Permodalan Nasional Berhad (PNB), Lembaga Tabung Haji (LTH), UDA Holdings Berhad, Perbadanan Nasional Berhad FELDA dan RISDA yang diwujudkan di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB) sama ada benar-benar telah mencapai matlamat kerajaan dalam mengurangkan serta membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat daripada aspek keseimbangan ekonomi.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, matlamat Dasar Ekonomi Baru iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat selain pelbagai pendekatan dan inisiatif yang telah dijalankan oleh kerajaan. Suka saya nyatakan di sini bahawa keenam-enam institusi yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Setiawangsa telah memainkan peranan masing-masing dalam keadaan yang baik dan telah menyumbang kepada signifikan. Izinkan saya untuk memberikan kedudukan satu dari institusi tersebut.

PNB yang ditubuhkan daripada tahun 1978 telah berjaya meningkatkan ekuiti bumiputera khususnya melalui Amanah Saham Nasional dan Amanah Saham Bumiputera dengan bermula geran kerajaan dengan sebanyak RM200 juta pada tahun penubuhannya. Jumlah aset keseluruhan di bawah PNB pada Jun 2013 telah menjangkau lebih RM255 bilion. Dari segi penyertaan pula, PNB yang sedang memberi perkhidmatan kepada lebih 11.6 juta pemegang akaun di seluruh negara.

#### ■1030

Sehingga Mac 2013, PNB telah mengagihkan pendapatan terkumpul sebanyak RM12.5 bilion kepada pemegang-pemegang amanah saham. Lembaga Tabung Haji ditubuhkan pada tahun 1963 bertujuan memberi perkhidmatan kepada umat Islam Malaysia untuk menyimpan wang

secara selamat, beransur-ansur dan mematuhi syariah bagi mengerjakan ibadah haji. Suka saya nyatakan di sini bahawa pada hari ini Tabung Haji telah menjadi pilihan simpanan alternatif kepada umat Islam apabila Tabung Haji menawarkan pulangan simpanan yang lebih tinggi berbanding lain-lain perbankan Islam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2012 bonus Tabung Haji adalah sebanyak 6.5% dan bonus jubli emas Tabung Haji adalah sebanyak 1.5%. Melalui pelbagai aktiviti pelaburan yang telah mendatangkan keuntungan, Tabung Haji berjaya menyumbang ke arah pembayaran sumbangan yang lebih tinggi dan subsidi haji kepada jemaah haji Malaysia. *Alhamdulillah*, pada tahun ini Lembaga Tabung Haji berjaya menyediakan subsidi kepada seramai 16,729 orang jemaah yang mana setiap seorangnya menerima sebanyak RM5,575 yang jumlah keseluruhannya sebanyak RM93.3 juta.

UDA diperbadankan pada tahun 1971 bertujuan untuk membantu kaum bumiputera mempunyai sekurang-kurangnya 30% ekuiti daripada kegiatan-kegiatan perdagangan dan perusahaan. Berdasarkan matlamat tersebut, UDA memberi keutamaan kepada usahawan bumiputera untuk memiliki hartanah dan premis perniagaan yang dibangunkan di dalam setiap projek pembangunan agensi ini.

Penyertaan bumiputera di dalam pemilikan kediaman dan ruang niaga yang dibangunkan oleh UDA dari tahun 2001 hingga 2012 ialah masing-masing sebanyak 78% dan 71%. Selain itu, UDA turut memberi keutamaan kepada usahawan bumiputera untuk menyewa ruang-ruang niaga dan kompleks-kompleks perniagaan dan rumah kedai milik UDA yang menepati syarat-syarat yang ditetapkan.

Perbadanan Nasional Berhad ditubuhkan pada tahun 2006 untuk melonjakkan jumlah usahawan bumiputera yang terlibat dalam perniagaan francais. Sehingga kini, PNS telah berjaya melahirkan seramai 1,426 orang usahawan dengan sokongan melalui pelbagai program pembangunan francais manakala jumlah bantuan yang telah disalurkan adalah sebanyak RM2,259 juta.

Antara francais bumiputera yang berjaya adalah Menara Automasi, GM Beriani, House of Healin dan Proklines. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, PNS juga terlibat dengan pelaburan ekuiti di 75 buah syarikat yang berdaya maju dengan jumlah pelaburan sebanyak RM287 juta.

Dalam usaha untuk menjaga kepentingan pekebun kecil, RISDA telah berjaya melaksanakan program tanam semula getah, kelapa sawit dan tanaman lain yang berjumlah 1,220,470 hektar dengan penyertaan seramai 401,454 orang peserta. Semenjak 40 tahun penubuhannya, RISDA telah meluaskan kawasan operasi bukan sahaja di Semenanjung, malah meliputi Sabah dan Sarawak. RISDA telah berjaya meningkatkan pendapatan pekebun kecil sebanyak 1,259% iaitu daripada RM104 sebulan pada tahun 1973 kepada RM1,420 sebulan pada tahun 2012. RISDA menyasarkan untuk mencapai hasil pendapatan pekebun kecil pada tahun 2015 sebanyak RM2,500 sebulan dan pada tahun 2020 sebanyak RM4,000 sebulan.

FELDA sebagai agensi pembangunan tanah yang memiliki seluas 853,313 hektar tanah dan pengeluar hasil minyak sawit sebanyak kira-kira RM3 juta tan setahun yang menyumbang 9%

daripada pengeluaran dunia serta 18% pengeluaran negara. Dari peneroka asal di 317 buah rancangan FELDA seramai 112,635 orang, kini FELDA telah berkembang kira-kira seramai dua juta orang merangkumi peneroka generasi baru, kakitangan pekerja ladang dan bendang. Kriteria utama transformasi FELDA adalah untuk meningkatkan ekonomi peneroka. Kebanyakan peneroka FELDA asalnya merupakan pekerja di pelbagai ladang milik orang lain. Hari ini FELDA mereka mempunyai tanah seluas 10 ekar dan suku ekar tanah rumah. Sehingga Jun 2013 pendapatan bersih peneroka ialah sebanyak RM3,145.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan percaya bahawa ada banyak lagi potensi yang boleh diketengahkan dan kerajaan sentiasa tidak berpuas hati dengan apa yang dicapai. Justeru itu, kita mengharapkan sokongan daripada semua Ahli Yang Berhormat bagi kita menjayakan semangat Dasar Ekonomi Baru tersebut. Terima kasih.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Terima kasih. Saya tidak nafikan bahawa agensi yang telah ditubuh ini berjaya menaikkan ekuiti bumiputera secara keseluruhannya dalam bidang perniagaan. Saya juga yakin bahawa penubuhan agensi-agensi ini adalah sebagai konsep payung untuk membangunkan lagi banyak peniaga-peniaga bumiputera. Soalan saya ialah begini, sejauh manakah agensi-agensi yang ditubuhkan ini telah berjaya membangunkan individu bumiputera dalam bidang perniagaan dan apakah perancangan masa depan bagi memperkasa dan membangunkan peniaga bumiputera selaras dengan agenda pemerkasaan ekonomi bumiputera yang telah dilancarkan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri pada 14 September yang lepas?

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat Setiawangsa. Peringkat awal pelbagai agensi sebenarnya ada banyak. Yang Berhormat bertanyakan tentang enam. Ada banyak lagi sebenarnya agensi yang menjurus kepada usaha untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Perlu saya nyatakan ucapan terima kasih kerana pengiktirafan yang diberi. Peringkat awal penubuhan setiap satu agensi ini berperanan utk sama ada pemilikan ekuiti untuk merangsang perdagangan perusahaan ataupun untuk memberi latihan pendidikan kemahiran dan juga untuk memastikan pendapatan pekerjaan di kalangan rakyat khususnya di kalangan Melayu bumiputera dapat kita capai.

Saya setuju ada di antara inisiatif itu kita memberikan peranan kepada individu atau organisasi korporat Melayu dan dijadikan sebagai payung membantu dan mungkin ada juga yang menyatakan bahawa berlaku sedikit persaingan di antara anak-anak syarikat ini dengan usahawan-usahawan Melayu yang lain. Akan tetapi, saya percaya bahawa usaha ini adalah untuk peringkat awal fasa penubuhan setiap agensi adalah untuk kita mencapai perkara yang saya nyatakan tadi sama ada ekuiti, pemilikan harta tanah, dari segi pendapatan dan sebagainya.

Namun begitu, kerajaan sentiasa melihat kepada dengan izin *from the tiering period* kepada mengawal kejayaan. Terdapat banyak antara perkara yang dibuat oleh kerajaan hari ini adalah untuk menggalakkan syarikat-syarikat ini keluar mencari atau meneroka kawasan-kawasan di luar daripada negara dan membawa bersamanya syarikat-syarikat bumiputera. Ini masih belum berjaya keseluruhannya. Namun begitu, suka saya nyatakan di Dewan yang mulia ini ada satu

jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri selaku Perdana Menteri dan Menteri Kewangan yang bermesyuarat untuk bertanyakan kepada semua kementerian, semua agensi kerajaan dan semua GLC bagaimana mereka dapat mengunjurkan *exit plan* dengan izin kepada bukan *core business* mereka dalam tempoh tahun yang akan datang untuk memastikan bahawa dapat mereka memberi peluang dan memayungi syarikat-syarikat bumiputera yang lain seperti yang dihasratkan oleh Yang Berhormat Setiawangsa. Terima kasih.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Dasar Ekonomi Baru diwujudkan di awal tahun 70-an dengan matlamat serampang dua mata - menyusun semula masyarakat dan membasi kemiskinan dengan matlamat utamanya untuk perpaduan nasional. Untuk menjayakan program itu, terutama sekali penyusunan semula masyarakat, banyak sekali agensi-agensi diwujudkan. Kalau tidak silap saya ada penulisan yang mengatakan lebih kurang 185 agensi rujukan untuk menyusun semula masyarakat. Akan tetapi, selepas Dasar Penswastaan dilaksanakan, maka banyak juga agensi-agensi ini diperbadankan yang disenaraikan dalam soalan nombor dua ini.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini berapa banyakkah agensi-agensi yang diwujudkan untuk *progressive* membasi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat itu telah diperbadankan? Itu yang pertama. Keduanya, sehubungan dengan RISDA ini dalam Laporan Audit yang baru ada di meja kita. Kita dapati teguran Ketua Audit Negara tentang penubuhan *Small Holders Department Corporation* (SHDC) dan Ketua Audit Negara menyentuh tentang kerugian yang berlaku oleh SHDC ini apabila ia memberikan satu projek kepada MBA Farm Sdn Bhd.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Klandee]:** Ya, soalan habiskan Yang Berhormat.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Kalau boleh diminta dan saya mohon Yang Berhormat Menteri untuk memberi penjelasan yang pertama tadi tentang berapa banyak lagi agensi-agensi yang telah diperbadankan dan diwujudkan selepas DEB. Keduanya tentang MBA Farm Sdn. Bhd. Ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1040

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dapati bukan tidak mahu jawab. Saya pun baca laporan audit yang baru diterima, diedarkan kepada kita. Pertama dari segi yang Diperbadankan. Saya rasa Kementerian Kewangan lebih mempunyai kedudukan untuk menjawab kerana jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Menteri Kewangan dan juga Perdana Menteri dan soalan ini terlalu spesifik untuk saya nyatakan setiap satu berapa banyak institusi ini yang telah Diperbadankan.

Akan tetapi saya percaya, hasratnya untuk kita mengembang dan mencari *the new engine of growth economic* dalam usaha kita untuk mencapai semangat Dasar Ekonomi Baru daripada Dasar Ekonomi Baru sampai ke Dasar Wawasan 2020. Pelbagai perkara telah kita lihat. Saya suka memberi pandangan untuk Yang Berhormat nantinya untuk saya bagi kalau dapat bantuan berapa sebenarnya kerana mesyuarat ini berjalan setiap minggu dan ada yang memberi *exit plan* dua tahun, tiga tahun. Ada yang telah pun dilakukan seperti Yang Berhormat nyatakan.

Mengenai laporan audit tentang perkara-perkara yang dibangkitkan, saya sebenarnya berkongsi dengan ramai Ahli Yang Berhormat apa juga perkara yang dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara terhadap perlaksanaan amanah yang diberikan kepada setiap agensi perlu kita tangani. Kita tidak boleh ada satu polisi yang baik akhirnya perlaksanaan disebabkan ketidakmampuan di peringkat-peringkat tertentu, ia berlaku pembaziran apatah lagi ia berlaku tentang tidak pematuhan kepada peraturan dan saya percaya satu peringkat nanti kita akan dapat jawapan yang lebih khusus tentang soalan Yang Berhormat bangkitkan kerana laporan audit itu baru sahaja sampai kepada kita semalam. Terima kasih.

4. **Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]** minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan sama ada Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MC) dibenarkan untuk menukar tarif elektrik bagi kegunaan harta-harta bersama (seperti koridor, lif, pam air dan sebagainya) dari jenis tarif komersial kepada jenis tarif domestik.

**Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Seri Mahdzir Khalid]:**  
*Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi. Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan nombor empat dari Yang Berhormat Tanjong, sukacita saya maklumkan bahawa penentuan kategori tarif elektrik untuk pengguna pada masa ini adalah ditetapkan berdasarkan jenis aktiviti yang dijalankan di premis pengguna tersebut dan tahap voltan bekalan elektrik yang disalurkan kepada pengguna.

Berdasarkan Buku Tarif TNB, tarif domestik dikhurasukan kepada rumah kediaman persendirian yang didiami oleh pengguna sahaja manakala bagi kegunaan harta-harta bersama seperti koridor, lif, pam air dan sebagainya diletakkan di bawah tarif komersial. Oleh itu Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan tidak dibenarkan menukar tarif komersial kepada tarif domestik untuk aktiviti ini, terima kasih.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya , saya rasa ini satu masalah yang besar yang menghantui hampir kesemua JMB atau MC di seluruh Malaysia. Di mana saya rasa ini untuk harta bersama telah dijelaskan secara khusus dalam di bawah Akta Bangunan dan Harta Bersama 2007 di mana akta ini semua elektrik digunakan bukan untuk tujuan komersial tapi kerana tarif komersial dikenakan, maka hampir 60% sampai 80% bayaran penyelenggaraan yang dikutip setiap bulan digunakan untuk membayar bil elektrik dan seterusnya akan menjelaskan kualiti khidmat pengurusan dan penyelenggaraan yang disediakan, dibekalkan oleh JMB atau MC.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Soalan, soalan Yang Berhormat.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Saya rasa masalah ini akan meruncing apabila tarif elektrik akan ditingkatkan lagi. Saya berharap, saya hendak tanya adakah masalah ini dengan dasar TNB atau masalah dari segi perundangan. Jikalau ini hanya dasar TNB maka ini boleh diperbetulkan melalui Suruhanjaya Tenaga kerana TNB hanyalah pemegang lesen yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Saya rasa pindaan perlu dibuat ke atas Akta Bekalan Elektrik 1990 jikalau ada sesuatu yang boleh ditambah baik lagi, terima kasih.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjong. Berhubung dengan perkara yang disebut mengenai dengan penggunaan domestik atau komersial, sukalah saya menyebut di sini bahawa dalam ketetapan yang telah diberi oleh Suruhanjaya Tenaga, definisi pengguna kediaman bererti pengguna yang menduduki rumah kediaman persendirian yang tidak digunakan sebagai hotel, rumah penginapan atau sebarang bentuk aktiviti. Definisi pengguna komersial bererti tidak terhad kepada pengguna yang menduduki atau mengendalikan blok pejabat, hotel, pangsapuri, rumah penginapan, kompleks membeli-belah dan juga tempat letak kereta, gudang, bengkel dan sebagainya.

Jadi bagi menjawab Yang Berhormat Tanjong, suacita saya menyebut bahawa dalam pengiraan tarif elektrik yang dikendalikan oleh TNB, kita ada dipanggil satu dipanggil Tarif A Domestik dan Tarif B Perdagangan Voltan Rendah. Jadi untuk bagi kawasan kegunaan bersama seperti lif, seperti kolam renang di kondominium dan sebagainya, itu diletakkan di bawah komersial dan diletakkan dalam Tarif B Perdagangan Voltan Rendah. Saya maklumkan kepada Tuan Yang di-Pertua pada Dewan ini, pengiraan bagi Tarif B Perdagangan Voltan Rendah, pengiraannya adalah cajnya standard iaitu 43 sen bagi *kilowatt per hour*. Kita ambil contoh dalam kiraan domestik, dia ada 9 *band*. 9 *band* maksudnya daripada yang terendah digunakan 200 *kilowatt per hour*, 21.8 sen dan yang paling tinggi ialah 45.5 sen *band* yang ke-9.

Saya ambil contoh 4,000 *kilowatt*. Kalau 4,000 *kilowatt* dikira domestik, kita akan dapat RM1,737. Tetapi kalau dikira dalam perdagangan voltan rendah *under commercial*, kita mendapat RM1,720. Sebenarnya apabila dikira domestik dengan dikira *band* domestik dengan standard *rate* untuk perdagangan voltan rendah, dia sebenarnya rendah lagi dalam komersial untuk kegunaan bagi yang disebut tadi untuk di bawah kelolaan Badan Pengurusan Bersama. Badan Pengurusan Bersama di kondominium ini apabila belum mendapat strata *title*, apabila sudah dapat strata *title* selepas empat atau lima tahun, dia akan jadi perbadanan pengurusan. Jadi saya ingat yang ini adalah antara angka yang ada yang sekarang ini caj tarif yang ada di TNB dan peraturan ini peraturan yang telah ditetapkan Suruhanjaya Tenaga, terima kasih.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat tarif elektrik komersial dan tarif elektrik domestik di Malaysia adalah antara yang paling rendah berbanding dengan negara Thailand, Singapura, Korea Selatan dan Jepun. Soalan saya ialah apakah kesan-kesannya jika tarif elektrik ditukar dari jenis komersial kepada jenis tarif domestik dan adakah cadangan itu akan membebankan lagi kerajaan disebabkan kos bahan api yang semakin meningkat kebelakangan ini, terima kasih.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dari dulu lagi kita telah menggunakan tarif domestik dan juga tarif komersial atau tarif perdagangan. Sebenarnya dalam tarif perdagangan pun ada dua kategori, satu dipanggil Tarif Perdagangan C1 dan satu lagi dipanggil Tarif Perdagangan C2. Tarif C1 ialah tarif yang digunakan bagi semua aktiviti yang sama ada kondominium, sama ada *shopping mall* ataupun aktiviti yang tidak berterusan selama 24 jam.

**■1050**

Hotel misalnya ia termasuk dalam kategori C2. Jadi bagi domestik, kita tidak fikir daripada komersial hendak tukar ke domestik. Apa yang berlaku sekarang ini ada kes-kes dia guna bil domestik, tetapi sebenarnya tempat itu sudah komersial. Saya bagi contoh, kalau sebuah bengkel kereta yang tidak ditukar status tanahnya, tanahnya masih tanah pertanian, dia bayar cukai tanah pertanian tetapi sebenarnya di atas tanah itu ada bengkel kereta, itu kadang-kadang dia pakai domestik. Ini yang berlaku tetapi daripada komersial hendak pergi domestik saya tidak fikir itu akan berlaku. Terima kasih.

5. **Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]** minta Menteri Sumber Malaysia menyatakan bahawa masalah pengangguran di negara adalah rendah dan terkawal jika hendak dibandingkan dengan negara-negara luar yang maju. Apakah langkah-langkah dan juga program-program yang sedang dan akan diadakan dalam mengurangkan peratus pengangguran terutama di kalangan siswazah.

**Menteri Sumber Manusia [Datuk Richard Riot anak Jaem]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kalau diizinkan sebelum saya menjawab soalan kepada soalan nombor lima, saya ingin minta kebenaran untuk menerangkan apa yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Serdang tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya tidak pasti Yang Berhormat tetapi kita anggap itu sebagai soalan.

**Datuk Richard Riot anak Jaem:** *I have to. Please.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya rasa ada cara lain untuk Yang Berhormat membuat jawapan dalam isu itu.

**Datuk Richard Riot anak Jaem:** Tuan Yang di-Pertua, Richard Riot anak Jaem, Ahli Parlimen Serian telah menjadi Ahli Parlimen selama 23 tahun, enam penggal berturut-turut. *[Tepuk]* Yang Berhormat Datuk Richard Riot anak Jaem, Ahli Parlimen Serian telah dilantik sebagai Timbalan Menteri Luar Negeri yang peranannya antara lain untuk bersidang dan di peringkat antarabangsa. *[Tepuk]* Malah saya telah menghadiri dan berucap bagi pihak Malaysia tidak kurang dari 50 kali menggunakan bahasa Inggeris.

Berbalik kepada ijazah yang beliau sebutkan tadi. Ijazah ada dua beza, palsu dan tidak diiktiraf. Saya ingin menegaskan di sini bahawa ijazah saya bukan palsu! Ijazah saya Menteri telah iktiraf.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat Menteri telah salah guna kuasa. Menggunakan...

**Datuk Richard Riot anak Jaem:** *No, please.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Jawab soalan yang ditanyalah. Jangan jawab yang lain.

*[Dewan riuh]*

**Datuk Richard Riot anak Jaem:** *No, tidak.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Jawab soalan yang ditanya itu. Saya minta arahkan Yang Berhormat Menteri jawab soalan. Yang itu *settle* di luarlah.

**Datuk Richard Riot anak Jaem:** Yang Amat Berhormat Ketua Menteri ada statut.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Bagaimana Menteri boleh dapat ijazah? Tidak diiktiraf!

**Datuk Richard Riot anak Jaem:** Tuan Yang di-Pertua, *no, no, please allow me because my friend from Bandar Kuching was pointing just now. The Serian was there.*

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Richard Riot anak Jaem:** *That's why I have to defense myself.* Kalau beliau tidak point at me, I would not have answered here. Faham?

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tuan Yang di-Pertua, ini masa kita Tuan Yang di-Pertua. Ahli-ahli Dewan ramai lagi.

**Datuk Richard Riot anak Jaem:** Saya tahu akan tetapi saya perlu menjawab soalan itu.

[Dewan riuh]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Speaker, saya fikir saya tidak dapat peluang lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Boleh jawab Yang Berhormat.

**Datuk Richard Riot anak Jaem:** Mungkin Yang Berhormat Serdang tidak tahu bezanya antara ijazah palsu dan ijazah yang tidak diiktiraf. Untuk ijazah saya, saya bekerja kuat. *I work because I believe in ilmu sepanjang hayat.* [Tepuk]

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Serdang, *you can check.* Saya telah mendaftar diri because saya berpendapat bahawa ilmu sepanjang hayat adalah amat penting bagi saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, boleh balik kepada jawapan soalan Yang Berhormat.

**Datuk Richard Riot anak Jaem:** *No, no, please. Because Yang Berhormat Bandar Kuching asked me to answer just now.*

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Jawab soalan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kena halau keluarlah.

**Datuk Richard Riot anak Jaem:** Okey, saya telah mendapat doktor falsafah dari Kuala Lumpur Infrastructure University College pada bulan Julai ini iaitu selepas tiga tahun belajar. Dia banyak menggunakan Kuala Lumpur Infrastructure University College kerana Kuala Lumpur Infrastructure University College...

[Dewan riuh]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Jawapan kepada soalan Yang Berhormat. Sudah habis jawapan Yang Berhormat? Soalannya.

**Datuk Richard Riot anak Jaem:** *No, I have not being over emotional tetapi kalau kawan saya dari Bandar Kuching tidak menunjuk jari kepada saya, saya tidak akan menjawab. Selama 23 tahun saya di sini saya tahu what is the standing order.*

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Jawab soalan.

**Datuk Richard Riot anak Jaem:** *But just because he said Serian is there then I have to defense myself.*

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Jawab soalan.

**Datuk Richard Riot anak Jaem:** Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. *When people attack at me I have got to defense myself. [Tepuk] I have been here for the last 23 years. I am not a small kid anymore and I am going to win again in the next election.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sudah cukup! Ini pelakon PBB kah?

**Datuk Richard Riot anak Jaem:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada soalan yang telah dibentangkan iaitu soalan nombor lima.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran bagi suku tahun kedua tahun 2013 adalah 3.0% bersamaan dengan 4,111,400 orang.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dimaklumkan bahawa di bawah ILO Pertubuhan Antarabangsa mengenai *labor*, mana-mana negara yang kadar penganggurannya di bawah 4% dianggap sebagai *full employment*. Oleh yang demikian, di sini sebagai Menteri Sumber Manusia yang dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mempunyai *wisdom* dengan bangga dan sukacitanya memaklumkan bahawa negara kita jatuh di bawah kategori ini. Terima kasih. *[Ketawa]*

*You laugh never mind. One day I laugh at you.* Sehingga Ogos 2013, seramai 422,248 orang telah mendaftar sebagai pencari kerja aktif di Jabatan Tenaga Kerja. Daripada jumlah ini, seramai 233,065 orang merupakan 55.2% pencari kerja aktif adalah siswazah dan selebihnya seramai 189,183 orang merupakan 44.8% adalah bukan siswazah.

Tuan Yang di-Pertua, pecahan pencari kerja siswazah dan bukan siswazah sehingga Ogos tahun ini adalah siswazah berjumlah 233 orang. Seramai 223,065 orang merupakan 50.2%. Bukan ijazah – 189,183 orang merupakan 44.8%. Jumlah pencari kerja siswazah dan bukan siswazah sehingga Ogos tahun ini berjumlah 422,248 orang iaitu 100%.

Kementerian Sumber Manusia iaitu kementerian saya, melalui 12 aktiviti program penempatan pekerja atau 3P, komited melakukan penjodohan pekerjaan antara pencari kerja dan majikan yang menawarkan kekosongan jawatan dan akhirnya menempatkan pekerjaan berjaya dilakukan. Bagi tahun ini sehingga Ogos 2013 seramai 155,299 orang siswazah dan bukan siswazah telah berjaya ditempatkan. Pencapaian aktiviti penempatan adalah seperti di Jadual 2.

- (i) Portal JobsMalaysia
- (ii) Karnival Pekerjaan
- (iii) Penempatan Kerjasama Agensi Pekerja Swasta
- (iv) Temu duga Terbuka

- (v) *Night Career Fair*
- (vi) *Holiday Placement for Students*
- (vii) Penempatan Melalui *Client's Account*
- (viii) Penempatan Melalui Agensi Luar
- (ix) *Employability Program*
- (x) Penempatan Separa Masa
- (xi) Program Khas
- (xii) Integriti Sektor Awam

Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah itu aktiviti penempatan berkenaan atau *Client's Account* adalah penyumbang penempatan terbesar iaitu sebanyak 42,823 merupakan 27.6% penempatan pekerjaan.

#### ■1100

Manakala *Portal JobsMalaysia* pula menyumbang kedua terbanyak dengan 23,251 merupakan 15% penempatan pekerjaan. *Activity Employability Programme* dan *Holiday Replacement for Student* adalah paling sedikit penempatan dilakukan dengan masing-masing 1,459 merupakan 0.9% dan 1,020 merupakan 0.7% penempatan pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini Kementerian Sumber Manusia telah mewujudkan 17 *JobsMalaysia Centre* (JMC) di seluruh negara bagi membantu siswazah-siswazah ini dalam mencari pekerjaan yang bersesuaian dengan mereka. Siswazah-siswazah ini akan dibantu dalam carian kerja melalui *Portal JobsMalaysia* berserta dengan *tips* yang berkenaan. Mereka juga akan dibantu dalam mempersiapkan diri untuk menghadiri temu duga dan penyediaan *resume*. Selain itu JMC dari semasa ke semasa akan membuat temu duga terbuka dan beroperasi pada hari Sabtu bagi memaksimumkan perkhidmatan awam.

Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini, baru minggu lepas Kementerian Sumber Manusia telah mengadakan satu ekspo dan karnival yang telah dinamakan Karnival dan Ekspo Kemahiran Kebangsaan. Selain daripada agensi-agensi kerajaan yang terlibat, 33 syarikat telah membuka *exhibition centre* masing-masing di mana mereka telah menawarkan pekerjaan berjumlah 3,266 untuk peluang pekerjaan. Dari jumlah yang ditawarkan itu, dalam keempat-empat hari Karnival dan Ekspo Kemahiran Kebangsaan tersebut, seramai 490 orang telah mendapat pekerjaan serta-merta dan selebihnya, syarikat masing-masing akan membawa *resume* mereka untuk diteliti dan untuk diambil tindakan seterusnya. Sekian, terima kasih.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih kepada pihak kerajaan kerana telah menggambarkan kerajaan kita stabil, peratus pengangguran cuma 3% tetapi 400,011 bukan jumlah yang kecil. Berapa ramai ibu bapa kita di kampung-kampung, di bandar-bandar yang anak-anak mereka keluar dari universiti dan tidak dapat kerja, mungkin tiga tahun, empat tahun dan sehingga terpaksa buat kerja sendiri.

Soalan saya, adakah Kementerian sumber Manusia akan menjadi satu kementerian yang menjadi badan yang menghubungkan antara JPA, Kementerian Pendidikan dan lain-lain kementerian termasuk pihak swasta untuk memastikan semua siswazah yang keluar daripada

IPTA ataupun IPTS boleh dibekalkan tenaga kerja ke seluruh negara. Seterusnya, bolehkah kerajaan menjalankan semula kegiatan iaitu Skim Khidmat Siswazah (SKS), maknanya setiap siswazah yang keluar daripada universiti terus diberi kerja oleh kerajaan. Dalam tempoh setahun kerajaan menyediakan peluang pekerjaan sama ada di swasta ataupun di pihak kerajaan. Minta kerajaan jawab.

**Datuk Richard Riot anak Jaem:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itu soalan yang amat bernes, amat baik. Sebenarnya untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, Kementerian Sumber Manusia bukan sahaja kementerian yang dipertanggungjawabkan untuk memberi latihan dan sebagainya kepada para pekerja atau lepasan sekolah kita termasuk yang berijazah.

Kita mempunyai Kementerian Pendidikan, kita mempunyai Kementerian Belia dan Sukan dan dua tiga lagi kementerian yang lain dan berganding bahu termasuk dengan Kementerian Kerja Raya. Berganding bahu dengan kementerian-kementerian ini dan dengan sembilan buah kementerian yang lain, kita berharap kita akan dapat memberi dan menyediakan pekerjaan kepada graduan yang keluar daripada universiti masing-masing. Akan tetapi tidak dinafikan di sini bahawa tidak ada di seluruh dunia yang setiap pemegang ijazah akan mendapat pekerjaan, tidak ada. *There is no country in the world which can offer 100% jobs to those university graduates.* Terima kasih.

**6. Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, berapakah bilangan permohonan Perintah Perlindungan Interim (IPO) yang diterima dan ditolak majistret dari 1 Januari 2010 sehingga 31 Julai 2013 mengikut negeri serta suspek yang ditahan kerana melanggar IPO.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat amat prihatin dan memandang serius akan kes keganasan rumah tangga yang berlaku di negara ini. Sesungguhnya sebarang konflik dan cabaran rumah tangga perlu diselesaikan dengan cara yang berhemah dan bijak tanpa melibatkan keganasan berbentuk fizikal, psikologi dan mental. Sama ada kepada suami, isteri, anak-anak ataupun keluarga.

Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), bilangan permohonan Perintah Perlindungan Interim (IPO) daripada mahkamah yang dibuat melalui JKM dan diluluskan oleh mahkamah dari 1 Januari 2010 hingga Julai 2013 adalah sebanyak 1,062. Tiada permohonan yang ditolak di IPO yang dimohon melalui JKM. Daripada jumlah tersebut pecahan permohonan IPO mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Kes
2010	356
2011	325
2012	301
Hingga Ogos 2013	80

Manakala mengikut jantina bagi tempoh yang sama 52 permohonan IPO adalah dibuat oleh mangsa lelaki dan 1,000 dan yang seterusnya adalah permohonan dibuat oleh mangsa perempuan. Statistik mengikut negeri kerana panjang untuk saya baca Yang Berhormat, nanti saya bagi secara bertulis tetapi saya bagi sahaja jumlah keseluruhannya bagi negeri-negeri:

Negeri	Jumlah Kes
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	119
Selangor	345
Pulau Pinang	118
Johor	280
Melaka	30
Negeri Sembilan	28
Perak	37
Pahang	44
Terengganu	9
Kelantan	17
Kedah	71
Perlis	1
Sabah	44
Sarawak	9
Wilayah Persekutuan Labuan	10

Berdasarkan statistik yang ada, jelas bahawa bilangan kes untuk IPO menurun daripada tahun ke tahun. Ini menunjukkan sekali gus bahawa kempen dan program yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkesan untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat. Terima kasih.

**Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Walaupun angka-angka itu adalah menurun namun demikian saya percaya bahawa banyak kes-kes keganasan rumah tangga yang tidak dilaporkan atau dibawa ke tengah terutamanya oleh para isteri dan orang perempuan. Jadi, angka-angka ini adalah angka-angka luaran.

Namun demikian, kita lihat baru-baru ini kes keganasan rumah tangga tidak sahaja terjadi di dalam rumah tetapi di luar juga terjadi ya, yang mana kemungkinan wanita ini tidak ada saluran mengadu dan sebagainya. Jadi usaha harus dipertingkatkan agar lebih banyak lagi maklumat mengenai bagaimana mereka hendak menyalurkan aduan mereka.

#### ■1110

Saya juga hendak bertanya kepada kementerian, apakah kementerian tingkatkan OSC di tempat-tempat hospital yang ada *one-stop centre* yang mana menjadi tempat rujukan mangsa-

mangsa keganasan rumah tangga ini agar lebih bersepadu kerana mangsa-mangsa ini harus membuat laporan *medical* dan kena pergi ke balai polis, kena pergi ke JKM. Jadi, tidak ada satu khidmat yang bersepadu.

Yang saya ingin tekankan di sini juga, Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah apabila mangsa kena membuat laporan polis, soal siasat mangsa itu dalam keadaan terdedah. Ini akan mengaibkan mangsa. Pegawai-pegawai polis dan pengadu-pengadu yang lain akan mendengar masalah rumah tangga. Jadi, ini sesuatu yang saya minta agar pihak kementerian mengadakan mungkin seorang *officer* yang tahu dari *A to Z* tentang hal ini diletakkan di *one stop centre*. Jadi, tidak payahlah pengadu ini atau mangsa ini kena *hop from one place to one place. Make it real at one stop centre*. Terima kasih.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Nampaknya Yang Berhormat telah membuat satu cadangan yang baik. Kementerian akan mengambil perhatian. Ini satu cadangan yang baik dan tentunya kita akan laksanakan *one stop centre* ini. Akan tetapi ingin saya maklumkan bahawa di setiap hospital memang ada pegawai kebajikan kita di mana sebarang mangsa yang terlibat dengan keganasan ini boleh membuat laporan. Daripada situ, tindakan akan terus dilaksanakan.

Memang di PDRM pun ada pegawai khas untuk mangsa-mangsa keganasan ini yang ditugaskan untuk tugas yang spesifik ini. Pegawai ini adalah seorang wanita. Tidak ada masalah dan penyiasatan juga akan dibuat, ada bilik-bilik tertentu dan bukannya terdedah kepada umum. Apapun, terima kasih atas cadangan Yang Berhormat tadi.

**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana ia melibatkan soal institusi kekeluargaan. Soalan saya, apakah jangka tempoh masa untuk mahkamah keluarkan IPO bila ada permohonan dan adakah semua mahkamah mempunyai staf yang terlatih untuk melaksanakan IPO ini untuk menjaga isteri ataupun ahli keluarga yang didera. Terima kasih.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan tadi. Mahkamah tentunya apabila telah dibawa permohonan, akan membuat keputusannya secepat mungkin. Itu adalah tanggungjawab mahkamah. Kedua-dua adalah berkaitan dengan... Apa tadi, Yang Berhormat? Soalan kedua tadi?

**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Soalan saya, adakah semua mahkamah mempunyai staf terlatih untuk melaksanakan IPO ini untuk menjaga isteri atau ahli keluarga yang didera? Terima kasih.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih. Tanggungjawab mahkamah ialah untuk membuat perintah. *Interim Protection Order* dan *Interim Protection Order* ini adalah dibuat di hadapan seorang majistret yang terlatih. Jadi, tentulah dia sudah cukup. Dia mempunyai ijazah undang-undang, kemudian dilantik sebagai majistret dan diberikan latihan yang secukupnya. Jadi, tidak ada masalah.

7. **Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah kementerian bercadang untuk menggunakan sistem merit mengikut kaum dan kawasan di Malaysia untuk kemasukan pelajar ke IPTA dan sekiranya ada, bilakah ia akan dilaksanakan.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya bagi pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, saya ingin mengucapkan syabas dan berjaya kepada 462,940 orang pelajar yang akan menduduki peperiksaan PMR di 3,530 pusat peperiksaan di seluruh negara. Saya berdoa agar semua murid-murid akan mencapai kejayaan yang cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat, selaras dengan keputusan kerajaan pada tahun 2002, dasar pengambilan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dilaksanakan berasaskan prinsip meritokrasi bagi menggantikan dasar pengambilan mengikut kuota kaum yang diguna pakai sebelumnya. Dasar meritokrasi ini dilaksanakan dengan mengguna pakai 90% markah akademik dan 10% markah kurikulum untuk menjana markah merit pelajar. Sejak dasar ini diperkenalkan, ia telah diterima baik oleh masyarakat sebagai sistem yang telus, dinamik dan adil. Ini kerana memberi peluang pendidikan tinggi yang luas kepada calon yang layak dan memenuhi syarat bagi mengikuti sesuatu program pengajian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan memberi keistimewaan kepada atlet yang menyumbang bakti untuk negeri dan negara serta golongan masyarakat *socially disadvantaged*, dengan izin, seperti Orang Asli dan orang kelainan upaya dengan menyediakan laluan khas dalam proses permohonan kemasukan ke IPTA, politeknik, kolej komuniti dan institusi latihan kemahiran awam. Perlu dijelaskan bahawa laluan khas yang disediakan ini adalah melalui proses pemilihan mengikut kumpulan mereka. Pada masa ini Kementerian Pendidikan Malaysia belum bercadang untuk menggantikan sistem meritokrasi dengan sistem lain. Seperti mana sebelum ini berdasarkan prinsip meritokrasi semua pelajar yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama dan taraf hidup tidak akan dinafikan peluang untuk ditawarkan tempat pengajian di IPTA. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada kerajaan kerana memperkenalkan sistem meritokrasi sejak tahun 2002 yang memberikan peluang sama rata. Akan tetapi kalau kita melihat setelah ia dilaksanakan lebih daripada sepuluh tahun, apakah kesan-kesan yang dilihat telah berlaku. Khususnya dari segi taburan pelajar-pelajar yang memasuki IPTA mengikut kawasan ataupun lebih mudah kita katakan mengikut negeri.

Contohnya, kalau pelajar-pelajar perlu bersaing semata-mata berlandaskan kepada meritokrasi sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, 90% markah diambil daripada meritokrasi. Apa jadi dengan pelajar-pelajar yang datang daripada kawasan luar bandar atau negeri-negeri lain seperti dari Sabah, Sarawak yang mana kemungkinan kekuatan untuk bersaing bagi mendapatkan markah meritokrasi yang tinggi agak begitu sukar.

Jadi, apakah kita boleh melihat bahawa pelajar-pelajar IPTA ini kebanyakannya daripada pelajar-pelajar bandar yang mendapat kemudahan-kemudahan pembelajaran yang lebih baik

sehingga mereka mempunyai markah akademik yang tinggi berbanding dengan pelajar-pelajar dari luar bandar dan juga negeri-negeri yang kurang kemudahan pendidikan sebagaimana di bandar. Apakah taburan pelajar-pelajar yang memasuki IPTA ini mendapat hak yang sama. Sebab itu saya ingin menyuarakan pandangan ini kepada pihak kerajaan. Selain daripada kita menggunakan sistem meritokrasi ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, bolehlah soalan. Sudah dua kali soalan Yang Berhormat ya?

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Jadi, soalan saya. Okey, saya tukar jadi soalan. Apakah kerajaan mempunyai cadangan untuk menggunakan sistem merit dan juga mengambil kira merit mengikut kawasan geografi supaya lebih ramai pelajar-pelajar daripada negeri-negeri kita ini mendapat peluang yang sama rata. Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sedar bahawa ada jurang di antara pelajar-pelajar di bandar dan juga luar bandar. Akan tetapi harus saya nyatakan di sini bahawa pelajar-pelajar yang ada di IPTA buat masa ini daripada bandar dan luar bandar amat setara. Ramai pelajar-pelajar dari luar bandar telah berjaya melayakkan diri ke IPTA menggunakan syarat-syarat yang dikenakan tetapi lebih banyak lagi peluang akan mereka dapat sekiranya mungkin mereka mendapat satu cara—*the bridging of rural and urban*, dengan izin. Cadangan yang diberi oleh Yang Berhormat, saya terima. Mungkin sistem geografi negara kita ini tetapi kita juga mengambil kira bahawa kita akan sentiasa cuba, dalam proses sekarang kita untuk mengurangkan jurang di antara pelajar-pelajar bandar dan juga luar bandar.

#### ■1120

Kita memberi penekanan ini dalam masa yang terdekat dan jurang di antara bandar dan luar bandar akan kita kurangkan sama sekali. Maka akan ada satu persaingan yang lebih setaraf. Itu perancangan kita.

Untuk maklumat terperinci mengikut taburan dari negeri ke negeri, saya mohon maaf, buat masa ini saya tidak ada maklumat itu bersama saya. Sekiranya perlu saya akan beri maklumat ini secara terperinci kepada Yang Berhormat dalam masa yang terdekat ini. Akan tetapi ingin saya mengesahkan di sini, pelajar-pelajar luar bandar tidak kurang kehebatan mereka dalam segi akademik dan kokurikulum dan mereka boleh bertanding berdasarkan kepada merit akademik dan kokurikulum dengan pelajar-pelajar di bandar juga. Sekian, terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak tanya tentang meritokrasi kemasukan IPTA melalui sistem meritokrasi. Sekarang ini kita ada dua sistem. Satu STPM, satu matrikulasi. Akan tetapi, sekarang ini kita tidak tahu bagaimana ia berfungsi.

Contohnya kalau kita hendak dapatkan satu kemasukan yang adil, ia haruslah *compare apple to apple*. Kalau yang melalui STPM, dia kena *compare among STPM* dan yang matrikulasi mengikut matrikulasi. Akan tetapi yang setakat kita tahu bahawa dia sebenarnya akan *compare* kedua-dua sekali melalui sistem meritokrasi. Itu menyebabkan rungutan daripada pelajar dan juga

Ahli Yang Berhormat dari Ayer Hitam juga rasa tidak puas hati kerana ramainya yang layak tidak dapat masuk terutamanya daripada golongan bukan bumiputera dan juga dari yang kawasan-kawasan luar bandar.

Saya hendak bagi contoh, kalau seorang daripada bumiputera Sabah atau Sarawak mereka tidak mahu masuk ke matrikulasi kerana kena belanja besar, kena pergi ke bandar, maka mereka pergi mengikut STPM.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Jadi, akhirnya sikit sahaja. Akhirnya mereka tidak dapat masuk ke IPTA kerana *qualification* STPM itu lebih susah hendak masuk IPTA. Jadi ini adalah berlaku ketidakadilan. Jadi saya ingin minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimana boleh menjadikannya adil. Kalau boleh satukan sistem STPM dan matrikulasi. Apa perancangan kerajaan tentang isu ini? Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cadangan yang diberikan oleh Yang Berhormat sebentar tadi memang adalah satu cadangan yang disarankan oleh ramai. Kita ambil kira cadangan tersebut dan buat masa ini tidak ada masalah kerana memang kelayakan masuk ke IPTA daripada matrikulasi dengan STPM walaupun menggunakan dua saluran, kita mempunyai pelajar-pelajar yang memang layak masuk ke IPTA. Cadangan yang telah diberi oleh Yang Berhormat sama ada kita hendak buat satu serasikan, cadangan yang baik akan kita buat kajian dan sekiranya perlu, kita akan pertimbangkan. Terima kasih.

8. **Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah kementerian akan membenarkan pihak CTOS meneruskan operasi menyimpan maklumat peribadi dalam data maklumat mereka dan digunakan secara tidak wajar untuk tujuan perniagaan atau keuntungan yang lumayan; dan
- (b) adakah kementerian sedar bahawa perniagaan yang CTOS jalankan adalah melibatkan pencerobohan privasi peribadi seseorang.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Sepang. Kerajaan tidak mempunyai sebarang kuasa untuk menghalang syarikat CTOS Data System Sdn. Bhd. beroperasi kerana syarikat tersebut telah berdaftar secara sah di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk menjalankan perniagaan pengumpulan maklumat kredit. Penubuhan agensi pelaporan kredit swasta seperti CTOS Data System Sdn. Bhd. adalah bertujuan untuk membekalkan liputan dan kandungan meluas melalui maklumat yang diperoleh dari sumber-sumber awam seperti surat khabar, Warta Kerajaan dan carian maklumat di Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Maklumat-maklumat yang dizahirkan di dalam laporan kredit tersebut merangkumi maklumat litigasi syarikat-syarikat telekomunikasi dan utiliti serta pembekal-pembekal perdagangan. Perkongsian maklumat ini diperoleh dari sumber-sumber awam dan merupakan

salah satu aspek penting yang telah memudahkan dan mempercepatkan proses permohonan pinjaman peminjam, meningkatkan akses peminjam kepada peluang pinjaman, serta menurunkan kos pinjaman.

Dakwaan yang mengatakan bahawa perniagaan CTOS Data System Sdn. Bhd. melibatkan pencerobohan privasi seseorang adalah tidak berbangkit. Ini adalah kerana maklumat yang dikumpul oleh CTOS adalah diperoleh melalui sumber-sumber awam yang boleh dicapai oleh mana-mana pihak. Maka tidak timbul isu dari segi kerahsiaan maklumat pelanggan dan pencerobohan privasi peribadi seseorang.

Penggunaan khidmat agensi pelaporan kredit pula dilihat dari pelbagai aspek. Secara dasarnya, maklumat daripada agensi pelaporan kredit hanyalah satu daripada pelbagai maklumat yang diguna pakai oleh institusi kewangan bagi memudahkan dan mempercepatkan proses permohonan pinjaman. Bagi sebahagian besar peminjam, maklumat tersebut juga merupakan nilai tambah yang telah meningkatkan akses mereka kepada pinjaman, menurunkan kos pinjaman serta membantu memastikan peminjam tidak menanggung bebanan hutang yang keterlaluan.

Terdapat lebih daripada 25 agensi pelaporan kredit swasta yang ada dalam pelbagai peringkat rangkaian dan sektor perniagaan di Malaysia. Daripada jumlah tersebut, hanya enam agensi pelaporan kredit yang telah dikenal pasti sebagai pesaing utama dalam industri pelaporan kredit iaitu CTOS Data System Sdn. Bhd., Kredit Biro Malaysia Sdn. Bhd., RAM Credit Information Sdn. Bhd., Dun & Bradstreet Malaysia Sdn. Bhd., Financial Information Service Sdn. Bhd. (FIS) dan Basis Corporation Sdn. Bhd. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin minta penjelasan apabila Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa apa yang perniagaan CTOS ini bukan satu perniagaan yang boleh dikatakan tidak bertentangan dengan undang-undang. Persoalannya, kenapakah kerajaan sendiri telah pun menggubal satu akta, Data Protection Act 2010 di mana akta ini telah dikemukakan, telah diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri Multimedia dan Penerangan bahawa ia telah pun berkuat kuasa bermula pada 16 Ogos 2013. Di mana saya percaya bahawa Data Protection Act 2010 ini telah pun digubal oleh Parlimen ini untuk antara lain, sebagai respons ke atas aduan-aduan rakyat berkaitan dengan perkhidmatan CTOS ini.

Kita masih ingat lagi pertembungan antara Yang Berhormat Menteri dengan pihak CTOS dan melibatkan pendakwaan juga ke atas beberapa orang individu di dalam CTOS. Jadi persoalannya, saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Menteri sedar atau tidak daftar SSM ia mempunyai tujuh *principle*. Antaranya, *principle* tentang penyimpanan maklumat ini. Apa yang selalu menjadi masalah ialah CTOS ini, saya akui memang dia mengambil daripada tempat awam tetapi masalahnya ialah digunakan untuk keuntungan dan masalahnya juga ialah data-data ini kadang-kadang tidak di *update*. Sebagai contoh, hanya kerana orang itu di saman dan ada dalam iklan, dia tidak semestinya dianggap sebagai orang yang telah pun tidak mempunyai kemampuan untuk bayar hutang. *[Dewan riuh]* Akan tetapi maklum, ini melibatkan masalah rakyat. sebab itu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Soalan, soalan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Soalannya adalah kenapakah, adakah Data Protection Act ini akan terpakai juga kepada pihak CTOS? Itu soalan dia. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Sepang. Ini adalah Akta Agensi Pelaporan Kredit Tahun 2010 ada di tangan saya dan juga Warta Kerajaan Persekutuan – Peraturan-peraturan Agensi Pelaporan Kredit.

Antara perkara-perkara yang di dalam akta itu ialah CTOS dan juga yang lain-lain tidak dibenarkan mengenakan sebarang fi atau bayaran terhadap individu yang ingin membetulkan atau mengemas kini maklumat yang terdapat dalam pangkalan data CTOS. Selain daripada itu, CTOS dan yang lain-lain hendaklah mengemas kini status kes individu yang terlibat.

Selain daripada itu, ia juga perlu mengeluarkan data individu berkaitan setelah diberisihkan dalam masa dua tahun dan apabila perkara data itu ingin diminta oleh mana-mana bank, CTOS dan lain-lain syarikat itu hendaklah meminta kebenaran terlebih dahulu daripada individu yang berkaitan. Kalau individu berkaitan tidak benarkan, maka tidak boleh. Itu sebahagian daripada akta. Jika operasi tanpa daftar misalnya berlaku daripada syarikat-syarikat yang berkaitan, mereka boleh dikenakan denda RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun.

### ■1130

Kemudian jika melanggar peruntukan-peruntukan tertentu, contoh agensi-agensi ini, syarikat-syarikat pelaporan kredit ini tidak meminta kebenaran untuk menzahirkan maklumat individu daripada individu berkaitan kepada pihak ketiga, maka mereka juga boleh didenda antara RM250,000 hingga RM500,000. Jadi semua perkara-perkara ini ada dalam akta yang berkaitan dan tujuannya tidak lain adalah untuk memastikan pengguna dilindungi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Setakat itulah sesi soal jawab untuk pagi ini.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

## **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

### **RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA (PINDAAN) 2013**

#### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya 1952; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.31 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan,

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), saya mohon mencadangkan bahawa Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 dibahaskan dan diputuskan serta sehingga selesai Ucapan-ucapan Penangguhan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 3 Oktober 2013.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN JENAYAH  
(PINDAAN DAN PEMERLUASAN) 2013**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah, “Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” **[1 Oktober 2013]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Baling, panjang lagikah Yang Berhormat.

**11.33 pg.**

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ada sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Okey.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam perpaduan, salam 1Malaysia. Saya mengucapkan jutaan terima kasih kerana diberi peluang untuk meneruskan

perbahasan saya untuk menyokong Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013.

**Seorang Ahli:** Nombor?

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Nombor saya 15. Sahabat saya nombor dua, terima kasih.

Secara holistiknya jenayah menunjukkan penurunan, namun terdapat peningkatan jenayah berat yang dipanggil jenayah indeks. Contoh, hari pertama empat insiden tembakan berlaku dalam masa 24 jam. Sehingga hari ini kongsi-kongsi gelap ataupun penjenayah-penjenayah terancang ini tidak kenal siapa mangsa. Sehingga pada 12 Julai 2013, jam 10.45 malam di Bukit Jambul, seorang kanak-kanak lelaki yang berusia empat tahun menjadi mangsa selepas ditembak oleh seorang lelaki ketika dia menemani bapanya berjumpa rakan di bawah rumah pangaspuri berkenaan malam kelmarin. Akibat kejadian itu, kanak-kanak berkenaan mengalami kecederaan parah di bahagian kaki selain kepala cedera akibat terkena serpihan peluru.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta penjelasan Yang Berhormat Baling.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya belum *warm up* lagi, tetapi apa boleh buat, bos nombor dua saya, silakan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Baling. Tuan Yang di-Pertua, kita lihat bagaimana modus operandi ketua-ketua kumpulan taiko-taiko di Seputeh kah, di mana-mana ini. Katil-katil dia, kumpulan kongsi gelap ini. Mereka bukan saja mensasarkan orang dewasa, kanak-kanak kah, perempuan ah, kalau dia sudah *target* bunuh, dia mesti bunuh. Jadi oleh sebab itu, setuju kah Yang Berhormat Baling bahawa sudah tiba masanya semua pihak termasuk puak-puak pembangkang ini yang ada niat hendak menghalang pelaksanaan akta ini, kalau boleh bersetuju untuk kepentingan orang ramai. Jangan lagi kita gunakan undang-undang yang sedikit lemah itu untuk menyekat pelaksanaan undang-undang yang sebegini. Minta Yang Berhormat Baling.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan, masuk dalam ucapan saya. Itulah perkara yang saya hendak bawa Tuan Yang di-Pertua. Kalaulah semua rakan-rakan dalam parti pembangkang pada hari ini boleh menerima, tidak perlu 3 hari hingga 4 hari kita hendak hilang suara tekak untuk bincang. Akhirnya, kita kena akur dengan kekangan-kekangan pada hari ini yang kita hadapi.

Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat Baling, boleh minta mencelah sedikit.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sekejap. Saya belum, mukadimah pun belum lagi.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Sedikit saja.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Itu saya bagi timbalan bos saya, *you* bukan bos saya. Duduk sekejap. Saya hendak bagi tahu ....

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Ikon Tuan Yang di-Pertua. Jadi Pak turutlah.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sekejap. Tidak apa-apa. Pak turut pun itu hak Yang Berhormat Baling, bukan hak sana. Jadi apa pun, pada hemah saya kalau kita tengok 43 orang telah menjadi mangsa, 22 orang nyawa terkorban, 21 kecederaan. Penjenayah-penjenayah hari ini bermaharajalela tanpa pedulikan peraturan, undang-undang. Penjenayah-penjenayah ini melakukan apa yang mereka suka.

Jadi saya di kesempatan ini, saya hendak mintalah Dewan yang mulia ini kita kaji, kita bincang secara holistik. Saya di kesempatan ini, saya sentiasa menyatakan terima kasih kepada pihak PDRM, KDN, Menterinya dan juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang begitu prihatin mendengar denyutan nadi rakyat pada hari ini di seluruh mana-mana. Di kawasan saya Baling. Walaupun di kawasan luar bandar pun, rakyat sudah takut. Datang mahu panggil kenduri pun takut. Datuk boleh keluar kah, sebab di Kulim sudah kena tembak. Takut itu penjenayah datang ke Baling.

Jadi ini yang diperkatakan merata tempat oleh rakyat. Jadi saya pada kesempatan pada pagi yang mulia ini saya diberi peluang, apa salahnya kita memberikan kepada rang undang-undang ini kita luluskan. Padahal setiap tahun Menteri KDN boleh membawa masuk ke dalam mesyuarat untuk kita bincangkan sama ada keberkesanan rang undang-undang yang kita pinda ini. Bukan setakat itu, lima tahun lagi pun kita boleh tentukan sama ada rang undang-undang ini *significant* dengan izin, atau tidak, boleh kita perlu pakai atau tidak.

Ini kerana ternyata dalam Akta 297, seksyen 19E dan 19F menyatakan tahun hadapan setiap tahun Menteri KDN kena membawa, *submit to the Parliament Member to discuss*. Keduanya 19(f) di mana setiap lima tahun kita akan membuat *revision*. Kita akan *review* kembali untuk mengatakan sama ada perlu atau tidak. Sama dengan ISA dahulu. Waktu zaman komunis, benar kita perlukan. Setelah kita melihat ia tidak lagi perlu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan beraninya telah melupuskan ISA, ordinan darurat dan sebagainya yang mana semalam Yang Berhormat daripada Bukit Gelugor telah menyatakan, oh tidak, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melakukannya ini kerana untuk mendapat simpati undi pada Pilihan Raya yang ke-13. Itu tidak benar. Saya akan menceritakan. Saya akan hebahkan fakta yang ada pada saya. Silakan Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Baling. Saya hendak minta pandangan sikit daripada Yang Berhormat Baling mengenai tadi saya tertarik mengenai akta ini. Memang akta ini untuk kebaikan masyarakat kita. Kita nampak pembangkang memang tidak setuju terutama sekali Yang Berhormat Seputeh. Kita tengok ataupun lihat bila polis kena bunuh dari kumpulan kongsi gelap. Akan tetapi tidak nampak pembangkang keluar protes, menunjukkan sokong polis tetapi kita hentam polis saja. Bila polis mati, biar mati. Akan tetapi kalau Teo Beng Hock mati, dia pergi protes semua. Ini bukan *double standard* kah? *Triple standard*. Ini satu.

Contoh macam di Sibu. Tiap-tiap dua bulan, tiga bulan memang ada pembunuhan. Kongsi gelap itu ada ketua duduk negeri China untuk *monitor*.

Bila dia mahu buat operasi, melalui telefon, suruh orang pergi bunuh sini, bunuh sana. Memanglah, kita tidak boleh nafi adalah segelintir polis ada kerja kongkalikung juga. Jadi, kita mestilah sepatutnya dalam masyarakat kita ataupun dari mana-mana pegawai ada kelemahan, kita soalkan. Bermakna, kalau betul memang kita mahu sokong. Ini kita tidak lihat. Macam tadi saya setuju, Yang Berhormat Baling kata kita buang masa dalam beberapa hari kita berbahas. Mula-mula dia orang tidak setuju lagi hendak lawan habis-habisan.

Akan tetapi, dia tidak lihat Yang Berhormat 'lalang' pun daripada Sibu juga. Tanya sama dia, berapa orang sudah kena bunuh daripada kongsi gelap ini. Ini kita tidak rasa kesusahan dengan mana-mana keluarga yang kena bunuh. Minta komen sedikit daripada Yang Berhormat Baling.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Beritahu Yang Berhormat Taiping ini, dia tidak faham.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya hendak bercerita sedikit berkaitan dengan kes Yang Berhormat Bintulu nyatakan tadi. Tuan Yang di-Pertua, semalam kita dengar hujah Yang Berhormat Bukit Gelugor begitu berapi-api...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat Baling, boleh mencelah?

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *After this.* Sekejap, sebentar dengan izin. Lepas ini saya bagi.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Kita pun bagi, itu pun bos.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Biar saya jawab itu dahulu, nanti saya bagi.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Itu bos nombor, bos nombor dua.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tidak apa, sekejap saya bagi.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Okey, tidak apa. Sekian, terima kasih.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Dia bukan bos, dia sahabat. Macam you juga. Yang Berhormat Bukit Gelugor semalam saya tengok Tuan Yang di-Pertua pusing tengok begini, dengar ucapan politik *law* semalam begitu baik. Sampai kita semua tidak ganggu, saya tidak ganggu langsung sebab saya menghormati otai, orang lama. Saya tidak beranak lagi, beliau sudah ada dalam Dewan yang mulia ini. Saya hormat, tabik.

Akan tetapi pada hari ini hujah saya, minggu lepas seorang Lans Koperal Azri bin Samud telah meninggal dunia, hentakan batu di Melaka. Kalau kita semua ingat seorang anggota polis sedang bertugas OPS Cantas, orang muda sedang mencuri kabel dan mereka telah ambil batu, hentak, meninggal dunia. Jenazah ini sudah di bawa balik ke Bukit Gelugor, kawasan Parlimen Bukit Gelugor. Bukan setakat tidak sebut, tidak ziarah langsung keluarganya Tuan Yang di-Pertua.

Saya ziarah Tuan Yang di-Pertua. Saya bersama-sama dengan Yang Berhormat Menteri KDN, Yang Berhormat Bagan Datok. Kita pergi ziarah, beri sumbangan, memberi motivasi. Saya melihat ibu kepada anggota polis itu menangis sampai saya bayangkan waktu itu ...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kalau saya meninggal begitulah mak saya akan menangis, meraung-raung begitu sedih. Di mana wakil rakyat daripada pembangkang.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat, boleh saya mencelah?

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Dengar. Bila kita bercakap yang benar, mereka tidak boleh terima.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Tadi kata hendak bagi.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Bila kita cakap yang benar, mereka *can't accept* dengan izin, tidak boleh terima.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat, boleh mencelah?

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sebab itulah hakikatnya Yang Berhormat Bukit Gelugor, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Bagan tidak ada. Tidak ada satu pemimpin pun yang datang ziarah. Sebelum saya masuk Dewan yang mulia ini, waktu Yang Berhormat Serdang sedang kata ijazah, saya tengah bercakap dengan ibunya. Menyatakan tidak ada. Yang datang hanya pemimpin UMNO dan Barisan Nasional *[Tepuk]*

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat, boleh minta mencelah?

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Itu terbukti. Untuk jawapan kepada Yang Berhormat Bintulu itu terbukti.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Saya hendak tanya adakah Yang Berhormat Pekan juga pun melawat apabila Yang Berhormat membuat tuduhan sedemikian?

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kalau Ben Hock atau penjenayah-penjenayah lain yang meninggal, Kugen, mereka sanggup bakar lilit. Duduk di situ sebab itu boleh dapat kes bah. Boleh bawa pergi mahkamah, ada syok bah itu dengan izin *[Tepuk]*

Jadi, itu saya nampak, peguam-pegawai yang ada itu. Itu sebab saya merasakan pihak pembangkang akan menolak rang undang-undang ini kerana mereka sudah tidak ada *income*. Baru-baru ini Yang Berhormat Padang Serai membawa, hari pertama, hari...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Yang di-Pertua, ini tidak patut lah, ini sangkaan jahat.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Hari pertama kita hendak bersidang membawa keluarga masuk...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Peraturan Mesyuarat 36(6).

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Masuk ...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Adakah ini perbahasan boleh buat tuduhan sedemikian? *[Dewan riuh]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Macam mana boleh sampai? Ini kerana dapat kes baru *[Dewan riuh]*

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jadi, cara bercakap ...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** ...Timbalan Perdana Menteri, Perdana Menteri pernah melawat mangsa-mangsa yang telah pun ditetak Tuan Yang di-Pertua?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ini kena tarik balik Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh]*

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Seputeh saya bagi laluan. Sila Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Tidak apa, saya tarik diri sebab dia tidak beri laluan.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya bagi laluan kepada Yang Berhormat Seputeh.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ada banyak lagi kes...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Yang di-Pertua, 36(6) ini sangkaan jahat daripada Yang Berhormat Baling. Dia kena tarik balik *[Dewan riuh]* Ya, saya cakap ini tidak patutlah kerana *lawyer* kita hendak ambil kes baru pergi protes dan sebagainya. Yang Berhormat kalau hendak pergi mana-mana, menangis, kamu punya hal lah *[Dewan riuh]*

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Okey, terima kasih. Saya bagi lagi satu kes tadi. Okey, itu tidak boleh terima. Saya bagi satu lagi kes tadi. Tuan Yang di-Pertua, pada 2 April 2012...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat Baling, boleh mencelah.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Selepas ini, tadi / hendak bagi *you* tidak tengok sini. Sekejap, selepas saya cerita ini saya bagi *you* Tuan Yang di-Pertua, 2 April 2002 satu tragedi letupan bom di Plaza Lee Garden Hatyai telah berlaku Tuan Yang di-Pertua. Waktu itu Tuan Yang di-Pertua kerajaan negeri Kedah adalah kerajaan PAS. Kerajaan negeri Pulau Pinang adalah kerajaan DAP, masih lagi DAP memerintah.

Apa yang berlaku hendak membuktikan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor semalam yang Perdana Menteri menghapuskan ISA dan sebagainya adalah kerana untuk meraih undi dalam pilihan raya yang kedua belas dahulu. Saya hendak perbetulkan. Ini terbukti nyata dan jelas, Perdana Menteri telah mengatakan kepada NGO suruh pergi ke sana membawa balik semua mangsa-mangsa, rakyat Malaysia. Kita semua tahu waktu itu semuanya adalah warga Malaysia yang berketurunan kaum Cina daripada Pulau Pinang dan negeri Kedah.

Jadi Tuan Yang di-Pertua ini gambarnya. Kalau Tuan Yang di-Pertua hendak saya boleh bagi. Kita susun 11 buah ambulans. Kelab Putra 1Malaysia bergegas pada malam yang sama sampai ke hospital di Songkla berjumpa dengan semua 30 mangsa. Semuanya China, Tuan Yang di-Pertua. Kita membawa mereka keluar, letakkan di Hospital Alor Setar, Bukit Mertajam, Hospital Universiti Malaya...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Publisiti murah.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kita melakukannya kerana apa? Kerana rakyat didahulukan, bukan ada kepentingan politik *[Tepuk]* Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua negeri Pulau Pinang kita masih kalah. Tidak apa, kita akan teruskan usaha-usaha murni, *noble idea*, dengan izin. Inilah arahan, keprihatinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya menyatakan ini atas fakta. Ada satu daripada Yang Berhormat daripada parti pembangkang masuk

bantu misi bantuan ini. Sebab apa tidak? Sebab tidak ada kes bah, tidak ada boleh ambil kes lawyer bah, ini tidak ada keuntungan. Ini adalah untuk kita menyelamatkan.

Jadi, saya berdiri di sini sebagai seorang aktivis yang memperjuangkan hak asasi manusia. Balik kepada rang undang-undang yang kita hendak pinda. Saya, *angle* saya dengan izin mudah. Saya tidak mahu rakyat dianiaya, saya tidak mahu rakyat mati. Minta ampun izin saya hendak bercakap ini. Anjing di tengah jalan pun tidak boleh kita tembak sewenang-wenangnya, walaupun berkurap satu badan kita kena tangkap. Apatah nyawa manusia kita tembak sewenang-wenangnya [*Tepuk*] Jadi, dalam kesimpulan yang saya hendak buat pada pagi yang mulia ini, pada rakan-rakan saya kita memperjuangkan satu aliran. Kita di bawah bumbung dewan yang mulia ini

...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Sekarang boleh mencelah, boleh?

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Silakan.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Terima kasih Yang Berhormat Baling, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya, apabila saya dengar dengan teliti apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat Baling, Pakatan Rakyat turut bersympati kepada mangsa-mangsa jenayah. Kita juga sokong usaha polis untuk menjaga keselamatan masyarakat dan negara tetapi isu di sini adalah sama ada mereka yang disyaki mempunyai *right to counsel, right to legally presentation, right to judicial review, right to fair trial*. Inilah isunya. Bukannya merepek kata tuduh sini tuduh sana.

Adakah Yang Berhormat setuju Malaysia sebagai Ahli Jawatankuasa *Human Right Council* di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu adalah penting kita menghormati hak asasi manusia supaya semua rakyat tidak kiranya siapa adalah sama di sisi undang-undang. *Everyone is equal before the eyes of the law.* Adakah Yang Berhormat setuju? Yang Berhormat juga berhak kepada *right to legally presentation, right to judicial review, right to fair trial*. Inilah isunya. Adakah Yang Berhormat setuju?

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Yang Berhormat Taiping, hebat! Satu hujah yang hebat tetapi sekarang ini kita sedang berhujah berkaitan dengan kongsi gelap yang tegar. Kita sedang berhujah berkaitan dengan pengedaran dadah yang begitu berleluasa. Kita sedang berhujah kepada dagangan manusia. Saya hendak beritahu Yang Berhormat Taiping, saya ini bercakap ini, saya berdiri di atas ini atas aktivis yang melaksanakan praktikal. Bukan teori macam Yang Berhormat Taiping.

Saya hendak beritahu berapa kes yang kita sudah tolong anak gadis Malaysia, suri rumah tangga Malaysia yang menjadi keldai dadah yang tidak berdosa, yang tidak tahu bahawa mereka membawa tuala, kain baju itu telah dicelup dengan *chemical* dadah.

■1150

Yang Berhormat Taiping tahu saya pergi ke Peru bawa balik lima orang. Saya pergi ke Vietnam bawa balik, saya pergi ke Myanmar. Ini kerana apa? Ini kerana kita harus memperjuangkan hak asasi manusia [*Tepuk*]

Kita hendak bincang pada hari ini kita mesti ada fakta bukan teori. Jadi, saya setuju...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat...

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** ...Akan tetapi kita harus membuat pindaan rang undang-undang.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat, saya tanya lain Yang Berhormat jawab lain. Tidak apalah, sudahlah inilah standard dia.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ini kerana Yang Berhormat Taiping tadi lawan saya. *You have never been to one country*, dengan izin. Saya sudah 32 negara pergi menyelamat rakyat Malaysia. *You can't even talk with me! [Tepuk]*

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Labuan, Labuan celah Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jangan. Kalau sedap hendak cakap hendak syok tidak payah. Bukan semestinya *lawyer* yang hebat dalam teori, orang yang macam saya bukan *lawyer* tapi praktikal saya lebih hebat daripada Yang Berhormat Taiping.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Labuan celah Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ini yang benar. Saya hendak menyatakan di sini kita...

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Ya lah, ya lah.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** ...Kita hendak lakukan. Itulah bila cakap susah hati...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Ini kempen pilihan parti UMNO lah.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tidak, ini ustaz Yang Berhormat Lumut ini. Kita kena bercakap yang bersandarkan *[Bercakap dalam bahasa Arab]* Bercakaplah kamu walaupun pahit hendak dengar ustaz. Ustaz orang baik. Jeneral yang tahu agama. Bila saya cakap yang betul kata yalah dan sebagainya. Tidak baik. Yang betul *qulil'haq*. Yang betul, betul. Yang tidak betul, tidak betullah. Jadi, saya hendak menyatakan di sini apa yang kita sedang memperjuangkan? Kita hendak memperjuangkan untuk menyelamatkan rakyat Malaysia yang matinya tiba-tiba. Setiap hari saya tidak pernah mendengar, buka surat khabar, saya takut siapa lagi mati kena tembak. Tuan Yang di-Pertua, *today can be me, can be other all of us, one of us* baru kita hendak sibuk. Tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Baling.

**Tuan Rozman bin Isli:** Yang Berhormat...

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyatakan di sini...

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Labuan, Labuan.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sila, Yang Berhormat Labuan

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Yang Berhormat Baling. Tuan Yang di-Pertua, kita perlukan senjata yang kuat untuk memerangi musuh yang kuat. Jenayah terancang ini adalah sinonim dengan mafia, *triads*, yakuza dan bermacam-macam nama lagi termasuk di Malaysia juga yang mempunyai nama yang mungkin berbeza tetapi mempunyai kekuatan ataupun tujuan yang sama. Ianya amat menakutkan sebenarnya.

Kita jangan pandang rendah. Kita jangan *under estimate*, dengan izin, kekuatan mereka. Mereka mempunyai kekuatan ekonomi, mereka akan mempertahankan ataupun akan berperang dengan menggunakan semua senjata. Senjata yang *legal* dan senjata yang *illegal*. Mereka menguasai *underground economy* seperti dadah yang satu *trade* yang bukan sahaja akan memperkuatkan ekonomi mereka tetapi juga yang akan merosakkan negara dan masyarakat. *Prostitution!* Kalau hendak sebut macam-macamlah - *drug trafficking, human trafficking, counterfeit, loan shark king, auto theft, underling, extortion, gambling, contract killing, money laundering*, bermacam-macam.

Kerosakan yang mereka boleh bawa sebenarnya amat dahsyat. Mereka ini bukanlah musuh yang kita akan berperang secara berhadapan seperti kalau kita di *invade* oleh negara lain tetapi mereka menyerang dari dalam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Labuan, Yang Berhormat Labuan duduk dahulu Yang Berhormat. Yang Berhormat Labuan.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** ...Saya hendak berkongsi pendapat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dahulu. Ahli Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 37(1)(a) dan (b) apabila seorang Ahli Yang Berhormat sedang berhujah seperti Yang Berhormat Baling tadi dia boleh diganggu dengan dua perkara. 37(1)(a) *Point of Order*. 37(1)(b) kalau minta penjelasan. Saya perhatikan apabila seseorang itu minta penjelasan dia bukan minta penjelasan kepada perkara yang dia tidak faham ataupun perlu untuk diberi penerangan lanjut. Dia pula buat input-input perkara baru. Yang Berhormat Labuan itu adalah klasik syarahan baru bukan minta penjelasan.

Jadi, bukan saya apa cuma ini sebagai peringatan kepada ahli-ahli yang baru dan begitu juga kepada ahli-ahli yang lama kerana yang sedang berhujah itu kadang-kadang dia punya *trend of thought is being disturb*. Begitu. Jadi, lain kali saya boleh bagi laluan kepada Yang Berhormat Labuan dengan ahli-ahli lain. Itu sahaja sebagai ingatan. Sila tamatkan apa penjelasan Yang Berhormat Labuan.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih, saya minta maaf. Jadi, sebenarnya soalan saya adakah Yang Berhormat Baling berkongsi pandangan dengan saya? Terima kasih.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Yang Berhormat Labuan. Sebenarnya saya hendak bercakap yang itu tetapi Yang Berhormat Labuan sudah cakap masuk dalam ucapan saya. Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Gerik.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Baling, malam tadi tiga penjenayah sudah kena tembak di Gerik. Kesalahan bukan di Gerik. Kesalahan pembunuhan guru di Kelantan. Polis tidak ada kuasa yang lebih. Akhirnya, semalam orang Gerik tidak fasal-fasal takut.

Soalan saya, kita sudah ada undang-undang tahun 1959 yang kita hendak ini. Yang kita hendak minta daripada Dewan kerana undang-undang darurat telah dimansuhkan. Kuasa polis yang ada EO dan RR sudah tidak ada. Jadi, hari ini kita hendak memberi kebenaran kuasa itu diberi kepada polis. Kita hendak ubah untuk undang-undang 1959 yang diwujudkan pada tahun 1959. Yang kena tangkap sekarang ini semua anak bilis. Bos-bos tidak kena. Gerik dahulu tidak

ada judi, lesen judi. Kita juga bercakap dalam sidang Dewan yang sudah mengatakan kenapa polis tidak boleh ambil tindakan-tindakan? Bagaimana pandangan Yang Berhormat Baling tentang yang kita hendak persoalkan ini.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Yang Berhormat Gerik. Itulah yang saya hendak tekankan di sini. Saya harap pembangkang jangan terkeliru sebab ini adalah satu langkah pencegahan, bukan untuk menahan mana-mana pihak dengan sewenang-wenangnya. Ada banyak lagi subseksyen yang boleh digunakan oleh rakyat untuk menjaga hak asasi mereka contohnya Lembaga Pencegahan Jenayah yang bakal dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Ini jelas dan terbukti bahawa Menteri KDN waima hatta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak ada kuasa untuk jawatankuasa melaksanakan.

Saya simpati apa yang sedang berlaku di Gerik. Saya takut dan khuatir Tuan Yang di-Pertua saya bersebelahan dengan beliau. Saya takut esok ada yang di Baling kena tembak. *Nauzubillahiminzalik*. Jadi, sebelum perkara itu berlaku...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Yang Berhormat Baling, sedikit Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** ...Kita sama-sama menyokong usul atau menyokong rang undang-undang yang dibawa oleh pihak KDN untuk kita melaksanakan satu pencegahan. *Prevention better than cure*. Kita boleh melakukan sesuatu. Silakan kakanda saya Yang Berhormat Kota Bharu.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih kakanda juga Yang Berhormat daripada Baling. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup kagum dan berminat dengan penglibatan Yang Berhormat Baling dalam banyak kerja-kerja amal dan sebagainya dan juga memperjuangkan nasib semua kaum, semua pihak dan sebagainya. Sehingga tadi Yang Berhormat Baling ada sebut saya *quote* kenyataan Yang Berhormat Baling anjing pun perlu dibela kalau dianinya. Jadi, persoalan saya kepada Yang Berhormat Baling sahabat dan juga kakanda saya kalau anjing pun perlu dibela, adakah orang-orang yang hanya disyaki atau dalam bahasa Inggerisnya *suspect* perlu diberikan haknya. Setuju kah tidak?

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti dahulu Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Baling. Sebelum respons. Saya keliru. Yang Berhormat Baling memanggil Yang Berhormat Kota Bharu kakanda, lepas itu Yang Berhormat Kota Bharu pula panggil Yang Berhormat Baling kakanda. Siapa yang tua ini? *[Ketawa]*

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua, ini penjelasan juga. Kalau ikut rupa Yang Berhormat Kota Bharu lebih muda daripada saya. Kalau ikut IC saya lebih muda daripada beliau tetapi oleh kerana saya bekerja siang dan malam pergi ke seluruh dunia menyelamatkan rakyat Malaysia saya nampak tua. Itulah jawapan saya.

Berbalik kepada Yang Berhormat Kota Bharu terima kasih pandangan tadi. Maksud saya tadi anjing pun kita tidak boleh tembak. Saya bukan kata selamat tapi anjing kita tangkap. Itu dengan izin. Saya tidak kata anjing itu tidak boleh dihapuskan tapi kita kena tangkap.

Jadi hari ini, rang undang-undang yang kita bawa adalah lebih baik daripada pergi menembak penjenayah-penjenayah seperti Ops Cantas di Gerik dan sebagainya. Kita tangkap dia dahulu, pastikan dia berada dalam tahanan kita dua tahun, dua tahun dan satu tahun, lima tahun. Jadi, baru kita tahu. Itu yang saya maksudkan. Maknanya apa yang kita hendak memperjuangkan pada hari ini adalah tidak lain dan tidak bukan untuk adakan satu peraturan.

Kalau kita tidak ada satu peraturan saya bagi contoh kepada Yang Berhormat Kota Bharu di Kota Bharu kalau semua rakyat Kota Bharu tidak ikut lampu merah. Itu peraturan. Cuba kita tidak ikut lampu merah. *Tidak apo, kita jale dulu, jale, jale [Bercakap dalam loghat Kelantan]* Accident, ramai orang akan meninggal dunia dengan izin. Jadi, inilah satu pencegahan yang kita hendak lakukan. Pada hari ini apa salahnya kita lakukan ini sebab selama ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melihat sudah kurang EO tidak perlu, tahan ISA tidak perlu.

#### ■1200

Kalau kita buat *blackout* pun tidak perlu ditahan, BERSIH pun tidak perlu ditahan. Okey kita tidak tahan sekarang. Dalam rang undang-undang yang kita hendak bincangkan adalah berkaitan dengan jenayah-jenayah tegar kongsi gelap yang begitu berleluasa yang disebutkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Labuan tadi memang benar. Dari kes alongnya hari ini along sudah naik balik. Dahulu kalau RM10,000 dia tidak berani hendak pergi tembak baling cat merah depan rumah. Sekarang dia sanggup hendak tembak, sanggup hendak potong tangan dan kaki. Jadi saya di kesempatan di pagi ini saya hendak ucapkan terima kasih kepada pihak polis.

Saya juga ingin mencadangkan agar pihak polis kalau ada yang cerita-cerita, gambar-gambar yang telah ditangkap dalam CCTV. Apa salahnya kita panggil semua Ahli-ahli Dewan yang mulia ini kita tonton tengok bagaimana hari ini dahsyat mana kita punya Yang Berhormat Hulu Langat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Mohon penjelasan, mohon penjelasan.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Dahsyat begitu dahsyat yang dilakukan oleh penjenayah-penjenayah pada hari ini.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Yang Berhormat Baling, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengaitkan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Baling semasa menjawab Yang Berhormat Kota Bharu tadi dalam analogi anjing. Yang Berhormat Baling mengatakan lebih baiklah penjenayah ini ditangkap daripada apa yang dibuat sekarang tembak seperti yang berlaku di Gerik, kata beliau. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Baling, apakah Yang Berhormat Baling beranggapan kes-kes polis menembak penjenayah dan membunuh penjenayah *on the sport* adalah kerana tidak ada undang-undang seperti yang hendak diluluskan ataupun kerana jenayah itu sendiri. Jadi yang menjadi pertanyaan dan perbahasan sebelum ini di luar Dewan ialah dengan izin, *should to kill* yang dilakukan oleh pihak polis. Apakah itu penjelasan Yang Berhormat Baling cuba bawa. Terima kasih.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tidak betul itu Yang Berhormat Kuala Krai. Saya hendak menyatakan di sini polis tidak akan menembak sebarang penjenayah ini tanpa sebab. Mereka sudah ada *intelligent report*, mereka telah mengekori, mereka sudah kenal pasti

berapa kes-kes yang telah dilakukan. Jadi oleh kerana itulah yang saya nyatakan dan Yang Berhormat Gerik yang nyatakan pagi tadi yang berlaku semalam ini mereka sudah ada sejarah dan ada kes. Akan tetapi apa yang kita hendak memperjuangkan pada hari ini adalah untuk kita adakan satu rang undang-undang secara holistik pengikut-pengikutnya.

Semalam saya dengar Yang Berhormat Beruas. Yang Berhormat Beruas menyatakan bila Ops Cantas ini mula seorang ditembak, 10 orang sudah lari. Itu Yang Berhormat Beruas nyatakan semalam dalam perbahasan. Akan tetapi saya hendak nyatakan di sini, apabila ISA dan EO semua ini telah dimansuhkan yang mereka ini 2,600 balik ini seorang dapat 10 ahli baru, 10 dapat 10.

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Penjelasan sedikit.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Itu yang saya nyatakan pada hari ini kita perlu...

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** *[Bangun]*

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sekejap, kita perlu adanya rang undang-undang ini kerana jelas bukti kerajaan tidak mempunyai kepentingan. Kerajaan Barisan Nasional jelas dan nyata tidak ada kepentingan, ini adalah semata-mata membela rakyat dalam Gagasan 1Malaysia rakyat didahulukan. Ini yang kita hendak lakukan. Kita hendak pastikan supaya tidak ada isteri Allahyarham Hussain Ahmad Najadi pengasas Ambank beliau ditembak isterinya pun kena. Tidak pasal-pasal isterinya pun kena tembak. Di Tasek Gelugor yang di Pulau Pinang anak kena tembak. Jadi inilah yang kita hendak memperjuangkan kalau kita ada satu peraturan undang-undang di mana kita boleh menahan mereka. Supaya pencegahan ini boleh berlaku lebih awal daripada kes-kes kematian tembak tiap-tiap hari. Hari-hari kita buka surat khabar tembak kemalangan, tembak kemalangan itu yang kita lihat dalam negara kita. Silakan.

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Baling. Kebetulan isteri saya orang Baling dan mengundi di kawasan Baling cuma tidak mengundi Yang Berhormat Baling sahaja. Soalan saya begini, pertama saya hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Baling atas usaha yang sangat baik untuk membantu ramai ahli-ahli kita rakyat kita sampai ke luar negara. Saya ucapkan tahniah dan saya berharap saya juga dapat belajar daripada Yang Berhormat Baling dalam perkara yang seumpama ini. Cuma satu penjelasan saya hendak minta ialah kita setuju bahawa hak asasi semua rakyat Malaysia perlu kita pertahankan dan kita lindungi.

Jadi persoalan yang timbul dalam rang undang-undang kita ini ialah sejauh mana undang-undang pencegahan kita ini mampu memberi hak asasi kepada orang yang mungkin tertangkap tanpa dia sendiri sebenar terlibat dengan jenayah. Mungkin hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Baling.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Baling boleh minta penjelasan?

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sekejap saya jawab dahulu kalau tidak saya terlupa, sekejap ya lepas ini saya bagi.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Baik.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Kuala Nerus terima kasih. Mungkin isteri Yang Berhormat Kuala Nerus tidak undi saya tetapi ayah mertua Yang Berhormat Kuala Nerus undi saya sebab dia ialah Ketua Cawangan saya. Terima kasih. Itu sebabnya di Baling kalau tahun 2008 saya kalah 7,800 untuk rekod kali ini saya menang 13,180 undi *[Tepuk]* Maknanya sahabat-sahabat saudara orang PAS di Baling undi saya, terima kasih teruskan undi MP Baling. Saya hendak bagi tahu jawapan Yang Berhormat Kuala Nerus tanya tadi. Sebenarnya saya tidak mahu kita pembangkang jangan cuba bermain politik dalam hal rang undang-undang untuk mewujudkan sentimen kebencian di kalangan rakyat.

Keduanya saya amat berharap agar rang undang-undang ini dibentangkan secara ikhlas dan jujur kerana kepentingan rakyat. Bukannya kita hendak membuat undang-undang ini untuk menyusahkan rakyat waima hatta kita melaksanakan undang-undang ini kita mencadangkan ia diluluskan untuk memberi kemudahan-kemudahan kepada rakyat. Supaya mereka tidak terkeliru, tidak takut hendak pergi *shopping* pun takut, hendak pergi beli beras pun takut. Hari ini suri rumah tangga takut kerana dengan tembakan berleluasa. Ini semua impaknya berlaku apabila pemansuhan EO sebagai satu segi langkah pencegahan.

Oleh kerana itu, kita harus memikirkan secara istiqamah, holistik untuk kita membawa rang undang-undang ini balik untuk menyelamatkan rakyat yang tidak berdosa sama sekali. Silakan Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Yang Berhormat Baling, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta penjelasan atau pandangan daripada Yang Berhormat Baling juga. Sebenarnya saya bukan peguam tetapi kalau kita di kampung kita tengok budak-budak hendak bergaduh kita cakap dengan dia, “*Sudah-sudah jangan bergaduh.*” Akan tetapi kalau kita biarkan lepas itu mereka sambil luka-luka adalah menjadi satu kekesalan kalau kita tidak berbuat begitu. Begitu juga pencegahan ini, kita lihat kalau kita boleh elakkan daripada dua kumpulan berbunuhan dengan ada pencegahan bukankah kita melakukan satu keadilan dan untuk beri peluang mereka balik ke pangkal jalan. Jadi apakah Yang Berhormat Baling setuju *Criminal Act* ini adalah satu cara kita memberi peluang untuk mereka dan ini adalah satu sudut keprihatinan kita untuk mereka. Kita tidak bersifat menghukum tetapi kita bersifat memulihkan mereka semula.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua, saya amat setuju apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kota Tinggi. Ini kerana hari ini Tuan Yang di-Pertua, bukan setakat di kawasan bandar di kawasan luar bandar pun sudah mula adanya kongsi-kongsi gelap di kalangan anak-anak di peringkat persekolahan. Tingkatan 3, Tingkatan 4, Tingkatan 5 sudah menular, sudah masuk ke dalam sistem persekolahan. Jadi kalau pencegahan seumpama ini tidak dapat kita laksanakan maka kita tidak mungkin ianya dapat menjadi satu inspirasi negara kita untuk menyelamatkan rakyat yang tidak berdosa.

Jadi apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kota Tinggi tadi saya setuju dan inilah yang patut kita memperjuangkan. Saya sentiasa mengulangi supaya rakan-rakan saya di sana tidaklah main politik berkaitan dengan tatacara jenayah untuk menangani masalah.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Yang Berhormat Baling minta laluan Yang Berhormat Baling.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Silakan.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Yang Berhormat Baling, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagai orang baru dalam Parlimen dan juga bukan berlatar belakangkan peguam tetapi mengikuti perbahasan kita sudah dua hari benda yang sama. Saya lihat rata-rata barisan sebelah sana kata dia bukan tidak bersetuju cuma dia khuatir, dia khuatir dia kata kerana takut orang ini tidak ada hak untuk membela diri. Maknanya dia bersetuju tetapi tidak bersetuju. Bersetuju dalam tidak bersetuju.

Isunya dia kata pindaan ini untuk menghasilkan undang-undang yang lebih baik tetapi dia takut tidak setuju itu kerana bimbang tidak ada hak pembelaan. Walaupun dalam undang-undang ini, pesalah boleh dihadapkan kepada Jawatankuasa. Jawatankuasa ini bukan seorang terdiri daripada mereka yang pakar. Maknanya dari segi keadilan pada saya keadilan seseorang yang disyaki itu dapat dibela melalui Jawatankuasa ini. Persoalannya yang saya hendak tanya ini sebab sebagiannya nampaknya bercakap ini peguam.

#### ■1210

Jadi adakah Yang Berhormat Baling bersetuju apabila kes ini tak dibawa dibicara, saya bimbang isu yang sebenar ialah takut-takut kurang kes-kes jenayah di mahkamah menyebabkan kuranglah, ha kuranglah. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Baling?

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Awal-awal mukadimah saya, saya dah cakap dah, *asyuk*, dengan izin. Jadi Tuan Yang di-Pertua, memanglah kalau kita tengok kalau rakan-rakan kita di pembangkang itu ramai di kalangan peguam. Kita tahu mereka cerdik pandai, mereka boleh mengambil sebarang kes di mahkamah. Akan tetapi hari ini kita kena *divide and rule*, dengan izin, kita kena tentukan yang mana hak dan yang mana batil. Kita nak buat ini, kita nak memperjuangkan masa depan rakyat. Janganlah kita agung-agungkan penjenayah, rakyat ataupun polis umpamanya kita biarkan, sampai gigit polis macam saya ulang semalam. Gigit polis, kita maki hamun polis dan sebagainya. Hari ini polis yang duduk di barisan hadapan untuk menyelamatkan kita.

Jadi sebagai seorang rakyat Malaysia dan kita semua harus sedar bahawa kita kena memberi pengiktirafan kepada Polis Diraja Malaysia yang sentiasa duduk di barisan hadapan untuk menyelamatkan negara, menjaga segala hal ehwal keselamatan untuk seluruh rakyat di negara kita. Jadi saya nak menyatakan di sini, ayuh bersamalah kita sokong akta ini. Jangan sekejap desak, sekejap kita nak libatkan kerajaan dan untuk pembangkang tetapi bila masa tiba...

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Yang Berhormat Baling, Hulu Rajang.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sekejap. Pada pembangkang kita nak cari seribu helah. Kita jangan, kita kena hadapi perkara yang hak, realiti. Kita kena berdepan dengan perkara tersebut. Saya bagi banyak contoh tadi, banyak contoh. Bila mana ada kepentingan, mereka akan hadir. Bila tidak ada kepentingan, hatta beberapa anggota polis yang meninggal dunia, tidak pernah mereka nak pergi ziarah, tidak pernah nak bagi bantuan tapi kalau

orang lain, mereka pergi. Macam saya sebut tadilah, Yang Berhormat Bukit Gelugor. Baru-baru ini mereka bercakap sehingga baru-baru ini saya sendiri melihat. Terima kasih kepada Yang Berhormat Pokok Sena, hebat dan Yang Amat Berhormat Allahyarham Tan Sri Azizan Abdul Razak meninggal dunia, saya tak lihat pemimpin-pemimpin yang lain datang. Yang ada masa di kubur itu saya bersama-sama yang ada Yang Berhormat Dato' Mahfuz dari Pokok Sena. Ini saya nak kata. Bila kita nak memperjuangkan, kita memperjuangkan.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** ...Saya ada.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ini saya nampak, kalau ada okeylah. Saya nampak di kubur sebab saya berada di sisi, di tepi liang lahad itu sampai habis, saya nampak. Jadi saya nak menyatakan di sini, apa yang kita nak buat, kita nak memperjuangkan. Kalau kita nak memperjuangkan, kita cakap dan kita buktikan. Jangan kita bagi signal yang tidak betul kepada rakyat. Kalau kita nak perjuangkan, perjuangkan. Hari ini apa yang kita nak gusar, apa yang kita nak risau? Ini bukan akan tangkap siapa-siapa yang buat berkaitan dengan BERSIH 1.0, BERSIH 2.0 ataupun mereka nak buat apa. Tidak, tak pernah tangkap, tak ada tangkap. Kita nak dengar pada hari ini, kita nak bincangkan berkaitan dengan masa depan rakyat kita yang berdepan dengan kongsi gelap yang tegar, kongsi gelap yang menyusun strategi untuk mengambil tindakan. Itu sahaja. Siapa tadi yang bercakap?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Hulu Rajang.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Hulu Rajang, Hulu Rajang.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Silakan.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terima kasih Yang Berhormat Baling. Hulu Rajang ini begitu besar, Yang Berhormat Baling. Jadi saya juga dengan rakan-rakan yang baru dalam Dewan ini bersetuju sangat dengan Akta Penjenayah 1959 ini. Tepat pada masanya kita mahu negara kita Yang Berhormat Baling menjadi sebuah negara yang aman dan saya percaya kalau tidak masa ini, bilalah. Jadi saya beri contoh ya Yang Berhormat Baling. Seorang kongsi gelap Lee Long itu, ketua kongsi gelap yang pernah ditahan di Simpang Renggam. Rumah beliau itu Yang Berhormat Baling, saya ingat rakan-rakan saya dari Sibu tahu berapa besar rumah beliau itu.

Daripada manakah duit beliau kalau bukan daripada kegiatan jenayah-jenayah seperti pembalakan haram, mengaut keuntungan daripada pekedai-pekedai kecil dan memaksa mereka untuk memberi wang perlindungan serta mengawal harga barang-barang keperluan harian. Telur, tong gas dan sebagainya. Bersetuju tak Yang Berhormat Baling, negara kita ini harus menekankan supaya Akta Pencegahan Jenayah 1959 ini diteruskan dan disokong oleh semua kita. Sekian.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Setuju. Saya minta masukkan dalam ucapan saya, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya dah bercakap lama, panjang lebar. Saya tengok Tan Sri pun resah tengok saya tetapi tak apalah, bagilah peluang orang muda. Biarlah, bukan *lawyer* sahaja boleh masuk campur. Yang Berhormat Pokok Sena pun lepas ini boleh turut serta dalam perbahasan ini. Apa yang penting niat kita, yang penting apakah niat kita nak memperjuangkan. Jangan kerana kita melihat seseorang itu bercakap, tiba-tiba esok kita balik

pergi cari isu-isu semasa yang berkaitan dengan peribadi, pagi-pagi lagi dah bercakap dah berkaitan dengan sijillah, itulah dan sebagainya, tak payah. Kita kena tahu apa yang kita nak cakap, kita kena memperjuangkan benda yang betul.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: [Bangun]**

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jadi saya melihatkan hujah saya ini sekian lama, saya melihat apa yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri begitu telus, ikhlas, tidak ada sifat rasis, perkauman. Apa yang kita memperjuangkan istiqamah, konsisten dalam melaksanakan usaha kita untuk rakyat didahulukan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [Bangun]**

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ya, sila. Mahu cakap?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Baling. Tadi saya ada tertarik dengar cerita kalau kita mempertahankan kepentingan rakyat, kita mesti mahu betul-betul ikhlas pertahankan rakyat. Jangan dalam Dewan buat lain, luar kita buat lain. Kita tengok kalau kongsi gelap ini kalau kita tidak selesaikan, dalam saya punya kawasan tak usah kata lagi Sibu. Saya punya kawasan, kongsi gelap itu dia orang bukan sahaja di pekan, di luar bandar dia pun buat jenayah kepada rakyat, pergi kontrol semua. Akan tetapi bukan macam Yang Berhormat Seputeh itu, nah, nah, nah. Bila kita nak *table* undang-undang ini dia tak setuju, dia lawan. Dia kata semua tidak adil, inilah masalah.

Kalau kita betul-betul nak lihat, tadi saya kata di luar kawasan, orang tua kata itu *rubber*, dia orang pun pergi kontrol. *Market* RM2, dia kata saya ambil RM1.50 ataupun RM1.20. Kalau orang nak jual sawit, kalau *market* contohnya RM5, dia cakap saya beli RM2.50, kalau tidak ini malam saya akan bakar satu keluarga. Jadi saya tidak nampak pembangkang di saya punya kawasan pertahankan untuk rakyat. Bila kita soal isu ini dia diam. Kalau rakyat sudah kena bunuh, sudah mati dia cakap ini polis tidak buat kerja. Akan tetapi kita tidak lihat polis punya masalah, kuasa kadang-kadang tidak ada, macam mana nak selesai.

Jadi, Yang Berhormat Baling setuju kah atau tidak apa saya soal. Sepatutnya kita jangan buang masa. Tadi macam saya kata, beberapa hari kita berhujah ataupun kita *debate bill* ini. Sepatutnya kita terus buat bersama-sama setuju. Kalau betul-betul undang-undang ini ada mananya kelemahan, kita soal, proaktif. Itu adalah cadangan kepada kita. Setuju kah tidak Yang Berhormat Baling?

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Bintulu, saya dah awal-awal cakap. Sebelum Yang Berhormat Bintulu cakap pun saya dah setuju sebab saya dah bagi tahu kita tak perlu buang masa tiga hari ini bincangkan perkara-perkara yang remeh. Saya minta kita bincangkan berkaitan dengan fakta. Bagaimana kita nak melaksanakan, bagaimana dengan izin, pencegahan tersebut akan melakukan tanggungjawab mereka, bagaimana ianya dibawa ke bilik Dewan yang mulia ini untuk diperbincangkan. Mungkin sekali setahun, mungkin kita boleh minta enam bulan sekali dan sebagainya. Kita harus mencari kaedah-kaedah yang bersesuaian untuk kita memastikan orang kena tahan itu tidak dianiyai. Itu yang diperjuangkan kononnya oleh pihak pembangkang.

Kita tidak mahu mana-mana pihak dianiyai, betul. Jadi kita pun sama, kita pun tidak mahu menganiyai siapa-siapa. Kita ini pembela masyarakat, rakyat didahulukan. [Tepuk] Jadi kenapa kita nak tak percaya di antara satu sama lain? Kita tidak perlu ada satu syak wasangka di antara satu sama lain. Kita datang ke Dewan yang mulia ini untuk memperjuangkan hak rakyat, bukan kita nak sembang kosong berkaitan dengan kepentingan peribadi. Jadi saya nak hari ini kita sama-sama secara istiqamah, secara holistik kita memikirkan kalau ada penjenayah yang mana pihak sana nak menjadi peguam atau peguam bela, silakan. Kita tak kata tak boleh.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Baling, boleh...

■1220

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Pada masa yang sama, bila ada kematian di kalangan anggota polis yang kita kasihi, kita pergi ziarah. Tidak semestinya pergi ziarah itu bawa duit, bawa sumbangan, tidak payah, sekadar kita datang memberi motivasi kepada balu dan ibu, itu sahaja. Itu yang saya harap, kalau kita boleh lakukan secara istiqamah, kita boleh lakukan secara holistik, barulah rakyat melihat kita ini sebagai wakil rakyat dalam erti kata sebenarnya dalam bentuk pembelaan.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Baling, boleh tambah sedikit?

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jadi...

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Baling, tanya sedikit lagi sebelum penutup.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sila.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Baling, kita tahu bahawa ramai di kalangan kita ini adalah terdiri daripada peguam-peguam yang hebat. Maka sudah tentulah peguam-peguam hebat mempunyai banyak kes yang boleh mendatangkan pendapatan yang begitu baik. Saya hendak tanya, adakah kes-kes ini begitu lumayan sekali atau sanggup kah mereka membayar *fee* ataupun yuran yang begitu lumayan. Jadi persoalannya sekarang, adakah material itu lebih penting daripada moral kerana moral ini tidak ada di atas kertas? Jadi, saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Baling. Terima kasih.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Itu saya tidak tahu, sama ada mereka ini ada duit atau tidak ada duit tetapi yang saya tahu kongsi gelap ini, along ini banyak duit sebab saya berdepan hari-hari. Dalam pejabat saya sama macam Michael Chong (MCA), di pejabat UMNO ini ramai orang datang di Kuala Lumpur untuk minta bantuan. Jadi, saya lihat kalau bagi pinjam RM10,000 minta balik RM30,000 banyaklah duit mereka. Bila mereka kena tangkap, mungkin mereka ada duit untuk membayar kepada peguam mereka. Itu saya tidak mahu menuduh.

Akan tetapi apa yang saya hendak cakap di sini atas hak asasi manusia. Saya tidak mahu *go below the belt* macam Yang Berhormat Serdang tadi. Itu semua tidak ada masa depan, tidak ada wawasan, hendak kata orang ini ada sijil, tidak ada sijil. Kita pun tidak pergi minta kerja, kita ini

di atas lantikan kerana kita buat kerja dan kita menang di Baling itu dengan besar, bukan kita pergi minta kerja [*Tepuk*] Kita kena tahu mana palsu dan tidak diiktiraf. Buka dulu buku bahasa, pergi Dewan Bahasa dan Pustaka tengok, apa maksud "palsu", apa maksud "diiktiraf". Universiti Malaya pun tidak pernah diiktiraf oleh Kerajaan Britain dahulu, jadi hendak cerita, jangan cerita fasal itu. Hari ini, kita jangan lari daripada tajuk.

Saya hendak menyatakan di sini dengan tegas, saya hendak katakan saya di antara Ahli Parlimen BNBBC semua menyokong penuh dengan rang undang-undang yang dibawa [*Tepuk*] Kita semua sepatutnya duduk dalam satu pasukan, beri tabik spring kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang begitu berani. Ini kerana beliau melihat hari ini perlunya peruntukan undang-undang ini dilaksanakan kerana banyak kejadian-kejadian, kes-kes orang mati tanpa sebab. Tiba-tiba tahu kena tembak, tiba-tiba tahu Timbalan Ketua Pengarah Kastam ditembak di *traffic light* di Putrajaya.

Mengapakah perkara ini berlaku, kita kena ingat dahulunya masa zaman Botak Chin ada, ketua polis kena tembak dan sebagainya, itu tahun bila. Sudah sekian lama dan lebih 40 tahun tidak berlaku, tiba-tiba perkara ini sedang menular, berulang. Jadi, kita kena ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang melaksanakan pelbagai Ops di bawah kerajaan yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Ops Piramid, Ops Piramid pertama, kita membawa balik 7,280 anak-anak, pelajar di Mesir yang terkandas kerana darurat, kerana berlakunya pertempuran. Mana ada pemimpin pembangkang yang pergi berdepan hendak bawa balik anak-anak kita? Satu pelajar anak Malaysia, dia punya satu bulu rompang pun tidak diusik kita selamatkan. Ada ucapan terima kasih? Ada dalam Parlimen bangun kata terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional yang begitu prihatin, tidak ada. Hendak kutuk lagi ada, pembangkang ada berani pergi ke tempat-tempat yang kemelut, yang hendak berdepan dengan perang, ada berani? Tidak berani. Dalam *lawyer*, dalam kamar, tembak hakim beranilah.

Pergi tengok, baru boleh kita bercakap. Bila kita berdiri dengan kita ada pengalaman-pengalaman serupa ini, kita akan menjadi orang yang lain, kita bercakap pun berasaskan *human rights*. Dari hati Tuan Yang di-Pertua, bukan *human rights* kita menjadi aktivis di mulut, 'di mulut lain, di hati lain'. Bila kita sudah berjuang, kita tahu.

Kita melihat apa yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ops Sikap, Ops Cantas, Ops Daulat. Tuan Yang di-Pertua, *so happen its your state*, dengan izin. Adakah kawan-kawan parti pembangkang datang bawa satu bungkus beras? Tuan Yang di-Pertua, 13 hari saya dan rakan-rakan, kawan-kawan UMNO ada di situ, tidur dalam kawasan Kampung Tandau, tidur di situ dengan polis. Tidur dalam Kampung Air di Sandakan, ini tidak, bagi *statement*, "*Ini satu sandiwara UMNO*" [*Dewan riuh*] *Astaghfirullahlah-halazim*, di sana keluarga kita, saudara kita sedang mati-matian berdepan, rumah kena bom, kena bakar, kena bunuh, kena potong kepala, kena cabut jantung, kena cabut tali perut, adakah pembangkang tahu?

Pembangkang tidak tahu sebab pembangkang kerjanya bantai polis, duduk dalam askar, bantai askar, duduk dalam mahkamah, bantai, bantai, bantai! Itu sebab saya hendak

nyatakan di sini, kita buang yang keruh. Saya sanggup duduk satu meja, *let us*, dengan izin, kita buang yang keruh, kita duduk. Hari ini apa yang dilaksanakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak dalam hak asasi manusia.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat. Peraturan mesyuarat, relaks lah dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Baling, peraturan mesyuarat, duduk.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Peraturan Mesyuarat 35(7), "Tuan Yang di-Pertua atau Tuan Pengurus boleh mengehadkan masa bagi Ahli-ahli berucap jika perlu." *[Dewan riuh]* Saya hendak katakan kena hadkan masa sebab dia ini sudah merapu. Dia dah pergi ke mana, tidak ada point, dia merapu-rapu. Saya minta Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua gunakan kuasa *[Dewan riuh]*

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Sepang. Semalam dia dapat 2 jam 25 minit, tidak ada orang, macam Parlimen ini dia yang punya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya tidak merapu.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya minta dia buat satu Parlimen di Sepang, panggil kawan-kawan dia, satu hari satu malam.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya cakap fasal undang-undang, you cakap merapu. Tidak tahu cakap, diamlah.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sudahlah, setakat loyar buruk macam ini, tidak layak bercakap dengan saya.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Merapu, merepek, jangan biar dia terus buang masa Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ikon saya pergi satu misi, baru boleh cakap.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu]:** Yang Berhormat Baling, saya cuma hendak tanya, apa Yang Berhormat Sepang kata tadi itu. Dia dapat dua jam, bila Yang Berhormat Baling cakap lama dia marah, guna undang-undang. Adakah itu cara pembangkang bergerak...

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tepat sekali, itulah mereka. Di mahkamah pun macam itulah Tuan Yang di-Pertua. Penjenayah diagung-agungkan, polis tidak diambil peduli, inilah caranya. *[Tepuk] [Dewan riuh]* Penjenayah, dia akan pergi lawan habis-habisan, bawa keluarga datang ke mahkamah, duduk di atas. Disanjung, ditatang, yang polis meninggal ada dia pergi ziarah satu polis meninggal? Dia kata dia UIA, ini sibuk memperjuangkan Chin Peng, abu Chin Peng hendak bawa balik ke Malaysia, *astaghfirullahlah-halazim*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila. Yang Berhormat Baling, ada lagi peraturan mesyuarat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** 36(6), tidak boleh sangka jahat. Beliau telah bersangka jahat dengan mengatakan apabila saya sebagai peguam [*Dewan riuhan*] Ini apa ini? Kalau tidak pernah pergi mahkamah, jangan cakaplah. Dalam mahkamah kita tidak berbahas macam ini [*Dewan riuhan*]

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua, saya nak *landing* dah, cukuplah Tuan Yang di-Pertua. Saya pun hendak beri kawan-kawan lain berucap, duduk-duduk. Selepas ini kawan-kawan sebelah saya hendak bercakap, kita bagi peluang, duduk. Saya cuma hendak berkongsi sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua, tadi saya tidak habis. Yang berlakunya tragedi letupan bom di Plaza Lee Gardens Tuan Yang di-Pertua. Saya pemimpin UMNO [*Disampuk*] Sekejap, dengarlah. Saya pemimpin UMNO, saya beragama Islam Tuan Yang di-Pertua.

Di sana, bukan setakat bawa balik mereka yang kena bom, yang cedera, kita membawa balik dua abu rakyat Malaysia yang terbakar dan sudah mati dalam letupan ini, serahkan abu ini kepada keluarganya. Apa yang saya hendak nyatakan di sini, inilah perjuangan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, rakyat didahulukan. Bukan bawa balik abu Chin Peng, yang hari-hari sibuk hendak bawa balik abu Chin Peng.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Penjelasan, penjelasan.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ini yang saya hendak nyatakan di sini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Minta laluan boleh?

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tidak payah, tidak payah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Minta laluanlah.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tidak payah, Terima kasihlah [*Dewan riuhan*]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau berani bagi laluan.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kalau pemimpin lain saya bagi, Yang Berhormat Sepang saya tidak bagi, orang lain saya bagi sebab Yang Berhormat Sepang dah banyak bercakap Tuan Yang di-Pertua. Cukuplah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hendak minta penjelasan Chin Peng, dia tuduh saya.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tidak apa, tidak apa, cukuplah, saya dah bagi banyak. Tidak apa, terima kasih. Kalau Yang Berhormat Gombak sahabat saya, saya bagi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** You tuduh saya, bagi saya penjelasan, fasal Chin Peng, sedikit sahaja [*Dewan riuhan*]

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kalau dia marah saya pun tidak apa, dia tegur saya pun tidak apa, dia orang baik. Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Pokok Sena, orang lain saya bagi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, Chin Peng.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Padang Serai kawan saya, saya bagi. Yang Berhormat Sepang tidak layak bercakap dengan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat-Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Fasal Chin Peng.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ikut saya pergi satu negara dalam misi bantuan kemanusiaan, balik saya bagi bercakap, duduk.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Mari saya cerita fasal Chin Peng, cakap sorang-sorang bolehlah, beranilah.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua, bila kita bercakap yang benar, dia kata dia UIA punya graduan.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu]:** Duduk, duduk! Peraturan, peraturan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau takut jangan cakap fasal saya lah.

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Mengetuk tukul]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau takut jangan cakap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Lawyer tidak tahu peraturan.

**Seorang Ahli:** Apa ini tidak ikut peraturan *[Ketawa]*

#### ■1230

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat Kinabatangan sudah ada pengantinya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dia jadi pahlawanlah ganti Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila. Ahli Yang Berhormat, ada Ahli-ahli Yang Berhormat apabila berhujah, dia *passionate* untuk menyampaikan mesej. Antaranya ialah Yang Berhormat Baling. Yang Berhormat Baling, teruskan dengan cara begitu tetapi kadang-kadang kalau ada menggamit begitu, *divert* sedikit. Saya suka mendengar hujah baik.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kelmarin Yang Berhormat Bukit Gelugor, dia berhujah. Saya teruja, saya mendengar oleh kerana saya seorang peguam. Jadi, kadang-kadang saya berasa bersyukur kerana saya bukan menjadi pengadil kepada perbahasan ini nanti, pada akhirnya yang mengundi kamu juga. Saya dengar Yang Berhormat Baling, saya teruja. Saya dengar sesiapa berhujah pun saya teruja juga tetapi ada had-had tertentu. Demokrasi, perkataan demokrasi yang *wins* adalah majoriti. Jadi ingat, selalu saya ingatkan *the government will always have its way in the position it will say*. Cuma itu sahaja yang harus diperingatkan. Yang Berhormat Baling, teruskan, sila.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang saya kasihi. Sebenarnya, saya ini orang baik Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Mungkin cara saya *there is a saying, "do not judge a book by reading its cover"*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Mungkin saya dilihat agresif tetapi hati saya ini suka tolong orang. Rakan-rakan saya di sebelah sana...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Jangan angkat bakul masuk sendiri, bolehkah?

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *Anytime, any assistance* yang boleh saya bantu walaupun kulit saya hitam Tuan Yang di-Pertua, tidak semestinya hati saya hitam Tuan Yang di-Pertua. Jadi, *as I said just now*, dengan izin, jadi saya semalam pun beritahu kepada Yang Berhormat Ampang, saya beritahu, kalau ada orang hilang, beritahu saya.

Tuan Yang di-Pertua, anak kita kalau lari dari Kuala Lumpur pergi ke Tanjung Malim, belum tentu bawa balik Tuan Yang di-Pertua. Dari Lombok, Indonesia, lebih jauh dari Kepulauan Bali, 89 orang, saya bawa balik Tuan Yang di-Pertua, di antaranya 43 orang...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** *[Bangun]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** ...anak totok pembangkang Tuan Yang di-Pertua. Itu bukti jelas.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Bagi sedikit boleh?

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kita bukan memperjuangkan parti *[Membaca sepotong ayat al-Quran]*, “*Hubungan kita dengan Allah, dengan sama-sama manusia, tidak kira kaum, agama, kita perjuangkan*”. Jadi, apa yang saya sebutkan, mak saya ajar, tangan kanan memberi, tangan kiri pun tidak boleh beritahu sepatutnya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Akan tetapi semua dia beritahu. *[Dewan riuh] [Ketawa]*

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Akan tetapi pada hari ini, kalau kita tidak beritahu Tuan Yang di-Pertua, mereka memperlekeh-lekehkan kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Mereka kata kita tidak buat kerja. Kita tidak tolong. Jadi, sibuk dengan *popularity vote*. Tidak betul. Ya, silakan *my brother* Yang Berhormat Bukit Katil.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Baling, sedikit sahaja.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ini Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Saya hendak beri pantun sahaja,

*'Hitam-hitam si tampuk manggis,*

*Bertambah hitam, bertambah manis.'*

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Cuma ada satu yang saya hendak ulas tadi tentang *[Membaca sepotong ayat al-Quran]*. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan dan pendapat Yang Berhormat Baling tentang keadaan di dalam satu Hadis yang menyatakan *[Membaca sepotong Hadis]* iaitu bukti bagi orang yang dituduh. Dalam konteks pencegahan jenayah ini, kalau ditangkap tanpa bukti, ini yang menimbulkan masalah dan pertikaianya. Saya minta penjelasan Yang Berhormat Baling.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua, saya beri sahabat saya yang satu kulit.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Satu bahasa, ya.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Silakan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Baling. Saya minta penjelasan, diuar-uarkan tadi kalau Chin Peng yang sudah jadi abu tidak dibenarkan dibawa balik. Bagaimana pula dengan penganas Sulu yang bukan rakyat Malaysia, mahupun dilahirkan di Malaysia, ditanam di Lahad Datu, Sabah? Mengapa tidak konsisten dengan yang ini? Minta penjelasan.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *[Bercakap dalam bahasa Tamil] [Ketawa]*. Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya cakapkan kepada beliau, saya beritahu kepada beliau, *"Kalau hendak bercakap, mestilah ada fakta dahulu"*. Itu yang saya sampaikan, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *[Ketawa]*. ‘Anne’ ...Adik hendak menjawab ini Tuan Yang di-Pertua. ‘Anne’ lagi, ‘anne’ lagi, ‘anne’ dengan hormat itu. Ini ‘thambi’, ‘anne’ tidak hendak dengar, ‘anne’ pun kena ada asas. *[Dewan riu]* ‘Anne’ ini pun tidak ada asas. Dia tidak ada konsisten. Boleh dengan izin Tuan Yang di-Pertua?

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, bolehkah? Mereka mengantuk itu rakan-rakan yang lain, sebab hujah benda ini, tiga hari lagi, mengantuk Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya. *[Bercakap dalam bahasa Tamil] [Ketawa]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Maksud saya Tuan Yang di-Pertua, “*Chin Peng mati di Bangkok, Thailand.*”

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ini pandai pula dia hendak balas.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** “*Yang ini mati dalam negara kita iaitu di Lahad Datu*”, Tuan Yang di-Pertua. Apa beza yang beliau bertanya soalan Tuan Yang di-Pertua. Duduklah, cukuplah. Saya hendak jawab.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** ‘Anne’...*[Dewan riu]*. Ini ‘anne’ hendak jawab ini, boleh ya Tuan Yang di-Pertua? Minta *floor* ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, saya tidak boleh buat *ruling* Yang Berhormat kerana saya tidak faham apa Yang Berhormat cakapkan tadi. *[Ketawa]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, kita berParlimen di Parlimen Mumbai kah ini?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Dia yang mula dahulu. Boleh ya, dengan izin? *[Ketawa]* *[Bercakap dalam bahasa Tamil]* *[Dewan riu]* Tuan Yang di-Pertua, saya terjemahkan.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tuan Yang di-Pertua, adakah kita ini di Long Sabah kah Lok Dal kah atau di Parlimen Malaysia? Akan tetapi bagus juga kadang-kadang, kita dapat maklumat...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Baling mulakan...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Sabarlah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya teruskan sahaja.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Cantik, cantik.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya tadi dalam bahasa Tamil menerangkan, "Kalau Yang Berhormat Baling boleh bawa abu dari tempat lain ke Malaysia, apa salahnya pulangkan balik abu penganas Sulu ke negara mereka". Itu yang saya terangkan tadi dalam bahasa Tamil.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua, saya pohon maaflah, cakap bahasa Yang Berhormat Kapar tadi, minta maaflah. Sebenarnya inilah dia modal insan kepelbagaian yang harus kita ketengahkan. *Lawyers* kita pun cerdik-cerdik, boleh cakap Cina, boleh cakap India, boleh cakap Jepun, bagus. Ini satu benda baik iaitu modal insan Yang Berhormat Tun Abdullah Badawi bawa dahulu, *alhamdulillah*.

Akan tetapi saya hendak jawab balik soalan Yang Berhormat Kapar tadi...

**Seorang Ahli:** Melayu, Melayu.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Dalam bahasa Melayu. Saya rasa cukuplah, tidak payah lagilah sudah. Kita ini nanti mereka kata ini 'New Delhi Parliament' pula Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Jadi, saya hendak nyatakan kepada beliau. Saya ini pejuang untuk rakyat Malaysia. Saya bukan pejuang untuk negara luar. Tidakkan saya hendak pergi hantar balik orang *Philippines* punya abu. Tidak kena. Lagipun Chin Peng seorang penganas yang datang dari Baling yang Perundingan Baling. Tidakkanlah saya yang marah pada Chin Peng yang bunuh rakyat Baling sebegitu ramai, masa itu Yang Berhormat Kapar pun tidak ada lagi, belum lahir lagi Yang Berhormat Kapar, punya ramai orang Baling sudah kena bunuh, saya hendak pergi ambil? *Nau'uzubillah, over my dead body*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. *[Disampuk]*

Jadi, apa yang kita hendak cakap di sini, berbalik kepada tajuk asal kita. Marilah kita semua secara holistik, istiqamah, kita bincang balik. Apakah tindakan yang patut kita lakukan untuk kita mengucapkan terima kasih kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sentiasa mendahulukan rakyat. Kita buat Gagasan 1Malaysia ini dilakukan dengan baik, semua rakyat dapat manfaat. Jadi kita hari ini, ini juga rakyat didahulukan supaya tidak ada rakyat mana-mana kena tembak, mati sembarangan. Ini yang kita hendak *protect*.

Pada hari ini tengok adik-adik, para pelajar yang datang mendengar, pakcik-pakcik, tok wan mereka sedang bersidang ini. *[Tepuk]* Untuk menyelamatkan mereka, masa depan mereka. Tidakkan mereka hendak pergi sekolah, pergi universiti takut terganggu, tergugat, pagi-pagi bas sekolah hendak mengambil mereka pun takut, ini yang kita hendak. *[Disampuk]* Kempen atau tidak kempen pun, saya sudah Ahli Majlis Tertinggilah. Yang Berhormat Seputeh, dapatkan fakta dahulu. Saya bukan baru mahu bertandinglah. Lagi pun Yang Berhormat Seputeh tidak ada layaklah mahu cakap, *you* tidak beri undi pada saya pun. Orang UMNO sudah buat keputusan

mahu undi saya sebab saya selalu tolong orang UMNO. Terima kasih. Bukan orang UMNO, orang Seputeh pun saya tolong kalau hilang dibawa lari, saya akan tolong.

Jadi, itulah yang saya hendak nyatakan di sini, di kesempatan yang diberikan kepada saya. Saya sekali lagi ingin mengulangi hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk terus berusaha melakukan yang terbaik dan yang terjunjung demi rakyat Malaysia yang dikasihi sekalian. Ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mahukan walaupun masih banyak lagi yang belum terlaksana. Namun, Kerajaan Barisan Nasional akan sentiasa berikhtiar dan lebih keras kerjanya untuk memastikan anak-anak Malaysia dapat hidup dalam sebuah negara yang aman, tenteram, sejahtera, makmur, bebas daripada segala ketakutan, kegundahan dan kebimbangan.

*Insya-Allah*, saya harap hari ini hujah-hujah saya hampir lebih satu jam ini akan memberi sedikit manfaat kepada kita semua untuk berfikir secara holistik, berfikir dan tanya hati, ‘*Tanya Sama Hati*’ keikhlasan kita dalam memperjuangkan rang undang-undang ini. Sekalung penghargaan, setinggi-tinggi penghargaan terima kasih harus kita berikan kepada pihak Polis Diraja Malaysia! *[Tepuk]* Terima kasih! Setinggi-tinggi penghargaan kita kena berikan kepada seluruh warga Kementerian Dalam Negeri yang telah memperjuangkan bersama dengan Menteri Undang-undang yang telah menyediakan rang undang-undang baru. Dengan kata-kata itu, yang saya kasih Tuan Yang di-Pertua, Baling memohon menyokong rang undang-undang ini. *Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.*

#### ■1240

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya turut mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Saya bermula dengan merujuk kepada artikel 145 Perlembagaan Persekutuan. Di mana dengan cukup jelas kurungan dua, Tuan Yang di-Pertua menyatakan bahawa Peguam Negara adalah menjadi penasihat kepada kerajaan dan beliau Tuan Yang di-Pertua diberikan mandat untuk menasihatkan kerajaan berkenaan dengan perkara-perkara, berkenaan juga dengan pengubalan undang-undang.

Saya faham ramai daripada pihak Barisan Nasional memang mereka menyokong rang undang-undang ini. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua sebelum kita meneruskan, saya rasa penting untuk kita mendengar pandangan Peguam Negara sendiri berkenaan dengan undang-undang yang memberikan ruang untuk tahanan tanpa bicara. Saya petik daripada satu rencana bertarikh 16 Julai Tuan Yang di-Pertua. Di mana dinyatakan bahawa dan saya bacakan. *The Attorney General Tuan Yang di-Pertua, reject prevention law; “Attorney General Abdul Gani Patail today stressed that he does not support the formation of any new law which would allow preventive detention. However, he said his chambers has not received any draft or proposal from the Home Ministry or any government body on a law to replace the Emergency Ordinance (EO) which allowed preventive detention”.*

Ini apa yang beliau katakan seperti mana yang dipetik Tuan Yang di-Pertua. *“I will never agree to preventive detention. There is no draft or anything sent to my office. I am making a clear statement on this (for) whoever who said (there is)”*. Berkennaan dengan undang-undang seperti ini, Peguam Negara menyatakan dan saya baca, *“Existing laws are sufficient. Abdul Gani stressed that*

*existing laws are sufficient for law enforcement officers to book criminals". Beliau kata sedemikian, beliau kata, "Bila dah kena baru sedar, baru menangis, you'll only start crying when it happens and it's sending an innocent man to jail can happen and will happen. I am a strong advocate of the present laws without preventive detention. I have full confidence that enforcement officers can do their jobs without having to rely on such draconian laws."*

Beliau tidak berhenti setakat di situ. Kemudian pada 25 Ogos beliau terus menyatakan, *he says this; "Gani said there's many laws, including the Penal Code that could be used to arrest and prosecute those suspected of crime. We have used existing laws to prosecute notorious criminals like Botak Chin and pirates in Sabah in the past, he said, referring to one of Malaysia's legendary gangsters."* Beliau seterusnya menyatakan *"Preventive laws are an abuse to human rights and personal liberty as enshrined in our Federal Constitution and this guarantee must be safeguarded at all costs,"* dan perkataan yang paling menekan yang beliau gunakan; *"he says that the police had become addicted to the used of preventive detention laws".*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengulas daripada...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** *Point of order.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengulas daripada...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puchong, *point of order...*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** *Point of order.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Sila, sila.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih. 36(9). *"Dalam apa-apa perbaasan, tidak boleh disebutkan kelakuan atau sifat siapa-siapa Ahli Parlimen atau siapa-siapa pegawai kerajaan selain daripada kelakuan pada menjalankan urusannya sebagai Ahli Parlimen atau sebagai pegawai kerajaan".*

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu Yang Berhormat membawa petikan daripada ucapan ataupun *press statement whatever* daripada Peguam Negara. Peguam Negara tidak ada di sini. Saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia sendiri kita sebenarnya ada lagi satu undang-undang iaitu Langkah-langkah Pencegahan Khas, Akta Dadah Berbahaya. Itu kita tidak *repeal* pun, masih ada. Itu salah satunya undang-undang yang kita amalkan hari ini Tuan Yang di-Pertua. Tangkap tanpa bicara. Ini bermakna kalau kita hendak *interpret* apa *statement* daripada Peguam Negara, dia *contradict* dengan akta yang ada.

Ini bermakna kalau kita hendak *repeal detention without trial* mengapa Akta Dadah Berbahaya, Langkah-langkah Pencegahan Khas masih lagi wujud? Jadi saya ingat *it's unfair* hendak membaca satu *statement* di mana Peguam Negara tidak ada di sini. Kalau betul Peguam Negara berkata dia tidak bersetuju dengan *detention without trial*, mengapa dia tidak *repeal* sekali Undang-undang Langkah-langkah Pencegahan Khas Dadah. Mengapa tidak bawa sekali masa kita *repeal* ISA, EO, RR, mengapa langkah-langkah pencegahan khas tidak dibawa sekali? Ini bermakna Malaysia masih lagi mengamalkan undang-undang *detention without trial* yang Peguam

Negara pun sedar benda ini. Jadi *is unfair* hendak bagi tafsiran di dalam Parlimen ini, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya respons kepada hujah Yang Berhormat Tanjong Karang tadi, kita tidak boleh menyebut perkara-perkara kalau perkara itu di luar bidang kuasa ataupun tugas kakitangan yang berkenaan. Akan tetapi di dalam hal ini, apabila saya mendengar hujah daripada Yang Berhormat Tanjong Karang dan hujah Yang Berhormat, saya berpendirian bahawa apa yang disebutkan Yang Berhormat Tanjong Karang itu tidak berkenaan. Oleh sebab Yang Berhormat Puchong katakan bahawa itu adalah tugas *Attorney General*. Jadi apabila *Attorney General* berhujah dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat itu, saya berpendapat itu adalah betul. Terpulang kepada kerajaan untuk nanti membidas apa Yang Berhormat hujah sekarang ini. Teruskan. Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan perkara ini kerana dua sebab. Pertama Tuan Yang di-Pertua, *I am concern* kerana kita juga melihat *I think this is one of a rare occasion*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, di mana kita ada satu *bill* yang cukup serius kesannya tetapi *I don't see any officers on the AG Chamber's here*, tidak ada. *And I have been observing* Tuan Yang di-Pertua. Apabila kita lihat apa yang disebutkan oleh Tan Sri Gani Patail; *"I don't see any such bill, it has not been brought to my office"*. Kita tertanya-tanya, *is this a bill has been drafted with the support of the AG Chambers?* Itu saya hendak tanya, setakat itu.

Saya ingin menyatakan Tuan Yang di-Pertua bahawa apabila kita lihat *bill* ini, kita boleh lihat juga ada kekurangan di dalam *bill* ini yang juga meyakinkan kita bahawa kemungkinan besar ia tidak dilihat dan dipersetujui atau dikaji oleh *AG Chambers*. Saya akan bagi hujah berkenaan dengan perkara ini dengan merujuk kepada undang-undang ini sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kepada undang-undang yang dicadangkan. Undang-undang yang asal Akta Pencegahan Jenayah 1959 ia tidak menjadi satu undang-undang yang membenarkan tahanan tanpa bicara. Jadi apabila pindaan atau cadangan pindaan ini dibuat, kita lihat bahawa kerajaan menggunakan artikel 149 Perlembagaan Persekutuan untuk tujuan tersebut. Itu memang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan, *the Federal Constitution very clear*, kalau kita hendak ada undang-undang berkenaan dengan *preventive detention*. Maka untuk tidak undang-undang tersebut itu bertentangan dengan artikel 5 misalnya, artikel 5, artikel 10, artikel 12 Perlembagaan Persekutuan, maka kita ada keperluan untuk kita selaras dengan peruntukan artikel 149. Yang Berhormat Bukit Gelugor *had gone through this yesterday* dan saya ingin panjangkan.

Now Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat kepada *Federal Constitution* dengan izin dan saya bawa perhatian kepada...

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Puchong, izinkan saya mencelah.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** ...Let me finish first.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** I'll come back to you. Let me finish. Kalau kita lihat kepada artikel 149 Tuan Yang di-Pertua, memang dinyatakan di situ dan saya baca dengan izin; "If an Act of Parliament recites that action has been taken or threatened by any substantial body of persons, whether inside or outside the Federation – (a) to cause, or to cause a substantial number of citizens to fear, organized violence against persons or property..." dan memang Tuan Yang di-Pertua, "any provisions of that law designed to stop or prevent that action is valid notwithstanding that it is inconsistent with any of the provisions of article 5, 9, 10 or 13..." Jadi jelas. Akan tetapi apa yang kita lihat Tuan Yang di-Pertua and this is something which I don't know, completely over look by whoever drafted this bill.

Tuan Yang di-Pertua, saya bawa Tuan Yang di-Pertua kepada artikel 151. Artikel 151 dengan cukup jelas Tuan Yang di-Pertua menyatakan dan saya baca; "Where any law or ordinance made or promulgated in pursuance of this part..." Now ia memang include part 11, 149 then peruntukan-peruntukan khusus dalam perlombagaan dinyatakan berkenaan dengan rights of representation to advisory board. Saya baca, "...any law or ordinance made or promulgated in pursuance of this Part provides for preventive detention - (a) the authority on whose order any person is detained under that law or ordinance shall, as soon as may be, inform him of the grounds for his detention and, subject to clause (3), the allegations of fact on which the order is based, and shall give him the opportunity of making representations against the order as soon as may be."

## ■1250

Ini seterusnya penting. (b) - no citizen shall continue to be detained under that law or ordinance unless an advisory board constituted as mentioned in Clause (2) has considered any representations made by him under paragraph (a) and...". Ini penting. "...made recommendations thereon Yang di-Pertuan Agong within three months of receiving such representations and so on. Dalam advisory board Tuan Yang di-Pertua, di nyatakan secara jelas di bawah (2) - an advisory Board constituted for the purposes of this Article shall consist of a chairman, who shall be appointed by the Yang di-Pertuan Agong and who shall be or have been or be qualified to be, a judge and so on and of cause to other members.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kepada peruntukan atau pun the new act, proposed act, langsung tidak di sebut apa-apa berkenaan dengan advisory board. Langsung tidak ada. Jadi apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua, kita lihat betapa jelas, a clear case of where this act is unconstitutional. Ini kerana kalau kita hendak menggubal satu undang-undang di bawah artikel 149, we have to comply with 151. If 151 is not complied with, this act cannot include a 149 amendment .

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkara ini saya merujuk kepada EO yang adanya terdahulu. In the old EO Tuan Yang di-Pertua, kita ada peruntukan khusus yang dibuat untuk rujukan kepada advisory board. Di dalam seksyen 5, khususnya seksyen 6 - report of an advisory board and review and so on. So, ada dalam EO. Same position Tuan Yang di-Pertua,

dengan ISA. ISA juga dalam seksyen 11 ada, *representation against or detention order and of cause report of advisory board*. So Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kita ada satu undang-undang yang menyatakan bahawa kita benarkan kuasa tahanan diletak dalam satu *committee* atau *a board*. Selepas itu *provision for review is a board itself*, di bawah seksyen 11 PCA. *It is says that. In other word, selepas inquiry officers satisfied, he will sent a report to the board, board make a decision under 3B.*

Seterusnya di bawah seksyen 11, dinyatakan bahawa *the deterny has 14 days to ask a review from the board itself*. Kalau *board* tidak setuju, *the detention order is maintain*, seksyen baru menyatakan bahawa *review is to the High Court*. So, bagaimana kita boleh ada satu undang-undang yang membawa kuasa, *that is place in the Yang di-Pertuan Agong by the Federal Constitution, 151 says very clear*. Advisory board Tuan Yang di-Pertua, *shall make recommendation to Yang di-Pertuan Agong*. *How can the Minister now, all are we in Parliament says it is okay, let us it know that express right yang diberikan kepada Yang di-Pertuan Agong bawa balik kepada mahkamah, cannot be. Clear cut unconstitutional...*

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Puchong. Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta sedikit sahaja penjelasan. Di dalam akta yang baru ini ada di sebut tentang *prevention of crime board*. Apakah itu boleh dari segi Perlembagaan menggantikan *advisory board* seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Puchong tadi.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Memang tidak boleh. Ini kerana kalau kita lihat kepada artikel 151, cukup jelas. *Article 151 (2) says that, an advisory board for the purpose of that part of the constitution, shall be and so on. This is a special board, advisory board that is setup to give advice to the King*. Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai peguam saya memang, *I have been interested in this four years as a matter of law*. Saya tidak faham, *I cannot understand how the AG Chambers could have over look this*.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak menggubal satu undang-undang *and this I say all friends, to the Yang Berhormat Menteri, I do not want*, kita tidak hendak rang undang-undang ini masuk ke *mahkamah and straight away be declared on constitutional*. Kita semua boleh lihat kalau *article 151 says that hard review* mesti diberikan melalui *advisory board, where is it and how can we* dalam Dewan Rakyat ini bersetuju untuk meluluskan satu undang-undang yang memberikan kepada Mahkamah Tinggi kuasa *review*, yang sebenarnya kuasa tersebut itu dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan *to be given to Yang di-Pertuan Agong*.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Minta penjelasan sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Puchong. Saya nampak Yang Berhormat Puchong telah membuat satu hujah yang sangat penting, yang ada impak langsung, terus, *direct impact* kepada kesahihan undang-undang atau pindaan yang dibentang dalam Dewan yang mulia ini. Ini saya minta penjelasan sedikit sebab ini kita kena faham maksud Perkara 151 ini, sebab memang jelas bahawa bab 6, *this is part 6* kalau saya tidak silap, *just to check, sorry part 7* Perlembagaan Persekutuan. Apa yang dimaksudkan adalah kalau kita bagi kuasa untuk tahan tanpa bicara, biasanya diberi kepada pihak polis, polis yang tangkap pada saat permulaan itu.

Akan tetapi sambungan kalau ditahan, disambung biasa oleh Menteri tetapi itu pun ada syarat mesti dikaji semula oleh lembaga penasihat ini. Akan tetapi yang penting di sini saya minta penjelasan sebab saya nampak *advisory board* pun syaratnya ialah, syarat *advisory board* ini kena mendengar representasi daripada tahanan itu. Ini yang sangat penting, membuat syor kepada Yang di-Pertuan Agong. Ini sangat penting. Peranan Yang di-Pertuan Agong dalam bab ini.

Sebab akhirnya, maksudnya lembaga penasihat pun tidak membuat keputusan terakhir, muktamad, terserah kepada Yang di-Pertuan Agong. Keputusan muktamad itu mesti terima melalui itu dan di ampaikan balik sama ada tahanan itu akan diteruskan atau tidak. Saya minta penjelasan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Betul. Boleh saya...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Sebab ini sangat, benda yang sangat pokok, *root* dalam peruntukan ini yang kita nampak tidak ada langsung dalam pindaan sekarang.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya, boleh saya jelaskan. Tuan Yang di-Pertua, saya *I stand corrected*. Akan tetapi apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kepada *article 151* yang ia dimasukkan ke dalam Perlembagaan tahun 1990. Kita semua tahu apa yang berlaku Yang Berhormat Subang, tahun 1989, *that was amendment* di mana kita *amended ISA and EO* di mana kiat keluarkan Tuan Yang di-Pertua, daripada budi bicara mahkamah supaya mahkamah boleh campur atau pun menilai atau menimbangkan *merits* satu tahanan. *So another word what happened there, amendment so the court can only look at procedural aspect.*

Dalam tahun 1990, *in order to make sure that the was still a right to consider merits* Tuan Yang di-Pertua, *Parliament included 151 too*. Di mana sekarang *merits* tersebut akan dibicara di hadapan *advisory board* dan keputusannya Tuan Yang di-Pertua, akan di buat oleh Yang di-Pertuan Agong. Jadi isunya Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak gubal satu undang-undang di bawah 149, *it has to be read together with 151* yang bermakna bahawa tahanan di bawah 149 tersebut itu, *its restricted* dan sekiranya ada *review the merits that is reserve to an advisory board with will put out the representation to the King*. Langsung tidak ada Tuan Yang di-Pertua, di sebut di sini. *It is clearly in violation of 149, cannot be*. Minta maaf Yang Berhormat Azalina, *I do not know which kawasan mana...*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Terima kasih Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Puchong lupa saya. Yang Berhormat Puchong, saya hendak minta penjelasan. Daripada perbahasan Yang Berhormat Puchong bermakna Yang Berhormat Puchong menyatakan bahawa rang undang-undang ini melanggar Perlembagaan di sebabkan oleh artikel Perkara 151 dan bukan di sebabkan oleh tahanan tanpa bicara. *It is that your statement, dengan izin?*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, itu soalan yang baik. Yang Berhormat Pengerang, tahanan tanpa bicara itu melanggar Perlembagaan Persekutuan. *Detention without trial violated article 5 of the Federal Constitution*. Jadi cara dalam mana satu undang-undang boleh digubal supaya *article 5 is not violated is to comply which 149*. Kalau kita *comply* 149, maka dalam 149 tersebut Tuan Yang di-Pertua disebut, *article 5 is not violated*. Jadi *if you want to comply 149, you have to comply 151. If you do not comply 151, there is no compliance with*

149 *which means* tahanan tanpa bicara itu melanggar *article 5*. Boleh Yang Berhormat Pengerang? *Is it make sense? I...*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** *My respond* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya akan *respond* pada ini bila saya berbahaslah. *Thank you so much.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Very well.* Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini satu perkara yang cukup penting *and /* itu menjadi sebab di mana kita sebut. Kalau kita lihat rang undang-undang dan saya dengar Yang Berhormat Baling, *we all heard, we heard many views* Tuan Yang di-Pertua, tetapi *we have to ask ourselves*. Kita sebagai Dewan Rakyat, kita kena faham bahawa kita kena hormat Perlembagaan Persekutuan. Kita tidak boleh datang ke Dewan yang mulia ini dan melakukan apa sahaja yang kita hendak kerana kita Ahli Parlimen. *We have to comply with the Federal Constitution.* Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya dengan rela hati – *It is one o'clock* Tuan Yang di-Pertua, saya akan ke isu lain selepas ini.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menekan bahawa saya rasa *all of us here*, kita semua seharusnya menyokong satu cadangan supaya bil ini di tarik balik, supaya nasihat Tuan Yang di-Pertua diambil daripada Peguam Negara berkaitan dengan perkara ini supaya kita dapat tahu sebenarnya sama ada atau pun tidak ini adalah satu *mistake and over side* yang akan mempunyai kesan yang sangat serius kepada undang-undang ini dan kesan yang lebih serius kepada kita sebagai Ahli Parlimen yang walaupun mengetahui bahawa undang-undang ini mempunyai kesilapan yang besar sangat, tetapi terus meluluskan undang-undang ini dalam Dewan ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Sila Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Yang Berhormat, Yang Berhormat Sepang, kalau boleh nanti sambung nanti selepas 2.30 petang. Yang Berhormat Puchong boleh sambung perbahasan nanti pada jam 2.30.

Ahli-ahli Yang Berhormat kita tangguhkan Mesyuarat sehingga 2.30 petang nanti. Terima kasih

**[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.01 petang]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]**

**2.31 ptg.**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Gombak, duduklah. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang Berhormat Gombak makam tinggi, jadi Tuan Yang di-Pertua kena persilakan dia duduk, baru dia duduk Yang Berhormat Puchong.

Saya hendak tanya wakil rakyat Yang Berhormat-Yang Berhormat berapa orang lagi berminat untuk berucap? *[Beberapa Ahli bangun]* Satu, dua, tiga, empat, lima, enam, tujuh, lapan dan sembilan. Saya ingat 10 orang ada lagi yang hendak berucap ini. Jadi kita jadualnya sehingga selesai. Jadi jam 5.30 dijadualkan Menteri menjawab mereka di peringkat dasar. Jadi untuk beri peluang kepada Yang Berhormat Puchong dan rakan-rakan yang lain, setengah jam seorang. Jadi Yang Berhormat Puchong sudah 20 minit, boleh 10 minit?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Boleh saya cuba? Boleh cuba. Saya cuba. Terima kasih. Mungkin kalau boleh sedikit...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya pun cuba ingatkan masa, ya.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Kalau boleh 20 minitlah *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila. Terima kasih.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Selepas Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Tanjong Karang.

## 2.32 ptg.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, tadi saya bangkitkan isu berkenaan dengan akta yang baru ini di mana kita lihat bahawa tidak ada peruntukan subjek Artikel 151 dalam Perlembagaan Persekutuan dimasukkan dan itu kepada saya Tuan Yang di-Pertua membawa ataupun bertentangan dan apa yang diperlukan untuk satu akta di bawah untuk satu akta di bawah seksyen ataupun Artikel 149, Perlembagaan Persekutuan.

Dalam perkara ini kalau saya boleh Tuan Yang di-Pertua buat rujukan kepada seksyen 14 bil ini di mana dinyatakan bahawa terdapat ataupun akan adanya pindaan kepada seksyen 10 dan khususnya di mana rujukan dibuat kepada seksyen 14(a)(3) dan 3(b). Apa yang dinyatakan di sini adalah seperti berikut, *"Whatever the Board, after considering the finding of the Inquiry Officer submitted under subsection (1), is satisfied with respect to any person. Nombor 3(a) tidak berkenaan. Nombor 3(b), based on the Inquiry Officer's finding Tuan Yang di-Pertua, there are sufficient grounds for believing that the person is a member of any of the registrable categories, the Board should proceed in accordance which Parts III, IV or IVA of this act.* Saya buat rujukan kepada Part IVA dalam akta ini di mana kita lihat terdapat peruntukan baru iaitu seksyen 19A.

Seksyen 19A Tuan Yang di-Pertua, menyebut berkenaan dengan *Detention Order*. Ini apa yang dinyatakan (1) *Board may after considering the report of Inquiry Officer submitted under section 10 and the outcome of any review under section 11, direct any registered person be detained under a Detention Order for a period not exceeding two years and may renew any such Detention Order for a further period not exceeding two years and so of all.* Subseksyen 2 adalah

penting Tuan Yang di-Pertua. ini apa yang dinyatakan, “*The direction of the Board under subsection (1) shall be subject to judicial review by the High Court*”.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat perkataan yang digunakan di situ dalam 19A dinyatakan dan saya buat rujukan dan penekanan kepada perkataan “*direct*” *The Board may direct that the person be detained under a Detention Order. Then, subsection (ii) “That direction of the Board is subject to do review”*. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kepada seksyen 15A. Seksyen 15A menyatakan, “*Judicial review of an act of the decision of Board*” seksyen 15A, “*There shall be no judicial review Tuan Yang di-Pertua in any court of and no court shall have or exercise any jurisdiction in respect of, any act done or finding or decision made by the Board, except in regard to compliance procedural requirement.*” Jadi kita kena lihat Tuan Yang di-Pertua bahawa ada perbezaan perkataan.

“*Judicial review*” dikecualikan untuk *any act finding or decision*. Akan tetapi kalau kita kepada seksyen 19A. Apa yang dinyatakan di situ adalah “*That is review of a directions*” iaitu *direction to make an order*. Saya hendak tanya kepada Menteri, apakah perlunya perbezaan perkataan-perkataan di sini? Adakah ianya bermakna bahawa menurut seksyen 19A(2) yang baru, pengeluaran satu perintah memang boleh dibawa ataupun dikaji semula di Mahkamah Tinggi. Ini kerana kita lihat perbezaan perkataan di mana ada *autos clause or judicial review*, ianya hanya kepada *act decision of finding* tidak termasuk *direction* tetapi *directionnya* boleh dikaji semula di mahkamah. So I want to know kenapa ada perbezaan perkataan? Adakah ianya bermaksud bahawa sekiranya satu perintah dikeluarkan menurut seksyen 19A(1), “*Direct that any registered person be detained under a detention order*” dan kemudiannya dinyatakan, “*That direction is subject to review*” Adakah ini bermakna Tuan Yang di-Pertua bahawa sebenarnya Mahkamah Tinggi boleh memasuki dan menilai *merits* satu tahanan melalui satu perintah yang dibuat melalui seksyen ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah berkaitan dengan apa yang saya sebut tadi. Kalau kita lihat kepada Perlembagaan Persekutuan, ‘review’ ini adalah satu perkara yang diberikan kuasanya kepada Yang di-Pertuan Agong. Jadi, akta yang menggunakan perkataan sedemikian yang mana *review* tersebut itu *is restricted* pertama kepada *Board* dan seterusnya kepada *High Court*. Ianya bertentangan, jelas dengan Artikel 151. So sorry, saya minta Menteri untuk memberikan satu penjelasan berkenaan dengan kedua-dua perkara yang berbangkit di sini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik sekarang kepada apa yang juga penting demi debat ini. Ia berkaitan dengan apa yang disebut oleh Perdana Menteri kita. Perdana Menteri kita menyatakan bahawa beliau hendak mewujudkan *the World best democracy* apabila beliau menjadi Perdana Menteri, dan saya ambil petikan daripada satu rencana yang bertarikh 19 Ogos 2013, daripada *Malaysia insider*, Muhammad Izwan adalah *reporter* dan ini apa yang dinyatakan, “*The government will not introduce Tuan Yang di-Pertua, such law which restrict human right and liberties during in crime*” Prime Minister, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak promised.

Selepas itu dia kata, “*Dato’ Sri Mohd. Najib disagreed with the demand for new preventive law saying that he will not re-instate the powers to detained individual without file that he has*

*abolish.*" Jadi dinyatakan secara jelas di sini dan kita lihat bahawa Perdana Menteri memang membuat keputusan untuk menarik balik atau menghapuskan Akta Keselamatan Dalam Negeri dan juga EO. Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting adalah ini.

■1440

Kita kena faham kenapa undang-undang sebegini di seluruh dunia yang ada dahulunya sekarang telah dihapuskan? *Why have this law been repeal?* Tuan Yang di-Pertua, saya dengar daripada sebelah sana memang banyak kita dengar bagaimana mereka kata ada jenayah yang semakin naik. Kita perlu ada undang-undang yang kuat, kita perlu pastikan bahawa jenayah ini kita tentang dengan hebat. Kita hendak bagi penekanan di sini, kita dalam Pakatan ...

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Wangsa Maju bangun.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Sila Yang Berhormat Wangsa Maju, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta pandangan dari Ahli Yang Berhormat Puchong, baru-baru ini kita dapat berita Presiden Obama *cancel* dia punya *trip* yang sepatutnya minggu depan. Ini tentang Amerika Syarikat ada masalah atau dia jelaskan kita punya *human rights record*? Terima kasih.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ini soalan yang di luar pengetahuan saya tapi *we can see both ways* atau mungkin saya tidak tahu sebab-sebab Yang Berhormat. Akan tetapi, memang apa yang penting apabila kita ada lawatan daripada negara-negara lain, satu perkara yang mereka pertimbangkan adalah rekod *human rights* sesuatu negara tersebut. Akan tetapi saya berbalik kepada apa yang saya sebut tadi. Saya hendak buat sedikit penekanan di sini, kita dalam Pakatan Rakyat, kita memang menyokong semua usaha daripada kerajaan, daripada kita juga untuk kita membanteras jenayah. Itu *lets we clear about that*. Kita juga menyokong.

Akan tetapi, persoalan berbangkit adalah ini. Saya dengar yang ramai kata pembunuhan berlaku semalam, minggu lalu dan sebagainya. Ya, betul. Itu memang berlaku. Akan tetapi dalam negara ini kita ada undang-undang yang boleh digunakan untuk menyelesaikan masalah itu. Kita lihat bahawa undang-undang ini bukan undang-undang digubal semalam. Undang-undang ini sudah ada berapa tahun. *You look at our law report almost 100 years* Tuan Yang di-Pertua, kita ada.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bayan Baru bangun.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Sila.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Puchong. Yang Berhormat Puchong saya hendak tanya Yang Berhormat Puchong. Kalau kita tengok PCA ini, objektifnya adalah untuk *target gangsterism* dengan geng-geng dan sebagainya tetapi tafsiran kepada gangster dan juga pertubuhan-pertubuhan haram itu, itu

terpulang kepada tafsiran daripada KDN, daripada kerajaan. Kalau satu hari kerajaan rasa itu satu organisasi adalah haram, kerajaan umumkan maka *automatically* kerajaan boleh menggunakan PCA untuk menangkap ahli-ahli daripada pertubuhan haram tersebut.

Saya hendak bagi contoh pada tahun 2008, kita ada satu pertubuhan NGO namanya Hindraf. Hindraf adalah satu pertubuhan gerakan rakyat yang membantah *certain* diskriminasi. Akan tetapi, ahli-ahli daripada kumpulan tersebut ditahan dengan ISA, dimasukkan ke penjara. Kerajaan umumkan bahawa itu pertubuhan Hindraf adalah pertubuhan haram. Maka, mereka menggunakan pelbagai undang-undang untuk menangkap mereka.

Jadi, persoalannya yang saya dapati adalah mana-mana pertubuhan walaupun sekarangnya adalah sah, sekarangnya adalah yang tidak haram akan boleh diharamkan bila-bila masa. Kita telah nampak ada negara-negara *oppressive* seperti di *Egypt* sekarang yang satu pertubuhan *Muslim Brotherhood* yang dulunya kerajaan, sekarang diharamkan oleh rejim tentera. Saya takut bahawa satu hari mana-mana pertubuhan yang membela rakyat, yang mana-mana pertubuhan parti politik pun boleh diharamkan.

Jadi, Pakatan Rakyat mungkin diharamkan satu hari dan ini menjadi masalah sebab ini dalam sejarah Malaysia pun pernah ada sejarah bahawa pertubuhan politik diharamkan seperti UMNO.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bayan Baru, jangan panjang-panjang.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** UMNO pun pernah diharamkan. Maka, bolehkah mereka menggunakan PCA untuk menangkap semua ahli UMNO? Jadi, dia boleh pakai kata kerana kata kalau satu cawangan buat mesyuarat, dia kata mesyuarat itu adalah konspirasi mengancam ketenteraman awam dan ditangkap. Jadi, saya minta pandangan Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru. Sebenarnya kalau kita lihat kepada apa yang ditulis dalam undang-undang ini sebenarnya tidak boleh. Tidak boleh tahanan tersebut tangkapan dibuat di bawah PCA dan sebagainya tetapi Tuan Yang di-Pertua itu juga keadaan yang sama juga dengan Akta Keselamatan Dalam Negeri. Kalau kita lihat kepada Akta Keselamatan Dalam Negeri, memang tidak ada peruntukan untuk ahli-ahli politik atau orang yang mewujudkan organisasi sekian, sekian ditahan. Akan tetapi masalahnya berlakunya penyalahgunaan akta itu dan itu apa yang kita sebutkan di sini.

Kalau satu akta disalahgunakan, forum dalam mana seseorang itu boleh membawa perkara ini untuk keadilan beliau adalah di mahkamah. Kalau tidak ada hak untuk beliau pergi ke mahkamah, di manakah beliau akan bangkitkan isu ini? Di manakah beliau akan bangkitkan rungutan ini bahawa sebenarnya akta yang digubal bagi tujuan tertentu itu telah pun digunakan dan disalahgunakan terhadap beliau.

*This is the reason why* negara-negara barat yang kita lihat yang dulu adanya undang-undang seperti ISA dan sebagainya, mereka sekarang terima bahawa sebenarnya undang-undang yang mengehadkan perbicaraan memang adalah undang-undang yang bukan menyokong atau

menguatkan suatu sistem tetapi melemahkannya. Saya bagi contoh Tuan Yang di-Pertua di sini. Kenapa kita ada pengamal undang-undang yang membawa pendapat bahawa kita tidak seharusnya ada *detention without trial*? Ada sebab.

Kita juga tahu Tuan Yang di-Pertua di mana kita ada satu negara, pihak polis memang ada. Pihak polis ada dengan mereka, *weapons* mereka ada banyak kuasa yang diberikan supaya mereka boleh membanteras jenayah. Dalam negara ini Tuan Yang di-Pertua, satu masalah yang memang kita hadapi adalah kekurangan polis, kekurangan pegawai, kekurangan kemudahan-kemudahan untuk polis. Macam Puchong, kalau you datang Puchong Tuan Yang di-Pertua banyak kali mereka kata *we don't have enough people, we don't have enough cars*, kita tidak cukup balai.

Jadi, kita tanya berkenaan dengan persoalan ini. Kenapa kita di negara ini walhal kita ada wang banyak sangat, kita boleh bina macam-macam bandar-bandar baru Putrajaya, Cyberjaya dan sebagainya tetapi kenapa tidak wang tersebut itu kita halakan ke dalam sistem perpolisan di mana sistem dan taraf perpolisan kita cukup tinggi untuk kita membanteras jenayah? Betapa kita pula berbalik kepada satu keadaan di mana kita membenarkan pihak polis untuk tahan tanpa bicara.

Saya hendak juga kongsi di sini Tuan Yang di-Pertua kalau boleh kita lihat apa yang berlaku apabila polis itu diberikan kuasa yang sangat meluas. Tuan Yang di-Pertua, dia tidak perlu untuk siasat, dia tidak perlu untuk siasat. Sebenarnya apa berlaku adalah apabila kita ada satu jenayah, kalau polis siasat dengan mendalam, mereka dapat bukti mereka bawa ke mahkamah. Akan tetapi kalau kita ada satu undang-undang di mana beliau tidak perlu pergi ke mahkamah, di mana satu keputusan boleh dibuat sebegini sahaja memang kita boleh lihat satu keadaan di mana kita tengok tahap siasatan kita pun akan memang turun kerana tidak perlu siasat dan ini adalah satu perkara yang cukup jelas. *That is the reason why* kita lihat bagaimana satu undang-undang sebegini boleh dengan senangnya disalahgunakan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Just a moment* Yang Berhormat Sepang. Saya dengar tadi bagaimana, Yang Berhormat Baling sebut dengan sangat emosi dan sebagainya. Dia kata okey. Sebut berkenaan dia pergi 32 negara dan sebagainya baguslah. Kalau dia betul maknanya semua Ahli Barisan Nasional semua lain tidak boleh pakailah dia orang tidak pergi ke 32 negeri, *but that is not issue* Yang Berhormat Baling, *that is not issue*. Jangan kita datang ke sini kita hendak suara kita *loud* supaya semua dengar apa yang kita kata, *understand the issue...*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Isunya adalah sama ada tidak undang-undang yang kita hendak gubal sebagai Ahli Parlimen tugas kita. Yes saya setuju. Kita pun sama-sama kita hendak banteraskan jenayah, saya setuju.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kapar bangun. Yang Berhormat Puchong ada dua minit lagi.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya, saya akan bagi, *sorry*. Adakah persoalannya, adakah undang-undang sebegini, undang-undang yang kita hendak? Di mana kita lihat negara-negara barat, negara-negara lain dunia ini *they are moving away to better policing*. Kalau dalam mana kita ada sistem polis mereka sungguh kuat prestasi mereka. Mereka dapat membanteras jenayah dengan sekarang kita ada DNA, kita ada macam-macam. *We have got all sources of ways to investigate, not* macam dulu. Sekarang kita ada ya. So kita tanya persoalan kenapa Malaysia sekarang apabila kita sebut kita hendak wujudkan *best democracy*, kita berbalik kepada suatu keadaan yang *existed in 1959*.

Tuan Yang di-Pertua, 1959 lain. Tahun 1959 apabila komunis semasa itu dia datang, dia gaduh, lawan. Kita lihat bagaimana keadaannya. Mahkamah pun tidak cukup Tuan Yang di-Pertua untuk kita hendak adakan bicara untuk semua orang dengan masa yang terdekat. *There is the reason why the EO was promulgated*. Jadi kita ada kuasa terus untuk tangkap semua *so we can stop it from happening*. Hari ini adakah kita ada darurat di luar? Saya baru pergi makan tadi, tidak ada masalah. Tidak ada darurat di luar. Semua pelajar di sini tidak ada darurat, semua orang tahu tidak ada. Bagaimana kita sebagai Ahli Parlimen datang ke Dewan ini, *you allows to lie* dan menyatakan bahawa ada darurat supaya kita boleh meluluskan undang-undang ini? Kita lihat tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Berhormat Sepang dulu kalau boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sepang.

#### ■1450

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Puchong. Saya hendak minta penjelasan dari Yang Berhormat Puchong. Tadi Yang Berhormat Puchong ada membangkitkan berkaitan dengan satu *point* yang begitu dengan izin, *pertinent* terhadap undang-undang ini iaitu di mana undang-undang ini dipinda dengan izin, *pursuant to Article 149 of the Federal Constitution*. Seperti mana kata Yang Berhormat Puchong tadi bahawa Artikel 149 ini mesti dibaca bersama dengan Artikel 151. Soalan saya adalah kalau dilihat *point* tadi ialah Artikel 151 memperuntukkan perlu wujudnya satu apa yang dipanggil badan rayuan.

Antara peranan badan rayuan ini adalah untuk menimbangkan representasi yang dibuat oleh mereka yang ditahan. Persoalan saya Yang Berhormat Puchong, kalau dilihat dalam rang undang-undang yang hendak dipinda ini, saya, *I stand corrected*, tidak nampak satu pun peruntukan yang membenarkan atau mengizinkan representasi dibuat oleh orang yang ditahan.

Jadi persoalannya kalau sekiranya pun ada majlis rayuan atau pun badan rayuan, bagaimanakah badan rayuan ini untuk menimbangkan representasi kalau representasi itu juga tidak ada? Jadi bermakna, orang Arab kata *[Berucap dalam bahasa Arab]* Kalau tidak ada benda

macam mana hendak bagi? Jadi kalau ada majlis rayuan pun tetapi tidak ada peruntukan tentang representasi, maknanya *it is a double unconditional*. Setuju atau tidak dengan saya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Puchong gulung.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sepang, saya setuju. Kalau kita lihat kepada undang-undang, bil yang sekarang di hadapan kita, bil tersebut itu membenarkan jawatankuasa membuat perintah tahanan. Seterus daripada itu jawatankuasa tersebut di bawah seksyen 11 boleh kaji semula dan selepas daripada itu kalau kita lihat kepada seksyen saya bacakan tadi ada akses atau pun ada laluan untuk tahanan tersebut dibawa ke Mahkamah Tinggi.

Apa yang kita lihat dalam Perlembagaan itu Tuan Yang di-Pertua, hak untuk buat rayuan atau representasi tersebut perlu untuk satu undang-undang yang digubal di bawah Artikel 149, hak representasi tersebut itu perlu dibuat di hadapan *advisory board* yang spesifik iaitu badan yang berlainan daripada badan yang membuat keputusan perintah untuk menahan. Jadi kalau kita lihat dalam akta ini jawatankuasa yang membuat perintah, jawatankuasa yang boleh kaji atau pun buat *review* itu tidak boleh. Itu bertentangan dengan apa yang dinyatakan dalam Artikel 151.

Keduanya, yang cukup penting. Saya menekankan di sini. Artikel 151 Perlembagaan Persekutuan menjamin hak seseorang yang ditahan tanpa bicara untuk membuat representasi untuk dipertimbangkan oleh Yang di-Pertuan Agong. Dalam keadaan itu kita lihat bagaimana kita boleh ada satu undang-undang di sini yang langsung tidak menghiraukan peruntukan tersebut. Langsung tidak disebut Tuan Yang di-Pertua, *at all* dalam sini bahawa terdapat hak untuk membuat representasi kepada satu lembaga rayuan yang akan membawanya kepada Yang di-Pertuan Agong. Bagaimana Tuan Yang di-Pertua kita boleh ada satu keadaan di mana kita kena pergi ke Mahkamah Tinggi, minta satu keputusan di situ walhal dalam masa yang sama keputusan juga perlu dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong. *I think that-* tidak boleh.

Saya sebut di situ *it is clear*. Undang-undang di sini jelas – saya tidak tahu bagaimana ianya berlaku Tuan Yang di-Pertua tetapi kemungkinan *overlooked or something but I think this is something that we should consider. It is serious. Unconstitutional certainly* satu perkara yang kita perlu lihat. Saya akan bagi Yang Berhormat Kapar. Dia bangun dua atau tiga kali. Kalau boleh pendek. Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Kita berbalik kepada EO dan ISA yang dimansuhkan yang ditekankan tadi oleh Yang Berhormat Puchong. Saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat Puchong. Ketika itu apabila Perdana Menteri memansuhkan ISA dan EO sepatutnya saya rasa dia buat setelah mengkaji, menyelidik dan mungkin ada satu mekanisme untuk mengurangkan kadar jenayah dan sebagainya. Tiba-tiba kini membuat *U-turn*. So saya rasa mekanisme ini gagal atau tidak ada pendekatan atau cara lain terpaksa hendak membawa undang-undang *draconian*. So apa pendapat Yang Berhormat Puchong?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya menyebut sekali lagi seperti mana saya sebut tadi. Saya rasa kita sebagai Ahli Parlimen kita terikat dengan apa yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Perlembagaan Persekutuan cukup jelas bahawa tahanan tanpa perbicaraan itu tidak dibenarkan dalam negara ini kecuali ada undang-undang yang perlu diwujudkan di bawah Artikel 149. Artikel 149 itu undang-undang yang diwujudkan semasa darurat. Sekarang tidak ada darurat. Saya tidak lihatlah darurat. Parlimen bersidang mana ada darurat? Itu satu.

Kedua, sekiranya ada pun undang-undang sedemikian di bawah Artikel 149, *Article 151 has to be complied with. It's mandatory, Constitutional.* Jadi tanpa ada peruntukan tersebut saya rasa kita hendak bincang bil ini pun kita bincang satu perkara yang memang bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Jadi isu yang berbangkit– saya menggulung Tuan Yang di-Pertua.

Ya, saya dengar seruan dari rakan-rakan saya di sebelah sana kata “*Jom, ayuh, kita bersama-sama sokong undang-undang untuk membanteras jenayah*”. Pada saya kita memang sokong undang-undang untuk membanteras jenayah tetapi undang-undang tersebut itu mesti mematuhi undang-undang, mesti mematuhi Perlembagaan Persekutuan. Kita semua tahu bahawa Perlembagaan Persekutuan kita tidak membenarkan tahanan tanpa bicara. Secara prinsip saya sebagai seorang Ahli Parlimen dan saya rasa di Pakatan Rakyat kita tidak sokong tahanan tanpa perbicaraan kerana tahanan sedemikian yang akan menyebabkan lebih banyak kita lihat penjenayah di mana semua mereka itu ditahan bukan untuk kesalahan yang mereka lakukan. Akan tetapi mereka ditahan untuk dua tahun dan selepas itu bagaimana? Bagaimana untuk orang yang ditahan secara salah?

Saya rasa sebagai penggulungan Tuan Yang di-Pertua, ini adalah sebab atas mana? Tuan Yang di-Pertua, Peguam Negara kita yang diklasifikasikan sebagai peguam yang tertinggi di negara ini, *the highest law officer of this country*, beliau sendiri menyatakan– *we don't have to go further*. Tidak perlulah rujuk kepada peguam-peguam di sini. Saya rujuk kepada peguam pihak kerajaan. Dia sendiri menyatakan dia tidak sokong. Dia sendiri menyatakan bahawa sebarang undang-undang sedemikian akan menjadi undang-undang yang bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Beliau sendiri kata beliau tidak akan sokong. Beliau sendiri kata bahawa undang-undang tersebut tidak boleh dirujukkan dalam negara ini.

Saya minta kita di sini kepada Yang Berhormat Menteri kalau boleh supaya tarik balik. Kalau tidak mahu tarik balik kerana ada kepentingan tertentu, saya minta supaya undang-undang ini dibawa kepada jawatankuasa atau *select committee* supaya kita dapat duduk bersama dan tengok bagaimana klausa-klausa yang dikemukakan, masalah-masalah yang timbul itu dapat kita selesaikan sebelum ianya dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini untuk dipertimbangkan. Dengan itu saya ucapkan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Saya jemput Yang Berhormat Tanjung Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar dengan begitu teliti selama beberapa hari kita membahaskan. Memang saya tidak nafikan. Saya pun dahulu sebagai pengamal undang-undang memang tidak bersetuju undang-undang tangkap tanpa bicara. Itu tidak boleh dinafikan kerana ianya jelas bertentangan dengan prinsip-prinsip hak asasi manusia dan juga ianya bertentangan dengan prinsip *principles of natural justice* yang mana kita tahu *right to be heard* mesti ada, bertentangan dengan *principle of law, overruled of law, innocence until prove guilty*. Ini kita semua faham.

Saya, Tuan Yang di-Pertua pun masa saya belajar dan sebelum saya menjadi Ahli Parlimen, saya juga memang salah seorang aktivis yang tidak bersetuju dengan ISA dan undang-undang yang diamalkan tangkap tanpa bicara. Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, apabila saya diberikan amanah sebagai Timbalan Menteri Kementerian Dalam Negeri dan saya pada masa itu bukan sahaja mengkaji tetapi melaksanakan undang-undang ini.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum dalam negara kita ini ada empat sebenarnya undang-undang tangkap tanpa bicara yang mana setiap undang-undang ini ada matlamat masing-masing. Pertamanya, ISA. Semua orang faham apa tujuannya dan kita sudah *repeal* dan ganti dengan undang-undang yang baru – undang-undang SOMSA kita sudah ganti.

#### ■1500

Kemudian ada lagi satu undang-undang ialah EO. EO dengan COD yang ini saya tengok memang khusus ditujukan kepada kumpulan-kumpulan penjenayah ganas, *in violent crime*. Bukan sahaja *violent crime* yang dilakukan oleh individu tetapi oleh kumpulan yang terancang.

Dalam masa yang sama daripada pengalaman saya apabila saya menandatangani EO, laporan yang dibuat oleh pihak polis bukannya berdasarkan kepada satu kesalahan. Ada orang yang saya pernah tahan di EO. Di bawah EO ditahan di Simpang Renggam, melakukan lima, enam kesalahan, sepuluh tahun punya rekod masih ada dalam laporan polis. Saya percaya bahawa sebagai orang yang diamanahkan pada ketika itu, saya pernah berdebat dengan polis sampai pukul 5 pagi. Oleh sebab saya beritahu dengan polis bahawa saya tidak mahu bertanggungjawab ataupun nanti bila saya mati, saya bertanggungjawab kepada Allah SWT, menganiaya orang.

Sebab itu bila kita hendak menandatangani *Emergency Ordinance* ini, saya ketika itu sebagai Yang Berhormat Timbalan Menteri saya mesti puas hati bahawa tidak ada berlaku penganiayaan. Selain daripada kes-kes yang dibawa itu melibatkan empat lima kes dan ada kes itu kes sepuluh tahun berturut-turut, tiap-tiap tahun berlaku. Soalnya hari ini saya tanya polis sebab apa tidak tangkap? Dan saya tahu jawapan polis itu memang ada rasionalnya.

Sebagai peguam saya tahu, kalau tangkap orang ini bawa ke muka pengadilan tidak payah panggil *lawyer*, *lawyer* yang baru keluar universiti pun *guarantee* menang kes itu. Sebab tidak cukup bukti. Tidak cukup bukti dan malah orang yang ditahan itu pun tidak ada di tempat kejadian. Kalau dia betul-betul dia ada di tempat kejadian terlibat dalam kes rompak, kes bunuh memang kita boleh tangkap subjek, ada. Masalahnya subjeknya tidak ada. Dia entah dia duduk di tempat-tempat tertentu, dia hanya memberikan arahan, arahan yang kita tangkap ini ialah operator

dia. Budak-budak suruhan dia. Bila budak-budak suruhan ini ditangkap polis tahan 60 hari kita tanya dia dan dia tidak akan mengaku. Dia tidak mengaku. Dia tidak mengaku sebab dia takut, dia takut kalau dia kena tahan tidak apa kata dia. Ini anak dia, isteri dia, keluarga dia akan diancam. Sebab itu mereka tidak akan bagi kerjasama walaupun mereka tahu siapa yang memberi arahan.

Saya ingat Tuan Speaker saya hendak minta merayu kepada kalau boleh dalam Dewan ini, kalau boleh...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kota Bharu bangun.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Bagilah saya. Saya akan bagi EO, saya akan bagi satu isu. Tidak mahu, tidak mahu. Saya tidak cakap politik, saya cakap yang betul, okey? Saya cakap mengenai *apology* dengan undang-undang dan juga pengalaman saya sebagai Timbalan Menteri Dalam Negeri yang melaksanakan undang-undang ini yang dahulu saya pun tidak bersetuju.

Jadi Tuan Speaker kalau bolehlah, saya tidak tahu boleh atau tidak boleh kalau Dewan yang mulia ini tayangkan CD ini. Ada tiga CD yang kita pernah tengok bagaimana keganasan itu berlaku di Pasar Borong, Selayang, di Johor, di Penang, polis tidak boleh tangkap. Kita tengok video itu. Macam mana polis hendak tangkap sebab dia pakai topeng. Orang tengah duduk kedai kopi, datang-datang serang cincang. Alamak, tengok pun rasa ngeri, betul-betul macam filem Hindustan. Apa yang berlaku dalam cerita Hindustan, cerita Tamil itu memang betullah cerita ini. Bukannya main-main, betul-betul.

Kalau boleh biarkan kebenaran ini supaya para pihak pembangkang, saya tahu mereka sokong seperti mana Yang Berhormat Puchong cakap. Akan tetapi supaya kita insaf bahawa kita tidak mampu melihat keadaan negara kita seperti kita tengok dalam CD itu, kita ingat filem. *It's not film but it's real.* Cincang betul-betul macam cincang ayam. Kita tanya polis sebab apa tidak dapat tangkap, memang polis tidak boleh tangkap. Kejadiannya berlaku dan mangsa itu tahu siapa yang bunuh dia, siapa yang terlibat, dia tahu tetapi dia tidak akan berani bagi kenyataan.

Baru-baru ini bila ada berlaku kematian di Penang, saya ingat tidak pernah berlaku, terang-terang nama, nombor genting dia. Kosong berapa entah, saya tidak tahu kosong berapa...08 kah? Tidak pernah berlaku sebelum ini.

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Celahan, celahan Yang Berhormat Tanjung Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ini menunjukkan bahawa, bahawa kita seolah-olah hari ini bahawa genting genting ini dia sudah *above the law. Above the law, nobody* tidak boleh tangkap dia. Bila kita tangkap dia, kita terpaksa mengikut prosedur bahawa CPC yang saya kata tadi bahawa bukannya mudah dan saya yakin kalau bawa ke mahkamah puak-puak ini akan terlepas.

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Yang Berhormat Tanjung Karang. Saya Yang Berhormat Tanjung Karang di belakang ini sedikit sahaja, sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tanjong Karang ada dua orang bangun ini Yang Berhormat Kota Baharu dengan Yang Berhormat Tasek Gelugor.

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Sikit sahaja. Setuju kah Yang Berhormat Tanjong Karang kalau kita minta kalau Yang Berhormat Speaker untuk membuat satu keputusan supaya video-video yang berkenaan ditayangkan kepada kita pada hari ini. Terima kasih.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya dari Tanjong Karang. Tadi semasa membahaskan dan juga berdasarkan pengalaman Yang Berhormat Tanjong Karang sendiri sebagai Timbalan Menteri Dalam Negeri, Yang Berhormat ada menyebut bahawa ada banyak kes EO ini yang telah dikeluarkan *detention order* yang telah pergi ke Simpang Renggam dan sebagainya adalah kes-kes yang mana dari segi keterangannya, dari segi *evidencenya* tidak cukup untuk bawa dia ke mahkamah. Adakah Yang Berhormat boleh mengesahkan semua kes-kes EO ini *evidencenya* adalah tidak cukup, tidak memadai atas kesalahan yang dituduh itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya kata tadi bahawa kalau saya pun jadi peguam walaupun Yang Berhormat Sepang kata saya tidak pernah pergi masuk mahkamah tetapi saya *conviction lawyer* dan *litigation lawyer*. Saya pernah pergi masuk mahkamah. Akan tetapi sebab saya sudah jadi Ahli Parlimen saya tidak pergilah. Kalau saya pun jadi peguam bela saya *guarantee* mesti lepas. Tidak ada bukti, apa saksi? Orang yang kita tangkap itu tidak ada di tempat kejadian, yang bunuh orang lain, yang suruh bunuh orang lain. Yang kita tangkap ini orang yang *boss* dia di belakang.

Jadi ini Yang Berhormat dan juga saya hendak beritahu Yang Berhormat ini pengalaman saya. Bila saya pergi melawat Simpang Renggam, saya berjumpa dengan kumpulan-kumpulan yang ditahan ini. Salah seorang itu datang jumpa saya. Dia salam dengan saya dia cakap terima kasih Datuk kerana tahan saya di dalam Simpang Renggam. Saya kata kepada dia kenapa terima kasih? Dia kata kalau saya dekat luar ini saya ingat saya pun tidak boleh hidup macam ini. Saya duduk dalam Simpang Renggam selamat saya. Ini cerita betul saya tidak tipu. Ini dia kata dia satu kumpulan yang cukup terkenal pada ketika itu apabila polis membuat operasi menentang Geng Ali Mamak kalau tidak silap saya pada masa itu.

Ini menunjukkan bahawa, polis menjalankan tugas dengan betul. Saya pergi melawat Kamunting. Saya ingat tidak ada Yang Berhormat Menteri-Menteri yang pergi melawat Kamunting. Saya *spend* dekat satu hari dia ada tiga sel 'A', 'B', 'C'. Saya pergi Sel 'A', saya tanya kepada orang tahanan orang Indonesia bukan orang Malaysia. Saya tanya dia, bagaimana kamu ini orang Indonesia boleh ditahan di bawah ISA? Dia kata, bapak Menteri saya cukup kaget dengan kepintaran polis Malaysia. Ini dia cakap bukan saya. Saya cakap kerana apa kamu puji polis Malaysia? Dia kata, bapak Menteri saya sebenarnya sudah dalam perjalanan daripada Selatan Filipina singgah sebentar ke Sandakan mahu jumpa teman. Tidak ada niat hati saya mahu bikin kecoh di Malaysia. Saya memang GI dia mengaku tetapi mahu balik ke Indonesia. Akan tetapi

katanya kerana kepintaran dan ketangkasan polis Malaysia, sebaik saya pijak kaki di bumi Malaysia saya terus ditangkap.

Bayangkan, bayangkan bagaimana orang yang pergi ke Selatan Filipina, balik singgah sekejap terus ditangkap dan dia puji polis kita. Sebab itu bagi saya bila polis menjalankan tugas, mereka tidak ada apa-apa kepentingan. Oleh kerana itu kita perlukan EO ini untuk kita hendak mengatasi masalah jenayah yang sukar untuk di dakwa dan kepentingan orang awam. Kita ada CPC. Kita faham bahawa orang yang dalam segi undang-undang di bawa satu Artikel 149. Bukannya bawa Artikel 79 kalau tidak silap saya, lagi satu.

Betul kita ada undang-undang Akta Keterangan kita ada, CPC kita ada, tetapi ini undang-undang di bawah Artikel 79 kalau tidak silap saya atau 74 itu di bawah undang-undang biasa yang memberikan kelebihan kepada OKT dan tugas pendakwa raya membuktikan *beyond reasonable doubt*. Kalau tidak dapat bukti dia dilepaskan. Itu kita memberi pembelaan kepada rakyat tetapi hari ini kita buat undang-undang di bawah Artikel 149, demi kepentingan negara. Sebab itu cara kita berbeza dengan undang-undang biasa dan juga Tuan Speaker.

#### ■1510

Satu lagi undang-undang yang ada iaitu Akta Kediaman ‘Rasmi’. Apa sebab kita kenakan Akta Kediaman ‘Rasmi’? Itu ditujukan kepada jenayah yang bukan *violent*. Tauke judi, tauke pelacur. Kalau tauke pelacur kita tangkap dan bawa ke mahkamah, Yang Berhormat Ipoh Barat, boleh lepas? Mesti memang. Ini kerana bila kita bawa tauke pelacur, mahkamah akan tanya “*Mana pelacurnya, mana pelacur?*” Pelacur mana ada, sudah lari balik China. Yang bawa taukenya, dakwa dia, lepas. Tangkap tauke *bookie* judi, *you* hendak bukti macam mana? *You* tahu duit dia masuk, kita tahu bagaimana perjalannya tetapi hendak bawa ke mahkamah dan hendak tunjuk. Bukannya senang. Hari ini kita tengok dalam surat khabar, sampai polis terpaksa menyelam cari pistol kes Hussain kita baca. Hendak cari bukti...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** ...Akan tetapi kes-kes yang polis tahan ini, polis tahu. Dia yang melakukan. Berapa mesin judi dia ada. Berapa *slot machine* dia ada...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Minta laluan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Akan tetapi hendak bawa ke mahkamah, mustahil ada bukti. Mereka lagi cekap. Mesin slot itu kalau polis pergi tangkap, dia boleh tukar jadi mesin biasa. Sudah tidak ada bukti. Akan tetapi polis tahu bahawa mereka ini terlibat di dalam kegiatan-kegiatan judi haram. Kegiatan-kegiatan pelacuran dan sebagainya.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Minta laluan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Oleh sebab itu kita ada RR. Kesalahan macam itu, oleh kerana mereka yang terlibat tidak melibatkan *violent crime*, kita hanya buang daerah sahaja. Buang daerah sahaja. Akan tetapi yang mana melibatkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bukit Mertajam bangun.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** ...Jenayah serius, itu kita tahan kepada EO. Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih. Tadi Yang Berhormat kata polis sudah hendak cari bukti. Akan tetapi apa yang kita hendak ialah polis untuk selesaikan kes dan kita boleh beri masa. Undang-undang sedia ada pun ada bagi masa reman tetapi bukanlah hendak tahan sampai dua tahun. Adakah Yang Berhormat mempertikaikan profesionalisme ataupun keupayaan polis kita? Kalau polis kita ada kelemahan, maka kita tambah lagiilah anggotanya ataupun peralatannya. Tidak perlu hendak tahan dua tahun.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Itu sebab Yang Berhormat tidak faham saya cakap. Kita hendak tangkap macam mana sebab orang yang suruh bunuh itu bukan dia yang bunuh. Yang kita tangkap ini orang yang bunuh. Yang Berhormat, kalau... Tuan Yang di-Pertua belum jawab cadangan daripada Yang Berhormat Tasek Gelugor. Tuan Yang di-Pertua, bolehkah nanti kita tayangkan? Kalau ada ini, cukup nanti supaya Yang Berhormat yang tanya saya tadi, faham. Kalau Yang Berhormat jadi polis pun, saya hendak tanya. Boleh tangkap atau tidak boleh tangkap kes-kes macam itu? Kalau boleh ditayangkan supaya kita jelas apa tujuan kita memperkenalkan undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua tengah membaca. Tidak apa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila, sila.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Tanjung Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tayangkan CD yang kita pernah tengok supaya semua orang dapat tengok, supaya jelas. Kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, kita tayangkan dekat layar ini dan kita tengok sama-sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak apa.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Jadi Tuan Yang di-Pertua, ini yang saya hendak jelaskan. Saya kata bahawa kita hendak dakwa bukan kerana tidak cukup..., bukannya tidak cukup bukti tetapi kerana dia terlibat tetapi kalau bawa ke mahkamah memang tidak boleh lekat kes ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Gerik bangun.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kemudian dan juga...

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh hendak tanya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Gerik.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Ahli Dewan risau bila kuasa diberi kepada polis. Semasa pengalaman Yang Berhormat Tanjung Karang sebagai Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, ada atau tidak SOP polis bila berkaitan dengan kes-kes yang macam ini ataupun kita boleh cadangkan supaya ada SOP polis dalam menangkap dan menanya benda-benda yang berkaitan? Minta pandangan Yang Berhormat Tanjung Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Memang ada dia punya SOP. By 21 hari polis sudah selesai buat laporan dan sebagainya. Akan tetapi saya bersetuju apabila akta ini diluluskan, SOP itu mesti diperkemas lagi, mesti dijadikan satu peraturan yang tidak boleh dibuat sewenang-wenangnya oleh mana-mana pihak. Ini memang saya hendak cadang...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** SOP ini dijadikan satu peraturan dan mesti digazet supaya semua pihak polis terutamanya akan mengikut peraturan-peraturan ini. Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Seputeh bangun. Yang Berhormat Seputeh bangun. Sila, sila.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, semasa Yang Berhormat menjadi Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, saya masih ingat ada satu kes berkaitan dengan seorang yang ditahan di bawah EO. Mengikutnya adalah ia memang satu perangkap yang dia diheret masuk. Dia meminta bantuan daripada saya. Sebelum saya dapat tulis surat dan berjumpa dengan Yang Berhormat, tahanan itu dibebaskan kerana keluarga dia bayar kepada pegawai Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan dikatakan boleh '*kautim*.' Ini bukan satu kes yang saya dengar sahaja. Kalau tanya kita punya peguam dan mereka yang cuba menangani masalah macam ini, ini memang satu keadaan yang amat ketara yang mana undang-undang yang ketat dan kejam dan macam ini, ia membuka peluang kepada korupsi.

Yang Berhormat kata Yang Berhormat pernah pergi melawat Simpang Renggam, Kemunting dan sebagainya. Saya hendak tahu sama ada dalam pengalaman Yang Berhormat, ada sesiapa tahanan yang memberitahu Yang Berhormat yang mana dia memang tidak salah sehingga di tahap yang perlu ditahan selama dua tahun. Selepas itu diberi dua tahun lagi dan sebagainya. Jadi, adakah undang-undang macam ini adalah tidak adil kepada sesetengah orang yang memang tidak harus ditahan begitu lama? Minta penjelasan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat, saya beritahu tadi bahawa bila tindakan undang-undang diambil, dia bukannya berdasarkan kepada satu kes. Saya menjadi Timbalan Menteri tahun 2008 kalau tidak silap saya. Bila kes itu polis buka, tahun 2000 pun kesalahan timbul lagi. Sebelum tahun 2000, bermakna polis ada rekod mereka. Mereka ada mengikuti kegiatan-kegiatan jenayah ini.

Tadi Yang Berhormat kata rasuah, tidak bolehlah tuju macam itu. Kalau semua rasuah, tidak akanlah lebih seribu kita tahan di Simpang Renggam. Janganlah sebab satu kes, Yang Berhormat boleh kata kita tidak adil. *This is the problem* dengan pembangkang. Benda yang kecil, seorang, suara minoriti, *you* hendak *overrule* apa yang majoriti buat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Jadi, Yang Berhormat Tanjong Karang mengakui memang ada yang *innocent* tetapi di tahan di bawah EO lama-lama, betul?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Seputeh. Yang Berhormat Seputeh.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya beritahu. Saya sudah beritahu. Semalam semasa saya, tidak ada. Saya sudah berpuas hati bahawa apabila laporan itu sampai kepada saya. Saya teliti, memang tidak ada penganiayaan. Tidak ada.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey. Saya akan *explain*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Yang Berhormat Tanjong Karang setuju kah bahawa jenayah ini merupakan satu kompleks dan mencabar fenomena sosial kita. Sudah tentu tidak ada jalan penyelesaian sebab jenayah itu berlaku berbeza di antara negara dengan negara yang lain, lebih-lebih lagi jenayah yang bersindiket seperti kongsi gelap dan sebagainya. Sudah pasti memerlukan satu undang-undang iaitu pencegahan awal untuk memastikan kestabilan sesebuah negara dan rakyat itu harus dilaksanakan di mana-mana negara juga dalam dunia ini.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ya, saya setuju. Oleh sebab itu kita memperkenalkan undang-undang ini. Undang-undang yang keempat Tuan Yang di-Pertua iaitu Undang-undang Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985. Ini yang saya hendak bangkitkan seperti Yang Berhormat Puchong katakan tadi. Memang tadi saya ada bangkit. Memang betul Peguam Negara sebagai penasihat undang-undang dan waktu kita *repeal* ataupun kita *abolish* ISA, EO dan RR. Mengapa Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 ini tidak *replace* sekali? Tidak *abolish*. Sebab apa masih ada? Bermakna negara kita masih lagi mengamalkan undang-undang tangkap tanpa bicara kerana prosesnya dan prosedurnya sama macam ISA, sama macam EO. Sama. Tinggal lagi hanya kesan dadah.

Saya ambil contoh dadah. Macam mana polis tangkap, kerana apa? *You* tahu, kalau hendak tangkap orang dadah, dia mesti *in position*. Mesti ada dalam diri dia. Akan tetapi macam mana polis boleh tahan pengedar dadah? Dia tidak tangkap pengedar dadah. Dia tangkap penagih dadah. Dia tahan dan dia ambil *statement*. Dia tahan sepuluh orang sekurang-kurangnya penagih dadah. Dia tanya, “*Kamu ambil dadah ini daripada siapa? Daripada ‘A’*”. Tanya lagi. Kesepuluh-sepuluh orang ini kata dia beli dadah daripada ‘A’. Polis hendak tangkap ‘A’. Hendak pergi dakwa dalam *open court*? Mana ada bukti. Ini tidak payah panggil *lawyer*. Tidak ada *lawyer* pun dia boleh lepas.

## ■1520

Dia kata, masa bila saya ada jual dadah? Tak ada *in possession*. Akan tetapi bukti 10 penagih dadah, semua kata beli dadah kepada dia.

Sebab itu polis pergi tangkap dia, tahan dia tanpa bicara kerana terbukti daripada saksi-saksi yang diberi oleh penagih dadah. Akan tetapi kalau penagih dadah ini dibawa ke mahkamah, polis bawa semua penagih dadah ini, penagih dadah ini kata dia jual dadah tetapi tak ada bukti.

Masa bila dia jual, waktu bila dia jual? Berapa banyak dia jual? Ha, inilah kerja-kerja peguam. Jadi sebab itu, dia ditahan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Nanti, saya hendak habiskan yang ini.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, duduk yang Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak jelaskan bahawa yang Yang Berhormat Puchong kata tadi. Saya akui bahawa Peguam Negara juga manusia. Kemungkinan Peguam Negara juga *overlooked*, terlepas pandang bahawa ada satu undang-undang...

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Penjelasan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** ...Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) iaitu undang-undang yang masih kita amalkan, tangkap tanpa bicara. Mengapa undang-undang ini tidak *abolished* sekali dengan EO, dengan ISA dan dengan RR. Kemungkinan *overlooked* perkara ini. Jadi, sebab itu bila Yang Berhormat Puchong...

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Soalan sikit, soalan. Ya, okey?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Pasal dadah? Tadi saya ambil contoh.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Mahu mencelih sikit, nak tanya sikit sahaja.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey, baik. Okey, bagi ini selepas itu saya bagi Pasir Puteh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Pasir Puteh.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Yang Berhormat Seputeh sahaja yang bercakap, Yang Berhormat Pasir Puteh pun hendak bercakap juga sikit. Hendak bertanya kepada Yang Berhormat Tanjong Karang soalan yang *simple* sahaja. Apakah perbezaan di antara undang-undang yang ada yang hendak kita luluskan ini dengan ISA? Sama atau tidak? Kalau ada perbezaan, tolong beritahu dan kalaulah tidak ada perbezaan, adakah kita hendak buat ISA baru? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Subang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjong Karang. Yang Berhormat Tanjong Karang tadi bila jawab kepada Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Seputeh ada bangkitkan isu rasuah di Simpang Renggam. Pandangan Yang Berhormat Tanjong Karang adalah - mungkin ini satu keslah. Satu kes, macam buat tuduhan lebih kurang macam ini selalu dibangkitkan oleh pembangkang.

Akan tetapi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Tanjong Karang, tahu kah Yang Berhormat Tanjong Karang, ini tahun 2004, Kerajaan Barisan Nasional luluskan dan buat satu

keputusan untuk tubuhkan satu suruhanjaya diraja yang sangat penting untuk menambah- tujuan mereka adalah untuk menambahkan operasi dan pengurusan PDRM. Mereka buat kerja satu tahun di bawah pimpinan Tun Dzaidin. Masa itu Timbalan Pengerusi adalah Tun Haniff Omar, mantan KPN dan juga ada mantan Ketua Hakim Negara, Tun Zaki pun ada. Semua, banyak *luminaries* ada dalam Suruhanjaya Diraja, Tuan Yang di-Pertua. Ini saya hendak baca sedikit. Ini dapatkan daripada mereka ini, ini tentang rasuah, amalan rasuah. Ini bukan kata semua ada terlibat dalam rasuah. Akan tetapi adalah elok kita tahu apa yang disebut. Dengan izin, saya baca sekejap sahaja ya, saya hendak cepat. Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Jangan panjang-panjang ya.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tak, tak, ada empat, lima baris sahaja Tuan Yang di-Pertua. Dalam bahasa Inggeris ya. "...*Perception of the widespread incidents of corruption among police personnel. There are many police personnel in all ranks of PDRM who serve with dedication and integrity. They do not engage in corrupt practices of whatever kind. Some have not succumbed even to very tempting offers. They deserve our admiration. But...*", ini the "but", yang pentinglah ya. "...*But, the commission's inquiries and feedback indicate widespread corruption within PDRM*". Ini bukan cakap pembangkang. Ini cakap Tun Dzaidin, Tun Haniff Omar, Tun Zaki. Faham ya.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya setuju.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Dan juga akhir sekali, just sekejap sahaja. Sebab tadi sebut kenapa tak *repeal* akta...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ya, saya faham. Saya balas. Jangan buang masa saya. saya tahu dah.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ini pun, mereka pun berkata....

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya boleh jawab dua benda. Yang pertama, benda ini dah dipanjangkan. Dia panjang lebar, dia bahas dalam Parlimen. Okey, yang kedua kalau Yang Berhormat - laporan itu ya, mungkin betul sebab kita manusia. Kalau kita pun tengok, berapa banyak polis yang kita tangkap? Yang SPRM tangkap? Ada yang kena tangkap. Yang Berhormat pun *lawyer*. Kalau dia tak kena tangkap, kalau kita tak ada laporan, hendak tangkap macam mana?

Oleh sebab itu orang kata, mencuri itu tak salah. Bila dia salah, bila dia kena tangkap. Memang salah. Jadi, bermakna Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat ada bukti, mana-mana polis, bawa laporan. Kalau kita akan ambil tindakan, barulah boleh ada bukti. Saya tidak menafikan. Nak kira nanti yang macam itu susah Yang Berhormat. Ini kira-kira dalam parti politik pun ada juga yang setia, ada juga yang tidak setia. Bermacam-macam. Jadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Seputeh bangun.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat Tanjong Karang,...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Seputeh.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** DAP punya parti pun ada...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ...Kes tahanan di bawah EO, walaupun saya tahu siapa yang saya kata itu, memang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Seputeh, pandang saya Yang Berhormat Seputeh.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kalau hendak cakap perkara yang remeh-temeh...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Dia memang - dia tak berani kata, saya bayar polis supaya yang bapa saudara...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini Yang Berhormat Tanjung Karang hendak benarkan?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya tak bagi jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, tak bagi jalan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Hanya cakap yang betul saya bagi. Akan tetapi kalau nak cakap kes *personal*, sebab satu kes hendak kacau masa saya, tak usah. Melainkan...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ini satu kes sahaja tetapi memang ada banyak kes yang lain.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Baik, saya pun - saya nanti hendak minta supaya Kementerian Dalam Negeri nanti tolong nyatakan dalam Dewan berapa ramai pegawai polis yang telah diambil tindakan kerana rasuah atau melanggar undang-undang? Karang kita dengar.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Kes macam ini, macam mana hendak ambil tindakan? Tentu tak ada orang akan mengakui. Akan tetapi mereka mangsa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Seputeh, *ini floor* Yang Berhormat Tanjung Karang ini.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Hari ini kita tangkap, tak ada pencegah jenayah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Dia kena tahan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sudah, Yang Berhormat Seputeh, duduk Yang Berhormat Seputeh.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kalau Yang Berhormat ada bukti - ialah kes-kes yang macam inilah. Kalau kita bagi laporan polis, polis akan *follow* orang ini. Sekurang-kurang dua, tiga tahun polis akan *follow* dia, *then* tangkap. Yang Berhormat pun cakap, nak bawa kes ke mahkamah tak ada bukti. Ini mahkamah. Ini mahkamah kes liwat, Ketua Pembangkang pun kadang-kadang mahkamah kata betul, teknikal, dia lepas juga [*Disampuk*] Jadi, itu - saya bukan hendak kait. Jadi, kita kena faham, ia realiti. Dia punya kes - sebab itu peraturan dibuat di bawah Perkara 149. Saya kata, di bawah Akta Dadah Berbahaya. Tadi ada kata Peguam

Negara. Saya bersetujulah kalau betul tafsiran daripada Yang Berhormat Puchong, mungkin ada overlooked. Mungkin ada overlooked bahawa Perkara 149 mesti dibaca sekali dengan 151.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Tadi, soalan saya...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ya, ya, saya akan jawab, saya akan jawab. Ini pasal apa, ISA ya? Jadi, kalau betul tafsiran, saya minta pihak KDN kena tengok dan saya tidak ada halangan. Kita dalam peringkat jawatankuasa, kita tambah bahawa Lembaga Penasihat ini hendaklah membawa representasi kepada Yang di-Pertuan Agong.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kalau itu satu pandangan yang baik, teguran yang membina dan kalau betul ada kesilapan ataupun terlepas pandang oleh pihak Peguam Negara, maka saya menyokong supaya panel ini dibuat. Baik, saya hendak jawab ini, saya hendak jawab ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini, sahabat baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, ini Yang Berhormat Sepang bangun.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tak, ini Yang Berhormat Pasir Puteh, Yang Berhormat Pasir Puteh tanya saya. Yang Berhormat Sepang ini tak adalah. Saya bukan tak hendak layan, sudah sejam lebih cakap dah. Tak apa.

**Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Sepang ini tak payahlah. Tak pakailah!

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya fikir bahawa undang-undang ini, undang-undang yang kita bincang ini menunjukkan bahawa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tak bagi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, bagilah. Saya bagi semalam, saya bagi semalam.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Duduklah, saya jawab Yang Berhormat Pasir Puteh.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, okey.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya jawab Yang Berhormat Pasir Puteh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ini Yang Berhormat Pasir Puteh, kalau bertanding Majlis Tertinggi PAS kena sokongkah ini? Tak payah sokonglah. Sokong juga? Kalau Yang Berhormat Pasir Puteh ini okey, sebab dia PAS jawi. Yang itu PAS rumi. Jadi, susah sikit [Ketawa] Baik, apa saya cakap tadi? ISA, apa jugalah ISA kah, EO kah, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas), RR, ini semua undang-undang tangkap tanpa bicara.

Oleh sebab itu Yang Berhormat Pasir Puteh, kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib cukup ikhlas. ISA kita ubah, kita kenakan undang-undang baru, kita panggil Sosma. Di bawah 341 kalau tidak silap saya, jelas menunjukkan bahawa Sosma di bawah

Artikel 4(3), tak salah saya rasa 4(3), menyatakan bahawa mana-mana orang yang tidak boleh ditahan, mana-mana rakyat yang memberikan pendapat, ertinya politik tidak boleh ditahanlah. Senang cakap, *layman* punya bahasa. Baik, itu kita dah haps. Hari ini, kerajaan hendak buktikan keikhlasan, di mana dahulu kata ada tujuan politik. Sebab apa? Dulu bila polis tahan, yang menahan dia ini adalah menteri, orang politik. Jadi, ada orang kata ini kerana politik.

Oleh sebab itu hari ini kuasa menteri itu sudah tak ada dah. Dah tak ada kuasa menteri. Ikhlas kita. Kita bagi jawatan lembaga penasihat ataupun *board* jenayah ini yang terdiri daripada hakim. Tak ada kena-mengena lagi dengan Menteri dah. Menteri tak ada kuasa. Saya pun sebagai bekas Timbalan Menteri Kementerian Dalam Negeri, waktu perbincangan di antara ahli-ahli *backbencher*, *backbencher* pun kata mesti ada kuasa Menteri. Saya salah seorang yang mengatakan saya bersetuju, jangan bagi kuasa Menteri sebab ini jenayah. *Nobody above the law* dan ini jenayah, tidak boleh dipolitikkan.

#### ■1530

Kerana itu kita lihat keikhlasan Dato' Seri Najib. Jangan lagi guna kuasa politik. Hari ni orang kata jadi Menteri KDN sudah macam sudah tiada kuku. Tidak apalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Gombak bangun.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Asalkan, kita hendak beri kebebasan kepada *board* untuk membuat keputusan. Saya hendak bagi habis. Dulu Yang Berhormat bila polis tahan, Menteri sain. Bila Menteri sain dalam tiga bulan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Duduk dulu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Orang yang merayu ini boleh merayu kepada lembaga penasihat yang dikatakan oleh Yang Berhormat Puchong tadi. Lembaga penasihat kena angkat kes ini. Buat representasi kepada Yang di-Pertuan Agong. Ada satu dua kes yang saya masih ingat yang Lembaga Penasihat bagi kepada Yang di-Pertuan Agong, Yang di-Pertuan Agong pun bersetuju supaya tahanan ini dilepaskan. Ada. Memang. Bukan tidak ada, ada. Bermakna walaupun dulu ISA, mereka diberi peluang untuk membuat pemilihan di depan lembaga penasihat. Namun, hari ini kita kalau boleh jangan tahan dulu. Dulu sudah dia kena tahan, baru dia boleh rayuan kepada lembaga penasihat.

Hari ini tidak ada. Sebelum dia kena tahan, lembaga penasihat ini akan menentukan dulu dan saya percaya lembaga penasihat ini orang yang profesional. Sudah tentu dia tidak akan ada bias dan dia percaya orang yang akan menegakkan keadilan. Jadi sebab itu bagilah orang yang menentukan keadilan untuk membuat keputusan. Hanya tadi yang Yang Berhormat Puchong cakap tadi mungkin ada kebenaran bahawa kalau misal 151, Lembaga Penasihat ini kena buat representasi kepada Yang di-Pertuan Agong. Yang ini kalau perlu dibuat *amendment*, kita perlu buat *amendment* supaya ia tidak *contradict* dengan perlombagaan kita.

Jadi dalam masa yang sama, *judicial review*. Saya ingat masih boleh. *Habeas corpus is command habeas corpus* dia boleh buat rayuan. Berapa banyak kes-kes yang lepas kerana *habeas corpus*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sepang bangun.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hendak tanya fasal *judicial review* ini.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sikit, sikit saja.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tunggu dulu. Sabar, sabar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak bagi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sudah bagi peluang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ya lah, saya bagi. Saya bagi *don't worry*. Hanya cakap ini saja, Yang Berhormat Seputeh ini. Yang Berhormat Seputeh ini kadang laporan dia kadang-kadang tidak betul. Dengar dulu. Saya satu. Dengar dulu. Ingat tidak satu kes yang Yang Berhormat Seputeh bawa dalam Parlimen yang mengatakan bahawa seorang perempuan daripada negara China didenda dalam jel.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ini salah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Duduk, duduklah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya tidak pernah kata dia dari negara China.

*Utusan Malaysia* yang kata. Jangan disalah bimbing oleh *Utusan Malaysia*.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tidak apa. Duduklah. Janganlah marah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini Yang Berhormat Seputeh sudah kantoi.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Janganlah marah. Saya bagi contoh.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tidak benar itu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat, bila Yang Berhormat bagi contoh, saya tidak marah pun.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Contoh pun salah. Saya kata seorang gadis Cina saja. Saya tidak kata dari negara China.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey, okey. Yang Berhormat kata seorang gadis Cina. Baiklah bukan negara China tetapi bila saya pada masa itu Timbalan Menteri, saya siasat. Ini Ahli Parlimen Seputeh yang cakap, mana boleh kita biar, saya siasat. Eh, bukan gadis Cina, gadis Melayu yang kena. Ini yang bercakap dalam surat khabar [*Dewan riuh*]

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Jadi kalau *hearsay* macam ini...

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kalau *hearsay* macam ini, tidak akan kita hendak dengar. Ini terbukti sampai saya jadi isu besar.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat mencelah Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Mereka kata saya menghalau, menjadi penghalau pendatang dan sebagainya. Itu sejarah bagi saya. *Last* saya pun kena tukar juga daripada KDN sebab Yang Berhormat Seputeh lah memberi maklumat yang tidak betul.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Mencelah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak bagi Yang Berhormat Sepang.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Hendak betul sikit Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Sepang pula.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Beginilah Yang Berhormat Sepang, saya kadang-kadang sudah tahu apa yang Yang Berhormat maksudkan itu. Tidak payah panjang-panjang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** You macam malaikat pula tahu ya. Saya terus *direct* soalan ya. Adakah Yang Berhormat Tanjung Karang sedar bahawa apabila kita memfailkan *habeas corpus*, maknanya *judicial review* ini dibenarkan untuk kita *challenge technical defect*, dengan izin.

Adakah Yang Berhormat Tanjung Karang sedar apabila seseorang itu dibebaskan, dia masih lagi boleh ditangkap dan boleh di isu *detention order* yang baru. Ini selalu berlaku. Sedangkan apabila kita bawa ke mahkamah, dia lain. Dia tidak ada apa yang dikatakan penahanan, lepas. Contoh macam kes Permatang Pauh, *he was not release on technical*, dengan izin. Ini kerana *ingredients* dengan izin kertas pertuduhan tidak dapat dibuktikan.

Sebab itu tidak boleh lagi ditangkap. *Double jeopardy* akan terpakai, prosedur akan dipakai. Sedangkan dalam kes yang melibatkan *habeas corpus* ini, apabila seorang dilepaskan sekali *on technical* pun, dia masih boleh ditangkap. Saya pernah mewakili orang, lepas saja pintu pagar, tangkap balik. Dia akan *issue due decent order*. Ini yang kita kata satu penyalahgunaan kuasa.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey, Yang Berhormat, Yang Berhormat. Saya yang menjalankan tugas. Apabila katalah kalau Yang Berhormat kata bila *habeas corpus* dia ditangkap. Dia ditangkap akan ditahan balik. Datang fail itu kepada Menteri balik untuk tahan. Saya pun manusia, ada perasaan. Tidak boleh mana-mana kes yang dilepaskan di bawah *habeas corpus* hendak ditangkap, ditahan balik di atas kesalahan yang sama. *That's wrong*. Tidak akan boleh dan tidak boleh berlaku perkara ini. Kalau dia dilepaskan daripada *habeas corpus*, kalau dia ditahan mungkin di bawah kes yang lain. Sebab itu bila sampai kepada Menteri, Menteri akan tengok balik kes ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Gombak bangun.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Jadi, kes-kes Yang Berhormat cakap itu kalau ada pun Yang Berhormat, boleh lah rujuk pada kerajaan. Kita ini hendak menegakkan keadilan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Gombak hendak bahas ini, hendak bahas.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Gombak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Hendak tanya, sila.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ini panjang saya hendak cakap ini. Tidak pergi kes *human rights* lagi. Ini baru mukadimah ini.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Kalau hendak cakap sorang-sorang, balik Tanjung Karang lah. Ini tempat bahas.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Tanjung Karang cuba membayangkan bahawa Perdana Menteri ini membawa ihsan yang cukup baik. Batalkan ISA, batalkan EO dan sekarang bawa satu pindaan baru untuk mencegah jenayah. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Tanjung Karang tadi ketika ISA dulu kuasa diberikan kepada Menteri, sekarang kuasa itu ditarik tidak lagi di bawah bidang kuasa Menteri untuk membuat penghukuman. Akan tetapi Yang Berhormat Tanjung Karang saya percaya sedia maklum bahawa dalam ISA sendiri pun ada ruang untuk buat semakan penghakiman seperti yang disebut oleh teman-teman sebelum ini termasuk Yang Berhormat Sepang sebentar *habeas corpus*. Namun di dalam rang undang-undang yang diperkenalkan hari ini, lebih dahsyat. Tidak ada semakan undang-undang. Ini Yang Berhormat Tanjung Karang mungkin sudah baca. Ini pindaan yang terbaru.

Saya sebut dengan izin Tuan Yang di-Pertua, seksyen 15A (1); “*There shall be no judicial review in any court of, and no court shall have or exercise any jurisdiction in respect of, any act done or finding or decision made by the Board...*” Di mana ketelusan?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Baca sampai habis, baca sampai habis.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ya baca.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ayat itu, ayat betul. Baca sampai habis.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Baca. Okey.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya bagi Yang Berhormat, Yang Berhormat bacalah seksyen itu sampai habis. Jangan sampai separuh.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya tengah bacalah ini. Tunggu lah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Bacalah, baca sampai habis.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Except dengar dulu, dengar dulu. “...except in regard to any question on compliance with any procedural requirement...”

**Beberapa Ahli:** [Riuuh]

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Eh, faham tidak bahasa Inggeris ini. Maknanya yang boleh disemak hanya soal prosedur, okey. Soal prosedur, kalau perintah tahanan itu tidak ada koma, tidak ada titik, itu saja boleh. Akan tetapi mahkamah tidak boleh menilai semula *base on merit*, asas penahanan tersebut. Jadi saya rasa ini adalah lebih parah daripada ISA yang dilaksanakan sebelum ini [Tepuk]

Satu lagi Yang Berhormat, saya hendak baca, saya baca. Walaupun saya bukan peguam. Saya ini tidak ada LLB lah kecuali Yang Berhormat Baling dia ada, LB - *lawyer Baling*. Di dalam akta yang sama yang dibentangkan di dalam Parlimen pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok perkara 12 dinyatakan dia punya *definition* dia. Clause 19 dengan izin Tuan Yang di-Pertua, clause 19(6)- *to introduce a new section 15A into Act 267 to oust judicial review*. Untuk remove, tarik balik kuasa penghakiman. Maknanya akta ini lebih zalim daripada ISA dan EO.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya ingat Yang Berhormat, saya ingat yang ini kita tunggulah sajalah. Kita tunggu di peringkat *committee stage*. Yang Berhormat pun baru jadi Ahli Parlimen kot. Yang ini kalau *in detail*, kita kena bincang nanti. Yang Berhormat tunggu, Yang Berhormat bangkit di dalam di peringkat jawatankuasa. Sekarang ini di peringkat dasar.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya faham itu peringkat jawatankuasa.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Faham, faham.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Cuma tadi sahabat saya daripada Pasir Putih tanya, apa beza ISA dulu dengan ISA sekarang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ya lah, ya lah.

#### ■1540

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat jawab ISA dahulu kuasa menteri. Sekarang kuasa lembaga. Maknanya, bagus Perdana Menteri ini.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey, okey faham dah.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya hendak tunjuk yang sekarang ini lebih zalim daripada dahulu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya faham, itu yang saya hendak jawab.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Sekurang-kurangnya dahulu ada semakan penghakiman.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Betul.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Sekarang, tidak boleh. Tidak dibenarkan di mana-mana mahkamah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tidak apalah. Saya ingat kalau yang ini tidak payah saya jawab. Saya hendak suruh Yang Berhormat Pengerang terang sedikit dari segi *legal*. Mungkin dia tidak faham.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** [Menyampuk]

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tidak, saya boleh jawab. Yang Berhormat ginilah, saya boleh jawab. Kalau ini apa maksud dia?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, mana boleh dia jemput orang lain jawab.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun] [Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, Kapar, Gombak duduk sekejap. Duduk, duduk, duduk.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Dia tidak faham prosedur. Saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Gombak duduk Yang Berhormat Gombak. Yang Berhormat Gombak, Tanjong Karang duduk sekejap. Duduk.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kapar duduk. Yang Berhormat Tanjong Karang, Gombak duduk sekejap. Ya, sebenarnya saya nampak Yang Berhormat Pengerang pun bangun untuk mencelah. Bukan dia minta tolong. Jadi, dia sudah berbisik di belakang tadi dan saya nampak. Jadi, tidak ada masalah...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok *Hansard tomorrow*, esok minta maaf Yang Berhormat Tanjong Karang sendiri minta bantuan dari Yang Berhormat Pengerang untuk memberi penjelasan. Dia tidak faham *standing order*.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat, ini buang masa saya.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Dalam *standing order*, saya minta penjelasan daripada yang sedang berucap. Mengapa dia hendak serah pada Yang Berhormat Pengerang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Semalam saya tengok dia hebat sangat, kononnya dia *lawyer*.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Baik, okey duduk. Saya boleh jawab.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Jawablah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Duduklah.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Kenapa bagi pada Yang Berhormat Pengerang?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Gombak.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Duduk, duduk, sudah habis.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya hendak tanya peraturan mana digunakan untuk jemput orang lain bagi penjelasan? *[Tepuk] [Dewan riuh]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Itu hendak lari dari isu lah itu, hendak larilah itu. Itu hendak lari pada isu. Dia hendak lari dari isu itu.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya orang baru tidak tahu. *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey, okey. Yang Berhormat Gombak saya sudah faham. Sudah Yang Berhormat Gombak. Ya, sila Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Baiklah, biarlah saya jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tanjong Karang sebenarnya masa sudah habis dah *[Ketawa]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** ...Tuan Yang di-Pertua...

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya mula-mula ingat Yang Berhormat Gombak ini hebat. Patutlah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sekejap. Yang Berhormat Kota Raja bangun.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Sedikit, sedikit.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ini publisiti yang cukup murah.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Jawab soalanlah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya kata, sebab Yang Berhormat, sebab itu kita baca sampai habis. Dahulu pun bawah ISA dia boleh *apply habeas corpus*. Berapa banyak tahanan-tahanan yang dilepaskan di bawah *habeas corpus*. Di dalam *habeas corpus* dia hanya boleh pergi kepada prosedur. Samalah. Kalau ini esok, kalau siapa kena tahan *habeas corpus* kepada mahkamah.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Jadi samalah dengan ISA, samalah dengan ISA *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Gombak. Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua... *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Gombak. Yang Berhormat Tanjong Karang balik pada Peraturan Mesyuarat 37. Jangan kita berdialog. Jadi, kalau Yang Berhormat Tanjong Karang tidak benarkan dan saya tidak jemput untuk berucap atau mencelah, tidak boleh. Rang undang-undang ini tentang undang-undang. Ini kita bercakap pasal peraturan, patuh pada peraturan. Saya bagi lima minit dahulu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Masalahnya saya belum habis cakap dia sudah bangun ganggu saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sebab itu saya tegur. Teruskan, teruskan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sebab itu saya kata bahawa kuasa ISA di bawah kuasa Menteri. Bila saya kata kuasa Menteri tidak ada, Yang Berhormat Gombak bangun. Dia kata apa beza pula? Dia kata dia pusing, dia kata dahulu lebih teruk. Dahulu ada *judicial review*. Di bawa, dia rujuk kepada seksyen, dia sebut. Bermakna dia sudah tidak faham apa dia cakap. Oh! Dia hendak belit pada saya. Kalau dalam keadilan bolehlah, minta maaflah.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Minta maaf. Yang Berhormat Tanjong Karang, sekejap. Saya minta izin mencelah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya cakap memang ada *judicial review*. Bawalah *habeas corpus*. Siapa kata tidak boleh?

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak beritahu bahawa ini lebih adil, tidak ada kuasa Menteri. *No political interfere* langsung. Terpulang kepada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Gombak bangun lagi. Yang Berhormat Tanjong Karang hendak benarkan tidak?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya hendak minta.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya beri jalan kalau bekerjasama. Kalau tidak beri kerjasama, tak nak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Benda lain, benda lain.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Tanjong Karang saya benda lain, perkara lain, Yang Berhormat Tanjong Karang. Kota Raja.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Benda lain, lain, lain.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bukan takut. Kalau Tuan Yang di-Pertua boleh bagi tambah masa saya bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kota Raja bangun.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Kota Raja sedikit. Saya hendak patah balik tadi...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kalau Tuan Yang di-Pertua bagi masa saya bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak bolehlah macam ini Yang Berhormat, tidak boleh macam ini.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Satu minit sahaja.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Gombak hendak berpolitik dengan saya. Jelas hari ini, tadi saya terang cakap pasal putih. Saya sudah beritahu perbezaan. Ke mana tiba-tiba dia bangkit sebab apa dia kata lebih teruk. Sebab di bawah akta baru ini tidak ada *judicial review*. Bila saya cakap ada *judicial review*, *habeas corpus* boleh pakai dia hendak pusing yang lain pula.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tidak, tidak bukan macam itu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sudahlah, sudahlah. Hendak apa lagi, hendak pusing apa lagi?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya hendak beritahu, kalau itu jawapan Yang Berhormat Tanjung Karang, kalau *[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Nanti, beri.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey, saya beri pendek sahaja. Kalau saya suruh duduk, duduk.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjung Karang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Jangan emosi. Okey, baik.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] [Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Pasar ini pasar ini. Ini Dewan yang mulia.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Okey, okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Gombak.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sudah?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Okey. Baik. Yang Berhormat Tanjung Karang sebut dalam rang undang-undang ini boleh juga digunakan semakan kehakiman melalui *habeas corpus*. Saya hendak tanya, minta penjelasan Yang Berhormat Tanjung Karang. Untuk membolehkan rang undang-undang di bawa, banyak perbahasan tadi kita kena invoke Article 149. Kalau tidak, ianya bercanggah dengan seksyen 5 dan juga seksyen 13 dalam Perlembagaan Persekutuan.

Maka, kalau kita telah invoke Article 149, maka kita tidak boleh lagi sebab kita telah ketepikan tentang Artikel 5 tadi. Kalau tidak, akta ini tidak boleh dibawa. Sebab itu kalau Yang Berhormat tengok dalam *preamble*, rang undang-undang yang dikemukakan ini ada disebut perkara tersebut. Jadi, itu yang saya tanya. Kalau dahulu ianya walaupun kita tidak setuju tahanan tanpa bicara tetapi ada ruang untuk buat semakan penghakiman. Akan tetapi hari ini apabila rang undang-undang ini invoke Article 149 untuk membolehkan seksyen 5 ini diketepikan. Bagaimana kita hendak buat semakan penghakiman *habeas corpus*. Faham sudah?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey saya ingat Yang Berhormat tidak faham apa Yang Berhormat cakap. Saya ingat *lawyers* sebelah sana kena tolonglah.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Saya bangun banyak kali.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya ingat kalau buat undang-undang ini *lawyer* sana tanyalah. Yang Berhormat kalau ya pun Yang Berhormat tidak faham apa Yang Berhormat cakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kota Raja bangun Yang Berhormat.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Saya bangun banyak kali.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sila, sila.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Saya cuma hendak patah balik apa Yang Berhormat sebut tentang laporan Yang Berhormat Seputeh. Yang Berhormat menekankan tentang bangsa Cina kah, Melayu kah. Kesilapan di situ tetapi pada hakikatnya kita hendak perbuatan itu, tindakan itu, apa yang berlaku itu lebih penting daripada bangsanya. Jadi, apa Yang Berhormat sebutkan itu kenapa sebut begitu *[Dewan riuh] So, I must correct this [Dewan riuh]* Saya kena betulkan sebab disebut dalam Parlimen. Kenapa isu bangsa yang penting? Yang pentingnya ialah apa yang berlaku laporan itu benar.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Faham, faham *[Dewan riuh]* Yang Berhormat, saya tidak payah jawablah. Kita ini sebagai contoh. Kalau hendak buat tuduhan, biarlah betul. Biarlah tepat, jangan lah sebut pakai yang tidak betul. Bila kita siasat perkara itu tidak betul. Jadi, tidak apalah, saya lupa dah. Yang Berhormat pun lama sudah, Yang Berhormat pun tidak tahu cerita. Okey, saya hendak balik kepada undang-undang ini.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Jawablah, jawab.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Jawab siapa?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Jawablah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat, kalau yang bangun *lawyer* saya jawablah. Yang Berhormat tidak fahamlah. Yang Berhormat tidak faham apa dia *habeas corpus*. Tidak payahlah, saya jawabkan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sudahlah, Yang Berhormat duduklah.

**Seorang Ahli:** Saya minta laluan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Dalam undang-undang ini, seksyen yang dia berkata *judicial review* Yang Berhormat katakan tadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak beritahu Yang Berhormat, undang-undang, Akta Pengambilan Tanah sebagai contoh sebab saya hendak beritahu pasal undang-undang Yang Berhormat. Duduk dahulu. Yang Berhormat patut lawan dengan Yang Berhormat Baling sahaja.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat duduk dahulu, duduklah.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Jawab ini dahulu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya sudah jawab dah. Apa Yang Berhormat tidak faham?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tidak. *It is my floor.* Okey, Yang Berhormat duduk.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] [Dewan riuh]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tidak apalah. Sudah Yang Berhormat. Yang Berhormat faham tidak Artikel 149...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Artikel 5(2), Perlembagaan Persekutuan...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya tidak hendak beri jalan sebab Yang Berhormat tidak faham apa yang akan...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tidak, apa saya tidak faham. Saya hendak tanya, kalau saya tidak faham saya hendak tanya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ya lah, betullah, duduklah, saya terangkan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Baik, Artikel 5(2), Perlembagaan Persekutuan menyediakan peluang untuk semakan kehakiman melalui *habeas corpus*.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ya.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Baik tetapi sekarang, untuk membolehkan kita bawa undang-undang ini, kita kena *invoke Article 149*. Maka, yang ini kita sudah ketepikan. Kalau kita sudah ketepikan bagaimana mungkin ada peluang untuk semakan kehakiman? Jadi, saya hendak tanya penjelasan.

#### ■ 1550

Yang Berhormat faham tidak apa *habeas corpus* ini? Faham tidak apa dia *habeas corpus* ini? *Habeas corpus* ini kena tangkap dahulu barulah *apply* kepada mahkamah. Tengok prosedur itu betul tidak betul. Itulah maksudnya *habeas corpus*. Bukannya belum tangkap sudah pergi *habeas corpus*. Yang Berhormat pun tidak faham apa Yang Berhormat cakap. Alah! Susahlah. Sudahlah buang masa sayalah. *[Dewan riuh]*

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Yang kita bincang ini soal tahanan tanpa bicara.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat, bukan standard saya. Yang Berhormat bukan standard sayalah. Duduklah.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Kalau dahulu boleh ada semakan, sekarang sudah tidak ada semakan. Itu yang kita bangkitkan. Di mana hendak buat semakan sekarang? Di mana hendak buat semakan?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat bacalah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Gombak. Berapa kali saya ingatkan. Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Gombak. Yang Berhormat Gombak dan Yang Berhormat Tanjong Karang. Kalau dua-dua berdegil saya jemput orang lain berucap. Sila. Yang Berhormat Gombak, saya ada senarai. Lepas ini Yang Berhormat Gombak hendak berucap ini. Kalau Yang Berhormat Gombak ambil masa panjang saya persilakan orang lain.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Baca undang-undang pun tidak habis.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Loyar buruk, duduklah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey, saya hendak bagi habis. Baik.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Bukan *lawyer*!

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sekarang ini saya cakap dari segi prinsipnya ramai orang tidak bersetuju ialah tangkap tanpa bicara. Betul saya kata tetapi kita kena ingat negara-negara lain pun ada. UK pun ada, US pun ada, Singapore pun ada. Saya hendak quote sedikit dengan izin, “*US Attorney General John Ashcroft speaking at the US the Council of Foreign Relation in 2003 elaborated on the new prevention paradigm. In the past our focus has been on traditional law enforcement prosecution. Prosecution is retrospective, it recreate a past event. Our new goal of terrorism prevention on the other hand involve anticipation and imagination about emerging scenarios. The puzzle pieces of which has yet to come into alignment. He also said that there is a need to anticipate this dangerous scenarios and to identify, intercept and disrupt before they become tragic terrorism realities.*

Baik, pembangkang kata dia ini melawan *terrorist*. Tidak apalah. Soalnya melawan *terrorist*kah, melawan penjenayahkah, prinsipnya ialah apakah ia tidak bertentangan dengan prinsip hak asasi manusia tangkap tanpa bicara. Soalnya ada negara sudah bercakap.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Jadi sebab itu Tuan Yang di-Pertua semalam...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, boleh kita betulkan itu?

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Bagi saya habis dahulu, bagi saya habis dahulu. Dan semalam pembangkang ada bagi tahu bahawa...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kata hendak bagi peguam, ini sudah peguam ini. Marilah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Duduklah dahulu. Semalam pembangkang sudah bagi tahu oh, dia kata kalau mengikut kajian dunia, Malaysia nombor dua lebih teruk katanya daripada negara lain dari segi *human rights* kita. Seolah-olah kita ini tidak mengamalkan *human rights*. Betul dia cakap tetapi saya hendak bagi tahu juga bahawa mengikut kajian Global Peace Index (GPI) 2011 Malaysia merupakan negara paling aman di Asia Tenggara dan keempat di Asia Pasifik. *[Tepuk]* Selepas New Zealand, Jepun, Australia. Inilah julung kalinya Malaysia diberikan ranking itu sejak 2007.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Dengar dahulu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hei, kalau sudah aman buat apa hendak buat undang-undang ini?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Dan kita ialah antara enam negara bukan Eropah yang menduduki 20 tempat teratas...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Apa ini? *You contradict yourself.*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** ...Dan dalam negara Islam yang Yang Berhormat selalu cakap Islam kita nombor dua dalam negara Islam selepas Qatar. Jadi soalnya ini...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat, bagi saya wei. Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Jadi soalnya hari ini...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Apa? Soalnya sekarang...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, sekejap satu minit, satu minit.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Duduk dahulu, duduk. Saya tidak bagi jalan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Satu minit sahaja, satu minit sahaja.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Duduk, saya tidak bagi jalan. Saya tidak bagi jalan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Takutkah?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya tidak bagi jalan, duduk dahulu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kata bagi peguam. *You have contradicted yourself.* Kamu telah *contradict*.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Duduk dahulu. Saya tidak habis cakap.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau sudah aman buat apa hendak hidupkan rang undang-undang ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tanjong Karang dengan Yang Berhormat Sepang dua-dua *lawyer*, dua-dua peguam. Peraturan tahu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bukan peguam, entah bila masa jadi peguam!

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Tidak boleh macam itu. Yang Berhormat Sepang tidak boleh macam itu. *[Dewan riuh]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bagilah peluang!

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tanjong Karang sila gulung ya, gulung.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua, bezanya saya...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dia kata gulung hari ini.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** ...Bezanya saya *lawyer* yang mengikut peraturan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ya, sila gulung.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Dia *lawyer* yang tidak mengikut peraturan. Jadi ini *floor* saya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Jangan jadi *clown* lah dalam ini.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak bagi tahu kepada pihak sebelah sana yang mana lebih penting. Adakah kita dilihat bahawa negara yang tidak aman ataupun negara yang kurang mengamalkan *human right*? Ini kita kena tengok.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bagilah laluan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang pentingnya realiti kita kena menjadikan negara kita negara yang aman dan selamat. Ini lebih penting daripada kita kata *human rights*. *Talking about human rights*, saya kata tadi ada negara US pun masih ada lagi, UK pun ada lagi.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Klarifikasi, klarifikasi.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Jadi sebab itu sama ada dia menggunakan *terrorist* ataupun tidak, prinsipnya *detention without trial* masih dijalankan.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tidak apa, klarifikasi. Klarifikasi.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Jadi sebab itu saya tahu Tuan Yang di-Pertua sudah banyak kali bagi signal pada saya. Jadi akhirnya saya hendak buat contoh bahawa dikatakan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Padang Serai dengan Yang Berhormat Sepang duduk ya.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak bagi contoh ada kadang-kadang undang-undang dan bukan sahaja kalau kata *human right*. Okey. Kita kadang-kadang undang-undang pencegahan. Kita kena cegah sebelum lebih melarat. Contoh Tuan Yang di-Pertua kadang-kadang kita dengan manusia. Kalau orang itu sudah ada penyakit kusta sebagai contoh

penyakit kusta kita terpaksa asingkan dia walaupun ikut *human right* kita tidak boleh asingkan dia tapi dia ada penyakit kusta. Kalau campur dengan masyarakat penyakit dia akan berjangkit. Itu dalam masyarakat. Dalam diri kita pun, kalau kita ada kencing manis walaupun tangan kita elok tidak ada kencing manis, kaki kena potong, kena potong sebab hendak mengatasi supaya jangan melarat ke tempat lain.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ini yang kena faham. Dia katakan undang-undang pencegahan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tanjung Karang, peraturan mesyuarat Yang Berhormat Sepang. Peraturan berapa?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** 35(7). Tuan Yang di-Pertua, boleh mengehadkan masa sebelum dia melarat. *[Dewan riuh]*

Sebelum dia melarat nanti habislah. Kita minta dia berhentilah. *[Ketawa]* Dia sudah melarat itu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okeylah, saya ikut peraturan. Akhirnya saya hendak bagi cadangan supaya undang-undang ini lebih adil. Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Saya sokong Yang Berhormat Puchong punya cadangan. Yang betul saya kata betul. Yang Berhormat Puchong saya kata betul kalau dia tidak hendak *contradict* dengan pelanggan jadi kita kena tambahlah, ubah. Kita betul, terima kasih. Sebab saya ada pengalaman bukan sahaja undang-undang tapi saya melaksanakan undang-undang ini.

Akhir sekali saya hendak bagi pandangan. Pertama, saya hendak mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya untuk mengatasi jenayah ini kita juga kena melibatkan masyarakat. Jadi saya hendak cadang kerajaan kenalah buat sesuatu tabungkah, insurankah, *whatever*lah untuk memberikan bantuan kepada mana-mana masyarakat yang membantu membanteras jenayah. Saya ambil contoh tahun 2008 kalau tidak silap waktu saya menjadi Timbalan Menteri Dalam Negeri dahulu. Seorang rakyat biasa cuba hendak menangkap seorang peragut akhirnya rakyat ini mati ditikam. Saya cuba minta jugalah bantu kepada keluarga ini tapi nampaknya sampai sekarang keluarga ini tidak dapat apa-apa bantuan. Dia hendak tololong menyelesaikan masalah jenayah tetapi akhirnya dia mati katak. Jadi *good citizen* yang hendak tololong membanteras jenayah, banyakkan persatuan mencegah jenayah eloklah kita memberikan bantuan sekurang-kurangnya kita berikan tabung dan jaminan supaya masyarakat akan bersama-sama dengan polis untuk mengatasi jenayah. *[Tepuk]*

Kedua, saya hendak mencadangkan supaya betul-betul seperti mana yang saya hendak ulang balik ditanya fasal SOP, saya minta SOP ini kena betul-betul. Ertinya bukan sahaja setakat surat pekeliling tetapi *must be gazette* dan semua pihak yang terlibat mestilah mematuhi SOP ini dan yang ketiga bahawa undang-undang ini juga hendaklah terpakai kepada *non violent crime* hari ini yang Ahli Parlimen banyak bercakap, Yang Berhormat Kinabatangan pun banyak bercakap, banyak kedai judi, banyak slot mesin. Ini semua masalah sudah jadi satu fenomena dalam negara

kita dekat Selangor apatah lagi macam-macam kedai judi pun timbul. Akan tetapi masalah sekarang ini kuasa PBT (pihak berkuasa tempatan). Polis tidak ada kuasa hendak tutup.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Gulung, gulung.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ini saya hendak minta supaya pihak PBT dengan pihak KDN kena duduk kena bincang supaya mana-mana *premises* ataupun mana-mana kedai yang terlibat supaya kuasa membatalkan lesen ini juga diberilah kepada KDN. Kalau tidak polis buat penat sahaja. Hari ini dia serbu, lusa buka lagi. Hari ini dia serbu, lusa buka balik kerana lesen tidak dibatalkan oleh PBT.

■1600

Inilah kita kena kerjasama supaya kita dapat mengatasi bukan sahaja *violent crime* tetapi juga *non violent crime* demi masa depan negara kita. Yang Berhormat Tanjong Karang menyokong akta ini. Terima kasih [*Tepuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Gombak.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Gombak sebelum Yang Berhormat Gombak bermula Tuan Yang di-Pertua peraturan mesyuarat. Ini tentang pengagihan masa. Tadi Tuan Yang di-Pertua sudah buat keputusan lepas kita sambung 2.30...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Betul.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** ...Berapa hendak berucap 10 Ahli Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya faham, saya faham Yang Berhormat Subang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Selama 30 minit diagihkan tetapi hanya saya minta pengesahan sahaja semua 10 yang berdiri dapat pengesahan keputusan daripada Tuan Yang di-Pertua akan dapat peluang berucap untuk 30 minit itu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya tadi benarkan Yang Berhormat Tanjong Karang kerana Yang Berhormat Puchong minta masa yang lebih sebab selepas saya bagi tahu 30 minit. Jadi saya hendak berlaku adil pada dua-dua belah pihak. Jadi, saya minta sekali lagi kerjasama...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya tidak ada masalah Yang Berhormat Tanjong Karang diberi masa tambah itu tetapi hari ini saya minta pengesahan daripada ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Selama 30 minit.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Selama 30 minit pada semua 10 Ahli Yang Berhormat yang bangun dan dapat kelulusan tadi daripada Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini terpulang kepada Tuan Yang di-Pertua selepas ini kerana macam ini...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tadi sudah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Nanti Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Subang duduk dahulu Yang Berhormat Subang. Sebab kita

jadualkan pukul 5 atau 5.30 Yang Berhormat Menteri menjawab. Kalau kita benarkan 10, bermaknanya 30 minit 300 minit yang kita perlukan.

Jadi, saya minta kerjasamalah kepada semua Yang Berhormat yang hendak berucap 10 orang tadi, kalau boleh pendekkan 15 minit pun tidak apa. Ikut budi bicara masing-masing. Jangan ramai sangat mencelah dan celahannya terlalu panjang ini menyebabkan kita mengambil masa kawan kita yang sedang berucap. Jadi, Yang Berhormat Gombak, sila.

#### 4.01 ptg.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Berapa minit Yang Berhormat Gombak perlu?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Dalam 30 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Selama 30 minit ya. Sila.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan pada petang ini berhubung satu rang undang-undang yang begitu penting. Setelah melihat selama hampir dua hari kita berbahas...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Gombak teruskan saya keluar dahulu ya *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ha, itu pun ambil masa kawan. Sila.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Kalau dia ada duduk dalam pun dia bukan faham jadi tidak apalah keluarlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sudah habis dua minit sudah.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Apa yang saya perhatikan dalam tempoh dua hari perbahasan ini, UMNO dan Barisan Nasional cuba menggambarkan seolah-olah Pakatan Rakyat tidak bersama dalam membendung jenayah di negara ini. Gambaran yang diberikan kita akan menolak rang undang-undang ini atas alasan tersebut. Saya ingin mengulangi ketegasan, Keadilan bersama DAP dan PAS kita mendukung sebarang usaha untuk membendung jenayah dalam negara ini *[Tepuk]*

Kita telah dengar penegasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Bukit Gelugor, Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Sepang dan beberapa teman yang lain. Kita tidak akan kompromi soal jenayah dalam negara.

Akan tetapi, *[Disampuk]* - Yang Berhormat Paya Besar jangan sebut perkataan itu, kalau hendak bangun ya. Apa yang disebut oleh UMNO ialah, "Jangan takut ini soal jenayah sahaja." Akan tetapi, saya hendak mengingatkan kalau kita melihat kepada Jadual 1, seksyen 2 dan seksyen 22 kalau diizinkan saya baca *registerable categories*.

Pertama, *all members of unlawful societies*. Kita tidak tahu siapa yang termasuk dalam kategori *unlawful societies*. Sebelum ini kita dengar Hindraf pernah diharamkan. Menteri Dalam Negeri sendiri pernah mengumumkan bahawa pertubuhan BERSIH itu satu pertubuhan haram. Hindraf juga satu gerakan rakyat yang telah diharamkan. Kalau kita baca klausula 1, (ii) diizinkan "*all members of unlawful societies which are constituted or used for purposes involving the commission of offences that are sizeable under the law for time being in false relating to criminal procedure*".

Maknanya, kalau pertubuhan itu telah dikategorikan sebagai *unlawful societies* dan melakukan perhimpunan ataupun gerakan mereka terpakai dengan undang-undang ini. Apakah BERSIH akan terikat dengan undang-undang ini? Sebab BERSIH pernah diisyiharkan haram oleh Menteri Dalam Negeri ketika itu. Walaupun saya rasa kecewa Yang Berhormat Menteri tidak faham ketika itu BERSIH bukan satu pertubuhan. BERSIH tidak pernah didaftarkan sebagai satu pertubuhan. BERSIH adalah gabungan NGO's dan *civil society* yang mahu pilihan raya yang bersih dan adil.

Akan tetapi, Yang Berhormat Menteri melatah dengan cepat mengharamkan pertubuhan yang tidak didaftarkan sebagai pertubuhan. Apakah termaktub dalam ini? UMNO pernah diharamkan. Kalau lepas pemilihan ini salah seorang calon Naib Presiden kalah, bawa ke mahkamah diharamkan parti itu? Kemudian ahli-ahli UMNO berarak dari PWTC ke Dataran Merdeka. Apakah mereka juga terikat dengan undang-undang ini?

Jadi, rakan-rakan dalam UMNO jangan terlalu seronok hendak meluluskan suatu yang kita tidak jelas. Kita kena jelas definisi yang termaktub dalam undang-undang ini. Semalam saya dengar Yang Berhormat Menteri datang ke dalam Parlimen di dalam ucapannya salah satu permintaan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri semalam ialah memberi kuasa kepada Menteri untuk meminda, memotong dan menambah jadual. Maknanya, sekarang Menteri diberikan kuasa untuk meminda, memotong dan menambah jadual yang saya bacakan tadi. Saya tiada masalah tetapi senaraikan dengan terperinci definisi *unlawful societies* itu. Siapa mereka? Pengganas, pembunuhan, perompak? Akan tetapi, dalam konteks hari ini ianya masih belum jelas.

Tidak disenaraikan. Jadi, saya minta Menteri Dalam Negeri dalam penggulungan pada petang ini kalau boleh cerakinkan, nyatakan siapakah yang terlibat dalam kategori ini. Mungkin pembunuhan, pengganas ataupun kumpulan 026 daripada Kinabatangan, senaraikan. Nombor 26 ataupun nombor 001 daripada Arau. Senaraikan supaya jelas di dalam akta ini undang-undang boleh terpakai ke atas mereka yang disenaraikan. Kalau tidak ianya terlalu *vague* ataupun terlalu luas sehingga boleh menimbulkan manipulasi dan salah guna kuasa di masa yang akan datang.

Saya juga amat bersetuju dengan pandangan sahabat saya daripada Yang Berhormat Bukit Gelugor, Yang Berhormat Puchong serta Yang Berhormat Padang Serai bahawa seolah-olah tidak ada nasihat yang diberikan oleh Peguam Negara kepada kerajaan dalam menggubal rang undang-undang ini. Saya ingin bertanya dan meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, apakah Peguam Negara telah memberikan taklimat kepada Jemaah Menteri Kabinet sebelum rang undang-undang dibawa?

Saya dimaklumkan bahawa Peguam Negara berada di luar negara. Wakil yang dihantar tiba di Jemaah Menteri Kabinet dua jam daripada luar negara. Bagaimana mungkin wakil Peguam Negara tidak memberikan nasihat yang tepat mengikut Artikel 145 yang disebut oleh Yang Berhormat Puchong untuk memberikan nasihat kepada kerajaan dalam menggubal undang-undang ini.

Ini kerana apa yang disebut oleh Yang Berhormat Puchong dan saya hendak tambah lagi daripada maklumat yang kita peroleh Peguam Negara mengambil pendirian untuk menentang sebarang usaha untuk mengembalikan tahanan tanpa bicara. Kalau Yang Berhormat Puchong telah menyatakan beberapa temu ramah yang diadakan dengan Peguam Negara, saya ingin membaca ucapan Peguam Negara ketika forum yang bertajuk "Pandangan Terhadap Undang-undang Semasa dan Pendekatan Lain Ke Arah Memerangi Jenayah Berat". Memang sesuai dengan rang undang-undang yang kita bahaskan pada petang ini bertempat di sebuah hotel di Petaling Jaya.

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

Forum ini berlangsung pada 24 Ogos 2013 dan dirasmikan sendiri oleh Menteri Dalam Negeri Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi.

**■1610**

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membaca petikan daripada ucapan Peguam Negara di forum yang berkenaan. Tan Sri Abdul Gani Patail menyatakan EO bukanlah bertujuan menjadi undang-undang yang kekal. Undang-undang tersebut telah diperkenalkan pada 16 Mei 1969 mengikut kuasa di bawah Artikel 150, Perlembagaan Persekutuan selepas perlakunya peristiwa rusuhan kaum. Tan Sri Abdul Gani Patail juga menjelaskan negara tidak memerlukan undang-undang pencegahan untuk menangani jenayah serius kerana pengalaman menunjukkan pasukan polis adalah mampu bertindak dengan baik.

Walau bagaimanapun menurut beliau, perkara itu akan diperhalusi dan diperbincangkan secara serius dan melibatkan semua pihak sekiranya negara benar-benar memerlukan undang-undang tersebut. Dalam perkara ini, rang undang-undang yang dibentangkan, Majlis Peguam Negara, Majlis Peguam Malaysia tidak dirujuk dan tidak dipanggil untuk berbincang.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Menteri Dalam Negeri]:** *[Masuk ke dalam Dewan]*

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri. Dia tahu, dia tengok Yang Berhormat Gombak berucap baru dia masuklah.

*Bar Council* tidak dirujuk, *stakeholders* tidak dirunding. Tan Sri Abdul Gani Patail seterusnya menyatakan dalam kes penjenayah ganas Botak Chin, ketika itu Peguam Negara mampu menyelesaikan kes bukan di bawah mana-mana undang-undang pencegahan Ordinan Darurat mahupun Akta Keselamatan Dalam Negeri sebaliknya di bawah perundangan biasa.

Maka persoalan saya, dalam konteks ini apakah kerajaan telah merujuk dan mendapat nasihat Peguam Negara selaras dengan Artikel 145, Perlembagaan Persekutuan di mana peranan Peguam Negara adalah untuk memberikan nasihat kepada kerajaan dalam menggubal rang undang-undang termasuk yang kita bahaskan pada petang ini.

Saya juga ingin menegaskan bahawa selaku Ahli Parlimen, kita nak gubal undang-undang ini bukan sekadar membicarakan persoalan prinsip hak asasi sahaja. Saya dengar dalam ucapan Yang Berhormat Menteri dan juga perbahasan rakan-rakan banyak yang cuba mengaitkan bahawa tak mengapa kita korbankan sedikit hak asasi manusia, yang penting keselamatan negara itu dipertahankan.

Saya telah tegaskan di awal tadi bahawa pendirian kita soal keselamatan negara, kesejahteraan rakyat kita tidak akan kompromi. Kita akan mendukung segala usaha kementerian dan pihak polis dalam membendung gejala jenayah dalam negara ini tetapi satu perkara yang harus kita ingat ialah kita mesti mempertahankan prinsip keadilan itu dan kita tidak boleh mencabuli prinsip-prinsip undang-undang ataupun yang disebut dengan izin, *trust of justice*. Kita tidak boleh mencabuli undang-undang dan Perlembagaan. Sebab itu Yang Berhormat Padang Serai dan Puchong berulang kali mengingatkan kita dalam menggubal undang-undang ini, jangan sampai kita melanggar dan mencabuli Perlembagaan Persekutuan.

Saya ingin membawa sedikit hujah mengenai Artikel 149 yang saya bangkitkan sebentar tadi di mana di dalam *preamble* yang dibawa oleh kementerian di dalam rang undang-undang ini, dengan jelas menyatakan dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "*Where's action has been taken and further action is threaten by a substantial body of person both inside and outside Malaysia to cost or to cost substantial numbers of citizen to fear organize violence against person of property.*" Persoalan saya ialah apabila kita nak *invoke* Artikel 149 ini, saya ingin bertanya dengan Kementerian Dalam Negeri dan juga Yang Berhormat Menteri, apakah kementerian atas nasihat Peguam Negara telah benar-benar yakin dan faham bahawa ada *substantial body* yang *threatening the national security*, itu penting. Sebab itulah...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Ya.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Gombak. Tadi saya mendengar Yang Berhormat Gombak berhujah tentang pendirian Peguam Negara dan dengan jelas seperti yang dihujahkan juga oleh Yang Berhormat Puchong telah berkali-kali mengutarakan dan menegaskan pendirian beliau tentang rang undang-undang ini yang bawa masuk sekali lagi tahanan tanpa bicara.

Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Gombak, tahu kah Yang Berhormat Gombak bahawa seorang menteri juga iaitu Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Batang Sadong dalam perjumpaan dengan Majlis Peguam dan baru-baru ini juga pada 18 September, beliau ada perjumpaan dan beliau ditanya dan ini dalam ucapan beliau untuk menjelaskan pendirian Kerajaan Barisan Nasional tentang undang-undang macam ini dan saya *quote* dan saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Gombak.

Ini yang disebut dalam ucapan beliau yang boleh dibaca dalam laman Majlis Peguam untuk seluruh rakyat Malaysia untuk baca, *so it's public* dengan izin. “*There are some rumors or perhaps I shall say it's hearsay that the government is planning to reintroduce laws that are similar to the EO.*” Saya nak tegaskan perkataan ini, “*that are similar to the EO*” Ini ayat yang berterusan, “*This are all outdated matters that the public should not be discussing anymore as we are no more going back to laws that are obsolescent to our society and needs.*” Ini baru disebut 18 September pada ucapan di Majlis Peguam tentang undang-undang yang *similar to the EO* tetapi apa yang kita nampak pada hari ini dengan undang-undang ini, ini adalah EO yang dibawa semula.

Jadi apa pandangan? Peguam Negara bantah, Yang Berhormat Batang Sadong pun nampak bagi gambaran itu tetapi Menteri Dalam Negeri bawa undang-undang ini. Apa yang terjadi dalam Jemaah Menteri Barisan Nasional? Minta pandangan Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Yang Berhormat Gombak, sebelum itu boleh minta laluan sekejap? Berkenaan juga dengan seperti mana saya sudah sebutkan kelmarin, dalam pindaan tajuk panjang, dia mengatakan bahawa Akta Pencegahan Jenayah yang disebut Akta ibu dalam akta ini dipindah dalam tajuk panjang dengan menggantikan perkataan *in peninsular* dengan perkataan *through out*. Now kita semua tahu bahawa Akta ibu ini telah menjadi undang-undang sebelum penubuhan Malaysia pada 16 September 1963.

So seperti mana yang dihujahkan oleh Yang Berhormat Gombak dan juga seperti dihujahkan oleh Yang Berhormat Puchong, Peguam Negara Malaysia ada kemungkinan beliau belum ataupun beliau tidak tahu pasal undang-undang ini. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Gombak dan juga minta sokongan daripada Ahli-ahli Barisan Nasional dari Sabah dan Sarawak, undang-undang ini patut dibincangkan dengan Peguam Negeri Sabah dan juga Peguam Negera Sarawak. Setuju kah Yang Berhormat Gombak? Terima kasih.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Subang dan juga Penampang. Pertamanya, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Subang itu saya juga mendapat maklumat yang sama di mana wakil kerajaan sendiri Yang Berhormat Batang Sadong telah menegaskan dalam satu majlis rasmi, pendirian kerajaan untuk menolak sebarang usaha untuk mengembalikan tahanan tanpa bicara. Itu dibuat dalam acara rasmi dan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Subang, Peguam Negara juga membuat pendirian yang sama dalam satu majlis yang saya tegaskan tadi iaitu Forum Pandangan Terhadap Undang-undang Semasa dan Pendekatan Lain ke Arah Memerangi Jenayah Berat yang dirasmikan sendiri oleh Menteri Dalam Negeri pada 24 Ogos 2013.

Maka yang menjadi persoalan rakyat dan *civil society* serta Majlis Peguam dan pihak yang bertanggungjawab termasuk Ahli-ahli Parlimen ialah apa sebenarnya berlaku di antara Jabatan Peguam Negara dengan kerajaan hari ini. Adakah Peguam Negara mempunyai masalah dengan kerajaan hari ini sebab pendirian Peguam Negara itu jelas, pendirian wakil kerajaan Yang Berhormat Batang Sadong cukup jelas tetapi rang undang-undang yang dibentangkan bercanggah dan bertentangan dengan pendirian Peguam Negara.

Jadi sebab itu Yang Berhormat Puchong pagi tadi menyarankan sebelum kita setuju atau tidak setuju, kita kena dengar dulu pandangan Peguam Negara. Tidak apalah kalau tidak mahu dengar pandangan peguam Yang Berhormat Padang Serai ataupun Yang Berhormat Puchong, tidak apalah sebab mereka ini semua tidak pandai, yang pandai Yang Berhormat Tanjung Karang seorang sahaja, dia tahu semua undang-undang, tidak apa. Akan tetapi dengarlah pandangan Peguam Negara, betul Tuan Yang di-Pertua? Akan tetapi kalau pandangan Peguam Negara pun tidak didengar...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Kapar bangun.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** ...Ada masalah sekarang dalam kerajaan yang sedia ada. Apakah Peguam Negara juga sudah sedar bahawa kerajaan hari ini tidak *legitimate*, jadi tidak perlu memberi nasihat kepada Perdana Menteri, itu yang pertama. Saya hendak penjelasan daripada Menteri Dalam Negeri. Kedua, saya hendak tahu siapa yang mempengarusikan...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya hendak sambung...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** ...Mesyuarat Jemaah Menteri Kabinet apabila Peguam Negara dan wakil Peguam Negara memberikan nasihat. Sebab saya tahu Perdana Menteri tidak ada. Ada perbualan di kalangan Ahli Parlimen UMNO dan Barisan Nasional yang mempengarusikannya adalah Timbalan Perdana Menteri. Apakah ini usaha Timbalan Perdana Menteri untuk meremehkan pentadbiran Perdana Menteri? Saya tanya, saya minta penjelasan, tidak apalah, biarlah Menteri Dalam Negeri jawab.

Kedua, Yang Berhormat daripada Penampang, saya hendak jawab. Saya setuju sebab saya sudah sebut dalam mukadimah tadi, rang undang-undang ini, nasihat Peguam Negara tidak diperoleh, tidak ada perbincangan dengan Majlis Peguam, tidak ada perbincangan dengan *stakeholders* yang lain termasuk daripada Sabah dan Sarawak. Bagaimana kita hendak bawa rang undang-undang yang akan memberi implikasi kepada Sabah dan Sarawak kalau mereka tidak dipanggil dalam perundingan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya dimaklumkan, Alhamdulillah walaupun tidak dinyatakan secara rasmi, nampaknya semua rang undang-undang yang lain akan ditarik. Oleh sebab desakan Pakatan Rakyat supaya rang undang-undang ini mesti ditarik dan dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan, *Select Committee* dibincang secara meluas, melibatkan semua pihak supaya rang undang-undang yang hendak diluluskan ini, rang undang-undang yang berwibawa yang tidak berlaku zalim kepada rakyat Malaysia.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ya, Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Gombak. Satu perkara yang saya rasa juga perlu dititikberatkan, di mana nampaknya satu rang undang-undang dibawa ke Dewan yang mulia ini, di mana terdapat di dalamnya ketidakpatuhan ataupun pelanggaran dengan Perlembagaan Persekutuan. Isu

berbangkit adalah *the practical consequences* Yang Berhormat Gombak dengan satu rang undang-undang yang dicadangkan sebegini.

Saya minta pendapat Yang Berhormat Gombak, tadi Yang Berhormat sebut berkenaan dengan kemungkinan tidak disetujui oleh Peguam Negara dan sebagainya. Akan tetapi *the practical effect later* sekiranya ianya diluluskan dan usaha-usaha dilaksanakan untuk menangkap dan sebagainya. Selepas daripada itu, undang-undang tersebut dikatakan ataupun *it's found by the courts to be* tidak sah kerana melanggar undang-undang. Bagaimana perkara itu boleh di *reconcile* dengan apa yang kita perlukan ataupun diminta untuk luluskan di dalam Dewan yang mulia ini hari ini. Sila Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Perkara ini satu perkara yang serius. Sekiranya kita duduk dalam Dewan ini meluluskan satu rang undang-undang yang kemudiannya didapati oleh mahkamah tidak sah, maka implikasinya ialah juga kepada Peguam Negara. Jadi sebab itu kita hendak tanya apakah kerajaan telah mendapat nasihat daripada Peguam Negara? Sekiranya ini adalah nasihat Peguam Negara, kalau benar ini nasihat Peguam Negara dan didapati tidak sah oleh mahkamah, maka kita ada masalah dengan Peguam Negara.

Apakah kerajaan hendak simpan lagi Peguam Negara seperti ini yang memberi nasihat yang salah kepada kerajaan. Jadi saya tidak mahu buat sebarang tuduhan sama ada Peguam Negara tidak memberi nasihat yang tepat kepada kerajaan atau kerajaan belum mendapat nasihat daripada Peguam Negara atau kerajaan menolak nasihat Peguam Negara, maka Kementerian Dalam Negeri harus memberikan jawapan dalam penggulungan pada petang ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Gombak.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Yang Berhormat Gombak, boleh?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Kuala Kedah, selepas itu Yang Berhormat Sepang.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Terima kasih Yang Berhormat Gombak dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak menambah sedikit dan saya hendak minta komen dari Yang Berhormat Gombak kerana saya mendengar ucapan-ucapan dan membaca tulisan yang menyeru supaya diadakan balik undang-undang yang seakan ISA atau ISA sendiri dan juga EO ini daripada bekas Perdana Menteri, dari kampung sayalah, Tun Dr. Mahathir. Jadi saya faham bahawa beliau lama menjadi Perdana Menteri. Walaupun beliau tidak ada *legal background* dengan izin, tetapi maksudnya ada sesuatu yang beliau lihat yang mungkin tidak kita lihat dan mungkin juga bersamaan dengan apa yang disebut oleh *Merdeka center* bahawa mengikut tafsiran mereka, beliau sangat berpengaruh dalam UMNO. Kalau boleh Yang Berhormat Gombak bagi sedikit komen, terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Yang Berhormat Gombak. Saya hanya ingin minta penjelasan, tadi Yang Berhormat Tanjong Karang mengatakan sebagai menyangkal kononnya negara kita ini tidak aman, dia kata berdasarkan satu *finding*, negara kita ini aman. Jadi persoalan saya, kalau negara kita aman, adakah kita perlu mengadakan undang-

undang seperti ini. Setuju tidak dengan saya bahawa apabila Yang Berhormat Tanjong Karang mengatakan negara ini aman, dalam masa yang sama perkenalkan undang-undang ini, sebenarnya Yang Berhormat Tanjong Karang telah *contradict himself* dengan izin. Dia juga telah berniat untuk memalukan kerajaan. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang dan juga Yang Berhormat Kuala Kedah. Pandangan Yang Berhormat Kuala Kedah tadi, saya hendak tegaskan pendirian Keadilan, DAP dan PAS atas nama Pakatan Rakyat, kita tidak akan membenarkan tahanan tanpa izin kerana ini adalah bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Keduanya, soal populariti Dr. Mahathir, dia pun nampaknya hendak jadi balik Perdana Menteri, ada minat. Kalau dia jadi Perdana Menteri, pastinya dia akan kembalikan undang-undang *draconian laws* ini. Jadi sebelum dia jadi Perdana Menteri, pastikan kita lopuskan puak-puak dan spesies-spesies seperti ini di muka bumi ini.

Yang dibangkitkan oleh sahabat saya dari Sepang. *Contradiction* ini memang berlaku di kalangan mereka, sebab hujah mereka bukan berasas kepada perlembagaan ataupun undang-undang tetapi emosi dan ianya saya pasti rang undang-undang ini dibuat kerana Perhimpunan Agung UMNO yang akan bersidang tidak berapa lama lagi.

Saya hendak teruskan Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya sebut sebab saya dengar dengan teliti hujah peguam terkenal sahabat saya daripada Bukit Gelugor semalam. Ini kerana apabila mereka membawa *preamble* di dalam rang undang-undang ini yang saya bacakan tadi, mereka hendak *invoke* Artikel 149, dibolehkan Perlembagaan Persekutuan untuk mengetepikan Artikel 5 dan juga Perkara 9 dalam Perlembagaan Persekutuan, itu kita tidak ada masalah. Akan tetapi yang ditegur oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor dan juga Yang Berhormat Padang Serai dan saya hendak ulang di sini apakah elemen-elemen itu telah dipenuhi? Kerana saya dapati *pre conditions* untuk mengetepikan *invoke* Artikel 149 ini tidak dipenuhi kerana mereka, KDN dan saya minta tadi KDN menjelaskan apakah mereka benar-benar yakin dan faham bahawa wujudnya *substantial body* yang akan ada *fraud* kepada *national security*.

Apakah elemen itu sudah dipenuhi? Kalau setakat *normal criminal*, ianya tidak boleh diguna pakai alasan untuk *invoke* Artikel 149. Oleh kerana saya sudah mendengar beberapa kenyataan daripada Kementerian Dalam Negeri bahawa rang undang-undang ini digubal di bawah Perkara 149 yang membenarkan peruntukan undang-undang digubal secara sah walaupun peruntukan itu tidak selaras dengan Perkara 5 dan Perkara 9. Cuma persoalan saya, apakah kementerian yakin bahawa elemen yang ada dalam *preamble* itu telah dipenuhi. Saya dapati apabila mereka tukar kepada *new preamble* ini sebab *preamble* yang lama ianya menyatakan dengan izin, ‘*an act to provide...*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Minta laluan Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** ...for the more effectual prevention of crime in West Malaysia and for the control of criminals members of secret society and other undesirable person and for matters incidental there to'. Itu *preamble* yang lama.

■1630

Maka persoalan saya, kalau ditukar *preamble* ini...

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Gombak, minta laluan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya habiskan sekejap, Yang Berhormat Pengerang. Maknanya dia tukar *completely, they change the nature of the act*. Ini yang kita bimbang, ada usaha menggunakan rang undang-undang ini sebagai *camouflage* untuk mengembalikan ISA dan EO di dalam pentadbiran yang ada sekarang. Jadi, saya minta penjelasan daripada Menteri pada petang ini...

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Supaya kementerian benar-benar, sama ada yakin telah memenuhi kriteria ataupun *condition* untuk *invoke* artikel 149 seperti yang dibenarkan oleh undang-undang. Ya.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Terima kasih. Yang Berhormat Gombak, saya hendak tanya, ya. Yang Berhormat Gombak beritahu tadi bahawa Yang Berhormat berbahas rang undang-undang ini dengan izin, *unconstitutional* kerana menentang perkara 151. Jadi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Gombak, bukankah kalau kita tengok *board*, dengan izin yang telah diwujudkan ini. Boleh dilihat sebagai satu daripada pendekatan yang baru, yang mana bukan Menteri yang membuat keputusan tetapi satu badan.

Kemudian, kita juga mesti menerima hakikat bahawa kenapakah tidak kita boleh berkata bahawa seolah-olah akta ini tidak membenarkan merujuk dan merayu kepada Yang di-Pertuan Agong seperti yang disebut dalam perkara 151. Walhal, peraturan ataupun prosedur kewujudan *board* ini belum disebut lagi. Jadi bukankah, secara tidak langsung, perbahasan daripada parti pembangkang ialah *premature*, dengan izin.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerang. Saya memang akan menyentuh perkara ini dalam topik perbahasan seterusnya, tentang jaminan prinsip keadilan yang juga disentuh oleh Yang Berhormat Pengerang tadi. Apakah dakwaan kita bahawa lembaga yang akan dibentuk ini tidak memberi jaminan tersebut dan akan berlaku pencabulan prinsip undang-undang. Saya hendak jelaskan di sini...

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya dengar perbahasan teman-teman daripada Barisan Nasional dan juga kenyataan-kenyataan...

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Bagi saya habis, sekejap sahaja. Jelaskan perkara ini. Kenyataan daripada kementerian bahawa jangan bimbang perkara jaminan keadilan dan ketelusan dan tidak akan berlaku diskriminasi kerana mereka menggunakan hujah seksyen 19A(2) bahawa “*Seseorang yang ditahan boleh menyemak keputusan lembaga di Mahkamah Tinggi*”.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa kenyataan-kenyataan seperti ini ia bersifat *deceptive* ataupun kalau lebih keras, *dishonest*. Mereka tidak boleh kalau hanya menggunakan seksyen 19A(2). Memang benar seksyen 19A(2) kalau diizinkan saya baca, “*The direction of the Board under subsection (1) shall be subject to review by the High Court*”. Akan tetapi ia mesti dibacakan secara bersama dengan seksyen baru 15A(1). Ia tidak boleh baca berasingan begitu. Mengapa pendirian kementerian dan juga pembahas daripada UMNO hanya menggunakan artikel ataupun perkara 19A(2) tetapi mengetepikan seksyen 15A(1) yang saya nyatakan dan bincangkan di awal tadi.

Kalau diizinkan saya baca, “*There shall be no judicial review in any court of, and no court shall have or exercise any jurisdiction in respect of, any act done or finding or decision made by the Board... except in regard to any question on compliance with any procedural requirement...*” Maknanya soal *substance* itu ataupun asas penahanan tidak boleh dipersoalkan apa juga keputusan yang dibuat oleh lembaga, lembaga ada dua kuasa dibuat. Satu, *supervision order*, satu, *detention order*. *Detention order* ini tidak boleh ada semakan penghakiman.

Ada juga hujah mengatakan tadi, Yang Berhormat Tanjung Karang, saya hendak ambil peluang ini menjelaskan. Dia kata boleh buat *habeas corpus* tetapi kita kena ingat, apabila mereka hendak mengetepikan tadi artikel 5(2) Perlembagaan Persekutuan, dengan *invoke* artikel 149, maka artikel 5 itu sudah diketepikan. Kalau tidak, kita tidak boleh ketepikan seksyen 5 tanpa kita *invoke* artikel 149. Apabila kita sudah ketepikan seksyen 5(2) ini, yang mana untuk menyediakan peluang semakan kehakiman melalui *habeas corpus*, bagaimana seseorang tahanan itu boleh menggunakan artikel 5? Ini kerana kalau artikel 5 masih ada dalam rang undang-undang ini, maka mereka tidak boleh ketepikan kecuali dengan mereka *invoke* artikel 149.

Jadi sebab itu saya minta penjelasan daripada kementerian dan juga Yang Berhormat Menteri. Bagaimana kementerian boleh menjamin tidak ada pencabulan prinsip undang-undang terhadap mereka yang ditahan, walaupun bukan lagi kuasa Menteri untuk mengeluarkan perintah tahanan? Akan tetapi yang kita faham hari ini *limited areas* ataupun yang boleh dipertimbangkan oleh hakim dalam semakan kehakiman, ia tertumpu...

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Minta penjelasan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Hanya soal *procedure* dan bukan soal *substance* ataupun asas penahanan.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Dengan izin Yang Berhormat Gombak, minta penjelasan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ya, sila.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat sebut tentang *habeas corpus* iaitu perkara 5(2). Jadi, saya agak terperanjat sebab Yang Berhormat Gombak memberikan analogi bahawa macam mana hendak *invoke* perkara 5(2) kalau rang undang-undang ini diwujudkan di bawah perkara 149, betul? Itu Yang Berhormat cakap tadiyah, kalau kita tengok *Hansard*. Jadi soalannya, kalau betullah itu Yang Berhormat dibahaskan oleh Yang Berhormat Gombak, habis bagaimana bolehnya daripada dahulu-dahulu kes di bawah

ISA sebagai contoh, penahanan untuk *habeas corpus* itu dibuat? Bukankah bererti dengan adanya perkara 5(2)...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: [Bangun]**

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Tidak kisahlah undang-undang mana sekali pun, perkara 5(2) itu membenarkan sesiapa dalam negara kita membuat permohonan untuk *habeas corpus* termasuk dalam rang undang-undang POCA ini. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerang. Saya hendak sedikit sahaja. Saya ingat kita dengar panjang kuliah undang-undang oleh Yang Berhormat Puchong pagi tadi, maknanya kalau kita hendak bawa balik *detention without trial*, ia melanggar artikel 5 dalam Perlembagaan Persekutuan. Itu jelas. Bagaimana kita hendak atasi masalah ini, dibolehkan oleh perlembagaan. Kita kena *invoke* artikel 149...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: [Bangun]**

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Supaya kita boleh ketepikan artikel 5. Itu juga sudah dilakukan. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pengerang tadi, di bawah ISA memang benar *habeas corpus* telah dikemukakan tetapi ia punya skop masih lagi *limited*, masih lagi soal *procedure*. Maka yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Putih, apa bezanya ISA dahulu dengan rang undang-undang ini?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Minta penjelasan.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: [Bangun]**

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Kalau dahulu kuasa Menteri, sekarang kuasa lembaga. Ya, tetapi kalau dahulu semakannya masih terbatas, sekarang juga, malahan tidak boleh buat semakan penghakiman...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Minta penjelasan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Akan tetapi hanya soal *procedure* sahaja. Ya, Yang Berhormat Puchong.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Puchong, *first*.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Yang Berhormat Gombak, terima kasih Yang Berhormat Pengerang. Adakah Yang Berhormat Gombak sedar bahawa di dalam ISA ataupun Akta Keselamatan Dalam Negeri dan juga di dalam EO yang dahulunya wujud, terdapat peruntukan khusus di dalam akta-akta tersebut untuk *habeas corpus*? *Specific provision in both of the acts for habeas corpus*. Akan tetapi kalau kita lihat pada undang-undang baru ini, memang dinyatakan secara jelas bahawa *judicial review is prohibited* tetapi tidak disebut di situ *habeas corpus*. Jadi, dalam undang-undang dahulu, *habeas corpus* boleh dibawa *for procedural matters* tetapi melalui undang-undang ataupun kalau kita lihat undang-undang baru ini, *somehow* perkataan *habeas corpus* tersebut itu tertinggal, tidak ada.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Memang ada dalam ISA dan EO, *expressly stated*.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Bharu]:** Sebelum, boleh? Sehubungan dengan itu tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Gombak. Sekejap tadi Yang Berhormat Gombak telah menghuraikan bagaimana rang undang-undang yang dibentangkan ini mempunyai unsur-unsur yang menunjukkan ia bercanggah dengan peruntukan perlembagaan khususnya perkara 149 dan perkara 151 Perlembagaan Persekutuan.

■1640

Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Gombak. Apabila katakanlah rang undang-undang ini diluluskan menjadi sebahagian daripada undang-undang POCA ini dan apabila ada tahanan *detention* yang dibuat di bawah peruntukan undang-undang itu, maka perkara pertama yang dicabar di mahkamah ialah undang-undang itu sendiri adalah undang-undang yang tidak sah kerana *ultra bias* ataupun *unconstitutional*, menyebabkan undang-undang itu tidak sah dan penahanan itu juga tidak sah. Minta penjelasan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Yang Berhormat Puchong dan juga Kota Bharu. Saya hendak respons kepada Yang Berhormat Puchong. Memang benar dalam ISA dan juga EO ada satu klausula yang jelas di mana permohonan *habeas corpus* ini boleh dikemukakan walaupun skopnya agak terbatas juga. Bermakna, soal prosedur sahaja. Dalam rang undang-undang yang sedang dibahaskan hari ini langsung tidak disebut tentang *habeas corpus*. Semalam Yang Berhormat Bukit Gelugor telah berhujah dengan cukup panjang lebar perkara tersebut. Tidak ada disebut langsung. Cuma pemahaman saya sebagai seorang yang bukan peguam tetapi dibesarkan di mahkamah 15 tahun yang lalu, *so mangsa lagi*. Keluar masuk mahkamah, masuk lokap, keluar lokap, tidak semestinya jahat.

Wakil rakyat daripada Bagan Datok penah kena ISA tetapi dia orang baik. Orang yang kena ISA dapat jadi Menteri Dalam Negeri sekarang ini. *[Tepuk]* Undang-undang tidak baik tetapi orang itu baik dan *alhamdulillah*, dia menjadi Menteri Dalam Negeri. Jadi, dia dapat merasai bagaimana kezaliman dalam ISA. Jadi, dia mesti menyokong Pakatan Rakyat tolak tahanan tanpa bicara. *[Tepuk]* Prinsip itu dan dia pun orang agama Tuan Yang di-Pertua, dia sekolah Izzudin dahulu. Latar belakang agamanya cukup luas. Dua hari lepas dia menjadi imam, saya menjadi makmum, tidak apa. Itu di dalam solat, di dalam politik tidak boleh. Dia imam, saya pun imam.

Akan tetapi apa yang saya hendak tegaskan di sini memang benar ada klausula itu. Akan tetapi sekarang tidak ada lagi. Cuma pemahaman saya sebagai *layman* ialah walaupun tidak ada klausula *habeas corpus* tetapi ada perkataan *judicial review*. Bagi saya, itu mungkin boleh ditafsirkan sebagai salah satu usaha untuk mengemukakan permohonan *habeas corpus*. Akan tetapi saya hendak hujah lebih daripada itu kerana kenyataan-kenyataan daripada Kementerian dan juga pembahas daripada UMNO dan Barisan Nasional, dia kata, jangan bimbang.

Tidak ada dalam rang undang-undang tetapi boleh menggunakan artikel 5(2), Perlembagaan Persekutuan yang menyediakan peluang untuk semakan kehakiman melalui *habeas corpus and that is my point*. Bagaimana kita boleh menggunakan artikel 5(2) sebab kita sudah ketepikan untuk *invoke* 149, kita kena ketepikan. Untuk ketepikan artikel 5 ini, kita kena

*invoke* 149. Jadi, kita tidak boleh kerana ia sudah diketepikan, bagaimana kita hendak menggunakan artikel 5(2) dalam proses untuk membuat semakan *habeas corpus* ini.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Minta laluan Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Kota Bharu.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Minta laluan Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Sekejap, Yang Berhormat Kota Bharu.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Oh, Kota Bharu.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Kota Bharu membangkitkan soal bercanggah dengan perlombagaan. Ini yang telah ditegaskan berulang kali oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor, Puchong, Padang Serai dan Subang. Apa maknanya kita mengambil masa tiga hari di sini? Kita luluskan rang undang-undang yang akhirnya akan dicabar di mahkamah dan ditolak dan didapati tidak sah. Lebih baik saya mengajak rakan-rakan daripada UMNO dan Barisan Nasional meneliti perkara ini secara serius. Kalau boleh kita rundingkan terlebih dahulu. Sebab itu kalau boleh Yang Berhormat Menteri, 5.30 petang ini buat satu penggulungan yang ringkas dalam tempoh satu minit mengatakan kerajaan akan menarik balik rang undang-undang ini. *[Tepuk]* Kalau bolehlah ya.

Supaya ia boleh dirujuk. Ini kerana kalau kita tengok Peraturan Mesyuarat 54. Kalau boleh saya bacakan Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dicadangkan oleh banyak pihak. *"Sesuatu rang undang-undang boleh diserahkan kepada satu Jawatankuasa Pilihan sebelum bacaan kali yang kedua"*. Jadi, ada baiknya kalau rang undang-undang ini dirujuk dahulu kepada Jawatankuasa Pilihan supaya kita boleh panggil Peguam Negara. Kita boleh panggil Majlis Peguam, kita boleh libatkan Ahli-ahli Parlimen, teliti dahulu cadangan-cadangan yang dikemukakan, barulah bawa ke dalam Dewan Rakyat.

Perkara ini juga pernah berlaku ketika kerajaan ingin menggubal *Penal Code* dan juga CPC tahun 2005 kalau tidak silap saya, pindaan. Kita tidak harus membahaskan di sini. Kita bawa dalam *Select Committee*, kita bincang panjang dengan semua pihak yang terlibat, barulah kita bawa ke dalam Dewan Rakyat untuk dibahaskan dan diputuskan. Mengapa kita tergesa-gesa, apakah kerana Perhimpunan UMNO sudah terlalu hampir? Ada kepentingan politik? Itu persoalan yang perlu dijawab.

Kalau alasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Puchong dan Yang Berhormat Padang Serai tidak ada pandangan dan nasihat daripada Peguam Negara, itu lebih parah lagi. Ini kerana ada kemungkinan ada rang undang-undang ini dicabar di mahkamah dan kalau mengikut hujah yang berada di depan kita, kemungkinan rang undang-undang yang kita luluskan ini akan terbatal kerana bercanggah dengan Perlombagaan Persekutuan.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat Gombak, minta sedikit pencelahan. Meminta pandangan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Gombak. Seksyen 42 dalam *Legal Profesion Act*, jelas memperuntukkan di mana *Bar Council*, Majlis

Peguam antara skop utamanya adalah dari segi pentadbiran dan juga undang-undang keadilan. Akan tetapi anehnya, kali ini apabila kerajaan tergesa-gesa untuk membawa rang undang-undang ini, tadi Yang Berhormat Puchong sudah bangkitkan, Peguam Negara tidak memberikan keizinan dan Majlis Peguam langsung tidak tahu. Adakah ada “*udang di sebalik batu*”, Yang Berhormat Gombak? Mengapa kerajaan tidak meminta pandangan ataupun *consult with the Bar Council*. Apakah pandangan Yang Berhormat Gombak?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih. Saya bersetuju...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Gombak diberikan 30 minit. Akan tetapi saya tengok sudah 38 minit Tuan Yang di-Pertua. Seharusnya Barisan Nasional lagi. Jadi, masa dia...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** *[Menyampuk]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Menyampuk]* Ini jam salahlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Itu saya akan buat tindakan nanti. Tidak apa. Saya masih ingat, Yang Berhormat Sepang beberapa kali berdiri mengenai dengan peraturan mesyuarat bahawa Speaker ada kuasa untuk mengehadkan. Nanti saya akan gunakan kuasa itu Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Gombak, teruskan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kinabatangan kena faham. Tuan Yang di-Pertua juga terpukau dengan hujah-hujah Yang Berhormat Gombak. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]* Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Teruja, teruja. Daripada dengar Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Baling, lebih baik dengar Yang Berhormat Gombak. Kita tidak merapu. Baik tidak apa, saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, yang teruja dengan hujah saya ya?

Sebab itu saya sebutkan di dalam mukadimah tadi. Kalau boleh rang undang-undang yang lain, yang telah dipersetujui pada prinsipnya untuk ditarik. Kalau ditarik semalam kan senang Tuan Yang di-Pertua. Tidak perlu saya berhujah sampai setengah jam semalam. Sebenarnya hendak tarik tetapi segan hendak beritahu dalam Dewan. Tariklah! Jadi, kita boleh bincang secara baik dan teratur. Saya cadangkan, rang undang-undang lain yang ditarik itu mesti dirujuk kepada Peguam Negara, Majlis Peguam dan semua pihak yang berkenaan supaya apabila dibawa dalam sesi yang akan datang biarlah satu rang undang-undang yang benar-benar *complete* dan komprehensif dan tidak bercanggah dengan mana-mana peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menghormati masa yang ditetapkan. Ramai lagi teman-teman. Saya ingin merumuskan dua perkara. Pertama, saya hendak cadangkan, bersetuju dengan rakan-rakan, supaya rang undang-undang ini kita pohon kepada Yang Berhormat Menteri agar menarik semula. Ini kerana banyak kelemahan dan percanggahan yang cukup jelas dan nyata, melanggar dan mencabuli Perlembagaan Persekutuan. Kita tidak mahu satu rang undang-undang yang diluluskan kemudian terbatal di mahkamah. Malu. Yang Berhormat Pasir Salak pun malu, Yang Berhormat Arau pun malu. Ada orang yang tidak tahu malu, tidak apa, dia hendak

bodoh sahaja, tidak apa. Akan tetapi kita tidak mahu perkara itu berlaku. *[Disampuk]* Tidak, saya hujah undang-undang. Kalau boleh, kita serahkan kepada Jawatankuasa Pilihan untuk meneliti perkara ini dan dibawa semula dalam sesi yang akan datang.

**■1650**

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap Yang Berhormat Menteri dapat menyatakan dengan jelas tentang rang undang-undang lain yang telah dibentang dalam bacaan pertama dalam Dewan Rakyat ini supaya kita dapat tarik balik dalam semangat yang sama untuk mendapat maklum balas daripada semua pihak supaya tidak ada percanggahan dan kita dapatkan nasihat daripada Peguam Negara tentang rang undang-undang yang hendak dibentangkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, setakat ini sembilan wakil rakyat yang telah mengambil bahagian untuk membahas rang undang-undang ini. Lima daripada Pakatan Rakyat, empat daripada Barisan Nasional. Jadi setelah saya mendengar segala hujah yang disampaikan oleh kedua-dua belah pihak dan saya amat prihatin dengan peraturan mesyuarat yang sering kali ditimbulkan oleh Yang Berhormat Sepang, maka saya berfikiran bahawa semua hujah yang perlu dilontarkan juga telah dilontarkan oleh kedua belah pihak.

Jadi bagi saya, masanya telah tiba untuk saya menjemput Menteri untuk jawab. Jadi saya minta maaf kepada Ahli Yang Berhormat yang tidak dapat saya panggil untuk bahas pada peringkat sekarang ini. Saya telah pun bersetuju untuk masukkan dalam peringkat jawatankuasa. Ada lima pindaan daripada Menteri sendiri dan ada pindaan enam daripada pembangkang iaitu daripada Yang Berhormat dari Sepang, Yang Berhormat dari Subang, Yang Berhormat dari Taiping, Yang Berhormat dari Kota Bharu, Yang Berhormat dari Padang Serai dan dari Yang Berhormat dari Beruas.

Jadi kita tidak ada masa untuk bahas panjang lebar. Jadi sekarang saya menjemput Menteri untuk jawab selepas itu kita akan pergi peringkat jawatankuasa dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan kalau dipersetujui. Saya rasa Menteri pun telah dengar saranan daripada pembangkang sama ada *constitutional* atau *not constitutional*. Jadi terpulang kepada Menteri. Sila Menteri.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Tuan Yang di-Pertua bilang pukul 5.30 baru Menteri gulung. Ini kami belum habis lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, yang itu tadi telah dicakap. Saya Yang di-Pertua, kalau saya cakap sekarang Menteri, saya panggil, Menterilah yang terpaksa jawab.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** *[Ketawa]*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Tuan Yang di-Pertua, pembangkang lima orang, Barisan Nasional empat, bagilah adil Tuan Yang di-Pertua. Bagilah lima, lima Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apalah Yang Berhormat, tidak apa. Saya sudah buat keputusan. Sila Menteri, sila.

**4.52 ptg.**

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang cukup prihatin terhadap pentingnya Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 ini untuk juga diperbahaskan juga di peringkat jawatankuasa. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini yang telah mengambil bahagian di peringkat dasar Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 atau ringkasannya POCA yang sedang kita bahaskan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai pembuka bicara saya ingin merujuk kepada petikan sebuah buku daripada Tony Blair mantan Perdana Menteri United Kingdom dan dalam bukunya yang bertajuk *A Journey: My Political Life*, pada muka surat 644 dengan izin Tuan Yang di-Pertua saya ingin sebutkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Bahawa; *In a world of very sophisticated crime gangs, drug, people trafficking, money laundering, to say nothing of terrorism and deep social issues giving rise to a type of criminal underclass, traditional law and order didn't work. If you want to beat them you need so call draconian powers that can be wielded administratively and with instant effect. It is the price to pay. If you don't pay it, you don't get the result".* Itu petikan daripada buku itu.

Tuan Yang di-Pertua berdasarkan kenyataan tersebut jelas betapa pentingnya diadakan undang-undang seperti ini memandangkan beliau seorang yang pernah menjadi Perdana Menteri di sebuah negara yang maju. Kita kenali beliau yang turut menyokong akan keperluan sebuah undang-undang yang mempunyai elemen-elemen tahanan, *preventive* dalam menangani isu-isu yang sedang kita perbahaskan ini. Khususnya berkaitan dengan permasalahan untuk pembuktian di mahkamah terbuka yang memerlukan saksi tampil memberi keterangan.

Walau bagaimanapun rang undang-undang yang ingin diperkenalkan ini bukanlah cara mutlak. Mempunyai elemen tahanan tanpa bicara kerana wujudnya unsur-unsur *check and balance* melalui pembentukan sebuah lembaga pencegahan jenayah. Di mana ahli-ahlinya terdiri daripada pengamal undang-undang yang sangat berpengalaman. Sehubungan dengan itu ingin saya tegaskan sekali lagi bahawa jangan lah ada di antara kita menyamakan undang-undang ini dengan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan lima isu utama sebenarnya daripada sembilan Yang Berhormat yang telah membangkitkan perbahasan dari semalam hingga hari ini. Isu pertamanya adalah mengenai rang undang-undang ini mencabuli elemen dalam artikel 149 Perlembagaan Persekutuan. Isu yang kedua, berlegar juga mengenai rang undang-undang ini bercanggah dengan prinsip hak asasi manusia. Isu yang ketiga perbezaan tafsiran undang-

undang. Manakala isu yang keempat pemerluasan rang undang-undang pencegahan jenayah ke Sabah dan Sarawak dan yang kelima kepakaran pihak polis memerangi jenayah.

Malah saya teliti ucapan terakhir tadi daripada Yang Berhormat Gombak yang menyentuh kelima-lima perkara yang telah saya sebutkan ini walaupun beliau bukan seorang peguam seperti saya. Akan tetapi beliau cukup berpengalaman keluar dan masuk mahkamah. Jadi mungkin pengalaman itu lah yang menyebabkan beliau agak pakar dalam bidang undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit Gelugor membangkitkan berkenaan dengan rang undang-undang ini digubal di bawah perkara 149 Perlembagaan Persekutuan yang membenarkan peruntukan undang-undang digubal secara sah walaupun peruntukan ini tidak selaras dengan perkara 5 Perlembagaan Persekutuan, kebebasan diri dan perkara 9 Perlembagaan Persekutuan kebebasan bergerak. Saya ingin memberi penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan bahawa sekiranya kita merujuk kepada perkara 149(1) dalam Perlembagaan Persekutuan diperhatikan bahawa perenggan-perenggan (a) hingga (f) yang menetapkan alasan bagi penggunaan kuasa khas perkara 149 adalah *disjunctive*.

Setiap (a) hingga (f) diasingkan dengan perkataan 'or'. Oleh itu tidak semestinya penggunaan perenggan 149(1)(a) dikaitkan atau diwajibkan untuk digunakan dengan perenggan 149(1)(f) atau mana-mana perenggan lain kecuali keadaan mengehendakinya. Namun sekiranya hak keadaan memerlukan alasan di bawah perenggan di bawah 149(1)(f) boleh ditambah untuk digunakan atau *invoke*, dengan izin. Sehubungan itu tidak timbul isu rang undang-undang ini melanggar hak asasi individu.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya hanya hendak mengupas apa yang disebut tadi Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa hendak samakan dengan apa yang disebut oleh Tony Blair, saya rasa kurang tepat. Kerana Tony Blair pun pernah sebut *tough on crime*, *tough on the causes of crime*. Di sini saya rasa Yang Berhormat Menteri hanya lihat dari sudut abstrak saja. Kalau dibandingkan dengan apa yang diluluskan oleh Tony Blair tidak ada *detention without trial*. Saya rasa ini memang tidak berlaku. Kalau ada ialah *prevention of terrorism*, ini lain sama sekali.

#### ■1700

Saya harap janganlah menggunakan Tony Blair bila beliau tidak pernah memperkenalkan tahanan tanpa bicara. Satu lagi aspek saya rasa yang saya hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri ialah bahawa bila kita sebut tentang *tough on crime*, saya rasa perlaksanaan undang-undang adalah hanya salah satu faktor utama. Apa yang lebih penting ialah tindakan penguatkuasaan oleh polis di mana selalu kita sebut *omnipresent*. Kalu kita lihat di negara Barat Tuan Yang di-Pertua, memang tanpa undang-undang yang sedemikian tetapi mereka berjaya memastikan penularan jenayah tidak menjadi lebih serius. Akan tetapi di sini, mengapakah tidak ada komitmen? Ia bukan sekadar dari segi latihan ataupun sumber-sumber yang diberikan, saya rasa disokong sepenuhnya oleh Pakatan Rakyat.

Kalau hendak berikan sumbangan lebih, kita sokong. Akan tetapi apa yang kita hendak lihat mengapa tidak ada *omnipresent* di mana kita rasa ia lebih berkesan dan seperti yang selalu

disebut hanya 10% daripada anggota polis memerangi jenayah. Mengapa ini tidak boleh ditambah? Itulah sebabnya saya sekali lagi selain daripada lima aspek yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Menteri, satu lagi aspek ialah keberkesanan pihak polis mengambil tindakan ke atas jenayah. Macam apa yang disebut oleh IGP pada hari ini bila beliau menyebut tentang kehilangan pistol-pistol. Mungkin ke laut. Saya rasa ini memang tidak serius. Apa yang penting, ambil sikap serius dan saya rasa kita dapat berjaya menangani masalah jenayah secara bersama. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, saya menghargai pandangan Yang Berhormat Bagan dan saya fikir tidak benar bahawa hanya 10% daripada pegawai dan anggota polis yang dimobilisasikan untuk melakukan pencegahan jenayah. Saya telah jelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa lain-lain perkhidmatan iaitu seperti OCPD dan lain-lain pentadbiran, semuanya sebenarnya apabila pegawai atau anggota polis dilantik, ia 100% secara langsung adalah terlibat di dalam soal pencegahan jenayah dan penghapusan jenayah. Jadi dalam perkara ini, saya fikir soal *omnipresent* saya bersetuju akan dilebih ramaikan lagi. Oleh yang demikian, Jabatan Perkhidmatan Awam sebenarnya pun telah memberikan kelulusan bahawa peningkatan atau penambahan pegawai dan anggota polis seramai 5,000 orang setiap tahun. Saya bersetuju juga dengan Yang Berhormat di dalam sidang yang lalu menyatakan bahawa polis bantuan amat diperlukan sebagai tenaga tambahan dan saya telah nyatakan bahawa pihak kerajaan telah meluluskan kira-kira 50,000 jawatan baru untuk menambah polis bantuan ini supaya membantu polis yang sedia ada. Sila Yang Berhormat Temerloh.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, berkait dengan isu tahanan tanpa bicara ini. Kita melihat kes ini ataupun perkara ini bukan sahaja bercanggah dengan hak asasi manusia, tetapi apa yang lebih kita berikan perhatian ialah ia juga bertentangan dengan kaedah Islam itu sendiri. Kalau kita melihat antaranya, apa yang ditegaskan oleh Nabi kita Muhammad SAW... *[Berucap dalam bahasa Arab]* Ini kaedah orang yang menuduh mesti terlebih dahulu membawa bukti dan orang yang dituduh, dia belum diiktiraf salah. Dia perlu beri peluang untuk membela diri, bersumpah di atas apa yang dia tidak lakukan.

Jadi apa yang berlaku sekarang ini, kalau sekiranya diambil tindakan dua tahun tahanan seperti kita telah menjatuhkan hukuman ke atasnya. Ini yang bertentangan dengan *fiqh* Islam sebagai tuntutan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Sepang semalam saya dengar dia sebut, *[Berucap dalam bahasa Arab]* yang bermaksud, "Asal kita ialah tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah." Apa yang berlaku sekarang, dianggap salah dahulu sehinggalah membuktikan dia tidak bersalah. Saya rasa ini adalah suatu yang bertentangan.

Kemudian, saya hendak melihat Yang Berhormat Menteri, satu perkara lagi ialah isu sebenar bukan pada undang-undang. Undang-undang satu perkara. Akan tetapi juga melihat kepada bagaimana kemantapan penyiasatan polis dan juga keberkesanan proses pendakwaan oleh pihak Peguam Negara. Ini kerana saya melihat, sebagai contoh isu Altantuya apabila dibawa ke Mahkamah Rayuan, dibuang kes kerana siasatannya lemah. Disebut oleh mahkamah bahawa

siasatannya lemah oleh pihak polis dan pendakwaan yang lemah kerana gagal untuk memanggil saksi yang utama. Ertinya, ini yang perlu kita pertingkatkan selain daripada undang-undang kerana undang-undang telah banyak dalam negara kita ini. Kita ada undang-undang Akta Dadah Berbahaya kalau bab dadah, kita ada Kanun Keseksaan kalau bab rompak, samun dan rogol. Kita juga ada Akta Senjata Api bagi pihak yang membawa senjata api. Cukup dengan undang-undang itu, tetapi soal kemantapan penyiasatan polis dan juga keberkesanan pendakwaan termasuk juga campur tangan pihak politik di semua peringkat. Mungkin di peringkat Pejabat Peguam Negara kemungkinan dan juga peringkat penyiasatan. Jadi saya mohon Yang Berhormat Menteri berikan perhatian.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Yang Berhormat Temerloh, saya tidak menolak nas itu. Akan tetapi saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Temerloh, kalau pertikaianya ialah apa hak asasi manusia kepada mereka yang ditangkap dan yang ditahan untuk tujuan *preventive*. Itu pertanyaan semua daripada belah sana. Akan tetapi pernahkan dia tanya, apa hak asasi manusia orang yang dizalimnya? Orang yang dibunuhi? Orang yang dirogol? [Tepuk] Di manakah pembelaan hak asasi mereka itu? Siapa di kalangan di sana yang membela nasib orang-orang ini? [Tepuk] Bila polis dibunuhi, polis dibunuhi, ditembak ataupun dihempuk dengan objek keras...

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Yang Berhormat...

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Berapa orang daripada sana yang bersimpati dengan nasib polis?

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** [Bangun]

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tidak ada seorang pun!

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** [Bangun]

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Mohon penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Di mana hak asasi polis ketika itu? Bagaimana hak asasi keluarganya dalam perkara ini? Saya fikir...

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Yang Berhormat Bagan Datok, laluan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Kita harus seimbang di dalam perkara ini dan saya fikir biarlah kita rasional. Apa yang kita mahu tangani ini bukan manusia biasa. Mereka adalah penjenayah berat, penjenayah dan kongsi gelap yang kita mahu tangani itu. [Tepuk]

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Yang Berhormat Bagan Datok. Jadi... [Berucap dalam bahasa Arab] Niat itu betul.

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Yang Berhormat Bagan Datok, laluan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Sila Yang Berhormat Batu.

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Yang Berhormat Bagan Datok, laluan Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ia tidak dibela oleh wakil rakyat tidak betul. Apa yang kita lihat bukan sahaja anggota polis menjadi mangsa. Anggota polis diperalatkan untuk buat pembunuhan. [Dewan riuh] Ini berlaku dan ini realitinya. Akan tetapi itu bukan *point* yang

utama. Saya agak kita mahu bezakan pada— secara prinsip kita setuju tangkapan pencegahan ini boleh diterima, tetapi tahanan tanpa bicara tidak boleh diterima. Apa yang berlaku ini ialah sungguhpun kita namakan ini sebagai pencegahan, tetapi hakikatnya ialah tahanan tanpa bicara. Itu perkara yang saya – dan saya juga hairan dan amat terperanjat kerana Menteri pakai Tony Blair dan mengaku bahawa ini undang-undang *draconian*.

Tadi jamin kata bukan *draconian* tetapi sudah ini- dan petikan dari *Tony Blair*, saya tidak tahu Menteri sengaja hendak membangkitkan kemarahan bekas Perdana Menteri yang menyifatkan Tony Blair adalah seorang yang tidak berprinsip dan seorang penjenayah perang. Saya quote, “*Yet in Malaysia there are people who want to learn things from him. I cannot imagine what they can learn from him. Tony Blair is a liar and the dirt for British*”. So, saya – Ini Dr. Mahathir yang sebut. Saya tidak tahu apa tujuan Menteri untuk petikan ini. Akan tetapi isunya ialah ini, kalau kita membenarkan ini diluluskan, Dewan ini harus diyakini bahawa apakah kelemahan sistem yang sedia ada.

#### ■1710

Kita tidak boleh datang ke sini untuk setuju apa yang dicadangkan tanpa kita yakini kelemahan seperti sebelum ini kita mansuhkan EO tetapi Dewan tidak diberitahu apakah implikasi pemansuhan EO ini. Akan tetapi kita sudah lulus selepas itu baru dibawa lagi satu undang-undang tetapi implikasi belum kita ketahui dan kita juga tidak diberitahu apakah kelemahan, kenapa gangster-gangster besar ini kita tidak boleh tangkap dengan undang-undang yang sedia ada. Apakah polis kita tidak ada undang-undang untuk tangkap *terrorist* atau apa-apa? Itu yang kita rasa kita tidak boleh maju ke depan kalau kita tidak diberi maklumat yang penuh tentang perkara ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, satu tuduhan yang melampau apabila mengatakan anggota polis diperalatkan. Anggota polis adalah sahabat-sahabat kita yang menjalankan kerja-kerja secara profesional.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Mereka dibebaskan dalam mahkamah.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Bagaimana tuduhan terhadap anggota polis oleh Yang Berhormat Batu? Sebenarnya anggota polis itu telah dizalimi dengan digigit telinganya. *[Ketawa]* Ikut buku-buku hikayat dongeng dan kuno, hanya toyol sahaja yang menggigit telinga. *[Dewan riuh]*

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Menteri...

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Menteri, toyol itu hantu curi wang dari Indonesia.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Menteri tidak dapat *briefing* dari anggota polis. Mana ada anggota polis telinganya kena gigit.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Implikasi pemansuhan EO. Saya ingin menyebut bahawa apabila EO dan RR dimansuhkan, seramai 9,095 orang yang ditahan di Simpang Renggam dan juga yang dilepaskan dari Tahanan Kediaman Terhad berada dan berasimilasi dengan masyarakat sekarang ini. Merekalah yang satu, bergaduh sesama sendiri,

berebut kawasan-kawasan pertanggungjawaban untuk mendapat wang perlindungan. Bayangkanlah Yang Berhormat, daripada 49 kumpulan kongsi gelap ini 40,000 anggotanya. Saya harap Yang Berhormat Batu bukan salah seorang yang bersimpati dengan ahli kongsi gelap ini. Saya harap begitu. Saya harap tidak bersimpati dengan mereka ataupun menjadi pelindung kepada mereka. Jadi dalam perkara ini, saya ingin menyebutkan bahawa dalam Ops Cantas Khas baru-baru ini.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Yang Berhormat Kota Bharu, abang hendak cakap dahulu. Tuan Yang di-Pertua, dalam Ops Cantas Khas 200,012 orang ramai telah dilakukan tapisan tetapi kita *colour blind* dengan izin, kita buta warna. Berapa ramai yang ditangkap? 3,800 orang yang terlibat, disyaki terlibat itu orang Melayu. Berapa ramai orang India yang dituduh bahawa saya perkauman? Cuma 2,800 orang. Berapa ramai orang Cina? 1,900 orang. Jadi dalam perkara ini saya fikir pihak polis memang benar-benar buta warna dan mereka sama juga yang di sana tidak mahu jenayah dilakukan. Ini *mauduk* kita, ini semangat kita, ini roh yang ada pada kita semuanya. Dalam perkara ini saya fikir apa yang dibentangkan dalam rang undang-undang ini sebagaimana yang telah disebutkan...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Minta penjelasan.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Sebentar, saya habiskan ayat ini. Rang undang-undang ini digubal di bawah perkara 149 Perlembagaan Persekutuan terdapatnya satu keperluan mendasak. Ini disebabkan kerana berlakunya jenayah terancang terhadap individu dan harta benda di mana bagi tahun 2013, tahun ini saja terdapat sebanyak 109 kejadian tembakan yang di dalam siasatan polis melibatkan 100% kumpulan kongsi gelap.

Oleh sebab itu, atas pertanggungjawaban inilah pihak kerajaan merasakan bahawa satu rang undang-undang sama ada baru atau dipinda dan sekarang ini dipinda dibuat di bawah kuasa perundangan Parlimen ditetapkan di bawah perkara 74 Perlembagaan Persekutuan ini termasuk undang-undang yang mengguna pakai kuasa khas di bawah perkara 149 Perlembagaan Persekutuan. Kepentingannya seperti mukadimah atau *recital* yang menyebut alasan yang berkenaan dengan perkara 149(1) Perlembagaan Persekutuan adalah untuk memberi kesahihan atau *validity* dengan izin kepada peruntukan dalam akta tersebut yang tidak selaras dengan peruntukan perkara 5, perkara 9, perkara 10 dan perkara 13 Perlembagaan Persekutuan atau yang selainnya terkeluar daripada kuasa perundangan Parlimen. Oleh itu, perkara 149 Perlembagaan Persekutuan tidak memerlukan akta yang baru dibuat. Sila Yang Berhormat Kota Bharu.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kekanda Yang Berhormat Menteri. Saya agak tertarik dengan ucapan awal Yang Berhormat Menteri semasa membentangkan rang undang-undang ini semalam yang mengatakan bahawa undang-undang ini jika diluluskan sama sekali tidak akan digunakan untuk kepentingan politik, tangkapan, penahanan, tidak ada unsur politik.

Ini mengingatkan kita kepada satu jaminan ucapan Almarhum Tunku Abdul Rahman semasa Akta Keselamatan Dalam Negeri diluluskan tahun 1960 yang mengatakan bahawa ISA ini hanya untuk membanteras anasir *subversive* tapi kita semua tahu bagaimana berdekad-dekad selepas itu, ISA digunakan untuk kepentingan tangkapan, penahanan dan sebagainya melibatkan orang politik atas dasar politik termasuk Yang Berhormat Menteri sendiri.

Jadi saya hendak tahu dan saya tidak nampak di dalam rang undang-undang ini satu peruntukan yang menzahirkan perkataan demikian sebagaimana yang ada di dalam Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 iaitu SOSMA yang mana kalau kita tengok dalam akta ini dengan jelas mengatakan seksyen 43 di bawah tajuk Kuasa Khas Bagi Kesalahan Keselamatan, seksyen 4 – Kuasa Penangkapan dan Penahanan. Seksyen 43 berbunyi tiada seorang pun boleh ditangkap dan ditahan di bawah seksyen ini semata-mata atas kepercayaan politiknya dan aktiviti politiknya.

Jadi sejauh mana persoalan saya jaminan ini dapat dilaksanakan dengan tidak adanya satu *special probation* yang berkaitan dengan perkara tersebut dan mungkin ianya tidak berlaku di zaman Yang Berhormat Menteri sekarang ini, mungkin ia boleh berlaku di masa-masa yang akan datang? Mohon penjelasan, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Isu yang sama, boleh?

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tidak mengapa Yang Berhormat. Saya akan bagi peluang. Kita satu negeri, saya bagi peluang.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Isu yang sama.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Saya akan bagi peluang sekejap lagi Yang Berhormat Beruas. Memang tidak ada niat dan tidak ada tujuan tersurat atau tersirat untuk menahan mereka yang memegang jawatan politik sama ada yang berbeza pendapat atau berlaku perbezaan pendapat. Kita bandingkan dalam ISA. Ada kuasa Menteri secara mutlak boleh menandatangani penahanan.

Di dalam pindaan ini tidak ada kuasa Menteri. Di dalam pindaan ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengarahkan Peguam Negara menyebutkan bahawa kerajaan tidak mahu diimplikasikan menyalahgunakan kuasa Menteri itu yang kownnya boleh ditafsirkan sebagai penyalahgunaan kuasa. Maka Badan Pencegahan Jenayah diwujudkan. Bukan hanya terdiri daripada seorang tetapi tiga orang dan *insya-Allah* kita akan pinda menjadi lima orang yang terdiri daripada pengamal undang-undang. Mereka yang akan dilantik ini terdiri daripada yang pernah melaksanakan tafsiran dan pembelaan atau pendakwaan di mahkamah yang tersebut, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan dan saya fikir dalam perkara ini niat Perdana Menteri untuk melakukan transformasi politik ini jelas terpancar dari pindaan ini. Lihat bahawa saya sebut lagi sekali tujuannya adalah untuk menangani permasalahan jenayah berat.

■1720

Harus juga diingatkan bahawa apabila pindaan ini dilakukan, perbincangan-perbincangan juga telah dilakukan di antara Jabatan Peguam Negara dan Kementerian Dalam Negeri secara

terperinci. Tidak benar tuduhan yang mengatakan Peguam Negara tidak berbincang dengan kami. Malah, kami juga telah mengadakan seminar dan forum dengan beberapa NGO untuk mendapat maklum balas daripada mereka. Maklum balas-maklum balas ini semua diambil kira. Itulah sebabnya apabila beberapa perkara yang dilontarkan oleh Ahli-ahli Parlimen di sebelah sana, saya mempunyai fikiran yang terbuka dan saya berlapang dada untuk memperkirakan beberapa pindaan yang seharusnya kita sama-sama rundingkan. Ini kerana kita tidak melakukan sesuatu secara semberono.

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Ini kerana apa yang kita lakukan adalah sesuatu yang dibuat untuk menangani permasalahan penjenayah-penjenayah. Betapa sukarnya untuk kita menangani permasalahan ini.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Saya fikir dalam hal ini eloklah kalau kita dapat berlapang dada sebagaimana Yang Berhormat Gombak walau pun berbeza parti politik, berbeza pendapat tetapi saya teliti ucapan beliau. Sebahagian besarnya sebenarnya bersetuju dengan rang undang-undang yang dipinda ini tetapi dalam perkara-perkara tertentu harus dirundingkan. Inilah sikap yang baik. Mungkin selepas ini boleh jadi Menteri Besar Selangor. Sila.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mana satu Yang Berhormat?

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Yang Berhormat Bukit Gelugor.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Bukit Gelugor.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Parti DAP khasnya ada mengatakan dasar kerajaan untuk – lihat dengan baik. Lihat sekali lagi. Untuk mengelakkan mengadakan satu keadaan seperti mana Raja-Raja negara ini dimalukan. Dalam tahun 1975, ESCA *dipromulgated* dengan izin, di bawah satu ordinan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong dalam perkara 150. Dalam satu kes di Pulau Pinang Tuan Yang di-Pertua, kes Teh Cheng Poh, tiada berbangkit perkara itu menyatakan bahawa ESCA itu *unconstitutional*. Raja apabila Parlimen *had met in February 1971*, dengan izin, Raja kita tiada kuasa untuk *rule by decree*.

Akan tetapi, saya dihalau keluar daripada mahkamah oleh Hakim Mahkamah Tinggi. *Traits over random* bukan *literally*. Tidak mahu terima hujah-hujah yang saya buat. Perkara itu pergi ke Mahkamah Persekutuan. Tiga orang hakim kanan. Hujah yang tidak diterima oleh hakim-hakim itu. Perkara itu dipanjangkan kepada Majlis Privi, Tuan Yang di-Pertua.

Majlis Privi pada 18 Disember 1978 membuat satu keputusan hebat. Keputusan itu adalah akta itu tidak sah. Jika itu okey kami terima tetapi apa yang dibuat adalah ini. Apabila perintah dikeluarkan oleh Majlis Privi itu dan Majlis Privi bukan memberi satu alasan kehakiman. *It is an*

*advice by the Privy Council to the King*, kes-kes lain. Jika menang atau kalah pun Yang di-Pertuan Agong dinasihatkan untuk menerima sesuatu keputusan oleh Majlis Privi.

Tertarik dalam perkara ini Raja kita dinasihatkan oleh Majlis Privi bahawa beliau ada membuat satu rang undang-undang yang tidak berperlembagaan. Tidak jadi macam itu. *In the history of the Privy Council that has never happened. A King has never been advised that what he had done was wrong, was unconstitutional*, dengan izin.

Kami tidak mahu. Kami mahu mengelakkan perkara itu sekali lagi kerana jika Dewan ini meluluskan rang undang-undang ini dan Dewan Negara pun membuat sedemikian, Raja terlibat untuk mendapatkan undang-undang yang diperkenankan oleh Raja itu. Jangan malukan Raja kita lagi sekali. *[Dewan riuh]*

Ini kerana tidak ada keraguan dalam fikiran saya bahawa rang undang-undang ini tidak sah. Rang undang-undang ini adalah *unconstitutional*. Perkara 149 – Yang Berhormat Menteri bukan orang perundangan, dapatkan nasihat daripada kami. Ada menyatakan tadi di dalam perkara 149 has (a) until (f). Semua ini adalah *disjunctive because the word "or" is used*. Sesuatu mencukupi. Kelmarin saya mengatakan ada “or”. Saya terima itu ada “or” tetapi itu bukan bermakna itu boleh diketepikan.

Dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri apabila diluluskan di bawah perkara 149, apa yang ada di sana Tuan Yang di-Pertua, ada (a) dan ada (f). “(a) to cause, or to cause a substantial number of citizens, to fear, organized violence against persons or property...” and whereas the action taken and threatened is prejudicial to the security of Malaysia. Itu (f) tetapi saya baca (a) adalah keperluan untuk (f) Tuan Yang di-Pertua. Jika ini adalah rang undang-undang dan undang-undang untuk sekuriti dan apa yang perlu untuk stop and threaten the action which is prejudicial to the security of Malaysia? Itu harus dimasukkan ke dalam rang undang-undang itu. Jika tidak, rang undang-undang itu ditentang dengan peruntukan 149. Adakah Yang Berhormat Menteri faham?

**Beberapa Ahli:** Faham, faham.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Jika tidak faham dapatkan nasihat dan jangan main-main dalam Dewan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gelugor seorang pengamal undang-undang kanan yang sepatutnya memberikan nasihat yang benar. Kita hormati pandangan itu dan kita tidak pernah main-main.

#### ■1730

Dalam soal apa yang disebutkan tadi, akta ini secara jelas hanya ditujukan kepada orang-orang yang tergolong dalam Jadual Pertama. Jadual Pertama itu jelas menyebutkan perkara itu dan saya fikir apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor tadi adalah sesuatu yang pada hemat saya benar dan mengikut tafsiran beliau adalah sesuatu yang harus diperkirakan tetapi kita harus melihat dari segi tujuan dan niat pindaan ini dilakukan. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini dapat menerima apa yang diniatkan oleh pihak kerajaan.

Saya mengaku saya bukan pengamal undang-undang tetapi Peguam Negara dan penasihat undang-undang serta pegawai-pegawai perundangan di KDN dan Jabatan Peguam Negara telah melakukan kerja yang terbaik kerana mereka juga turut terpanggil di atas kejadian jenayah berat yang berlaku di mana kepentingan rakyat harus diutamakan berbanding dengan soal-soal yang hanya mempertikaikan perkara-perkara teknikal yang boleh diperbaiki pada hemat saya. Akan tetapi *mauduk* dan tujuannya adalah untuk pencegahan dan pemberantasan jenayah.

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** *[Bangun]*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Di dalam perkara ini saya fikir harus dilihat dari segi rohnya kerana latar belakang perkara ini bukan semata-mata berlandaskan undang-undang tetapi berlandaskan kepada statistik yang telah saya sebutkan awal. Yang Berhormat Beruas.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, tidak ada seorang pun wakil rakyat di sini tidak bersetuju kita mesti membanteras jenayah, itu kita semua setuju. Ini yang sekarang dibahaskan ialah kenapa kerajaan mesti mengguna perkara 149 Perlembagaan Persekutuan untuk menidakkann hak asasi rakyat Malaysia?

Kerajaan pun telah meluluskan tahun lepas dengan izin, The Security Offences (Special Measures) Act 2012 ataupun SOSMA. Kerajaan pun telah menggunakan perkara 149. Kalaupun peruntukan-peruntukan di bawah Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 ini hendak diperluaskan, ia mungkin boleh dimasukkan di bawah SOSMA. ini kerana kalau betul-betul kerajaan hanya hendak banteras jenayah, kuasa yang dibenarkan di bawah perkara 149 ini tidak boleh digunakan dengan sewenang-wenangnya dan juga seperti Yang Berhormat Bukit Gelugor katakan tadi banyak perkara-perkara dalam akta ini melanggar perlembagaan termasuklah melanggar perkara 151. Perlembagaan di mana sesiapa yang ditangkap mesti diberitahu sebab mereka ditangkap.

Akan tetapi di bawah seksyen 25 yang memasukkan seksyen tambahan 21A ini menyatakan lembaga tidak perlu memberikan apa-apa sebab kalau pada pandangan mereka boleh menjelaskan atau dengan izin, *public interest*. Apa yang penting rakyat Malaysia tidak mahu apa-apa jenis kuasa mutlak di bawah tangan seseorang ataupun kumpulan orang biarpun jemaah ataupun dengan izin, *board* yang ditubuhkan tiga atau lima orang itu, kita mesti ada *check and balance*. Kita tidak mahu sesiapapun mempunyai kuasa mutlak dan kita percaya mahkamah kitalah yang terbaik untuk memutuskan sesuatu kes itu atau tahanan atau keputusan mana-mana pihak eksekutif. Sebab itu saya harap kita tidak luluskan undang-undang ini dan membentarkan mahkamah memberikan kata putus kepada sistem kehakiman kita.

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Menteri dengan izin?

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Saya bagi peluang kepada... Saya jawab dahulu.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Saya hendak sambung dia cakap. Boleh Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Sila.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Menteri minta penjelasan. Bukanakah kalau kita tengok pada seksyen-seksyen yang telah diwujudkan di dalam rang undang-undang ini bererti Akta Pencegahan Jenayah ini (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 adalah lebih baik daripada ISA. Sebab kalau kita tengok dalam ISA, kuasa Menterilah segala-galanya tetapi di sini digantikan dengan kuasa lembaga, *prevention of crime board* dengan izin, bererti ini adalah lebih adil kepada mereka yang ditahan sebab adanya proses yang lebih terbuka kerana terdiri pelantikan, terdiri daripada hakim-hakim ataupun bekas hakim. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya itulah yang hendak saya jawab sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Penggerang kerana Lembaga Pencegahan Jenayah bukan suatu lembaga penasihat yang ditubuhkan di bawah perkara 151 perlembagaan dan kajian dapatan oleh pegawai *enquiry* bukan sebahagian daripada proses *representasi* kepada Lembaga Penasihat di bawah perkara 151.

Kalau kita merujuk kepada seksyen 5 Ordinan Darurat dan seksyen 11, ISA 1960 walaupun kedua-duanya telah dihapuskan, bahawa kedua-dua undang-undang itu jelas memperlihatkan bahawa seksyen tersebut meletakkan tatacara bagi pelaksanaan hak tersebut yakni bahawa salinan perintah tahanan perlu disampaikan kepada subjek.

Keduanya bahawa beliau diberitahu tentang hak membuat presentasi. Menurut perkara 151 Perlembagaan Persekutuan, suatu badan penasihat khusus akan diwujudkan bagi Akta 297 seperti yang dibuat bagi Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985. Itu penjelasan yang saya sebutkan. Benar, POCA ini...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Yang Berhormat saya perjelaskan ya. POCA ini sebenarnya lebih baik daripada ISA. *[Tepuk]* SOSMA tidak boleh diguna pakai kerana SOSMA ditujukan kepada pengganas. POCA ditujukan kepada penjenayah dan ini harus difahami dan bagi hemat saya roh itu, roh itu harus dihalusi sebenarnya. Sila, Yang Berhormat Kinabatangan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya apa keraguan daripada puak pembangkang iaitu pelanggaran hak asasi manusia. Konon-kononnya takut ada orang yang tidak bersalah didakwa sedangkan kita dapat dia. Saya bukan peguam macam Yang Berhormat Gombak tetapi kita lebih bijak daripada sebilangan peguam sebetulnya yang tidak ada ketentuan. *[Dewan riuh]*

Apa yang kita lihat iaitu apabila tidak ada kuasa Menteri bermakna tidaklah ada kepentingan politik di situ yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong ini terdiri daripada orang luar yang orang ramai ada kepercayaan. Yang mahu didakwa ini iaitu ketua kumpulan kongsi gelap dan

sudah jelas bahawa kumpulan kongsi gelap ini merancang membunuh bukan lagi melanggar hak asasi manusia. Dia mengambil kerja Tuhan sebab mengambil nyawa orang pun kita adili juga.

Jadi sudah tentulah pada saya akta yang sebegini membendung kegiatan kongsi gelap. Tidak tahulah kalau ada orang berkepentingan cuba melindungi kumpulan ini atas kepentingan yang tidak tentu. Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Itulah Yang Berhormat Kinabatangan lebih baik daripada sesetengah *lawyer* yang tidak faham itu. *[Ketawa]* Kalau beliau menjadi peguam mungkin sesetengah peguam tidak dapat mencari makan. Saya bagi Yang Berhormat Bukit Katillah, dia orang peguam.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat hendak memperbetulkan beberapa persepsi yang salah. Saya fikir dari segi pembanterasan jenayah ini semua pihak memainkan peranan dan bersungguh-sungguh supaya kita menjadi sebuah negara yang *free* jenayah. Misalnya selepas PRU Ke-13 Tuan Yang di-Pertua, saya terus menulis surat kepada Ketua Polis Negeri Melaka ingin membincangkan bagaimana hendak menangani jenayah dan saya dapat maklum balas yang cukup positif dan kami sedang bersama-sama merangka program membantu mengurangkan jenayah di kawasan Bukit Katil. Jadi tidak betul persepsi bahawa kononnya kita tolak undang-undang ini, kita hendak menjaga seolah-olah hendak kawal hendak sokong pula kumpulan-kumpulan gengsterisme ini.

#### ■1740

Cuma, saya hendak bangkitkan Tuan Yang di-Pertua, ketika perbahasan tahun 1959 yang mula-mula *Prevention of Crime Bill* ini dibentangkan. Suasana jenayah waktu itu pun dahsyat juga. Ada kes di mana pada tahun itu, mereka yang sedang mengiringi jenazah untuk dikebumikan di tembak. Setakat ini kita tidak pernah dengar lagi ada kes orang iring jenazah kena tembak. Akan tetapi dulu sudah ada. Lagi teruk pendekatan jenayah. Saya hendak baca apa yang disebut oleh Datuk Brodie, *the first Peguam Negara* (AG) yang menyatakan bahawa bagi menangani masalah ini, dia sebut:

*"Well, there's a system recently tried out in Singapore, where they have to a similar problem to deal with by which the police can arrest suspected gangsters and keep them in detention for couple of years or possibly longer".*

Apa dia kata? *"In my opinion, it does not really provide a solution because at the end of the two years, we have to let them out and they might be just as bad as they were before"*.

Waktu tahun 1959 lagi, pendekatan yang digunakan waktu itu tidak ada tahanan tanpa bicara. Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat Menteri, apakah ini pendekatan yang tepat untuk dilaksanakan dan kebetulan Yang Amat Berhormat Pekan pun ada di hadapan ini. Kita hendak meminta penjelasan supaya kita ingin maju ke depan dan pendekatan harus lebih canggih dan pendekatan harus lebih efektif. Saya ingin cadangkan kepada kerajaan menggunakan

pendekatan seperti mana yang diamalkan oleh negara-negara maju, sebelum sesuatu undang-undang diluluskan. Mereka ada pendekatan *regulatory impact analysis* ataupun *regulatory impact assessment*. Study betul-betul dan kaji betul-betul apakah undang-undang ini baik untuk negara ataupun tidak. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, ini anak muda yang ada potensi.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Kalau beliau naik, mungkin Yang Berhormat Gombak tergugat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Menteri, boleh? Yang Berhormat Menteri? Yang Berhormat Menteri, boleh mencelah. Penjelasan, penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Saya akan beri peluang, saya akan beri peluang. Nanti sekejap. Duduk sekejap, duduk sekejap.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Isu yang tadi Yang Berhormat Menteri jawab kepada saya.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Sekejap. Sebentar. Saya akan beri peluang. Saya orang baik seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Gombak tadi. Soal perundingan oleh Yang Berhormat Bukit Katil dengan Ketua Polis Negeri, itu satu langkah yang baik. Saya mendapat tahu bahawa Yang Berhormat Bagan juga mengadakan perundingan dengan Ketua Polis Negeri. Ini pendekatan yang baik untuk menurunkan kadar jenayah. Kalau mahu melihat apa yang berlaku pada 1959, kenapa undang-undang ini diadakan? Kita tidak mahu apa yang berlaku pada 1959 itu terus berlaku sekarang ini. Saya ada satu statistik kalau Yang Berhormat mahu dengar. Kalau Tuan Yang di-Pertua izinkanlah sedikit statistik untuk penjelasan ini. Sebelum EO dan RR dihapuskan, kita dapat bahawa terdapat kira-kira 43,300 kesalahan-kesalahan jenayah yang termasuk dalam kategori bunuh, cubaan bunuh, samun berkawan tanpa senjata, pemerasan, merusuh dan ugutan jenayah.

Selepas sahaja kedua-dua undang-undang ini dihapuskan, meningkat terus kepada 45,664. Bezanya 2,351 dan peratusnya 5.4%. Jadi dalam perkara ini Tuan Yang di-Pertua, saya fikir sebelum apa yang berlaku pada 1959 berlaku semula pada waktu ini, kita tidak mahu dengan izin *rampant*, pembunuhan, penembakan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *[Bangun]*

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Yang Berhormat Kulai duduk. Saya akan bagi. You *first time*kah? Okey, saya bagi. Saya ingin sebutkan bahawa apa yang berlaku ini terlalu hebat. Mengikut pihak polis, selepas sahaja mereka dilepaskan daripada Simpang Renggam dan beberapa pusat tahanan yang lain, mereka pergi ke kawasan masing-masing dan tembakan yang berlaku dalam tempoh sebelum Ops Cantas Khas ini adalah tembakan sesama ahli kongsi gelap. Kumpulan 04 dengan 08. Malang sekali kumpulan 026 belum berdaftar ketika itu, Yang Berhormat Kinabatangan. Apabila ini berlaku diikuti dengan tembakan yang dilakukan terhadap saksi-saksi.

Mereka yang dulunya menjadi saksi kepada tahanan EO ini ditembak. Mereka yang disyaki bersekongkol kononnya juga ditembak. Ini tidak adil. Kalau kita lihat guru ditembak. Peniaga kedai nasi ditembak. Saya fikir perkara ini harus dilihat. Jangan hanya lihat dari aspek perundangan. Lihat dari aspek kemanusiaan juga. Sila, Yang Berhormat Kulai.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri memang ada sebut selepas pemansuhan EO itu, memang jenayah kekerasan meningkat. Akan tetapi saya rasa kita tidak boleh nampak tempoh masa 20 bulan sahaja. Saya ada jawapan yang diberi oleh Menteri Dalam Negeri kepada Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara. Jawapan ini bertarikh 15 Jun 2010. Mengikut jawapan ini, pada tahun 2005, kes jenayah kekerasan di negara kita adalah sebanyak 22,000. Pada tahun 2006, kes ini meningkat ke 31,000. Satu peningkatan sebanyak 42%. Tahun 2007 sebanyak 35,000 kes jenayah kekerasan. Tahun 2008 meningkat lagi sebanyak 37,000 kes dan pada tahun 2009, jenayah kekerasan di negara kita adalah sebanyak 40,000.

Jadi maksudnya sejak tahun 2005 sampai tahun 2009, setiap tahun kes jenayah kekerasan ini meningkat. Jadi saya hendak tanya kalau sebelum EO ini dimansuhkan, kes-kes ini juga meningkat. Sekarang, selepas pemansuhan, ia pun meningkat. Jadi bagaimana kita tahu punca peningkatan ini adalah memang disebabkan oleh pemansuhan EO. Itu satu.

Kedua, tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut selepas EO, kes jenayah kekerasan ini meningkat. Akan tetapi saya juga ada satu jawapan yang datang dari Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang menunjukkan bahawa kes samun pengawal bersenjata api. Pada tahun 2011, kita ada sebanyak 318 kes tetapi pada tahun 2012, selepas EO dimansuhkan, kes kita adalah sebanyak 110 kes sahaja. Ini menunjukkan satu penurunan sebanyak 65%. *[Tepuk]*

Selain daripada itu, samun bersenjata api, pada tahun 2011 sebanyak 52 kes dan pada tahun 2012 hanya 17 kes. Satu penurunan sebanyak 67% dan sama juga untuk samun tanpa bersenjata api. Pada tahun 2011, sebanyak 3,871 kes dan pada tahun 2012, kesnya menurun kepada 3,275 kes. Sekali lagi satu penurunan sebanyak 15%. Jadi saya rasa semasa EO dimansuhkan, banyak perkara sudah berubah. Salah satu adalah kita sekarang ada seorang Ketua Polis Negara yang baru.

Ada kemungkinan ini adalah kemampuan Ketua Polis Negara kita. Beliau tidak berkemampuan untuk menjalankan tugasnya. Sebab itu kes-kes jenayah ini meningkat. Jadi saya hendak tanya, kalau sebelum EO dimansuhkan, kes jenayah kekerasan meningkat. Selepas EO dimansuhkan, sebenarnya kes samun boleh diturunkan. Kenapa sekarang kita perlu PC ini. Saya rasa mungkin apa yang kita perlu adalah seorang IGP yang baru.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Sama *point*, sama *point*. Yang Berhormat Menteri, sama *point*. Sama *point*.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Saya hendak jawab ini. Bila Yang Berhormat Kulai bercakap ini, saya teringatlah. Yang Berhormat Batu dulu-dulu punya. Bukan Yang Berhormat Batu tetapi Yang Berhormat Batu Gajah. Yang Berhormat Batu Gajah dulu bercakap

macam itulah suara. Macam itulah hebatnya. Saya ingat eloklah belajar dari Yang Berhormat Batu Gajah. Kadang-kadang dia baik juga. Puji. Macam tadi puji IGP bagus. Memang IGP bagus. Ketua Polis Negara memang antara Ketua Polis Negara yang baik dan bagus dari segi pentadbirannya, betul. *[Dewan riuh]*

■1750

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Yang Berhormat Kulai, saya...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Minta jawab soalan dahulu itu.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Hendak jawablah ini, hendak jawab ini. *[Ketawa]* Yang Berhormat Subang, dengar elok-elok ya. Saya hendak jawab ini ya.

Rampasan senjata api untuk tempoh 20 bulan sebelum dan selepas pemansuhan. Dari tempoh yang sama, 12 April 2011 sehingga 21 Disember 2011, sebelum mansuh EO dengan RR ya, jumlah senjata yang dirampas ialah sebanyak 198.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Termasuk senjata api hilang.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Termasuk senjata haram, kalau dipohon oleh Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Senjata api hilang.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Dari 22 Disember sehingga 31 Ogos, senjata yang dirampas ialah sebanyak 434. Ertinya kenaikan sebanyak 236 senjata. Dari segi peratusan meningkat kepada 119.2%, Yang Berhormat Kulai.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Tahu.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Jadi di dalam keadaan itulah maka undang-undang ini...

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Apa puncanya?

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat Menteri, boleh beritahu Dewan mengapa senjata api ini meningkat dengan begitu mendadak?

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Apa sebab senjata api hilang?

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Puncanya...

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Sebab, sebab mereka yang ditahan di bawah EO dan RR ini memperolehi semula senjata-senjata mereka daripada sumber-sumber yang mereka ketahui. Itulah sebabnya Ops Cantas khas dilakukan. Itulah sebabnya. *[Dewan riuh]*

Jadi dalam perkara ini, saya fikir...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Bagaimanakah penguatkuasaan kita, pihak penguat kuasa, Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, saya...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Itulah sebabnya mengapa penyeludupan begitu berleluasa. Adakah Yang Berhormat Menteri sudah kenal pasti kelemahan daripada segi penguatkuasaan undang-undang? Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Kita bukan malaikat. Kita manusia biasa, ada kelemahan. Antara kelelahannya ialah kelemahan perundangan. Antara kelelahannya adalah kelemahan yang harus kita lakukan penambahbaikan. Saya harus terbuka di dalam perkara ini. Mana-mana pembetuan yang harus kita lakukan, kita lakukan. Salah satunya ialah melalui pindaan rang undang-undang ini.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, boleh duduk sekejap, Yang Berhormat Menteri?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, duduk dahulu Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Sorry.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sengaja biarkan pencelahan itu panjang lebar, tetapi bukan bermakna saya bersetuju bahawa itu tidak melanggar peraturan mesyuarat. Saya nampak Yang Berhormat Menteri cukup baik, dia jawab semua. Akan tetapi masalahnya, masa tidak mengizinkan. Saya sebut sebentar tadi, hujah semua dilontarkan daripada kedua belah pihak, selepas ini bacaan kedua selesai, pada peringkat jawatankuasa, saya sebut tadi lebih 10 pindaan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita tak ada masa untuk semua Yang Berhormat Menteri layan. Jadi tumpukan sahaja kepada perkara-perkara yang penting dan pencelahan itu biarlah pendek. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya harap Ahli-ahli di sana mematuhi apa yang telah diputuskan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Isu kedua ialah rang undang-undang ini bercanggah dengan prinsip hak asasi manusia.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Minta penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Saya fikir kita harus patuhi apa yang disebutkan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Bukit Gelugor, Yang Berhormat Sungai Siput dan Yang Berhormat Padang Serai membangkitkan mengenai rang undang-undang ini membenarkan pihak polis untuk mengenakan peranti pengawasan elektronik atau EMD dengan izin, *electronic monitoring device* kepada orang yang dilepaskan daripada tahanan yang kononnya tiada hak untuk diwakili peguam, tiada *check and balance*, tiada peluang membela diri dan demokrasi disekat. Perkara ini jelas melanggar hak asasi individu.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, permohonan untuk mengenakan peranti pengawasan elektronik ini, EMD ini, terhadap orang yang ditahan akan dilepaskan boleh dibuat oleh pendakwa raya berdasarkan laporan penyiasatan yang dikemukakan oleh pegawai polis. Pendakwa raya boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi supaya orang itu dipasangkan dengan peranti pengawasan elektronik atau EMD ini. Perkara ini adalah mengikut peruntukan dalam seksyen 7(a) di mana suatu tempoh yang tidak melebihi bagi tempoh tahanan yang dibenarkan di bawah seksyen 7(a)(i) iaitu tidak melebihi 59 hari.

Apabila permohonan oleh pendakwa raya dibuat di bawah seksyen 7(a), mahkamah hendaklah memerintahkan supaya orang itu dipasangkan dengan suatu peranti pengawasan elektronik bagi tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh mahkamah tetapi tempoh itu hendaklah tidak melebihi baki tempoh tahanan reman yang dibenarkan di bawah subfasal 7(a)(i) bagi maksud siasatan.

Peruntukan ini membenarkan timbalan pendakwa raya hadir untuk membantu pegawai *inquiry* di dalam satu *inquiry* yang melibatkan isu undang-undang yang kompleks bagi mempercepatkan *inquiry*. Manakala peguam subjek tidak dibenarkan menghadiri prosiding *inquiry* kecuali ketika subjek memberi keterangan kepada pegawai *inquiry* dan tidak semasa saksi-saksi lain memberi keterangan kepada pegawai *inquiry*. Ini kerana identiti saksi adalah dilindungi. Apa-apa keterangan yang diterima oleh pegawai *inquiry* tanpa kehadiran subjek atau peguam akan disampaikan kepada subjek.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Minta penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut seksyen 19A(2), seseorang yang dituduh diberikan peluang untuk membuat semakan ke atas keputusan Lembaga di Mahkamah Tinggi. Walau bagaimanapun, semakan kehakiman di bawah seksyen 15A(2) boleh dibuat untuk melihat dari segi pematuhan prosedur semasa Lembaga membuat sesuatu keputusan. Ini kerana artikel 5(2) Perlembagaan Persekutuan juga menyediakan peluang untuk semakan kehakiman melalui *habeas corpus*.

Isu yang ketiga Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai perbezaan tafsiran undang-undang.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan kalau boleh.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Dalam perbahasan peringkat dasar ini juga yang...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Satu isu berkenaan dengan...

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Saya fikir saya patuh dengan apa yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tetapi ini isu penting yang...

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Yang Berhormat Subang telah membangkitkan tentang perbezaan di antara..

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Berhormat Menteri, isu yang penting.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Saya akan bagi peluang.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tentang perbezaan di antara *organized crime* dan *street crime*. Jika pindaan mensasarkan kongsi gelap, ini bererti *organized crime*. Bagaimana dengan *street crime*? Untuk maklumat Yang Berhormat Subang, tafsiran *organized crime group* di bawah seksyen 130U Kanun Keseksian mempunyai maksud yang amat luas dan merangkumi apa-apa kumpulan dua orang atau lebih yang bertindak secara bersama dengan tujuan untuk melakukan satu atau lebih kesalahan berat untuk mendapatkan secara langsung atau tidak

langsung faedah material, kuasa atau pengaruh. Saya mohon izin untuk *quote* apa yang disebutkan. “*...group of two or more persons, acting in concert with the aim of committing one or more serious offences, in order to obtain, directly or indirectly, a material benefit, power or influence*”. Itulah yang disebutkan.

Jenayah jalanan atau *street crime* dengan izin selalunya melibatkan kesalahan seperti ragut. Kesemua penjenayah yang dituduh berkait dengan kesalahan tersebut akan dituduh di bawah seksyen 392, 394, 395, 396 dan 397 Kanun Keseksaan. Kesemua kesalahan ini membawa hukuman melebihi 10 tahun dan merupakan kesalahan berat atau *serious offence* dan sehubungan itu, kumpulan yang melakukan *street crime* atau jenayah jalanan sememangnya dirangkumi di bawah takrif *organized criminal group*. Sila.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri tadi membuat petikan dan saya terima ini... *[Sambil merujuk kepada senaskhah dokumen]* Dalam cadangan pindaan bahawa kajian semula boleh dibuat melalui seksyen 19A(2) yang baru dan juga Yang Berhormat Menteri ada buat rujukan kepada seksyen 15A iaitu *judicial review*. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan peruntukan artikel 151 Perlembagaan Persekutuan. Adakah Yang Berhormat Menteri membawa maksud bahawa melalui cadangan pindaan ini, Yang Berhormat Menteri memang proses untuk kajian semula atau dengan izin *review* Tuan Yang di-Pertua, adalah hanya melalui seksyen 15 dan 19 seperti mana dalam cadangan pindaan dan tidak juga termasuk artikel 151, Yang Berhormat Menteri? Boleh beri penjelasan? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Saya fikir elok kalau dalam peringkat Jawatankuasa nanti kita perincikan perkara itu dan kita akan bincangkan.

Saya ingin menyambung mengenai isu yang keempat Tuan Yang di-Pertua iaitu pemerluasan rang undang-undang ini yang diperluaskan di Sabah dan Sarawak. Yang Berhormat Sepang turut menyatakan bahawa...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Sebentar ya Yang Berhormat Gombak. Saya akan..

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Sebelum beralih ke topik...

■1800

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tidak apa, saya akan layan. Yang Berhormat Sepang turut menyatakan bahawa Sabah, Sarawak tidak dirunding oleh pihak kerajaan untuk diperluaskan ke negeri-negeri tersebut. Suka saya memaklumkan bahawa Bahagian Penyemakan dan Pembaharuan Undang-undang, Jabatan Peguam Negara telah menerima cadangan untuk meluaskan Akta Pencegahan Jenayah 1959 atau Akta 297 ini ke Sabah melalui surat daripada Peguam Besar Negeri Sabah bertarikh 17 September 1998. Saya ingin menyebutkan ini pada rakan-rakan saya, Ahli-ahli Parlimen daripada Sabah. Setuju ya?

Manakala bagi negeri Sarawak pula, cadangan penguatkuasaan Akta 297 dibuat hasil daripada mesyuarat yang diadakan antara Bahagian Penyemakan dan Pembaharuan Undang-undang, Jabatan Peguam Negara dan pihak Peguam Besar Sarawak dan Sabah yang diadakan pada 18 November 2007. Berdasarkan latar belakang tersebut, jelas bahawa permintaan asal untuk melanjutkan Akta 297 ke Sabah telah dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri Sabah sejak 19 September 1998.

Oleh itu tidak wajar dikatakan Kerajaan Sabah dan Sarawak tidak dirundingi mengenai pelanjutan Akta 297 ini ke negeri-negeri berkenaan. Dengan pindaan ini, perintah peluasan yang dicadangkan tidak lagi diperlukan dan akta ini akan terpakai ke Sabah dan Sarawak apabila diluluskan oleh Dewan ini. Sila Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri ada menyebut secara jelas sebentar tadi bahawa SOSMA ditumpukan kepada pengganas dan rang undang-undang yang sedang kita bahas ini tumpuannya adalah untuk penjenayah. Namun, persoalan yang saya bangkitkan, termasuk dalam perbahasan saya sebentar tadi ialah bagaimana definisi yang lebih jelas tentang penjenayah ini. Sebab kalau kita lihat dalam akta ibu, ada definisi yang disebut dalam Jadual Pertama, seksyen 2 dan 22. Ada lima kategori yang disenaraikan.

Kita tidak ada masalah dengan kategori 2,3,4 dan 5, soal *association*, tentang *any group and body* yang terlibat dalam jenayah. *Traffickers in opium*, candu, *traffickers in woman and girls*. Ini semua agak jelas tetapi ada satu klausa iaitu yang "(1), all members of unlawful society." Maknanya, pertubuhan haram. Ketika Yang Berhormat Menteri membentangkan rang undang-undang ini, Yang Berhormat Menteri ada menyebut secara jelas untuk memberi kuasa kepada Menteri bagi meminda, memotong dan menambah Jadual Pertama.

Jadi, apakah maksud Yang Berhormat Menteri tadi bahawa apabila kuasa ini diberikan kepada Menteri, Menteri akan memotong, meminda dan menambah Jadual Pertama ini. Kalau itulah kuasa yang hendak diberikan kepada Menteri, apakah Menteri boleh menerangkan kepada Dewan ini, siapakah yang dimaksudkan dengan *unlawful society* ini. Ini kerana yang saya jelaskan, Bersih pernah diharamkan. Apakah anggota-anggota Bersih itu terikat dengan akta ini. Hindraf pernah diharamkan dan jangan kita lupa, UMNO juga pernah diharamkan.

**Beberapa Ahli:** *[Tepuk]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tidak, ini kenyataan. Saya hendak minta penjelasan dan kalau ini berlaku, maka anggota-anggota UMNO juga akan terikat dengan akta ini. Saya tidak mahu perkara ini diperluaskan. Jadi, pertanyaan saya Tuan Yang di-Pertua, kalau Menteri minta kuasa sebab dia jelas ini ucapan Yang Berhormat Menteri, memberi kuasa kepada Menteri untuk meminda, memotong dan menambah jadual, ada baiknya Yang Berhormat Menteri jelaskan...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat. Boleh sekejap.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Boleh ketika penjelasan? Boleh? Okey.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil perhatian Tuan Yang di-Pertua. Sedarkah Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dewan ini ada kumpulan baru iaitu menggunakan reben hijau. Sama ada dia ada *relate* untuk kumpulan kongsi gelapkah, bagaimana... *[Ketawa]* tetapi ada kewujudan kumpulan baru. Jadi, kita pun muahu tahu kumpulan apa yang menggunakan reben hijau ini. Ya. Haramkah ini, tidakkah. Sebab kita sedang bahas akta kongsi gelap, saya takut kumpulan ini mewujudkan kumpulan baru pula, kongsi gelap baru yang tidak tersenarai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, iklan ini, iklan ini. Iklan selingan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Gombak. Yang Berhormat Gombak teruskan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih boleh saya teruskan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau hendak bangkitkan soal reben hijau, dalam Dewan juga ada kumpulan baru.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Dia alergik warna hijau.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Kumpulan yang tidak pakai tali leher. Apakah itu juga kongsi gelap Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila teruskan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Jadi, ada kaitan dengan soalan saya, kalau Menteri boleh- oleh kerana Menteri minta kuasa itu. Kita dengar tadi, sekarang tidak ada kuasa Menteri, Menteri tidak boleh tandatangan tetapi sekarang ada kuasa Menteri untuk meminda, memotong dan menambah jadual. Yang dimaksudkan ialah Jadual Pertama. Jadi, ada baiknya untuk kita sebelum luluskan, hendak tahu Menteri hendak kuasa pinda, potong dan tambah kepada Jadual Pertama ini kepada *unlawful society*, boleh cerakinkan, siapa yang dimaksudkan dengan pertubuhan haram tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahidi bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, saya...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Lepas itu boleh?

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahidi bin Hamidi:** Saya patuh kepada arahan Tuan Yang di-Pertua. Jadual Pertama hanya memberi kuasa Menteri untuk mengkategorikan jenis pesalah-pesalah jenayah sahaja. Saya ingin menyebutkan bahawa mengikut Akta Pertubuhan 1996, pertubuhan-pertubuhan kongsi gelap atau samseng dan ini semua tidak didaftarkan. Itulah maksud antara jadual yang akan dimasukkan. Saya tidak ada nampak Yang Berhormat Gombak di sini setakat ini.

Melayu, antara kumpulannya ialah Double 7, Tiga Line, Geng 30, antaranya. Kumpulan India, Geng 04, Geng 21, Geng 24, Geng 08, Geng 18, Geng 35, Geng 36, Geng 303, Geng Satu Hati. Geng 026 di Sabah, Kinabatangan.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahidi bin Hamidi:** Cina ada, lebih banyak lagi. Akan tetapi....

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahidi bin Hamidi:** Boleh bertemu selepas Dewan. Saya patuh waktu. Akan tetapi saya hairan, saya sebutkan tadi ya. Geng Melayu hanya tiga tetapi mempunyai keahlian seramai 1,923. Geng India ada sembilan tetapi mempunyai keahlian 28,926. Geng Cina ada 42 persatuan tetapi keahliannya hanya 9,684. Saya akan jelaskan satu ketika nanti kenapa geng ini bertambah. Kalau Yang Berhormat Ipoh Barat termasuk ke dalam salah satu kategori ini, 'kalau' saya kata...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Kenapa angkanya terlampaui banyak kepada masyarakat India. Boleh jelas sedikit.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahidi bin Hamidi:** Ya, saya. 28,926 ya. So, itu sebab saya merancangkan atas keizinan Yang Amat Perdana Menteri, supaya pencegahan dan pembanterasan jenayah dilakukan. Akan tetapi ada satu rancangan jangka panjang yang diluluskan oleh Kabinet iaitu pihak kerajaan akan berbincang dengan pihak NGO India, parti-parti politik India, ahli-ahli politik India dan individu keturunan India supaya membincangkan program jangka panjang untuk melakukan pemulihan terhadap kumpulan-kumpulan ini. Inilah keprihatinan kita.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]: [Bangun]**

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahidi bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan isu yang kelima.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Boleh sedikit

**Tuan Chuan Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Boleh bagi peluang.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahidi bin Hamidi:** Sebentar, sebentar. Bagi saya peluang dulu, nanti saya bagi peluang. Yang Berhormat Subang dan juga Yang Berhormat Batu. Isu yang kelima ialah mengenai kepakaran pihak polis memerangi jenayah. Yang Berhormat Sepang membangkitkan mengapa PDRM tidak berani membawa kes-kes jenayah berat ke mahkamah. Untuk makluman Yang Berhormat, isu yang dibangkitkan bahawa PDRM tidak berani membawa kes-kes berat dan serius ke mahkamah adalah tidak benar sama sekali.

Sehingga kini, banyak kes jenayah berat dan serius telah dibawa ke mahkamah dan kadar pendakwaan keseluruhannya pada tahun 2012 telah mencecah 25% dari jumlah kertas siasatan yang dibuka. Walau bagaimanapun saksi-saksi bimbang mengenai keselamatan diri dan keluarga mereka, sekiranya mereka atau saksi-saksi ini diperlukan untuk memberi keterangan di mahkamah.

#### ■1810

Dalam rang undang-undang ini, saksi-saksi tidak perlu memberi keterangan di mahkamah. Mereka hanya perlu tampil untuk memberi keterangan di hadapan pegawai *inquiry* sahaja.

Yang Berhormat Bagan Serai pula meminta penjelasan mengenai PDRM tidak menggunakan kepakaran.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh minta penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Saya akan beri, saya akan beri. Tidak menggunakan kepakaran yang ada dalam menyelesaikan jenayah berat yang dilakukan oleh kongsi gelap. Saya ingin memaklumkan di Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua bahawa PDRM mempunyai pengalaman dan kepakaran yang luas dalam menangani masalah jenayah di negara ini dari segi pengumpulan risikan jenayah dan juga kepakaran dari segi sudut penyiasatan.

Namun begitu, kepakaran dan kemudahan penyiasatan yang ada seperti makmal forensik, DNA data bank, Pusat Rekod Cap Jari atau MAFIS dan Makmal Ujian Balistik hanya digunakan pakai selepas kejadian berlaku atau lebih bersifat reaktif. Apa yang penting bagi kita di Dewan ini adalah dalam menangani masalah jenayah adalah langkah pencegahan atau pun langkah proaktif sebelum kejadian jenayah terus berlaku.

PDRM mempunyai kaedah yang berkesan dalam pengumpulan maklumat dan risikan sejak sekian lama. Namun, tindakan pencegahan yang mantap tidak dapat dilaksanakan kerana tidak ada peruntukan yang khusus boleh digunakan selepas Ordinan Darurat dan Akta Keselamatan Dalam Negeri serta RR dimansuhkan. Akta Pencegahan Jenayah ini yang diguna pakai sebelum pindaan ini tidak merangkumi semua aspek pencegahan secara menyeluruh dan tidak boleh dipakai di Sabah dan Sarawak sebagaimana yang disebutkan.

Yang Berhormat Gopeng meminta penjelasan mengenai peruntukan *check and balance* apabila seseorang itu ditangkap kerana penglibatan dalam kongsi gelap atau jenayah terancang. Adakah keterangan yang diberikan oleh saksi pakar di mahkamah diterima sebagai *conclusive*? Suka saya terangkan di sini seseorang itu hanya boleh disifatkan sebagai ahli kumpulan kongsi gelap atau kumpulan terancang sekiranya ada bukti mencukupi diberikan di mahkamah terutama oleh seorang pakar. Walaupun saksi pakar, dikemukakan oleh pihak pendakwaan dan peruntukan di bawah seksyen 399B yang baru dalam pindaan kepada Kanun Tatacara Jenayah 2012 menyatakan bahawa keterangan pakar itu hendaklah diterima sebagai keterangan konklusif mengenai isu fakta.

Ini tidak bermakna keterangan daripada pakar itu boleh diterima bulat-bulat oleh mahkamah di mana kuasa mahkamah untuk membenarkan keterangan pakar di soal balas masih wujud dan kuasa mahkamah untuk menimbangkan kredibiliti pakar itu tidak disingkirkan. Keterangan pakar pendakwaan boleh dicabar oleh pihak pembelaan semasa pakar pendakwaan itu memberi keterangan. Pihak pembelaan pula boleh mengemukakan pakar mereka sendiri untuk mempertikaikan keterangan pakar pendakwaan dan mendirikan kes pembelaan. Justeru, kuasa *check and balance* oleh mahkamah masih wujud. Sila Yang Berhormat Batu.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Okey, Yang Berhormat Subang. Minta maaf, Yang Berhormat Subang belum lagi.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Menteri. Saya rasa kita kedua-dua pihak boleh setuju pencegahan jenayah itu sangat penting dan itulah matlamat kita. Akan tetapi perbezaan kita ialah rang undang-undang ini tidak boleh dapat mencapai. Inilah yang saya hendak persoalkan sedikit dan minta penjelasan.

Statistik yang diberi tadi oleh Yang Berhormat Pulai dengan jelas menunjukkan Tuan Yang di-Pertua bahawa pada masa kita ada EO pada masa itu, tahanan tanpa bicara dan sebagainya. 1,000 lebih orang meringkuk di Simpang Renggam masa itu. Akan tetapi 2005 sampai 2009 statistik jenayah berat meningkat. Bukan meningkat kecil, meningkat macam 30%, 20% dan sebagainya.

Jadi, itu dengan jelas menunjukkan isunya bukan ketiadaan undang-undang macam EO. Bukan itu. Ia adalah masalah lain, itu jelas. Tadi Yang Berhormat Menteri gunakan statistik ada 2,000 lebih peningkatan. Itu tidak menunjukkan apa-apa apabila kita melihat statistik yang jelas yang dibentangkan tadi oleh Yang Berhormat Pulai. Saya nampak ini kita belum dapat satu penjelasan.

Satu lagi, itu jelas bercanggah dengan gambaran yang diberi oleh Perdana Menteri itu sendiri. 8 Jun, kenyataan yang jelas pada negara bahawa kadar jenayah, indeks jenayah semua sudah turun, berapa peratus semua sudah sebut. Disebut di sini 30% turun dan sebagainya. Baru ini setahun lebih selepas kononnya penjenayah ini semua dibebaskan, jadi ini semua bercanggah. Akan tetapi saya berbalik pada isu pokok macam mana kita boleh mencegah jenayah secara berkesan.

Itulah dalam jawapan yang diberi kepada Yang Berhormat Selayang baru-baru ini 1 Oktober apabila Yang Berhormat Menteri menjelaskan hasil daripada Ops Cantas yang kita sokong. Macam mana dalam satu bulan kes-kes bunuh turun daripada 69 kes kepada 40 kes. Itu yang kita mahu tetapi ini dicapai bukannya undang-undang yang tahan tanpa bicara. Ini dibuat dengan tindakan polis yang berkesan, tindakan polis yang tegas, yang efisien. Ini yang kita mahu, ini kita sokong. Apa-apa polis mahu untuk buat lebih daripada itu saya rasa semua ini akan sokong. Betul. *[Tepuk]* Itu yang kita mahu. Itu sahaja isu.

Barisan Nasional hendak hidupkan balik undang-undang yang membenarkan tahanan tanpa bicara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, terima kasih.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Akhir sekali, seminit sahaja lagi. Saya hendak kembalikan kepada Laporan Suruhanjaya Diraja yang ditubuhkan oleh Kerajaan UMNO - Barisan Nasional sendiri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ini penting sebab...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Subang duduk dahulu.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Seminit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dahulu Yang Berhormat Subang, duduk dahulu. Sering kali saya ingatkan bahawa mencelah bukan berhujah. Akan tetapi oleh kerana rang undang-undang ini adalah mustahak, saya dengar dan saya biarkan. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingatkan kembali semua yang perlu dilontar saya rasa sudah pun dilontarkan. Pada akhirnya, kita juga mengundi. Majlis ini akan mengundi. Jadi, mungkin ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat dari

Barisan Nasional telah juga terpengaruh oleh hujah daripada pembangkang. Begitu juga pembangkang mungkin terpengaruh oleh hujah daripada Yang Berhormat Kinabatangan.

Kalau saya biarkan berterusan seperti begini bermakna kita tidak dapat mengambil keputusan. Jadi, Yang Berhormat Menteri kalau boleh...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Kita bawa *point* ini sebab kita hendak dengar *respond* daripada Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, duduklah Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Itu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduklah Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Dengar jawapan itu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Semua pun sudah dengar statistik yang di baca oleh Yang Berhormat Pulai tadi atau pun Kulai. Jadi, kalau di ulang lagi itu balik, *what can we achieve from that. I think everybody is only made up their mind.*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *We need rational answer* Tuan Yang di-Pertua, *we need a rational answer.* Kita buat perbahasan ini untuk satu keputusan yang ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu saya faham. Kan kita juga telah fahami selama lima tahun duduk di sini bersama bahawa tidak semestinya jawapan itu memenuhi semua hasrat, aspirasi dan kemahuan semua. Itukan demokrasi. Sila Yang Berhormat Menteri supaya kita boleh beralih pada peringkat jawatankuasa.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, saya menghargai semua lontaran pandangan-pandangan yang telah diberikan dan saya mengambil kira. Saya minta Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini janganlah bimbang sekiranya rang undang-undang ini diluluskan di Dewan ini kerana sebaik sahaja undang-undang ini diluluskan oleh kedua-dua Dewan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri, tadi kata hendak bagi laluan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Dan mendapat kurniaan Yang di-Pertuan Agong, pihak KDN selanjutnya akan merangka peraturan-peraturan dan garis panduan yang menerangkan tentang dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *the do and the don'ts* apa yang perlu dilakukan dan apa yang tidak boleh dilakukan. Dengan ini saya mengucapkan terima kasih kepada Dewan yang mulia ini. *[Tepuk]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja, sedikit.

**Seorang Ahli:** Okeylah itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Undi sudah tinggilah tu. Undi tertinggi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk belah bahagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti dahulu Yang Berhormat, nanti dahulu. *[Dewan riuh]* Nanti dahulu Yang Berhormat, belum sampai saya di situ. Saya kemukakan dahulu masalah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi sudah, belah janganlah. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut peraturan mesyuarat kita, kalau ada sokongan untuk minta belah bahagian ada 15 orang, maka saya akan benarkan itu. Sila. *[Dewan riuh]*

#### ■1820

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Gombak tadi minta belah bahagian, bukan berdiri lepas itu teriak-teriak. *[Ketawa]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Akan tetapi kita tidak nampak. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi saya telah nampak bahawa yang berdiri itu lebih daripada 15. Sekarang sila duduk. Lepas itu kita bunyikan loceng selama dua minit. Jadi, kita kendalikan belah bahagian.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, cuma kita hendak jemput MCA juga untuk berdiri Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** MCA hendak jadi patung UMNO. MCA, Gerakan bangun!

*[Loceng dibunyikan]*

*[Dewan berbelah bahagi]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah dipertanggungjawabkan sebagai penghitung, sila berdiri di hadapan blok masing-masing. Sila jalankan proses pengundian.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk.

*[Pengundian dijalankan]*

#### ■1830

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan pengundian daripada belah bahagian yang diminta oleh Yang Berhormat Gombak sebentar tadi adalah seperti berikut iaitu ahli-ahli yang bersetuju – 115 undi. *[Tepuk]* Ahli-ahli yang tidak bersetuju – 66 undi. *[Tepuk]* Ahli-ahli yang tidak mengundi – 0. Ahli-ahli Yang Berhormat, ini bermakna bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]**

**[Fasal-fasal 1 dan 2 dikemukakan kepada Jawatankuasa]**

**[Fasal-fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

### **Fasal 3 – Pindaan:**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dengan izin Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi kalau kita lihat kepada *provision* di bawah seksyen 3 ini, ia adalah asas kepada pindaan yang dibuat. Akan tetapi seperti mana telah dihujahkan sebelum ini bahawa pindaan ini dibuat dengan izin *pursuant to article 149 of the Federal Constitution*. Juga telah pun dihujahkan sebelum ini dan telah pun dibahaskan oleh khususnya oleh Yang Berhormat Puchong bahawa sebelum sesuatu undang-undang ingin digubal ataupun dipinda di bawah artikel 149 oleh Perlembagaan Persekutuan, maka pihak yang meminda ini seharusnya meneliti perkara 151 kerana sesuatu peruntukan undang-undang yang ingin dibuat di bawah 149 tidak boleh dibaca bersendiri.

Sebab artikel 151 memperuntukkan prosedur kaedah-kaedah bagaimanakah sesuatu rang undang-undang itu ingin dibuat di bawah 151. Kita perlu memahami Tuan Pengerusi bahawa perkara 149 ini adalah satu artikel yang begitu draconian dari segi *naturenya* sebab artikel ini membenarkan hak-hak asasi ataupun *fundamentality* dengan izin yang diperuntukkan oleh beberapa peruntukan dalam perlembagaan antaranya artikel 5. Kita tahu artikel 5 ini memperuntukkan beberapa hak yang penting, hak yang paling asas. Sebagai contoh artikel 5(1) izinkan saya membaca dalam bahasa Inggeris, *no one shall be deprived of liberty in life save in accordance with law*.

Ini telah ditafsirkan oleh mahkamah ini satu peruntukan yang begitu *basic* termasuklah *life* itu telah diterjemahkan begitu luas. Jadi artikel 149 ini membenarkan dan dengan izin *the rogation* ataupun membenarkan dari segi kita menggubal undang-undang ini untuk kita *ignore* artikel 5 yang menjamin kebebasan seseorang. Termasuk juga artikel 5 membenarkan hak untuk diwakili oleh peguam. Artikel 5(2) membenarkan apa yang dipanggil asas *habeas corpus* adalah di bawah artikel 5(2). Artikel 5(2) ini menjadikan *remedy habeas corpus* ini dengan izin dalam bahasa Latinnya *ex debito justitiae* yang bermaksud *as a matter of right*.

Ia bukan satu yang *discretionary* dengan izin, bukan satu budi bicara. Apabila seorang itu ditahan tanpa sah, mahkamah *as of right* mesti membebaskan seorang itu. Akan tetapi artikel 149 ini dengan izin *derogate* benda ini. Tidak membenarkan seseorang ditahan di bawah undang-undang yang dibuat 149 pihak yang diberi kuasa di bawah undang-undang itu boleh menahan dengan tidak mengambil kira hak-hak itu. Termasuk juga artikel 10 yang menyentuh tentang kebebasan tiga kebebasan iaitu bersuara, berhimpun juga berpersatuan. Akan tetapi artikel 149 membenarkan ini tidak dipedulikan.

Sebab itulah hatta semasa perlembagaan ini hendak dipinda hendak dibuat, salah seorang anggota *Reid Commission* iaitu Justice Abdul Hamid menyatakan bahawa sebenarnya hakikatnya artikel 149 ini tidak perlu. Kalau dalam mana-mana negara pun memang saya akui perlu ada satu

undang-undang yang dibuat dalam keadaan *emergency*. Kita tahu apabila langkah dan darurat kita memerlukan satu pendekatan yang berbeza dan keadaan biasa.

Akan tetapi dalam negara kita peruntukan itu sudah ada iaitu dalam perkara 150 Perlembagaan Persekutuan. Sebab itu Justice Abdul Hamid mengatakan bahawa hakikatnya 149 itu tidak diperlukan. Walaupun itu adalah saya akui pendapat minoriti tetapi kita kena faham pendapat minoriti juga pernah digunakan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes Nordin Saleh lawan Kerajaan Negeri Kelantan. Apabila Kerajaan Negeri Kelantan meluluskan satu undang-undang yang melarang lompat, *anti hoping law*. Undang-undang itu dicabar di mahkamah di Mahkamah Tinggi, di Mahkamah Persekutuan. Hakim Mahkamah Persekutuan dalam kes itu telah mengikut satu pendapat minoriti yang diputuskan oleh Mahkamah India di mana keputusan minoriti itu mengatakan bahawa undang-undang *anti hoping law* ini dengan izin adalah bertentangan dengan perkara 10, Perlembagaan Persekutuan iaitu kebebasan berpersatuan.

#### ■1840

Atas dasar itulah undang-undang itu telah pun dibatalkan. Jadi, kalaularang anggota *Reid Commission*, Justice Abdul Hamid, hakim dari Pakistan sendiri merasakan artikel 149 ini adalah satu artikel yang sebenarnya tidak perlu wujud kerana ia boleh membuka kepada satu salah guna kuasa sebab kita dah ada artikel 150. Akan tetapi, keadaannya memang kita tahu artikel 149 ini telah pun wujud. Jadi, sekarang ini Tuan Pengerusi, apabila kita lihat kepada undang-undang ini ia sebenarnya adalah hakikatnya satu pindaan. Saya masih boleh menerima kalau sekiranya kerajaan memperuntukkan satu undang-undang baru-baru. Dalam pindaan ini seperti mana dikatakan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor bahawa pindaan ini kita tidak seharusnya dengan izin, *deviate* daripada original.

Kalau saya boleh bagi analogi Tuan Pengerusi, kalau kita ibaratkanlah kita hendak buat satu benda, katalah ibarat binatang tikus. Kita boleh *reform* tikus itu kita buat macam mana kah, bagi apa makan supaya dia boleh besar teapi tidak boleh tukar tikus kepada gajah, tak boleh. Kita hanya boleh *reform* benda yang sudah ada. Dalam artikel 149 ini apabila kerajaan mengemukakan rang undang-undang ini berdasarkan artikel 149, hakikatnya kerajaan seolah-olah hendak buat satu undang-undang baru. Bukan hanya hendak meminda. Kita tahu undang-undang yang asal ini iaitu Akta Pencegahan Jenayah 1999 dengan izin, *was not in acted pursuant to article 149*. Jadi, sekarang ini oleh kerana pihak kerajaan ingin meminda artikel ini di bawah 149, maka *the only safeguard* dengan izin yang peruntukan perlembagaan menyediakan *safeguard* itu adalah artikel 151.

Okey sekarang kita lihat artikel 151. Yang paling jelas telah dihujahkan dengan baik oleh rakan bijaksana saya iaitu Yang Berhormat Puchong. Beliau mengatakan ada beberapa peruntukan. Ini perkara *basic* Tuan Pengerusi, perkara *basic*. Kalau *you* hendak buat satu undang-undang, dalam mana-mana undang-undang, kita tahu *the highest law is a Federal Constitution* kemudiannya akta biasa, kemudiannya apa dipanggil *legislated* ataupun *delegated registration*. Undang-undang ini memperuntukkan antaranya mestilah kalau kamu hendak buat undang-undang ke atas mana-mana orang yang tidak diberikan ruang untuk dibawa ke mahkamah untuk

dibicarakan, maka orang itu paling kurang diberi hak untuk membuat representasi. Ini diperuntukkan dalam 151(1). Representasi.

Izinkan saya membaca 151, "Jika mana-mana undang-undang atau ordinan yang dibuat atau dimasyurkan menurut bahagian ini membuat peruntukan bagi tahanan pencegahan;

(a) Pihak berkuasa yang di atas perintahnya mana-mana orang ditahan di bawah undang-undang atau ordinan itu hendaklah dengan seberapa segera yang boleh memberitahu orang itu alasan dia ditahan dan tertakluk kepada fasal 3 pengaktaan fakta yang berdasarkan perintah itu dibuat dan hendaklah memberikan peluang kepadanya untuk membuat representasi terhadap perintah itu dengan seberapa segera.

Peruntukan ini memperuntukkan dengan izin, *safeguard* yang paling minimum iaitu mestilah diberikan hak untuk representasi. Kemudiannya, 151(1)(b) mengatakan tiada warganegara boleh ditahan seterusnya di bawah undang-undang atau ordinan melainkan jika satu lembaga penasihat yang ditubuhkan sebagaimana disebut dalam fasal 2 telah menimbangkan apa-apa representasi yang dibuat oleh Peguam Negara itu di bawah perenggan (a) dan membuat syor melalui Yang di-Pertuan Agong.. Ada dua perkara, pertamanya mestilah representasi itu diberikan kepada apa yang dipanggil kepada lembaga penasihat dan lembaga penasihat hendaklah mengesyorkan kepada Yang di-Pertuan Agong.

Sekarang kalau kita lihat rang undang-undang yang dicadangkan ini, pindaan yang dicadangkan ini - pertamanya tidak ada peruntukan mengenai representasi. Yang keduanya, tidak ada majlis penasihat. Yang ketiganya, tidak ada peruntukan supaya majlis penasihat memperuntukkan, mengesyorkan kepada Yang di-Pertuan Agong. Tiga-tiga ini dengan izin, *absent* dalam rang undang-undang ini. Kalauolah perlindungan yang dijamin oleh perlembagaan pun tidak dipatuhi, apa lagi yang kita boleh hendak lindung? Kita ada perlembagaan ini *it's a social contract*, ini adalah perlembagaan yang melindungi hak kita semua.

Kalau perlembagaan ini sendiri kita tidak hormat, macam manakah kita boleh jadi Ahli Parlimen, kita boleh dengan mudah mengatakan kita adalah seorang rakyat Malaysia yang cintakan perlembagaan? Kita merasakan rang undang-undang ini adalah satu yang jelas.

Macam manakah, kalau ada pun majlis penasihat dalam keadaan tidak ada representasi, orang Arab mengatakan... *[Bercakap dalam bahasa Arab]* Ini tidak faham, saya terjemahlah. '*Orang yang tidak ada, tidak boleh bagi*'. Kalau tidak ada hak untuk representasi, macam mana kita hendak buat representasi? Kalau ada pun representasi, tidak ada majlis yang boleh terima representasi itu macam mana kita hendak bagi?

Kalau ada pun majlis penasihat, ada representasi, tidak ada peruntukan boleh disyorkan oleh Yang di-Pertuan Agong, macam mana kita nak syorkan kepada Yang di-Pertuan Agong? Jadi, jelas artikel seksyen 3 ini yang kononnya mengatakan rang undang-undang ini hendak dibuat di bawah 149 adalah jelas satu yang tidak sah, yang telah disalahgunakan yang telah bertentangan dengan 151. Maka kalau kita meneruskan bermakna kita merestui perlembagaan ini dengan izin, minta maaf, dirogol bergilir-gilir. *[Dewan riuh]*

Saya hendak menyarankan bahawa kita tinggi mana pun kita, *the law is above us*. Kalau sekiranya kita sebagai pegawai kerajaan, kita hendak wujudkan *rule of law*, kita tidak mahu wujudkan *rule by law*. Ini dua-dua tidak ikut, *rule of law* pun tidak ada, *rule by law* pun tidak ada. Jadi kita mengharapkan, saya dengan izin mengusulkan supaya seksyen 3 pindaan ini hendaklah dipadamkan, hendaklah dimansuhkan, dibatalkan kerana ia jelas bertentangan dengan perlombagaan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Sepang ...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Pengerusi, *sorry*. Kalau boleh kita diberi peluang untuk berbahas juga?

**Tuan Pengerusi:** Boleh saya habiskan dahulu Yang Berhormat?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Jadi saya selepas daripada ini?

**Tuan Pengerusi:** Saya kemukakan dahulu masalah ini baru saya jemput.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Baik. Terima kasih, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Sepang yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Sila Yang Berhormat Tanjung Karang.

#### 6.48 ptg.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingat ini *the matter of interpretation* kerana kalau kita lihat bahawa penggantian *board* ini ialah mengganti perkataan *Minister*. Ini menunjukkan bahawa *board* ini ia tidak dilantik di bawah 151. Ini kerana sebelum ini di bawah ISA, kuasa ini diberi kepada Menteri untuk menentukan tahanan. Apabila Menteri sudah menandatangani tahanan ini, maka mereka yang ditahan ini ada hak untuk merayu di bawah lembaga. Lembaga itulah yang dilantik di bawah 151 kerana lembaga penasihat itu akan membuat representasi kepada Yang di-Pertuan Agong. Hanya saya hendak dapat penjelasan daripada pihak kementerian, adakah nanti lembaga penasihat itu masih wujud ataupun tidak. Jadi kalau kata wujud, misal katalah wujud, maka ianya boleh dibuat di bawah perintah Menteri nanti, di bawah peraturan-peraturan yang akan dibuat oleh Menteri dan akan diwartakan.

#### ■1850

Jadi, seperti Yang Berhormat Puchong cakap tadi pun, pada mulanya saya agak bersetuju tetapi apabila saya baca balik peraturan ini dan kalau kita tengok seksyen 19, *the viability of the detention orders*. Ini dalam seksyen 19 jelas menunjukkan bahawa apabila *board* ini telah membuat keputusan, maka orang yang ditahan itu tidak boleh ditahan di tempat yang sama. Bermakna ada pergerakan ini. Pergerakan ini maksudnya ialah orang yang ditahan ini akan dihantar ke Simpang Renggam ataupun ke mana-mana tempat yang telah ditentukan.

Jadi semasa dia telah pun ditahan di tempat yang ditentukan macam ini seperti biasa di Simpang Renggam, pada masa itu kalau mengikut peraturan, mungkin dibuat nanti, bahawa dalam tiga bulan dia boleh membuat rayuan melalui Lembaga Penasihat dan Lembaga Penasihat ini ialah yang akan membuat representasi kepada Yang di-Pertuan Agong. Ini kerana di dalam undang-undang ini jelas mengatakan bahawa *board* yang ditubuhkan ini ialah menggantikan perkataan “*Minister*” sahaja. Tidak ada kaitan bagi saya dengan 151. Oleh sebab itu, bagi saya hendak nyatakan lagi kalau selepas ini *board* itu masih ada, jadi ia tidak ada kontradiksi dengan perlombagaan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Silakan Yang Berhormat Puchong. Kalau boleh saya hadkan pembahas. Selepas saya panggil Yang Berhormat Puchong, saya akan panggil seorang daripada Barisan Nasional balik. Selepas itu saya minta Menteri untuk menjawab. Ahli-ahli Yang Berhormat, perkara ini telah pun dibahaskan di peringkat dasar tadi. Jadi cuma usul daripada Yang Berhormat Sepang ini ialah memansuhkan artikel 3 tadi itu. Itu sahaja. Silakan Yang Berhormat Puchong.

#### 6.51 ptg.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ringkas sahaja Tuan Pengerusi. Kita sebagai Ahli Parlimen dalam Dewan Rakyat memang kita terikat dengan peruntukan dalam Perlombagaan Persekutuan. Izinkan saya membaca apa yang disebut di dalam artikel 4 Perlombagaan Persekutuan dan ini adalah bahasa Inggeris, minta maaf Tuan Pengerusi, “*The Supreme Law of the Federation - This Constitution is the supreme law of the Federation and any law passed after Merdeka Day which is inconsistent with this Constitution shall, to the extent of the inconsistency, be void.*” Jadi kita kena faham, sekiranya kita meluluskan satu undang-undang yang bertentangan dengan peruntukan perlombagaan ini, maka peruntukan atau undang-undang tersebut itu batal kerana ia bertentangan dengan artikel 4, Perlombagaan Persekutuan.

Di dalam keadaan ini Tuan Pengerusi, saya tidak perlu mengulangi apa yang disebut oleh Yang Berhormat Sepang dan saya pada pagi tadi. Apa yang penting adalah untuk kita faham bahawa sesuatu undang-undang yang digubal di bawah artikel 149 mesti mematuhi juga artikel 151. Artikel 151 itu dengan cukup jelas menyatakan apa yang perlu adalah satu *advisory board* yang boleh membawa syor-syor *representation* ataupun representasi si tahanan tersebut kepada Yang di-Pertuan Agong untuk diputuskan di atas merit sama ada ataupun tidak beliau akan ditahan selanjutnya.

Isu pertama, *point* pertama Tuan Pengerusi, kalau kita baca keseluruhan rang undang-undang ini, memang tidak wujud sama sekali dalam undang-undang ini sebarang peruntukan yang menyatakan bahawa seseorang tahanan tersebut ada hak, *right to review* di bawah Perlombagaan Persekutuan seperti mana yang dimaktubkan di bawah artikel 151. *Clearly* Tuan Pengerusi, kalau kita lihat kepada ISA yang dahulunya wujud dan juga EO, memang dalam peruntukan-peruntukan tersebut jelas dinyatakan bahawa hak untuk *review* itu memang ada dan ia selaras dengan Perlombagaan Persekutuan.

Akan tetapi apa yang kita ada sekarang lihat Tuan Pengerusi, dapat kita lihat di dalam seksyen 19A yang baru. Seksyen 19A(2) dengan cukup jelas menyatakan bahawa, “*The direction of the Board under subsection 1...*” iaitu subseksyen yang membolehkan satu perintah tahanan dikeluarkan. Tuan Pengerusi, “*The direction of the Board under subsection (1) shall be subject to review by the High Court*”. Jadi apa yang berlaku di sini adalah kita dapat lihat bahawa jelas bahawa hak untuk *review* tersebut melalui undang-undang ini tidak di bawah artikel 151, tidak melalui satu lembaga rayuan seperti mana yang dimaktubkan di bawah artikel 151.

*Clearly*, apa yang seharusnya diberikan hak tersebut itu seharusnya diberikan kepada seseorang tahanan di bawah Perlembagaan Persekutuan, hak untuk membawa representasi kepada *advisory board*. Hak untuk didengar dan diputuskan sama ada ataupun tidak tahanan beliau boleh dilanjutkan oleh Yang di-Pertuan Agong memang sekarang digantikan dengan *direction of judicial review by the High Court*. Ini bertentangan dengan artikel 151.

Tambahan dengan itu Tuan Pengerusi, masalahnya kalau kita lihat kepada seksyen 15A undang-undang yang sedia ada, kita lihat pula bahawa ada sekatan kepada *judicial review*. Jadi apa yang berlaku di sini ialah kita baca seksyen 19A yang saya sebut tadi dengan peruntukan seksyen 15A yang mana boleh dipertingkatkan ataupun boleh dihujahkan bahawa perkataan *review* atau *judicial review* di dalam seksyen 19A tersebut Tuan Pengerusi, memang dihadkan kepada hanya isu yang *comply* ataupun *compliance with procedural requirement*. Jadi apa yang berlaku di sini Tuan Pengerusi, cukup jelas. Satu undang-undang yang memang sama sekali meninggalkan keperluan untuk mengikuti artikel 151 langsung tidak disebut di situ.

Kita sebagai Ahli Parlimen kita tahu Tuan Pengerusi, sebarang undang-undang yang membenarkan tahanan tanpa perbicaraan di dalam undang-undang, semua peruntukannya diberi *strict definition*. Kalau kita pergi mahkamah, mahkamah akan lihat secara *strict*, ketat dan *if you look at it, strict definition*, jelas bahawa undang-undang ini tidak membenarkan sama sekali seseorang tahanan tersebut itu membuat representasi seperti mana yang dimaktubkan di bawah artikel 151 Perlembagaan Persekutuan dan itu menyebabkan ianya jelas bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Kalau ada lagi daripada Barisan Nasional. Tiada? Okey, kalau begitu, tidak apa Yang Berhormat. Oleh kerana 1-1. Sila, Menteri menjawab.

### 6.57 ptg.

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Pengerusi, saya ingin melontarkan pandangan kerajaan bahawa fasal 3 tidak perlu dibatalkan kerana perkara 19 Perlembagaan Persekutuan membenarkan peruntukan undang-undang digubal secara sah walaupun peruntukan itu tidak selaras dengan mana-mana peruntukan perkara 5, perkara 9, perkara 10 atau perkara 13 Perlembagaan Persekutuan. Ini adalah peruntukan am untuk membenarkan apa-apa undang-undang dibuat menjadi sah dalam mencapai hasrat kerajaan. Oleh yang demikian, mukadimah rang undang-undang ini dipinda untuk membenarkan kemasukan penahanan tanpa pertuduhan jenayah ataupun perbicaraan.

Kepentingan adanya mukadimah yang menyebut alasan yang berkenaan dengan perkara 149(1), Perlembagaan Persekutuan adalah untuk memberi kesahan ataupun *validity* kepada peruntukan dalam akta tersebut yang tidak selaras dengan peruntukan perkara 5, perkara 9, perkara 10 atau perkara 13 Perlembagaan Persekutuan atau yang selainnya terkeluar daripada kuasa perundangan Parlimen. Justeru, perkara 149 Perlembagaan Persekutuan tidak merupakan akta yang baru diperbuat. Dalam hal ini, mukadimah untuk menjelaskan alasan perkara 149(1), Perlembagaan Persekutuan digunakan adalah terpakai berhubung dengan peruntukan baru yang dicadangkan untuk dimasukkan dalam Akta Pencegahan Jenayah 1959 khususnya dalam Bab IVA yang berkaitan dengan perintah tahanan.

Walau bagaimanapun, terdapat perintah tahanan tetapi hak-hak orang yang ditahan dengan jelas telah diperuntukkan terutama hak untuk berhubung dengan keluarga dan peguam. Selain daripada itu, hak untuk diwakili semasa proses reman dan rakaman percakapan semasa *inquiry* dijalankan terhadap subjek yang diberi. Subjek juga diberi hak untuk membuat *review* terhadap dapatan atau keputusan pegawai *inquiry* kepada Lembaga Pencegahan Jenayah dalam tempoh 14 hari selepas menerima dapatan atau keputusan tersebut. Subjek juga boleh membuat permohonan *habeas corpus* terhadap perintah tahanan yang dikeluarkan oleh lembaga ataupun membuat semakan kehakiman terhadap perintah pengawasan yang dikeluarkan oleh lembaga.

Dimaklumkan juga di Dewan yang mulia ini, bahawa menurut perkara 151, perlembagaan, suatu lembaga penasihat khusus akan diwujudkan bagi Akta 297 seperti yang dibuat bagi Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Sepang dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujukan. Sukacita saya ingatkan di sini bahawa jangan tersasul bersuara. Usul ini untuk meminda iaitu meniadakan fasal 3 dalam pindaan.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan tidak disetujukan]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kita minta belah bahagian. *[Dewan riuh]*

■1900

**Tuan Pengerusi:** Okey Ahli-ahli Yang Berhormat, pada perhitungan dari mata yang saya nampak sekarang ini lebih daripada 15 orang yang berdiri. Maka kita adakan sekali lagi belah bahagian.

Setiausaha sila bunyikan loceng selama dua minit.

*[Loceng dibunyikan]*

*[Dewan berbelah bahagi]*

*[Pengundian dijalankan]*

■1910

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dijemput duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah duduk di sini lebih tiga jam sudah. *[Dewan riuh]* Saya tidak boleh keluar dan diganti oleh kerana timbalan-timbalan saya juga

mengundi. [Dewan riuh] Jadi, faham-fahamlah sikit. Kalau kesian kepada Speaker, janganlah dipanggil belah bahagian selepas ini. [Ketawa]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Gombak Tan Sri, tidak pandai kesian.

**Tuan Pengerusi:** Saya minum sekejap, saya minum dulu sebelum saya mengumumkan keputusan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tan Sri Yang di-Pertua, minum dulu.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Mana ada belas kasihan itu Yang Berhormat Gombak, tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ekoran daripada permintaan daripada Yang Berhormat Pokok Sena untuk mohon belah bahagian, berikut adalah keputusan undian belah bahagian kita sebentar tadi. Yang bersetuju kepada usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Sepang ialah 64 Ahli. [Tepuk] Yang tidak bersetuju kepada usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Sepang ialah 113 Ahli. [Tepuk] [Dewan riuh]

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Pengerusi, maknanya ini adalah perogol bergilir-gilirlah [Ketawa]

**Tuan Pengerusi:** Jadi ini maknanya bahawa usul pindaan yang dibawa oleh Yang Berhormat Sepang itu tidak disetujukan. [Dewan riuh]

## 7.12 mlm.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Tuan Pengerusi, sebelum dijadikan sebahagian daripada rang undang-undang, saya berhajat untuk mengambil sedikit masa untuk membahaskan fasal 3 iaitu berkaitan dengan mukadimah tadi. [Dewan riuh]

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, dia berhak untuk berhujah.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Tuan Pengerusi, sebagaimana yang terkandung dalam mukadimah ataupun pramukadimah ini, dengan izin berbunyi, “*Whereas action has been taken and further action is threatened by a substantial body of persons both inside and outside Malaysia to cause, or to cause a substantial number of citizens to fear, organized violence against persons or property*”.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri tentang berapakah jumlahnya, sebab namanya *substantial body of person* yang kita dengar tadi *inside* Malaysia tetapi asas pindaan ini juga *and outside* Malaysia. Jadi berapakah dan siapakah yang merupakan *cause of substantial violence and fear* ini daripada luar negara Malaysia? Daripada Thailand kah, daripada Indonesia kah, daripada Filipina kah?

Kalau andainya dari negara-negara jiran seperti itu Tuan Pengerusi, maka saya mencadangkan supaya kerajaan mengambil berat tentang hubungan kita dengan negara-negara jiran ini. Misalnya dalam pelantikan duta, kita mesti pastikan bahawa duta yang terbaik, duta yang profesional, duta yang tahu untuk menjaga kepentingan Malaysia sama ada berpejabat kedutaan di Filipina yang sebelum ini ialah bekas Timbalan Menteri kita, Dato' Ibrahim Saad, yang mungkin

tidak mampu untuk menjalankan tugas beliau dengan sebaik-baiknya. Ataupun duta yang dengarnya dicadangkan untuk Indonesia yang mungkin juga kepentingannya kalau pengalaman kita setakat Dewan ini, ada kepentingan-kepentingan peribadi sehingga terpaksa berhenti daripada parti beliau.

Jadi oleh sebab itulah saya ingin supaya kerajaan, kalau sudah dipersetujui tadi, benar-benar memberi perhatian kepada unsur-unsur ancaman negara daripada luar negara sebagaimana merupakan mukadimah penting kepada cadangan rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Sila. Singkatkan Yang Berhormat Gombak. Selepas itu saya mahu Menteri untuk respons.

#### 7.16 mlm.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin terlibat dalam perbahasan berhubung fasal 3 di dalam rang undang-undang ini.

Saya telah membangkitkan perkara ini dalam perbahasan di peringkat dasar bahawa rang undang-undang ini digubal di bawah perkara 149 Perlembagaan Persekutuan. Walaupun cadangan untuk tahanan tanpa bicara ini ingin dikembalikan dan terpaksa mengenepikan perkara 5 dalam Perlembagaan Persekutuan dan juga perkara 9 di dalam Perlembagaan Persekutuan dan dibolehkan oleh perlembagaan negara kita dengan *invoke* perkara 149, cuma persoalan yang saya hendak bangkitkan ialah apakah Kementerian Dalam Negeri telah meneliti dengan mendalam sebelum pritikel 149 ini *diinvoke*, apakah ada hujah yang kuat seperti yang dibawa oleh Yang Berhormat Tumpat tadi, wujudnya elemen yang termaktub di dalam *preamble* ini di mana *substantial body of person both inside and outside Malaysia?*

Sebab bagi saya, hujah yang saya kemukakan, kalau *normal criminals* itu tidak termasuk dalam elemen yang cuba dimuatkan dalam *preamble* ini, kecuali kalau ada satu gerakan komunis, kita boleh faham *preamble* ini diperlukan dan perlu kita *invoke* perkara 149. Ataupun ada *foreign army*, tentera asing yang cuba mencabuli kedaulatan negara, kita boleh faham, tetapi kalau *normal criminals* ini, apakah ia telah memenuhi prasyarat sebelum kita *invoke* perkara 149? Jadi perkara ini saya harap kementerian dapat memberikan penjelasan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Gombak, minta penjelasan sedikit sebelum habis. Sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Gombak.

Yang Berhormat Gombak tadi hujah, kalau saya faham hujahan itu, ialah manakah dengan izin, a *substantial body of person* itu? Saya perhatikan itu satu soalan yang tepat sebab dalam pembentangan oleh Menteri untuk rang undang-undang ini dan juga pada masa penggulungan, apa yang kita dengar adalah satu senarai beberapa pertubuhan-pertubuhan yang dikatakan adalah golongan penjenayah-penjenayah. Ada Melayu disebut, ada Cina, ada India dan sebagainya. Itu adalah beberapa kelompok penjenayah. Itu bagi saya bukan apa yang dimaksudkan dalam Perlembagaan Persekutuan apabila kita buat perlembagaan ini daripada tahun 1957 dengan

perkataan, “*a substantial body of person*”. Jadi saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga bersama Yang Berhormat Subang ingin mendapatkan penjelasan daripada Menteri Dalam Negeri berhubung definisi, “*substantial body of person both inside and outside Malaysia*” yang boleh menggugat ketenteraman dan juga keharmonian dan kedaulatan negara kita.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Gombak. Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Gombak, apakah Yang Berhormat Gombak mencadangkan perkataan, “*Now, therefore, pursuant to article 149 of the Federal Constitution*” dipadam daripada draf tadi? Terima kasih.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Perkara ini telah pun dibawa oleh Yang Berhormat Sepang. Namun, oleh sebab jumlah Barisan Nasional lebih ramai, maka cadangan ini ditolak. Akan tetapi saya hendak mengingatkan, ia ditolak bukan kerana *conscious* tetapi ditolak kerana jumlah majoriti yang mereka ada. *[Dewan riuh]* Tidak apa, tidak apa Tuan Pengerusi, rakyat akan menilai dan melihat bagaimana prestasi Ahli Parlimen...

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Oh, semasa pilihan raya, rakyat undi majoriti *51 percent*, boleh pula.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang menggunakan kuasa majoriti, bukan *conscious* untuk menolak satu perkara yang begitu penting dalam menggubal rang undang-undang. Ini kerana bagi saya artikel 149 ini tidak boleh kita *invoke* sewenang-wenangnya kalau ia tidak memenuhi prasyarat yang terkandung di dalam *preamble* itu sendiri. Itu yang pertama Tuan Pengerusi.

#### ■1920

Kedua, sebab itu saya kata kena rujuk Peguam Negara. Kalau boleh, tunggu Peguam Negara balik daripada luar negara untuk beri taklimat, tunggu Perdana Menteri balik, baru beri taklimat. Sebab saya dengar Mesyuarat Jemaah Menteri itu dilakukan ketika Perdana Menteri berada di luar negara. Jadi, apa tujuan Perdana Menteri, perkara ini diputuskan ketika ketiadaan Perdana Menteri dalam negara? *[Dewan riuh]* Saya tanya, saya tanya. Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya kemukakan soalan ini? Boleh! Hah, okey baik. Kedua, apabila...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ronnie Liu tidak ada pun, Yang Berhormat Seputeh mesyuarat juga.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Baik. *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi:** Sila, teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tidak apa, tidak apa. Kita– walaupun Menteri Dalam Negeri iktiraf dia sebagai peguam yang terbaik, saya kira amat malang bagi negara kalau ada peguam seperti ini.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Orang yang mengetepikan Peguam Negara.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]: [Bangun]**

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Baik.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Pengerusi, kalau inilah *preamble* yang hendak dikemukakan dalam rang undang-undang ini, ini bermakna *preamble* yang lama ini akan diketepikan. Dengan izin, Tuan Pengerusi, kalau boleh saya bacakan *preamble* yang lama di dalam *Prevention of Crime Act* ini, “*An act to provide for the more effectual prevention of crime in West Malaysia and for the control of criminals, members of secret societies and other undesirable persons and for matters incidental thereto*”.

Maknanya, kalau *preamble* ini dimasukkan, ia akan menukar tujuan akta itu. Maknanya, *the entire character of the previous act* akan berubah. Maksud saya ialah tujuan akta yang lama ini ialah untuk mencegah penjenayah. Akan tetapi kalau *preamble* ini dimasukkan, ianya sudah berubah untuk membawa kembali ISA dalam rang undang-undang ini, *detention without trial...*

**Beberapa Ahli:** Betul.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya hendak merujuk kepada ucapan Perdana Menteri sendiri. Ucapan Perdana Menteri pada 16 September 2011 dengan terang dan nyata bahawa *detention without trial must be rejected*. Sekali lagi saya hendak tanya, apa tujuan Kementerian Dalam Negeri membawa rang undang-undang yang mengingkari perintah daripada Perdana Menteri? Lawan taukelah itu! *[Dewan riuh]* Saya dimaklumkan bahawa Menteri Dalam Negeri ini di bawah ‘chai’ Perdana Menteri. Akan tetapi kalau inilah rang undang-undang yang dibawa, saya hendak bertanya, mengapa rang undang-undang ini bercanggah dengan perintah dan arahan Perdana Menteri? Perdana Menteri cuba membawa satu imej yang baik, yang terbuka, transformasi politik dan Perdana Menteri menyebut.

Saya mendukung Perdana Menteri dalam perkara ini. Jadi, saya hargai keberanian Perdana Menteri untuk membatalkan ISA. Dia terpaksa berdepan dengan Tun Dr. Mahathir Mohamed, tidak apa, dia berani. Akan tetapi mengapa Menteri Dalam Negeri cuba lawan tauke dia ini? Jadi, dalam peringkat Jawatankuasa ini saya harap Menteri Dalam Negeri ini dapat memberikan jawapan yang cukup jelas...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]: [Bangun]**

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** ...Mengapa perkara ini dibangkitkan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]: [Bangun]**

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Gombak, sedikit sahaja.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Okey Yang Berhormat Subang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Sedikit sahaja sebab Yang Berhormat Gombak– terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Gombak. Yang Berhormat Gombak bangkitkan satu perkara yang penting iaitu arahan daripada Perdana Menteri adalah untuk tidak boleh ada tahanan tanpa bicara bukan? Itu yang betul. Mana bukti ini dalam ucapan? Itu yang saya hendak kongsi

dengan Yang Berhormat Gombak dan minta pengesahan itu, adakah itu yang dimaksudkan dengan arahan itu? Sebab ada satu ucapan bertarikh 16 September 2011 dan ayat yang penting adalah... [Dewan riuh] Sebentar, sebentar. Kita kena cari ayat yang sangat penting itu.

**Beberapa Ahli:** Esoklah!

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Okey, tenang.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** [Bangun]

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Okey, baik. Ayat ini adalah pada masa itu Perdana Menteri sudah sebut Akta ISA akan dimansuhkan, selepas itu adalah ayat ini memang dia kata ada undang-undang baru yang akan digubal. Dia sebut itu. So, kita tidak boleh kata dia tidak sebut tentang undang-undang baru. Akan tetapi inilah ayat yang penting Tuan Pengerusi. Ini saya tanya pada Yang Berhormat Gombak, adakah ini dimaksudkan. Dengan izin, saya baca, "*The new laws will provide for a substantially shorter duration of police custody and...*", ini yang penting ya, "...*further detention can only be made with a court order.*" Ia bukan perintah daripada lembaga atau mana-mana pihak. Inilah janji dan komitmen daripada Perdana Menteri kepada rakyat Malaysia, kepada negara.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** [Bangun]

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Pada 16 September 2011. Sekarang kita nampak Menteri Dalam Negeri buat yang berlainan. Adakah itu yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Gombak? Minta penjelasan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Yang Berhormat Subang.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Yang Berhormat Gombak, just a— berterusan dengan yang ini. Satu perkara, daripada Perdana Menteri sendiri semasa beliau berada di *England* dan memberi satu temu janji, *interview* kepada BBC pada masa itu. Perdana Menteri dinyatakan di sini, "*We have removed the Internal Security Act, we have removed the Emergency Ordinance in Malaysia, in other words, detention without trial is history in Malaysia.*" [Dewan riuh] *That is what the Prime Minister said!* [Dewan riuh]

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Janji dicapati.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Saya yakin kalaularah Barisan Nasional mengadakan pilihan raya bulan ini, mereka akan bukan sahaja dapat 47%, malah 27% pun tidak boleh dapat barang kali. [Dewan riuh] [Tepuk]

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih. Tuan Pengerusi. Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Subang dan juga Yang Berhormat Alor Setar yang tampil dengan hujah yang cukup kukuh ya dan kita rujuk ucapan Perdana Menteri. Saya tidak mahu ada Ahli Parlimen UMNO yang mempertikaikan ucapan Perdana Menteri. [Dewan riuh] Sebab pada 16 September 2011, ketika saya mendengar uar-uar bahawa Perdana Menteri akan mengumumkan sesuatu transformasi politik yang penting, saya ikuti. Bukan mudah saya tonton TV3, Tuan Pengerusi. Akan tetapi malam itu saya dengar sendiri. Saya teliti. Memang benar, Perdana Menteri berjanji tidak ada lagi *detention without trial* yang disebut oleh Yang Berhormat Subang dan saya terpegun kehebatan Perdana Menteri. Ia bukan mudah saya hendak setuju dengan Yang

Berhormat Pekan tetapi dalam konteks itu saya setuju 100%. Kemudian ucapan di England. Di England, saya juga dengar dengan teliti dan tekun, Perdana Menteri menyebut *detention without trial is history*.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Baik.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Gombak, sedikit sahaja Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Sekejap. Nanti Yang Berhormat Kuala Krai. Memang kita hendak sokong Perdana Menteri ini. Hari ini 100% Perdana Menteri akan sokong.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya benar-benar mengikuti perbahasan ini. Saya tertarik tetapi macam mana pun kita berhujah panjang lebar, kita akan berbalik juga kepada keputusan Majlis. Jadi Yang Berhormat Gombak, kalau boleh saya tekankan di sini, yang *political scoring* ini bolehkah *minimizekan* sedikit? Jelas daripada tadi, jelas supaya Menteri dapat respons.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Nasihat Tuan Pengerusi, saya patuhi. Cuma pandangan saya mungkin setelah saya dan teman-teman berhujah, ianya boleh mempengaruhi Ahli Parlimen UMNO dan Barisan Nasional untuk menyokong. *[Dewan riuh]*

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Sebab saya letak harapan pada UMNO. MCA tidak boleh pakai.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Gombak.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** MCA tidak boleh. Di luar cakap lain, di dalam tidak berani! Apa ini? Tidak berani! Macam mana hendak bertanding? Tidak tetap pendirian!

#### ■1930

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Hah, MCA berdirilah!

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya patuh nasihat Tuan Pengerusi. Kita jangan bicara soal politik tetapi Tuan Pengerusi kena ingat, ini ucapan Perdana Menteri, Tuan Pengerusi. *[Dewan riuh]*

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Gombak, sedikit Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun]*

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Krai dahulu.

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Yang Berhormat Gombak, terima kasih Tuan Pengerusi. Semasa membahaskan *bill* ini di peringkat dasar, Yang Berhormat Puchong telah membawa hujah yang cukup menyentuh semua kita bahawa Peguam Negara

mungkin tidak dirujuk, mungkin tidak tahu bahawa rang undang-undang ini telah dikemukakan berdasarkan ucapan-ucapan yang diberikan oleh Peguam Negara yang disebut oleh Yang Berhormat Puchong tadi. Pada ketika ini pula Yang Berhormat Gombak membawa beberapa sedutan ucapan Perdana Menteri.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Lari tajuk.

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tajuk apa benda pula? Mengatakan perkara-perkara yang berbeza daripada apa yang sedang berlaku. Jadi, adakah Peguam Negara tidak dirujuk dan juga Perdana Menteri tidak dirujuk dalam membawa rang undang-undang ini, kemungkinannya. Minta Perdana Menteri jawab.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Gombak, saya fikir oleh kerana perkara tersebut telah disebut oleh Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Alor Setar, oleh Yang Berhormat Gombak sendiri berkaitan dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Apakah tidak berhasrat untuk minta Perdana Menteri bangun memberikan penjelasan. *[Dewan riuh]*

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tidak payah, anak buah boleh tolong jawab. Tidak payah, tidak payah. Anak buah boleh tolong jawab.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya fikir itu yang sangat penting bagi saya bahawa ini soal kredibiliti, soal maruah. Kita tidak mahu nanti imej negara kita itu akan tercaltar akibat dilihat tidak konsistennya kenyataan yang dibuat oleh ketua kerajaan.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Pengerusi, saya pohon tidak payah layan Tuan Pengerusi. Kita teruskan dengan kita punya undian Tuan Pengerusi.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, duduk dahulu Yang Berhormat. Yang Berhormat Gombak, duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, yang kita perbahaskan ini merangkumi hal-hal ilmiah, akademik dan *general*. Jangan menghabiskan masa dengan perkara-perkara perbalahan macam mana interpretasi perlembagaan. Itu bukan tugas kita. Jadi, kalau kita berpanjangan dengan perbalahan pendapat, apa Yang Berhormat Puchong cakap mengenai dengan perkara 149, apa Yang Berhormat Sepang hujah dengan perkara 149. Selepas itu Yang Berhormat Gombak pula sokong. Bermakna, itu adalah perbahasan ilmiah. Itu bukan tugas Parlimen.

Mesej telah jelas, yang harus didengar sekarang respons daripada Menteri yang berkenaan bahawa akta tidak kena-mengena dengan Perdana Menteri, dengan hujah Perdana Menteri. Tidak semestinya hujah pada ketika itu akan berterusan kalau ada suasana berubah. Saya mengamati semua perbahasan ini. Tolong jangan ada lagi *political scoring*. Ini akta penting kerana ini adalah hidup dan mati rakyat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi, *but he's our Prime Minister*. Apa yang dijanjikan itu, bukan janji orang kampung, janji seorang Perdana Menteri. Kalau kita tidak pegang kepada Perdana Menteri, hendak pegang kepada siapa lagi?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, duduk Ahli Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat Gombak. Apa yang dihujah setakat kita berhujah ini akan juga dapat liputan. Persidangan ini pun sekarang ini boleh ditonton *live* di luar. Jadi, mesej-mesej yang telah dikemukakan daripada tadi pagi ini telah pun semua diketahui umum. Tidak payah diulang-ulang kerana peraturan mesyuarat mengatakan jangan ulang-ulang perkara yang telah diulang.

Saya perhatikan *argument* dari tikus pergi gajah ini bermula dari Yang Berhormat Subang. Selepas itu diulang lagi oleh Yang Berhormat Sepang. Selepas itu dialih bahasa oleh Yang Berhormat Gombak. Sama, serupa. Boleh, jangan ada lagi *political scoring*.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya tidak sentuh soal tikus Tuan Pengerusi. Baik, saya terima nasihat Tuan Pengerusi.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau mahu ubah, ini kalilah ubah!

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kinabatangan. *[Ketawa]* Perubahan itu bermula dari Yang Berhormat Kinabatangan mulai dari sekarang. *[Ketawa]* Sila Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih. Cuma Tuan Pengerusi, saya minta fatwa daripada Tuan Pengerusi, kalau Dewan ini bukan tempat untuk menggubal undang-undang, di mana lagi, bila lagi, siapa lagi? Oleh sebab kalau Tuan Pengerusi kata ini soal teknikal, soal undang-undang ini bukan di sini tapi di mana lagi, di mesyuarat UMNO? Tidak.

**Tuan Pengerusi:** Duduk dulu Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Oleh sebab itu apa yang dibangkitkan oleh-minta maaf Tuan Pengerusi. Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puchong, dibangkitkan oleh Yang Berhormat Padang Serai dan Yang Berhormat Sepang, isu *fundamental*. Kalau rang undang-undang ini bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan, hendak letak muka di mana? Kami wakil rakyat yang ada maruah, sama ada Barisan Nasional atau pun Pakatan Rakyat.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Yang Berhormat Gombak...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Oleh sebab itu kita minta nasihat daripada Peguam Negara, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Duduk dahulu Yang Berhormat Gombak. Saya *response* Yang Berhormat Gombak.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tarik balik. Orang lain tidak ada maruahkah? Pembangkang, wakil rakyat tidak ada maruah?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya sebut dua-dua pihak, saya sebut dua-dua pihak.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat yang lain tolong duduk, Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Gombak duduk. Yang Berhormat Gombak...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Boleh *check Hansard*.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kalau tidak sampai pukul 8 kita tukar cakap bahasa Tamil. Baru faham Tuan Pengerusi.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Bahasa Tamil saya tidak fahamlah.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Tanjung Karang, Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Gombak, duduk dahulu.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Pengerusi, hendak sebut sedikit. Saya sebut tadi wakil rakyat Ahli Parlimen kedua-dua pihak ada maruah. Boleh *check Hansard*. Saya tidak menghina belah Barisan Nasional. Saya kata kedua-dua pihak ada maruah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Baling tidak dengar tadi.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Jadi, kita hendak perbahasan itu biarlah akademik, ada faktanya, tidak bercanggah dengan perlumbagaan. Itu tujuan saya, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Duduk dahulu Yang Berhormat Gombak. Ya, kita berbahas sudah beberapa jam. Kesimpulannya, cuma dua tiga perkataan sahaja iaitu sama ada rang undang-undang ini bercanggah dengan Perlumbagaan Persekutuan. Bagi saya, itu sahaja. Apabila semua hujah telah dilontarkan, pada akhirnya kita mengundi. Tugas saya menjaga supaya perbahasan dapat berjalan dengan baik dan pada masa yang telah kita tetapkan. Itu sebab ada peraturan mesyuarat. Belah bahagian ini Ahli Yang Berhormat, saya faham iaitu untuk menandakan bahawa siapa yang tidak mengundi dan siapa yang undi.

Saya terbaca dalam satu *ruling*, saya kurang ingat dan saya tidak akan pakai kuasa ini. Kalau sekiranya Tuan Pengerusi, pada penglihatan dia dalam Dewan bahawa majoriti itu ada dalam Dewan dan majoriti itu jelas, kalaupun dipanggil belah bahagian, Tuan Pengerusi boleh mengatakan tidak kerana itu akan menghabiskan masa juga. Akan tetapi saya benarkan belah bahagian kerana belah bahagian itu adalah keputusan terakhir untuk menentukan maruah-maruah Ahli-ahli Yang Berhormat.

Itu sebab saya nyatakan begitu. Saya tidak menghalang perbahasan yang bernas, tidak. Akan tetapi jangan ulang-ulang sehingga masa kita terbazir. Tadi secara seloroh saya katakan bahawa kasihani saya. Sudah dekat empat jam saya mendengar perkara yang sama, seberapa panjang hujah dari mana-mana pun akan juga dibahas oleh Menteri yang ada idea sendiri. Selepas itu saya kemukakan masalah, kita mengundi lagi balik. Sila Yang Berhormat Gombak, teruskan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya dapat menyelami kedudukan Tuan Pengerusi, yang saya amat simpati. Tuan Pengerusi sebut tadi, Tuan Pengerusi tidak boleh tinggalkan kerusi tersebut sebab kedua-dua Timbalan Pengerusi terpaksa mengundi. Kedua-dua Timbalan Pengerusi tidak ada dalam Dewan, Tuan Pengerusi. [*Dewan riuh*]

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan hujah Yang Berhormat Gombak. Ada atau tidak ada itu bukan soal.

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** [*Mencelah*]

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** [*Mencelah*]

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tidak, saya- nanti dahulu, kena simpati dengan Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi sudah empat jam tidak boleh keluar. Cuma, di mana

Timbalan-timbalan Pengerusi ini Tuan Pengerusi? Yang Berhormat Kuala Krau pun tidak ada, Yang Berhormat Beluran pun tidak ada? Kalau mengundi, bolehlah tukar balik.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Mereka ada di sebelah makan nasi briyanilah.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Gombak, saya faham hujah Yang Berhormat Gombak. Kadang-kadang perli, kadang-kadang ada tujuan. Belum lagi ada belah bahagian, mereka belum masuk lagi.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** [Mencelah]

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Jadi...

**Tuan Pengerusi:** Jangan begitu Yang Berhormat Gombak. Tolong berhujah dengan baik.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Hujah dengan baik.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya hendak tolong Tuan Pengerusi. Sebelum belah bahagian, masuklah ganti Tuan Pengerusi dahulu.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Gombak, teruskan hujah. Silakan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Okey. Baik, saya hendak rumuskan, saya minta Menteri Dalam Negeri dapat memberikan penjelasan tentang perkara-perkara ini. Menteri Dalam Negeri hendak solat kerana dia seorang pemimpin yang cukup- dia sebut! Dia sebut!

#### ■1940

Saya harap ini peluang Menteri Dalam Negeri untuk beri penjelasan yang cukup kemas di depan Perdana Menteri termasuk kenyataan Perdana Menteri. Apakah Peguam Negara memberi nasihat sesuatu yang bercanggah dengan Ketua Kerajaan? Saya setuju dengan Yang Berhormat Sepang tadi, yang bercakap ini bukan ketua cawangan, bukan ketua kampung tetapi Perdana Menteri Malaysia. Jadi saya harap Menteri Dalam Negeri dapat memberi jawapan yang cukup jelas dan kemas mengapa ada percanggahan dalam soal yang dibentangkan rang undang-undang ini dengan janji Perdana Menteri sebagai Perdana Menteri, Ketua Kerajaan kepada rakyat Malaysia dalam dua majlis rasmi sebelum ini? Terima kasih.

#### 7.41 mlm.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Pengerusi, saya ambil bahagian. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sebagai seorang Ahli Parlimen Malaysia rasa malu, cukup malu apabila seorang Ahli Parlimen bertaraf Timbalan Presiden parti tidak tahu membezakan *suppressor of power*. Kita mengamalkan Komanwel sistem. Kita ada *legislation* kitalah, penggubal undang-undang. Kita ada eksekutif dan kita ada *judiciary*. Tugas kita ialah untuk menggubal undang-undang, bukan untuk mentafsir undang-undang.

Saya ambil satu contoh. Bagaimana satu kes SOSMA yang kita bahaskan di dalam Dewan ini, undang-undang yang baru. Undang-undang baru yang menggantikan ISA. Kita mengambil bahagian, tetapi kita tengok apa yang terjadi pada kes ini. Saya hendak bagi tahu Tuan Pengerusi. Pada Februari, tiga individu bekas tahanan ISA, Yazid Sufaat, Halimah Hussein dan Muhammad Hilmi Hasim merupakan kes pertama ditahan di bawah SOSMA. Yazid menghadapi pertuduhan

menggalakkan keganasan bagi mengugut orang awam di Syria, manakala Halimah dan Muhammad Hilmi dituduh bersubahat dengannya. Mahkamah Tinggi melepas dan membebaskan mereka pada 20 Mei selepas membenarkan permohonan mereka untuk membatalkan pertuduhan terhadap mereka. Dalam membuat keputusan penting itu, Hakim Kamardin Hashim memutuskan perkara 149, Perlembagaan Persekutuan hanya terpakai bagi tindakan ancaman di Malaysia. Apa yang saya maksudkan ialah inilah beza di antara kita penggubal undang-undang dengan mahkamah, *judiciary* yang mentafsir undang-undang. Hari ini saya nampak Yang Berhormat Gombak hendak jadi hakim, hendak mentafsir undang-undang. Kalau ini kita boleh faham Tuan Pengerusi, kita usaha mudah kita menjalankan tugas.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Minta laluan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Bagilah saya cakap dahulu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hendak tanya.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Pengerusi, saya tidak mahu bagi jalan sebab saya tidak mahu ambil politik. Saya bukan Yang Berhormat Gombak...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bukan politik.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** /Bangun]

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Duduk. Bagi saya cakaplah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Salah tu..

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ini *floor* saya. Saya tidak bagi cakap kerana cakap pun dia merapu. Buang masa! Saya cakap fakta. Saya hendak ulang. Saya amat malu apabila seorang Ahli Parlimen tidak tahu membezakan di antara tugasnya sebagai *legislature* dengan *judiciary*. Ini contoh.

Waktu kita membahaskan SOSMA dahulu kita pun tidak terfikir bahawa keputusan hakim sedemikian, bahawa undang-undang SOSMA ini hanya terpakai untuk tindakan atau ancaman di Malaysia. Ini satu contoh.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Minta laluanlah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak bagi tahu lagi. Saya hendak ulang lagi...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Minta laluan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Bahawa saya hendak ulang lagi...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Maknanya Ahli Parlimen Barisan Nasional meluluskan undang-undang tanpa memahamilah. Kalau tidak bersubahat, maknanya undang-undang diluluskan tanpa dia memahami.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Apa ini?

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat Tanjung Karang, duduk Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Minta penjelasan boleh?

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Tanjong Karang duduk dahulu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak bercakap, kenapa kacau?

**Tuan Pengerusi:** Duduk Yang Berhormat Sepang. Saya belum ada peluang sebelum ini untuk mengarah seorang Ahli Yang Berhormat atau dua tiga orang keluar daripada Dewan sewaktu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada. Saya akan berbahagia kalau dapat buat sedemikian. *[Ketawa]*

Yakinlah. Jadi patuhi peraturan mesyuarat kerana Peraturan Mesyuarat 35(7) sering kali dibawa oleh Yang Berhormat Sepang. Saya punya kuasa untuk mengehadkan perbahasan jika masa tidak mengizinkan dan saya nampak masa tidak mengizinkan untuk hari ini sehingga esok untuk bahas rang undang-undang ini. Jadi jangan nanti saya hadkan masa tiga minit seorang kepada pindaan-pindaan yang belum lagi kita selesaikan ini, kerana itu kuasa saya. Ingat Peraturan Mesyuarat 41, Peraturan Mesyuarat 42, Peraturan Mesyuarat 43, Peraturan Mesyuarat 44. Ingat. Sila teruskan Yang Berhormat Tanjong Karang. Jangan lagi ada gangguan. Selepas itu saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Pengerusi, kalau semua di Parlimen memahami undang-undang dan peraturan, kita tidak kecoh. Masalahnya mereka ini tidak mahu mengikut peraturan. Bercakap sesuka hati. Ingat ini kedai kopi? Ada peraturan. Saya tidak bagi jalan, janganlah bangun.

Okey saya hendak sambung. Saya pun hendak ulang lagi bahawa kemungkinan ada terlepas pandang. Saya hendak mengatakan lagi bahawa undang-undang negara kita masih ada lagi undang-undang tangkap tanpa bicara iaitu Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Penjagaan Khas) 1985. Undang-undang ini masih ada. Kita masih praktis. Kita belum *abolish* pun lagi undang-undang ini. Mungkin kita terlepas pandang. Sewaktu kita *abolish* ISA, RR dan juga EO, mengapa Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Penjagaan Khas) 1985 tidak kita *abolish*? Saya punya pendapat, boleh jadi Peguam Negara terlepas pandang.

Jadi sebab itu, saya hendak mengatakan bahawa di Malaysia ini masih ada undang-undang tahan tanpa bicara. Juga undang-undang yang dibuat ini bukan undang-undang baru.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Laluan sedikit.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ini adalah satu pindaan. Undang-undang ini telah ada pun pada tahun 1959. Hanya hendak diputarbelitkan oleh pihak pembangkang dengan memberikan tafsiran-tafsiran yang hanya memberikan kepentingan politik. Saya hendak tegaskan lagi di sini kalau semua menang tafsir undang-undang, maka mahkamah peguam-peguam di sana tidak boleh cari makan begini. Oleh sebab itu kita ada undang-undang yang *expertise stated, impliedly stated and let the court to decide*, bukannya Dewan ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**7.47 mlm.**

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Pengerusi, saya fikir apa yang dibangkitkan oleh sahabat saya dahulu sehingga sekarang, Yang Berhormat Tumpat yang bertanya tentang soal *substantial body of persons outside Malaysia*. Untuk makluman, setakat ini tidak ada *substantial body of persons outside Malaysia*. Akan tetapi *preamble* ini menyediakan semua kemungkinan agar Malaysia bersiap siaga jika ada.

Yang Berhormat Gombak membangkitkan soal yang sama. Saya ingin menyatakan soal tafsiran yang beliau minta iaitu *substantial body of persons* merujuk kepada jenayah kekerasan terancang yang melibatkan kumpulan kongsi gelap atau kumpulan penjenayah terancang, pengedar dadah, kegiatan pelacuran, kegiatan perjudian. Saya fikir apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Gombak tadi memang sokongan yang membawa rebah, seolah-olah menyokong Perdana Menteri tetapi *telunjuk lurus kelengkeng berkait*.

Apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang tahanan tanpa bicara, maksudnya ialah merujuk kepada undang-undang sebelum itu iaitu EO dan RR. Akan tetapi di dalam rang undang-undang yang kita pinda ini ialah pewujudan Badan Pencegahan Jenayah yang menggantikan kuasa Menteri. Ertinya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melakukan liberalisasi dan transformasi dengan mengetepikan kuasa Menteri yang ada dahulunya dalam EO dan RR. Badan Pencegah Jenayah bukan kuasa mutlak kerana ada *review*, ada semakan yang boleh dibawa ke Mahkamah Tinggi.

Dalam perkara ini saya fikir, saya sebut banyak kali. Apa yang penting ialah roh kepada pindaan rang undang-undang ini kerana berlatarbelakangkan jenayah yang terlalu *rampant*, dengan izin Tuan Pengerusi. Oleh sebab itu, saya fikir cukuplah. Terimalah dengan baik apa yang disebutkan oleh pihak kerajaan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Penjelasan sedikit sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat, duduk dahulu Yang Berhormat Menteri. Duduk dahulu Yang Berhormat Subang.

Peraturan Mesyuarat 37(1), Peraturan Mesyuarat 37(2), Pengerusi boleh tidak membenarkan mana-mana Ahli meminta penjelasan sekiranya didapati bahawa Majlis Mesyuarat tidak mempunyai masa yang secukupnya untuk menyelesaikan urusan seterusnya.

Yang Berhormat, jangan bagi tahu saya tugas saya. Itu kuasa saya. Jadi, saya tidak benarkan Yang Berhormat Subang untuk mencelah. Terima kasih.

*[Fasal 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

■1950

*[Fasal-fasal 4 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

**Fasal 6 [Pindaan oleh Menteri] -**

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Pengerusi, pindaan dalam Jawatankuasa yang dicadangkan adalah fasal 6 dalam Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 iaitu dengan fasal yang berikut:

- (a) dalam subseksyen (1) -
  - (i) dengan menggantikan perkataan “*Assistant Superintendent*” dengan perkataan “*Inspector*”; dan
  - (ii) dengan menggantikan perkataan “*fourteen*” dengan perkataan “*twenty-one*”; dan
- (b) dalam subseksyen (2) -
  - (i) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “*twenty-eight*” dengan perkataan “*thirty-eight*”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut -
  - “(3) *Except as provided in subsection 9(5), the provisions of section 28A of the Criminal Procedure Code shall apply to any person remanded under section 4.*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

#### 7.52 mlm.

**Tuan R. Sivarasa (Subang):** Terima kasih Tuan Pengerusi. Ucapan saya ringkas sahaja. Saya ada beberapa soalan kepada Yang Berhormat Menteri untuk menjelaskan sebab kita nampak pindaan kepada pindaan ini yang dicadangkan sekarang kalau saya faham dengan betul adalah untuk menggantikan fasal 6 yang asal dalam buku biru ini.

Sebab kita nampak pindaan asal, saya rujuk kepada pindaan asal itu ada cadangan untuk menggantikan perkataan *magistrate* dengan perkataan *court* dan di sebahagian lain dalam fasal yang sama menggantikan perkataan *magistrate* dengan perkataan *Session Court Judge* dan ini membawa maksud pada mulanya bahawa kuasa di bawah akta ini akan dialih, kuasa untuk tahan untuk reman yang pertama akan dialih daripada majistret dalam akta ibu kepada hakim yang lebih kanan di Mahkamah Sesyen tetapi sekarang saya tidak nampak lihat itu lagi.

Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri kenapa kerajaan tukar pendirian sebab mula-mulanya itulah satu cadangan yang baik di mana kalau kita hendak ada lebih *check and balance* adalah lebih baik bahawa kuasa untuk tahan untuk reman yang pertama itu diangkat kepada Hakim Mahkamah Sesyen dan bukan lagi dalam Mahkamah Majistret. Kenapa pertukaran itu dibuat dan satu *check and balance* yang baik sekarang telah dibatalkan? Itulah persoalan saya.

Kedua ialah tentang masa. Masa yang diperuntukkan dalam pindaan asal itu ialah 24 hari. Kita kena faham ini kita kena rujuk balik kepada akta ibu. Akta ibu ada tiga peringkat tahanan Tuan Pengerusi. Selama 14 hari oleh Majistret. Selepas itu 28 hari untuk siasatan lagi yang dilanjutkan dan ada peringkat terakhir 28 hari. Bermaksud dalam akta ibu yang cukup kuat ini, bukan satu tahanan yang singkat, 71 hari kalau kita masuk hari yang pertama ditangkap sebab lepas 24 jam baru dibawa kepada majistret, 71 hari.

Selepas itu akta ibu kata perlu dibebaskan atau boleh disekat di satu tempat untuk menetap di satu tempat. Itu sahaja tidak boleh dipenjarakan seperti sekarang. So, sekarang kita nampak tempoh itu telah dipanjangkan. Jadi ini pun saya nampak bercanggah dengan janji yang diberi oleh Perdana Menteri dalam ucapan yang saya sebut tadi.

Ucapan beliau yang berjanji bahawa tempoh-tempoh tahanan ini akan dikurangkan. Sekarang kita nampak tempoh reman untuk siasatan sahaja pada peringkat awal itu sudah dipanjangkan daripada akta ibu dan kenapa ini dibuat. Ini bercanggah dengan janji-janji terbuka, janji yang dibuat kepada seluruh negara pada hari yang bersejarah itu. Memang hari itu bersejarah 16 September 2011 *because* hari itu Perdana Menteri ambil peluang untuk umumkan pemansuhan ISA yang kita sokong 100%. Itu yang dilakukan tetapi janji lain yang dibuat yang saya baca tadi. Akan tetapi apa yang dilakukan sekarang bercanggah lagi dengan janji itu. Itu saya minta penjelasan hal itu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sedikit sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Batu. Selepas Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Likas. Selepas itu Yang Berhormat Menteri jawab.

#### 7.56 mlm.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya mengikut Yang Berhormat Subang. Saya ingin dapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri. Bila kita bentangkan dengan pindaan ini yang tadi ucapan dasar kata sudah dapat konsultasi dan rundingan yang cukup tetapi pada hari ini kita dilontarkan satu pindaan yang sangat *substantive*, yang telah berbeza pendapat sebab di sebelah sana telah menyatakan ada *check and balance* dari mahkamah. Akan tetapi yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri sekarang hari ini telah membantalkan mahkamah. So, saya ingin tahu ini sangat berbeza dengan apa yang berlaku. Saya ingin tahu apa yang menyebabkan Yang Berhormat Menteri tukar fikiran dalam 48 jam ini?

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri sila.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Pengerusi, pindaan terhadap apa yang disebutkan itu adalah kerana ada permintaan supaya jawatan ASP ditukarkan kepada inspektor kerana jumlah ASP berkurangan berbanding dengan jumlah Inspektor tetapi oleh kerana perjawatan Inspektor sekarang ini tidak sama dengan dahulu kerana kemasukan dengan izin, *entry point* untuk inspektor mesti berijazah. Jadi adalah munasabah inspektor itu diberikan kedudukan.

Dalam pada itu perkara-perkara lain tentang mahkamah dan sebagainya, saya mengambil kira pandangan-pandangan berkenaan tetapi setelah mengadakan perbincangan dengan Peguam Negara bersama-sama dengan Ketua Polis Negara, maka persetujuan itulah yang telah dicapai. Itu semua adalah perkara-perkara teknikal sahaja yang pada hemat saya Ahli-ahli Dewan harus memberikan sokongan terhadap pindaan berkenaan.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Pengerusi, saya ingat tukar dari mahkamah ke tidak ada mahkamah itu bukan teknikal, itu *fundamental*. Saya agak Tuan Pengerusi

tahu implikasinya. Kalau kita batalkan mahkamah dengan tidak adanya mahkamah dia bukan teknikal lagi dan ditukar dari Inspektor itu bukan teknikal. Itu satu jarak yang sangat besar. Di ISA saya masih ingat dia perlu DSP. Kalau kes EO dan ISA kita perlukan DSP dan ke atas.

Ini adalah satu undang-undang yang sangat serius kita diberitahukan untuk perang *organized crime* yang sofistikated yang kata. Sekarang ini kita diturunkan kepada inspektor. Saya hendak tahu inspektor *education level/nya* tertinggi berapa?

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Itu adalah satu perkara yang sangat serius saya anggap pindaan ini lebih serius, kita tidak dimaklumkan sebelum ini bila kita bahas pindaan sebelum pada peringkat dasar...

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Batu. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya adalah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan.

*[Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**[Fasal 6 sebagaimana yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]**

▪

▪ **2000**

**[Fasal-fasal 7 dan 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

#### **Fasal 9 (Pindaan oleh Menteri) -**

**Tuan Pengerusi:** Sila, Yang Berhormat Menteri.

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Pengerusi, pindaan dalam Jawatankuasa yang dicadangkan adalah pada fasal 9 Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 iaitu subseksyen (b)(iii) dipinda dengan menggantikan perkataan “forty-two”, dengan perkataan “fifty-nine”.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera dalam Kertas Pindaan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Menteri dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujukan.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**[Fasal 9 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

**[Fasal 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

**Fasal 11 (Pindaan) -**

**Tuan Pengerusi:** Sila, Yang Berhormat.

**8.01 mlm.**

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Izinkan saya membentangkan pindaan kepada rang undang-undang ini dalam fasal 11. Pindaan yang dicadangkan membangkitkan dua perkara. Pertama, menyentuh 7B(1) yang di bawah tajuk *Prevention of Crime Board* dan satu lagi berkaitan dengan 7C. Saya akan berhujah ini satu demi satu.

Apa yang kita cadangkan untuk keanggotaan lembaga yang dicadangkan sekarang adalah untuk memastikan bahawa selain daripada pengerusi yang disebut mesti layak menjadi Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi, kedua-dua anggota lain dan sekarang kita difahamkan ini akan ditambahkan kepada empat pindaan lagi. Anggota-anggota ini juga mempunyai pengalaman perundangan sekurang-kurangnya sepuluh tahun yang juga adalah kelayakan untuk menjadi hakim mahkamah tinggi. Itulah cadangan daripada kita.

Tuan Pengerusi, saya ingin jelaskan sedikit pendirian Pakatan Rakyat tentang pindaan secara keseluruhan sebab relevan pada peringkat ini. Kita balik kepada akta ibu. Walaupun saya sebut tadi akta ibu adalah satu akta yang cukup *draconian*. Ini bukan akta yang mudah, yang senang diterima juga yang digubal pada tahun 1959 dalam keadaan yang serius. Tadi Yang Berhormat Bukit Katil terangkan keadaan di mana mula-mula dalam keadaan apa. Sebab itu kuasa untuk tahan selama 71 hari itu diberikan. Selepas itu kuasa hanyalah untuk senaraikan seorang yang disyaki adalah penjenayah dan meletak beberapa sekatan atas pergerakan beliau. Itu sahaja yang dibenarkan. Kuasa itu pada masa itu dalam akta ibu diberikan kepada Menteri.

So, sekarang kita nampak cadangan untuk mengalih kuasa itu daripada Menteri kepada lembaga, kita boleh terima. Itu tidak ada masalah. Itu adalah satu langkah yang baik bagi badan yang ada *improvement*, dengan izin. Lebih progresif daripada yang asal. Akan tetapi, bantahan kita adalah apabila dimasukkan kuasa untuk tahan tanpa bicara selama dua tahu dan sambung itu beberapa kali yang diperlukan. Itu yang dengan tegas kita sudah sebut beberapa kali kita bantah secara prinsip dan sebagainya.

Kita bantah secara prinsip sebab ini berkaitan dengan pindaan kepada 7C. Apa-apa pindaan di sana Tuan Pengerusi, pindaan yang dicadangkan di dalam kertas merah muda itu ataupun *the pink one is* semua ini adalah berkaitan dengan kuasa yang sekarang dibawa kepada lembaga untuk menahan tanpa bicara untuk dua tahun dan sambung tahanan itu. Kita bantah atas prinsip sebab kita perhatikan kuasa ini memang dijanjikan dengan Perdana Menteri pun akan dikeluarkan daripada undang-undang dan langkah-langkah permulaan sudah bermula dengan pemansuhan ISA, pemansuhan EO dan sebagainya. Akan tetapi, kita nampak sekarang dihidupkan balik dengan pindaan-pindaan ini.

Jadi, sebab itulah bantahan kita. Bantahan kita, Tuan Pengerusi, kita nampak disokong oleh Peguam Negara sendiri. Tadi Yang Berhormat Puchong telah terangkan dengan secara *detail* kenyataan daripada Peguam Negara.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: [Bangun]**

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Beliau tidak setuju dengan kuasa tahan tanpa bicara yang berpanjangan selama dua tahun dan lebih. Pandangan beliau jelas. Kita ada kuasa yang cukup di bawah undang-undang yang sedia ada dalam negara. Kita perhatikan Tuan Yang di-Pertua, kuasa yang sedia ada dalam tangan polis untuk tangkap dan siasat adalah 15 hari di bawah seksyen 117, Kanun Tatacara Jenayah dan itu adalah satu kuasa yang cukup besar. Jauh lebih besar daripada yang dipegang oleh polis di banyak negara lain.

Banyak negara mereka. Polis di negara itu mencegah jenayah secara berkesan dengan hanya kuasa tangkap, tahan 24 jam selepas itu kena bawa ke mahkamah. Itu sahaja. Mereka berjaya mencegah jenayah dalam negara itu. Di sini kita ada 15 hari dan selepas itu baru perlu dibawa ke mahkamah. Mengapa polis tidak boleh buat kerja mereka dengan kuasa yang begitu besar itu?

Jadi, dari segi prinsip dan kita perhatikan juga tahanan tanpa bicara Tuan Pengerusi juga tidak disetujui oleh pihak SUHAKAM. SUHAKAM ini bukan badan NGO yang biasa. Ia adalah satu badan berkanun yang ditubuhkan melalui undang-undang yang diluluskan dalam Dewan yang mulia ini yang ditubuhkan oleh kerajaan sendiri. Kerajaan Barisan Nasional sendiri tubuhkan SUHAKAM sebagai satu badan berkanun sebagai penasihat kepada kerajaan sendiri atas isu hak asasi.

Pendirian SUHAKAM adalah tahanan tanpa bicara tidak wajar lagi diteruskan dalam negara kita. Nasihat itu telah diberikan secara bertulis dan beberapa kali. Persoalan yang kita bangkitkan ialah kenapa Kerajaan Barisan Nasional sekarang tidak mahu ikut nasihat daripada badan yang ditubuhkan sendiri oleh kerajaan untuk memberi nasihat dan pandangan atas isu hak asasi yang pokok. Itulah pendirian SUHAKAM.

Pendirian satu badan NGO- Proham, inilah pesuruhjaya-pesuruhjaya SUHAKAM yang berhenti dan mereka pun sudah buat persatuan, mereka pun sudah pun keluarkan pendirian mereka tidak menyokong tahanan tanpa bicara. Kita sudah dengar rakan-rakan lain yang telah berhujah secara bernas. Pandangan agama, ini bercanggah dengan agama Islam dan agama-agama lain dan prinsip-prinsip perikemanusiaan.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]: [Bangun]**

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Pengerusi, adalah wajar saya sebut di sini, pendirian Suruhanjaya Diraja yang kerajaan tubuhkan pada tahun 2005. Tadi Yang Berhormat Menteri berkata kita harus perhatikan roh atau semangat pindaan ini dan itu adalah untuk mencegah jenayah. Itulah yang kita nampak. Saya juga minta Yang Berhormat Menteri untuk melihat dan membaca balik apakah laporan Suruhanjaya Diraja itu dan perhatikan dengan baik roh laporan itu juga. Suruhanjaya Diraja ini Tuan Pengerusi, bukan satu badan yang ringan. Ini ditubuhkan macam biasa oleh Yang di-Pertuan Agong dan anggotanya. Ini penting.

■2010

Anggotanya ialah orang yang cukup berwibawa. Mantan Ketua Hakim Negara, Tun Zaidin Pengerusi, Mantan Ketua Polis Negara Tun Haniff Omar- Timbalan Pengerusi, anggota lain

termasuk Mantan Ketua Tun Salleh Abbas adalah dahulu ketua hakim juga. Ketua hakim, ada juga satu lagi Ketua Hakim Tun Zaki pun ada satu anggota dan ramai lagi. Ini penuh dengan *luminaries*, dengan izin.

Jadi ini saya rasa saya boleh disebut di sini, saya harap Kerajaan Barisan Nasional tidak anggap ini sebagai satu *public relations exercise*. Ini bukan orang-orang yang kecil. Mereka telah diberi tugas yang cukup berat, mereka mula kerja mereka di awal tahun 2004. Satu tahun lebih mereka habis laporan ini dengan satu tahun kerja yang cukup bertanggungjawab dan inilah hasil dia. Ini penting sebab inilah yang sentuh terus kepada tajuk yang kita bahas pada hari ini dan semalam iaitu macam mana kita mahu mencegah jenayah. Inilah dan jawapan ada dalam buku ini. Jawapan yang lengkap, yang terperinci dan sebagainya. Mereka pun sentuh isu yang sama sebab pada masa itu Tuan Pengerusi, isu adalah jenayah yang tinggi. Ini disebut, statistik semua diberi masalah yang sama.

Apa yang penting yang saya ingin sebut di sini ialah mereka dengan jelas telah berkata undang-undang yang benarkan tahanan tanpa bicara dan contoh semua disebut, *Emergency Ordinance* dan sebagainya, semua ini patut dimansuhkan. Mereka telah beri hujah yang bernes, yang *detail* cara untuk mencegah jenayah dengan berkesan adalah dengan *effective policing*, dengan izin. Dengan *profesional policing* dan cara untuk menambah baik operasi dan pengurusan polis. Itulah tajuk laporannya. Semua diperincikan di sini. *How do we..., dengan izin, how do we improve and enhance the operation and management of the police force, in all aspects*. Khususnya dengan bermula daripada isu operasi mereka dan juga isu terma perkhidmatan mereka, perumahan, gaji dan semua. Semua disebut di sini.

Jadi, itulah antara alasan Pakatan Rakyat memberi pandangan di sini dan kepada Yang Berhormat Menteri kalau kita betul-betul hendak hafal roh ini untuk mencegah jenayah, inilah panduan dia. So, saya tidak tahu berapa juta ringgit pada masa itu kita belanja wang rakyat untuk tubuhkan Suruhanjaya Diraja ini. Kerja mereka, belanja semua, satu tugas yang mereka lakukan dengan baik dan selepas ini apa jadi dengan semua ini. Sebab apa yang kita buat pada hari ini, rang undang-undang yang kerajaan bentang pada hari ini atau pun untuk kita bahas, saya nampak bercanggah langsung, bercanggah terus dengan apa yang disebut di sini. Ini yang saya minta Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dan Kerajaan Barisan Nasional kena beri satu penjelasan. Sebab mereka di sini sudah sebut mereka ini Suruhanjaya Diraja Tuan Pengerusi. Ia tentang angka terjumlah anggota dalam PDRM. Mereka pun sudah bincang hal ini.

So, tadi saya perhatikan Yang Berhormat Menteri pun kata ada usaha untuk menambahkan jumlah anggota. Akan tetapi saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri kepada apa yang disebut oleh Suruhanjaya Diraja ini pada tahun 2004, tahun 2005 pada masa dia buat laporan ini, dia kata ini, "*The commission is up-to-date*", dengan izin Tuan Pengerusi, "*The commission is up the view that the redeployment...*", ini "...*redeployment of the existing anggota is metrically plan and diligently executed that be less or no need for additional uniform's staff of PDRM. The commission assessment here is reinforcing by the fact that Malaysia already possesses the police to population ratio that is among the highest in the world*".

Apa yang mereka syorkan pada masa itu yang masih relevan sekarang ialah cara anggota PDRM pada masa itu di *deployed*, digunakan. Mereka syorkan bahawa banyak kerja yang dibuat oleh *uniform's staff*, dengan izin, patut dibuat oleh *surveillance staff*. Mereka *uniform's staff* ini patut ditumpukan kepada usaha mencegah jenayah.

Jadi, peratusan yang mereka perhatikan pada masa itu yang ditumpukan kepada pencegahan jenayah kurang sangat, patut ditambahkan dan masa itu mereka sudah cadangkan 20,000 lagi patut ditambahkan. Masa itu tahun 2004, 2005. Sekarang tahun 2013, mungkin lebih. Pakatan sudah cadangkan sekurang-kurangnya separuh daripada PDRM patut ditumpukan kepada usaha mencegah jenayah. Itulah yang kita mahu sebagai roh usaha untuk mencegah jenayah. Bukan untuk membawa undang-undang yang tahan tanpa bicara. Itu yang perlu dan ini bukan pandangan daripada Pakatan Rakyat sahaja. Ini pandangan daripada Suruhanjaya Diraja yang dianggotai oleh individu-individu yang cukup berwibawa.

Kita tidak boleh persoalkan kredibiliti atau kelayakan Tun Haniff Omar, mantan Ketua Polis Negara. Dia tahu lebih daripada polis daripada kita semua di sini. mungkin dia ada pengalaman itu. Dia yang tulis laporan ini. So kenapa, dengan ini penjelasan yang kita mahu dengar daripada Yang Berhormat Menteri. Kenapa UMNO Barisan Nasional sekarang tidak boleh ikut nasihat, pandangan daripada Suruhanjaya ini? Kena bagi penjelasan kenapa ini semua sudah jadi karutkah, ini semua sudah kena buangkah dalam apa tong sampah sekarang? Kita mahu dengar dan ini patut didengar oleh rakyat Malaysia juga. Apakah alasan rasional untuk tolak semua ini untuk buat yang bercanggah dengan ini. So, jadi saya... Ya? Yang Berhormat Kinabatangan hendak cakap apa-apa?

**Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]:** Tak, kalau Yang Berhormat sudah siap, Yang Berhormat Menteri hendak jelaskan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Okey, okey. *[Ketawa]* Ingat *you* hendak cadangkan apa? Baik, okey. So, Tuan Pengerusi, jadi itulah pindaan-pindaan ini dicadangkan untuk mengeluarkan fasal-fasal bahagian dalam fasal 11 ini yang berkenaan dengan kuasa untuk tahan tanpa bicara. Itulah *objection* kita. Undang-undang ini elok dikekalkan tidak ada masalah sebab Barisan Nasional hendak tukar kuasa menteri kepada Lembaga, itu baik dan guna undang-undang ini pun tadi kita tidak ada isu. Hanya bila hendak masuk balik kuasa teruk satu *draconian power* untuk tahan tanpa bicara dua tahun dan sambung itu.

Itulah isu yang kita bantah dengan tegas sebab kita kata, cara untuk mencegah jenayah adalah untuk dengan apa yang polis buat baru-baru ini, dengan Ops Cantas dan sebagainya. Kita hendak syorkan bahawa polis meneruskan dengan Ops Cantas. Buat dari semasa ke semasa dengan sokongan dan bimbingan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dan semua agensi lain. Itulah dan bila juga lepas tangkap, siasat bawa ke mahkamah. Itu penting dan dengan cara itu kita boleh, kita nampak itulah cara yang berkesan untuk mengurangkan jenayah. Jadi itulah cadangan saya Tuan Pengerusi. Saya mohon mencadangkan.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Subang yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas. Sila.

### 8.18 mlm.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, isu yang timbul di dalam pindaan ini adalah bahawa adakah Dewan Rakyat akan memberi kuasa kepada lembaga ini, *board* ini untuk menggunakan kuasa untuk menahan tanpa bicara sehingga dua tahun dan selepasnya tambahan dua tahun. Jika kita lihat di sini, ahli kepada *board* ini dilantik atas nasihat Menteri. Maknanya seorang *chairman* dan dua lagi ahli yang tidak dinyatakan apa kelayakannya dan oleh itu pindaan ini telah dicadangkan. Yang penting di sini yang kita perlu ingati Tuan Pengerusi adalah bahawa ketiga-tiga ahli *board* ini tidak mempunyai status lain daripada *civil servant* biasa ataupun pegawai kerajaan biasa. Mereka tidak mempunyai dengan izin, *security of tenure*.

### ■2020

Mereka boleh selepas dua tahun mungkin tempoh pekerjaan ini tidak akan dilarutkan oleh Menteri. Kita tidak tahu. Oleh itu mereka tidak ada apa-apa yang istimewa untuk menjaga kedudukan mereka, *no security of tenure*, dengan izin. Adakah kita akan memberi kuasa yang begitu besar selepas akta ini diluluskan, jika diluluskan, ketiga orang ini di dalam *Prevention of Crime Board* ini akan mempunyai kuasa yang begitu besar untuk mengarahkan sesiapa pun tanpa bukti, tanpa bicara untuk ditahan sehingga dua tahun dan selebihnya.

Ini adalah masalah pada tahap jawatankuasa ini apabila kita memerhati perkataan-perkataan 7B dan selepas itu kuasa yang diberi di bawah 7C, adakah kita boleh memberikan mereka kuasa seperti itu memandangkan mereka tidak ada status selain daripada seolah-olah *civil servant* yang biasa. Jawapannya Tuan Pengerusi dengan pasti kita tidak boleh. Ini adalah satu perkara yang amat penting kerana penubuhan *Prevention of Crime Board* ini adalah unik. Kali pertama kita lihat *board* seperti ini diberi kuasa untuk menahan tanpa bicara.

Jadi Tuan Pengerusi, pindaan pada 7C yang memberi kuasa untuk menahan tanpa bicara dan ia adalah mengalir daripada pindaan pada 7B, ia mengalir kepada 7C dan itu isunya. Dan ini sebab isu-isu lain mengenai tahanan tanpa bicara dan pindaan ataupun fasil 11 memberi kuasa untuk menahan tanpa bicara kepada *board* ini. Isu-isu mengenai tahanan tanpa bicara telah dibincangkan. Saya tidak mahu memanjangkan perbincangan perbahasan itu kecuali untuk menambah bahawa adakah kita boleh membenarkan rakyat ditahan tanpa bicara.

Sesiapa pun ditahan tanpa bicara. Ini adalah satu cara hukuman yang amat serius kerana orang yang ditahan tidak pun mempunyai peluang untuk menjawab tuduhan terhadap mereka. Kita perlu fikir ia juga menentang lunas-lunas undang-undang kita, perlombagaan kita, menentang piagam hak asasi di bawah Bangsa-Bangsa Bersatu dan ia juga akan menyebabkan rosak nama negara...

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan N. Surendran a/l K.Nagarajan [Padang Serai]:** ...Disebabkan sekali lagi tahanan tanpa bicara dibawa. Jadi untuk sebab-sebab itu Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan N. Surendran a/l K.Nagarajan [Padang Serai]:** ...Saya mencadangkan supaya pindaan ini disokong...

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan N. Surendran a/l K.Nagarajan [Padang Serai]:** Pindaan...

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Boleh mencelah sikit. Berkenaan dengan- saya hendak minta penjelasan sebab kalau kita melihat seksyen 7B baru ini di mana satu lembaga akan ditetapkan dan hakim akan dilantik sebagai *chairman*. Yang pertamanya, sebagai seorang *lawyer* sendiri saya berasa hendak cari satu hakim ataupun *ex hakim* yang rela duduk sebagai *chairman* dalam *board* ini pun susah. Ini disebabkan sebagai seorang *lawyer* ataupun *judicial officer* satu perkara yang kita selalunya tidak suka langsung adalah di mana kita mengambil ataupun menyekat hak asasi manusia yang sebeginu penting seperti hak untuk bicara, hak untuk membela diri Yang Berhormat Padang Serai.

Yang kedua perkara yang saya ingin minta penjelasan dalam ini. Kalau kita lihat seksyen 7C, dia ada dua *link* di sana, 7C(a) adalah kriteria yang kena diikut oleh lembaga berkenaan dengan perintah tahanan dan perenggan 7C(b) adalah berkenaan dengan *supervision order*. Dalam perenggan 7C(a), kriteria yang harus diikuti adalah untuk menahan atau mengeluarkan satu perintah tahanan. Yang pertama orang yang didaftar itu mestilah telah melakukan dua kesalahan serius sama ada beliau telah pun disabit atau tidak dan terdapat satu *enquiry report* yang mencukupi, yang mempunyai cukup bukti untuk menyokong hasil laporan tersebut, *that one*.

*Two is* kalau di dalam satu situasi yang di mana beliau telah pun diletakkan di bawah *supervision order* dan telah pun melanggar *supervision order* itu. *Now*, kalau kita lihat 7C(a)(i) dan (ii) sahaja, nampaknya lembaga ini tidak ada kuasa ataupun *discretion* untuk...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat...

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Yes. Ya Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** Telah saya nyatakan, tegaskan beberapa kali, kalau mencelah itu jangan terlampau panjang untuk seolah-olah *you* sendiri yang berbahas.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Tuan Yang di-Pertua, minta maaf sebab saya sebenarnya, saya terpaksa *go through step-by-step* sebab saya berasa terdapat kesilapan dalam rang undang-undang ini. Kalau kita lihat perenggan yang terakhir perenggan 7C(b)(iii) di bawah muka surat di mana dinyatakan; "*that a detention order is not necessary in the interest of public order, public security or prevention of crime*".

**Tuan Pengerusi:** Saya tahu, saya tahu Yang Berhormat. Akan tetapi Yang Berhormat Peraturan Mesyuarat 37(2) mengatakan kita mengganggu dalam dua hal. *Point of order*, penjelasan. Peraturan Mesyuarat 37(1)(b) jika hendak meminta penjelasan mengenai apa-apa perkara yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat yang sedang berbahas. Ini bukan minta penjelasan dari Yang Berhormat. Yang Berhormat yang mahu beri penjelasan pula. Bercanggah dengan

Peraturan Mesyuarat. Biasanya saya *let it go*. Akan tetapi pada malam ini saya rasa kesabaran saya amat tercabar.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak membantu Dewan ini sebab saya berasa ada kesilapan di sini. So saya hendak *point out* mungkin Menteri boleh menjawab. Pada pandangan saya perenggan ‘C’ ini harus diletakkan di bawah 7C(a) dan bukan di bawah 7B(b)(2). Kalau 7C(b)(iii) ini dari *sub paragraph* tiga tidak dimasukkan di atas, maksudnya lembaga ini hanya boleh mengeluarkan perintah tahanan itu sahaja Tuan Pengerusi. Saya hendak menjelaskan, mendapat penjelasan itu.

**Tuan N. Surendran a/l K.Nagarajan [Padang Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Alor Star. Mengambil isu itu iaitu mengenai 7B(a), *chairman* dan sebagainya. Tuan Pengerusi ini soal pokok iaitu siapakah yang kita boleh lantik untuk memegang jawatan tersebut kerana selepas itu kalau kita lihat kepada 7B(2) iaitu, “*Every member of the board shall, unless he sooner resigns, hold office for a period not exceeding two years and is eligible for re-appointment for not more than one term*”, dengan izin.

Bermakna Tuan Pengerusi, siapakah yang akan membuat *re-appointment* ini. *Re-appointment* ini akan dibuat atas nasihat Menteri juga. Bermakna mereka yang memegang posisi ini ataupun jawatan ini akhirnya adalah dengan izin, *at the mercy of the Minister* dalam membuat *re-appointment* dan juga semasa mereka memegang jawatan tersebut.

Jadi ini kuasa yang terlalu besar untuk memberi kepada orang yang tidak bebas. Akhirnya mereka tidak bebas kerana akhirnya mereka juga bergantung kepada pelantikan oleh Menteri. Apakah selepas dua tahun mereka hendak melepaskan jawatan mereka. Mungkin mereka hendak pegang lagi jawatan tersebut. Oleh itu terpaksa mungkin menurut *indication* daripada pihak kerajaan. Satu lagi *point* terakhir saya Tuan Pengerusi adalah 7C seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Alor Setar 7C(a) dan ini penting. Seksyen 7C(a)(i) dengan izin Tuan Pengerusi saya baca, “*that the registered person..., ini kriteria bagi board membuat keputusan untuk memberi tahanan. “That the registered person has committed two or more serious offences. Whether or not his convicted thereof, if the inquiry report find sufficient evidence to support such finding”*.

Ini adalah satu penggubalan yang begitu aneh kerana ia seolah-olah menyatakan tidak kira sama ada orang itu disabitkan kesalahan, tidak kira disabitkan kesalahan ataupun tidak tetapi juga menggunakan perkataan “*committed*”.

#### ■2030

Maknanya, *board* ini akan membuat keputusan sama ada seseorang individu telah *committed* melakukan sesuatu kesalahan walaupun mereka tidak disabit. Di dalam sistem perundangan jenayah negara kita, yang juga sebahagian daripada Komanwel, menggunakan sistem *common law*, yang mana prinsip yang paling penting adalah *presume innocent until proven guilty*, dengan izin. Di dalam sistem perundangan jenayah seperti itu satu klausa seperti 7C(a)(i) ini dengan langsung tidak bermakna, tidak masuk akal dan tidak boleh dibenarkan Tuan Pengerusi. *It is a serious, I said it again, “Has committed two or more serious offences, whether or not he is convicted thereof...”* Siapa yang akan membuat keputusan ini?

Adakah beliau telah membuat ataupun melakukan kesalahan tersebut? Tiga orang *board* yang duduk di satu meja akan membuat keputusan itu iaitu akan memanggil seorang itu, seorang penjenayah tanpa proses mahkamah. Ini masalah yang begitu serius. Sebenarnya serius saya gunakan perkataan itu Tuan Pengerusi. Perkataan yang saya patut gunakan dengan izin adalah *surreal*, seolah-olah keluar daripada seperti yang sebut sebelum ini novel sastera Franz Kafka. Ini *Kafkaesque* lah.

Jadi Tuan pengerusi, dengan itu saya menggulung dengan menyatakan bahawa saya menyokong pindaan yang dicadangkan ini dan saya meminta supaya sokongan penuh diberikan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat untuk mengulas pindaan itu kerana itu adalah pendapat beliau sendiri dan saya ada pindaan lain yang akan saya lakukan selepas ini.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan Yang Berhormat Subang dalam Kertas Pindaan hendaklah dipersetujukan.

*[Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan tidak disetujukan]*

#### Fasal 11 [Pindaan oleh Menteri] -

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Pengerusi, pindaan dalam Jawatankuasa yang dicadangkan adalah pada fasal 11 Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 dipinda:

- (a) subperenggan (1)(b) dipinda dengan menggantikan perkataan “two” dengan perkataan “four”.
- (b) fasal 11 dipinda dengan memotong seksyen baru 7C.

Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti mana yang dicadangkan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahaskan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya ringkas sahaja. Saya Ingat bila Yang Berhormat Menteri kemukakan pindaan ini, kita harus dengar sedikit. Sekurang-kurangnya beberapa patah, kenapa pindaan ini dibuat sebab kalau tidak, kita undi secara buta sahaja.

Ini pindaan yang ditaja, rang undang-undang yang di taja oleh Yang Berhormat Menteri. Lepas itu dia bawa datang. Dia hanya kata “a” kepada “b”, “(i)” kepada “(ii)”. Kita tidak faham maksudnya. Dewan ini perlu diberi penjelasan kenapa pindaan ini berlaku?

**Tuan Pengerusi:** Ada yang mahu bahas ini? Kalau tidak saya akan kemukakan masalah.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Pengerusi, bukan ada perbahasan cuma saya hendak jelaskan bahawa ada permintaan supaya selain daripada hakim yang dilantik sebagai

pengerusi, dalam pindaan lama ada dua sahaja. Jadi, dipinda jadi empat. Nantinya akan ada lima badan pencegahan jenayah itu. Jadi, maknanya ahli ditambah.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Menteri Dalam Negeri dalam Kertas Pindaan hendaklah dipersetujukan.

*[Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Fasal 11 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

#### **Fasal-fasal 12 dan 13 [Pindaan] -**

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk mengesyorkan di peringkat Jawatankuasa ini cadangan pindaan kepada fasal 12 dan fasal 13. Fasal 12 pindaan yang dicadangkan adalah supaya kita membatalkan di bawah subseksyen (5), membatalkan perkataan “*neither*” pada baris pertama dan menggantikan perkataan “*no*” dengan “*or*” pada baris kedua. Pindaan subseksyen (5) dengan membatalkan perkataan “*except when his own evidence is being taken and recorded by the Inquiry Officer*” pada baris ketiga hingga baris kelima. Maka, cadangan pindaan setelah dipinda adalah subseksyen 9(5) “*The person who is the subject of the inquiry nor a witness at and inquiry shall be represented by an advocate and solicitor at the inquiry.*”

Cadangan pindaan kedua adalah seperti terkandung dalam fasal 13, dipinda seperti berikut. Cadangan pindaan seksyen 9A(2) ini dengan menggantikan perkataan “*authorize*” pada baris pertama dengan “*prohibit*”. Maka, sekiranya dibenarkan cadangan pindaan ini, subseksyen itu akan di baca seperti sedemikian. “*Nothing in this section shall prohibit the attendance of the subject of the inquiry or his advocate and solicitor or representative, if any, at the place of detention of prison.*”

Tuan Pengerusi, asas kepada cadangan pindaan ini adalah berdasarkan kepada perkara 5(1) dan perkara 3, Perlembagaan Persekutuan kita iaitu *liberty of the person*, dengan izin, *article 5(1)*. “*No person shall be deprived of his life or personal liberty save in accordance with law.*” “*Article 5(3) where a person is arrested he shall be informed as soon as maybe of the grounds of his arrest and shall be allowed to consult and be defended by a legal practitioner of his choice.*”

Dalam perkataan ini ada tiga aspek yang penting iaitu:

- (i)     *it must “be allowed to consult”;*
- (ii)    *“be defended”; and*
- (iii)   *“by a legal practitioner of his choice.*

Jelas, subfasal 12 yang dicadangkan oleh pihak kerajaan ini jelas mencabuli hak asasi, *rights to counsel and rights to representation* yang dijamin oleh *fundamental liberties* yang telah pun dijamin oleh undang-undang utama negara kita iaitu Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Pengerusi, oleh kerana itu saya sukacitanya mencadangkan supaya kerajaan sekurang-kurangnya *the right to be represented must be respected*. Tuan Pengerusi, sebagai

seorang peguam pun tahu adalah penting kerana lembaga ini mempunyai kuasa yang cukup meluas. Apabila tiga orang anggota lembaga pencegahan jenayah ini mengizinkan supaya orang itu ditahan tanpa bicara, dia boleh dilanjutkan sehingga dua tahun. Selepas dua tahun, boleh lagi dilanjutkan dua tahun. Empat tahun. Bayangkan jika orang yang ditahan tanpa bicara empat tahun dan tidak boleh diwakili oleh mana-mana peguam cara dan peguam bela.

Saya rasa kalau kita ikut konsep yang diunjurkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Bangsa-Bangsa Bersatu, saya berasa terpegun dan seperti yang dikatakan oleh Tuan Pengerusi, teruja mendengar apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan di Bangsa-Bangsa Bersatu, konsep *wasatiyyah* iaitu kesederhanaan. Jika seseorang itu ditahan tanpa bicara dan langsung dinafikan hak untuk diwakili oleh peguam cara untuk mendengar suara dia, saya rasa ini bukan *wasatiyyah*. Ini dalam bahasa Arab patutnya *ghulat* iaitu *extremism*.

Tuan Pengerusi, saya di sini ingin memetik perkataan yang dikatakan oleh Pengerusi SUHAKAM yang telah pun dilantik oleh Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong. Mengikut kata-kata Tan Sri Hasmy Agam, dengan izin, Tuan Pengerusi. "*In the government's effort to combat crime, it is important to ensure that laws enacted are progressive and not retrogressive in character.*

Undang-undang yang patut kita gubal dalam Dewan yang mulia ini, seperti yang dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 15 September tahun lepas, undang-undang kita patut progresif dan bukan retrogresif yang ada di depan mata kita semua, Malaysia.

#### ■2040

Sukacita saya memperingatkan, kini *we are the seating member of the United Nations Human Rights Council*. Apabila kita ada undang-undang *detention without trial for four years, what kind of image are we trying to portray to the world? Are we a progressive country or retrogressive country?* Inilah yang patut dipertimbangkan oleh semua rakan di Dewan yang mulia ini kerana kepentingan imej negara.

Tuan Pengerusi, dengan izin, saya di sini ingin mengatakan secara natijah, *this amendment is a test on the standard of human rights, level of integrity and courage to work by conscience, but not by political party affiliation*. Sukacita saya mengatakan, *a Parliament of integrity will not vote in draconian laws* seperti ini. Oleh kerana itu, *for liberty, truth and justice*, saya mengusulkan untuk mencadangkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan oleh Yang Berhormat Taiping yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahaskan.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Sila.

#### 8.41 mlm.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, walaupun isu perbahasan kita dua hari ini ialah mengenai tahanan tanpa bicara tetapi pindaan yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Taiping ini adalah satu pindaan yang amat penting. Ini kerana saya sendiri tidak tahu bahawa ada mana-mana peruntukan dalam undang-

undang negara sebelum ini di mana ada perbicaraan (*inquiry*). Ada *inquiry* tetapi *inquiry* di bawah peruntukan undang-undang yang adalah berkait dengan sistem perundangan jenayah tetapi hak kepada peguam dinafikan. Tidak pernah ada peruntukan seperti ini. Ini amat serius. Orang yang ditangkap direman. *Police custody* pun walaupun ada seketika di mana itu menjadi isu tetapi *right to counsel* semasa di reman pun telah diiktiraf. Ini semasa *inquiry*.

Tuan Pengerusi, kalau kita membenarkan *provision* (peruntukan) ini diluluskan, ia merupakan satu tindakan yang amat membelaangi hak asasi dan juga peruntukan di dalam perlembagaan kita sendiri iaitu 53 dan juga Tuan Pengerusi, *international standard*, piagam Bangsa-Bangsa Bersatu, Perlembagaan Persekutuan kita sendiri. Mengapa kerajaan kita tiba-tiba hendak mengambil hak kepada peguam daripada orang yang pada *stage* ini telah ditangkap. Tidak diberitahu apa sebab. Subjek dia, kita tengok apa yang kita sudah lakukan kepada dia. Sudah ditangkap, tidak diberitahu apa sebab ditangkap.

Selepas itu, *board* akan membuat keputusan, tiga orang akan membuat keputusan untuk memenjarakan dia sehingga dua tahun dan selepas membuat semua perkara kepada dia, hak kepada peguam pun dirampas, mengapa? Mengapa begitu zalim? Tuan Pengerusi, ini adalah satu cadangan daripada kerajaan yang amat zalim. Apa yang lebih teruk Tuan Pengerusi, jika kita tengok subseksyen 6 di muka surat selepas itu, "*The Public Prosecutor or Deputy Public Prosecutor may appear at the inquiry to assist the Inquiry Officer*".

Maknanya, orang yang ditangkap itu kasihan, dia duduk di sana seorang. *Inquiry Officer* ada, DPP ada daripada Jabatan Peguam Negara, dia seorang. DPP, *Public Prosecutor* dibenarkan untuk membantu di dalam *inquiry* ini ataupun untuk *appear* di dalam *inquiry* ini...

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]: [Bangun]**

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Akan tetapi orang yang dituduh, yang paling penting, tidak diberi hak untuk melantik peguam sendiri atau menggunakan khidmat peguam pada tempat itu. Apakah *basis* peruntukan seperti ini? Kita tidak pernah lihat peruntukan seperti ini. Tuan Pengerusi, ini adalah hak yang amat fundamental. Saya hendak beritahu bahawa apakah Ahli Dewan Rakyat Pakatan Rakyat ataupun Barisan Nasional, dengan izin, Tuan Pengerusi, ini adalah *slippery slope*. Kalau kita mula membenarkan keadaan di mana perbicaraan atau *inquiry* dijalankan tanpa peguam, di manakah perkara ini akan berakhir? *This is really opening the flood gates*, dengan izin.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Padang Serai, saya hendak ingatkan, termasuk pengalaman saya sendiri semasa saya ditahan di bawah ISA, di depan Lembaga Penasihat, kami dibenarkan untuk membawa *lawyer*. Sepanjang ini, sungguhpun kita kata Lembaga Penasihat ini sebagai *rubber stamp* kerana akhirnya Menteri yang akan buat keputusan. Akan tetapi sekurang-kurangnya semasa itu kita mempunyai hak dan ada *representation* oleh peguam. Akan tetapi di sini merupakan satu langkah yang regresif yang

menjadikan di Lembaga ini, sungguhpun ia dikatakan satu kemajuan tetapi akhirnya, menafikan seseorang yang dituduh itu, hak untuk mendapat pembelaan guaman.

So, saya ingat kita jangan memperlekehkan perkara ini. Ini adalah perkara yang sangat serius.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Padang Serai, sedikit sahaja. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Padang Serai, memandangkan di dalam Akta Pencegahan Jenayah ini satu perkara yang telah kita cabut ialah soal perbicaraan melalui mahkamah. Tidak ada di dalam akta ini dan perbicaraan itu hanyalah berlaku di hadapan apa yang disebut sebagai *Inquiry Officer* yang hanya berpangkat inspektor. Bertambah parah lagi apabila *Inquiry Officer* yang berpangkat inspektor itu dibantu dan dikawal oleh timbalan pendakwa raya yang saya fikir jauh lebih *senior*. Maknanya, seseorang yang bersalah itu tidak boleh diwakili oleh peguam.

Apakah Yang Berhormat Padang Serai bersetuju dengan saya bahawa perkara ini menunjukkan seolah-olah kita tidak mengiktiraf langsung hak seseorang yang ditahan di bawah Akta Pencegahan Jenayah ini. Terima kasih.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat. Cepat, satu *point*. Atas isu pindaan yang dicadangkan iaitu seksyen 9(6), di mana dinyatakan, “*The Public Prosecutor or a Deputy Public Prosecutor may appear at an inquiry to assist the Inquiry Officer*”. Saya hendak mendapat penjelasan, adakah pindaan ini tidak konsisten dengan seksyen 8, akta ibu, di mana dinyatakan di sana, “*the Minister may by writing under his hand, appoint any person by name or by office, either generally or of any particular case to be an Inquiry Officer for the purpose of this act..*”, and here is the important one, “*...provided the law, police officer shall be appointed to be an Inquiry Officer*”, no police officer.

So, dengan meminda seksyen ini untuk meminta DPP to assist dalam *inquiry* ini, DPP akan mengambil alih kerja *Inquiry Officer*. Ini kerana DPP selalunya bekerja dengan polis. So, there is no difference. Ini melanggar seksyen 8, yang jelas kata *police officer* tidak boleh dilantik sebagai *Inquiry Officer*. Sekiranya saya boleh baca daripada *Hansard*, apabila PCA asal ini dibahaskan dan Menteri berkenaan menjelaskan di sini. Dengan izin, untuk membaca, “*Part 2 of the bill deals with the arrangement and conduct of the inquiries*”. Clause 8, category B, states, “*...that no police officer may be an Inquiry Officer*” and I give my personal assurance to the Honorable Members that it is the intention to appoint as *Inquiry Officers*, the most senior and experience officers, who can be made available for this work. I'm confident that they will conduct the inquiries honestly and fairly. That is the crucial part here Yang Berhormat.

## ■2050

Jadi, dengan adanya pindaan ini, adakah bersetuju bahawa DPP akan mengambil alih tugas *Inquiry Officer* yang sepatutnya bebas untuk menjalankan kerja *inquiry*? Terima kasih.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Padang Serai, tambah sedikit boleh? Saya hendak tambah sedikit tentang apa yang saya bangkitkan semalam iaitu berkaitan dengan perkara yang sama. Apabila seorang tertuduh itu dihadapkan pada lembaga

dan ia tidak boleh dibantu ataupun diwakili oleh peguam. Pada masa yang sama apabila *the Public Prosecutor* ataupun *Deputy Public Prosecutor* membuat *inquiry*, apabila *Inquiry Officer* membuat *inquiry* penyiasatan itu, ia dibantu oleh *the Public Prosecutor* ataupun *Deputy Public Prosecutor*. Ini seolah-olah nampak ada suatu niat jahat dalam undang-undang ini. Saya merasakan bahawa undang-undang ini digubal semata-mata untuk menghilangkan hak seseorang tertuduh dan dengan mempunyai satu niat jahat. Apa pandangan Yang Berhormat berkaitan perkara ini?

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi yang mencelah. Saya bermula dengan soalan daripada Yang Berhormat Batu Gajah. Memang saya tidak dapat lihat apa *basis* bagi menyatakan bahawa DPP boleh hadir di dalam *inquiry* tetapi bukan peguam bela dan peguam cara bagi tertuduh. Langsung tidak mungkin ada *basis* bagi satu peruntukan seperti itu. Yang Berhormat Bukit Katil tadi menyatakan bahawa apakah tertuduh itu ataupun mereka yang ditangkap itu tidak mempunyai hak langsung. Sebenarnya, itu yang berlaku. Ini kerana Tuan Pengerusi, seorang biasa yang ditangkap, dia begitu tidak *familiar* dengan keadaan dan peruntukan prosedur tempat walaupun Mahkamah Majistret ataupun tempat *inquiry*.

Saya bertahun-tahun saya lihat semasa orang yang ditangkap di bawa untuk direman di bawah seksyen 117. Majistret tanya mereka, “*Ada apa-apa hendak kata?*” Dia berdiri sahaja dengan *handcuffs*, takut. Takut hendak bercakap, kenapa? Ini kerana orang biasa, *lay person*. Dia nampak sana majistret duduk di sana, polis di tepi sini, polis di tepi sana. Lepas itu majistret tanya dia, “*Ada apa-apa hendak cakap?*” Hampir setiap kali orang yang ditangkap itu akan mengangguk kepala ataupun akan meminta supaya diberitahu keluarga, beliau ditangkap, itu sahaja, tidak boleh berhujah.

Kalau kita tengok akta seperti ini, ada Ahli Dewan Rakyat pun yang tidak faham akta ini, bagaimana orang biasa hendak faham? Ia juga perlu dibaca bersama dengan Perlembagaan Persekutuan. Maknanya, orang yang ditangkap itu tanpa diketahui haknya, akan duduk seorang dalam bilik itu dan menentang beliau adalah *Inquiry Officer*, adalah DPP dan sebagainya. Mana keadilannya, mana keadilannya? Juga perlu diingati bahawa jika ada *advocates and solicitor* ataupun peguam bela dan peguam cara bagi orang yang ditangkap itu. Ia sebenarnya akan membantu ahli-ahli *board* untuk mencapai satu keputusan yang betul. *Excluding lawyers*, tidak pernah membantu proses perundangan ataupun proses keadilan, tidak pernah membantu. Jadi, memandangkan perkara ini, Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri masih boleh menarik balik *provision* ini, peruntukan ini tidak diperlukan. Jadi, saya mintalah supaya perkara itu dilakukan...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *[Bangun]*

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Beruas.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai, satu perkara sahaja. Nampaknya kerajaan melihat peguam-peguam sebagai anti, musuh kepada polis ataupun pelaksanaan undang-undang. Padahal kita tahu semua dari segi undang-undang, peguam adalah *officer of the court*. Juga dalam akta guaman, *we are part and parcel of the justice*

*system.* Jadi, harap anggapan sedemikian dapat dikikis dan menganggap peguam-peguam juga hendak menolong untuk memastikan keadilan ditegakkan. Setuju atau tidak konsep ini?

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Beruas. Tuan Pengerusi, sistem di mana seorang yang tertuduh atau orang yang telah ditangkap oleh kuasa *state power*, dengan izin. Di mana orang seperti itu sentiasa diberi seorang yang dinamakan peguam bela dan peguam cara yang tahu mengenai lunas undang-undang, tahu berhujah itu. Ini adalah satu sistem yang sudah lama, beribu tahun, sudah lebih 1,000 tahun daripada England dan negara-negara Komanwel lain. Kita terima kerana ia sesuatu yang baik, memberi hak seperti itu kepada setiap orang tertuduh. Apakah hari ni Dewan Rakyat, kita Ahli Dewan Rakyat ke-13 ini, apakah kita yang akan menjadi yang pertama merampas hak itu? Saya minta supaya jangan kita merendahkan diri kita di dalam Dewan Rakyat ke-13 ini dan melakukan perkara ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Sila Menteri.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Pengerusi, saya ingin *response*, dengan izin, beberapa perkara yang dibangkitkan iaitu fasal 12(d) dan fasal 13, tidak perlu dipinda kerana justifikasi menunjukkan fasal tersebut di dalam rang undang-undang adalah untuk melindungi saksi-saksi tanpa mendedahkan identiti mereka kepada peguam subjek dan subjek sendiri. Tujuan ini adalah untuk melindungi identiti dan keselamatan saksi, keluarga dan rakan-rakan serta melindungi fakta-fakta atau apa-apa dokumen yang dianggap jika didedahkan akan bertentangan dengan kepentingan awam.

Saya juga ingin menyebutkan tentang subseksyen 9(6) sebagai yang disebutkan oleh Yang Berhormat Padang Serai tadi iaitu mengenai *the Public Prosecutor or a Deputy Public Prosecutor, may appear at an inquiry to assist the Inquiry Officer.* Peruntukan ini membenarkan timbalan pendakwa raya hadir untuk membantu pegawai *Inquiry* di dalam suatu *inquiry* yang melibatkan isu undang-undang yang kompleks bagi mempercepatkan *inquiry*. Manakala, peguam subjek tidak dibenarkan menghadiri prosiding *inquiry* kecuali ketika subjek memberi keterangan kepada Pegawai *Inquiry* dan tidak semasa saksi-saksi lain memberi keterangan kepada Pegawai *Inquiry*. Ketiganya, ini kerana identiti saksi adalah dilindungi. Apa-apa keterangan yang diterima oleh Pegawai *Inquiry* tanpa kehadiran subjek atau peguam, akan disampaikan kepada subjek.

Yang Berhormat Padang Serai menimbulkan soal dimanakah keadilannya jika seseorang subjek itu ditahan seorang diri. Jadi, dalam perkara ini, kalau tidak mahu ditahan, jangan buat salah. Ini masalahnya buat salah, lepas itu peguam cari makan untuk membela. Dalam perkara ini saya fikir...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Pengerusi, saya agak ini satu penghinaan yang sangat serius.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Pengerusi saya tidak bagi jalan saya tidak bagi jalan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kita *law maker*, kita tidak boleh jawab macam itu.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Dalam perkara ini, subjek diberikan peluang untuk peguam bersama-sama apabila Pegawai *Inquiry* itu ada. Dalam *bill* pindaan ini jelas, apa lagi yang diperlukan?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Mana peguamnya?

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Begitu juga apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Alor Setar...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat Menteri, seksyen mana yang katakan boleh dibenarkan diwakili oleh peguam?

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Saya ingin menyebutkan Tuan Pengerusi, tentang pelantikan *Inquiry Officer* dibuat oleh Menteri. Mereka ini bukan DPP, DPP hanya membantu *Inquiry Officer* dan bukannya menjadi *Inquiry Officer*. Hari ini banyak salah faham yang ditafsirkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Saya harap perkara ini dapat difahami kerana semua orang yang ditangkap semasa direman akan diberi pilihan sama ada untuk mendapatkan peguam bela pilihan sendiri atau diwakili oleh peguam bela dari Yayasan Bantuan Guaman. Kenyataan bahawa orang tahanan tidak diberi hak diwakili adalah salah dan tidak tepat. Itu sahaja Tuan Pengerusi, jawapan saya.

#### ■2100

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Taiping dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan tidak disetujukan]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Pengerusi, kita minta untuk belah bahagi.

*[Loceng dibunyikan]*

*[Dewan berbelah bahagi]*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk. *[Mengetuk tukul]* Ahli-ahli Yang Berhormat di belakang sana sila duduk.

*[Pengundian dijalankan]*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, berikut adalah keputusan undi ekoran daripada belah bahagian yang diminta oleh Yang Berhormat Batu. Ahli-ahli yang bersetuju untuk pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Taiping ialah 58 undi. *[Tepuk]* Ahli-ahli yang tidak bersetuju kepada usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Taiping adalah 101 undi. *[Tepuk]* Oleh yang demikian, usul pindaan yang dibawa oleh Yang Berhormat Taiping tidak disetujukan.

#### Fasal-fasal 12 dan 13 -

**Tuan Pengerusi:** Ada yang minat daripada Barisan? Tiada? Sila Yang Berhormat Padang Serai.

■2110

#### 9.10 mlm.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, daripada jawapan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, jelas bahawa premis di bawah mana rang undang-undang ini dibawa masih bahawa semua orang yang ditangkap itu adalah bersalah. Sebab itu Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri menyatakan kalau tidak mahu duduk seorang, jangan buat salah. Maknanya *assumptionnya*, kalau polis tangkap dia bersalah. Ini adalah salah, adalah satu tanggapan yang amat salah Tuan Pengerusi [*Dewan riuh*]

Juga Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa tujuan subseksyen (5) ini adalah untuk melindungi saksi. Lindungi saksi? Adakah kenyataan Yang Berhormat Menteri menyatakan dalam tiap-tiap kes tangkapan di bawah PCA ini, saksi perlu dilindungi? Adakah itu kenyataan yang dibuat? Ini kerana jika kita lihat kepada pindaan Kanun Tatacara Jenayah pun, *public prosecutor* kena keluarkan *certificate* menyatakan bahawa saksi itu membahayakan ataupun orang yang ditangkap itu ataupun membahayakan saksi atau mana-mana pihak lain. Di mana bukti bahawa setiap tangkapan yang dibuat, saksi akan di bahayakan ataupun akan ada ancaman terhadap saksi jika dibenarkan oleh peguam bela dan peguam cara.

Kenyataan ini langsung tidak mempunyai *basis*. Bukan itu sahaja, dengan membenarkan fasal ini bermakna kita sedang mengiktiraf satu proses rahsia dalam menjalankan *inquiry* dan dalam menjalankan penahanan. Fasal lain pun kita lihat, ada proses rahsia.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** [*Bangun*]

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ini seolah-olah *inquisition*.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *You have finish?* Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Padang Serai. Komen Yang Berhormat Padang Serai tadi bahawa ulas pandangan daripada Yang Berhormat Menteri iaitu pengecualian atau halangan pada peguam adalah untuk lindungan saksi ataupun identiti saksi. Saya khuatir dengan penjelasan tadi daripada Menteri sebab kalau kita baca seksyen 9, Akta ibu yang ada tajuk, "*Duties and Powers of Inquiry Officers*" dengan izin Tuan Pengerusi. Ini menerangkan cara kuasa *Inquiry Officer* itu dan apa yang akan dibuat oleh *Inquiry Officer* semasa siasatan itu. Kalau kita baca ini dan ini jelas daripada kandungan itu adalah jelas bahawa orang yang disiasat berhak hadir setiap masa. Jelas.

Saya hendak baca dengan izin Tuan Pengerusi, 9(1) *Inquiry Officers* – saya *skip* itu. Saya pergi pada 9(3), ini memberi kuasa kepada *Inquiry Officer* dan berbunyi macam ini:

*An Inquiry Officer may, for the purposes of any inquiry under this Act –*

- (a) *procure and receive all such evidence..dan sekian, sekian...*
- (b) *summon and examine witnesses on oath or affirmation....*
- (c) *require the production of any document or any other thing in his opinion relevant to the inquiry;*

Dan (d) - ini adalah satu peruntukan yang khusus, ada kuasa untuk keluarkan orang yang disiasat daripada proses siasatan.

Ini berbunyi macam ini Tuan Pengerusi, (d) - “*If he considers it necessary in the public interest...*” ada syarat. “...receive evidence in the absence of the person who is the subject of the inquiry”. Ada juga proviso untuk macam perlindungan, “Provided that where any such evidence is received the Inquiry Officer shall communicate to the person the substance of the evidence, so far as he may consider it compatible with the public interest so to do so, and shall in every such case include in any report made under subsection 10(2) a statement of the circumstances in which the evidence was received.”.

Jadi jelas daripada prosedur ini, yang saya khuatir Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri tidak faham ataupun tidak diberi taklimat sebab dia bukan peguam. Saya faham. Dia tidak diberi taklimat tentang prosedur ini [*Dewan riuh*]

Jadi, penjelasan tadi menunjukkan bahawa pindaan yang dibuat, dicadangkan untuk menyekat hak peguam ini, tidak ada makna dan bercanggah dengan hak asasi dalam Perlembagaan Persekutuan yang mana kalau kita disiasat, kita ada hak untuk diwakili [*Dewan riuh*] Prosedur itu ada. Sudah ada dalam Akta Ibu. Ini dibuat pada tahun 1959 dalam keadaan yang mana ada geng-geng macam Yang Berhormat Bukit Katil terangkan tadi, keadaan yang serius, mereka sanggup buat prosedur yang semacam itu. Kenapa tahun 2013 kita hendak pergi retrogresif seperti yang disebut oleh seorang teman tadi, Yang Berhormat Taiping? Ini yang kita persoalkan dan saya minta pandangan Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Subang. Jelas daripada seksyen 9 tersebut bahawa keterangan yang diterima oleh *Inquiry Officer* perlu diberikan kepada orang yang ditangkap dan keterangan seperti itu diberikan kepada orang yang ditangkap. Tidak ada sebab mengapa peguam bela dan peguam cara beliau juga tidak diberikan *substances* ataupun salinan apa-apa dokumen keterangan yang diberikan. Apa yang lebih penting itu adalah jika kita lihat kepada kuasa-kuasa *Inquiry Officer* di dalam 9(3) untuk menyoal keterangan ini dan saksi ini dan sebagainya dengan pastinya orang yang ditangkap perlu diwakili oleh peguam bela dan peguam cara. Jika tidak...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Jikalau tidak, beliau tidak akan dapat membantu *inquiry* ataupun mewakili diri beliau semasa *inquiry* tersebut.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Baik. Boleh Yang Berhormat Padang Serai jelaskan khusus berkaitan dengan penjelasan Yang Berhormat Menteri sebentar tadi yang mengatakan bahawa tujuan ini adalah murni untuk melindungi saksi. Apakah Yang Berhormat Padang Serai boleh tolong jelaskan, boleh atau tidak kita memanfaatkan Akta Perlindungan Saksi dalam hal ini? Itu yang pertama.

Kedua, kebimbangan Yang Berhormat yang membahaskan undang-undang ini ialah soal kemungkinan undang-undang ini dengan izin, Tuan Pengerusi di *abuse* dan tidak ada *safeguard*. Boleh Yang Berhormat Padang Serai jelaskan apakah kemungkinan ruang-ruang *abuse* ini boleh dimanfaatkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab? Terima kasih.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ya, jika tidak ada orang yang ditangkap tidak diwakili oleh peguam bela dan peguam cara, keterangan yang diterima itu tidak boleh dinilai kerana TPP adalah tidak muncul bagi pihak orang yang ditangkap...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: [Bangun]**

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Jadi keterangan itu tidak akan di evaluate ataupun di analisa dengan betul, tidak ada bantuan juga kepada ahli-ahli *Board* yang akan ataupun *Inquiry Officer* dan ahli-ahli *Board* yang akan akhirnya membuat keputusan atas keterangan yang diberi. Kita tahu Tuan Pengerusi...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Dalam keadaan..., ya.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Berhormat Padang Serai, kalau kita lihat kepada tujuan yang dinyatakan bahawa kita hendak melindungi saksi tetapi Yang Berhormat Padang Serai kita dapat lihat bagaimana cara undang-undang ini digubal menunjukkan bahawa kerajaan memang tidak mengambil berat berkenaan dengan perkara ini. Dalam zaman ini dan zaman sekarang Yang Berhormat Padang Serai, ada banyak cara dalam mana seseorang saksi tersebut boleh dilindungi, boleh disoal tanpa dikenali identitinya, boleh disoal tanpa didengari suaranya, boleh disoal tanpa dilihat siapakah dia itu.

So, dalam era kita sekarang ini, kalau sebenarnya kerajaan betul-betul berniat murni dan sebagainya supaya hendak memberikan keadilan kepada seseorang tertuduh itu, memang boleh diaturkan cara-cara sedemikian. Di mana saksi tersebut dibawa, keterangan beliau diambil tetapi ada dia perlindungan-perlindungan, tidak perlu ada kuasa seperti mana sekarang dicadangkan.

■2120

Saya rasa kalau kita terus menggubal dan meluluskan undang-undang sedemikian, maka kita dapat lihat bagaimana kita sebagai Parlimen – so balik daripada menuju, menghadap, menghala ke hadapan *whereby we follow the times, come out with innovative ways* tetapi kita kelihatan sebaliknya di mana *we actually regressing, we are going back* di mana kita sebagai satu negara ini mengatakan bahawa tidak ada cara dalam mana kita boleh melindungi satu saksi tersebut untuk mendapat keterangannya. Apakah pendapat Yang Berhormat Padang Serai?

**Tuan N. Surendran A/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan N. Surendran A/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ya, sekejap.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat Padang Serai. Kalau kita lihat kepada pindaan yang diberikan, yang dicadangkan di bawah seksyen 9 ini, saya rasa – walaupun Artikel 149 membenarkan untuk beberapa peruntukan berkaitan dengan hak asasi manusia *fundamental debates* di *ignore*, ataupun diabaikan tetapi artikel yang tidak boleh diabaikan ialah *Article 8, equality before the law*, dengan izin.

Jadi, kalau kita lihat kepada pindaan ini nampaknya ia bertentangan dengan prinsip apa yang dikatakan *equality of arms*. Maknanya, kalau dalam keterangan ini, di depan *inquiry officer*,

peguam tidak dibenarkan untuk hadir ketika saksi memberikan keterangan kecuali apabila keterangan itu diberikan oleh, diambil ke atas tahanan. Sedangkan dalam *public prosecutor* izinkan izin saya baca *public prosecutor or deputy public prosecutor may appear at an inquiry to assist inquiry officer*. Bermakna timbalan pendakwa raya, pendakwa raya sendiri boleh hadir membantu pegawai yang membuat siasatan, *for inquiry*. Akan tetapi, peguam tidak dibenarkan untuk hadir ketika saksi disoal. Jadi, ini bertentangan dengan Artikel 8 dan ia tidak boleh dibuat kerana 149 tidak membenarkan begitu.

Sedangkan kalau kita lihat Tuan Pengerusi dalam seksyen CPC. Kita lihat bagaimana kerajaan telah memperkenalkan apa yang dipanggil 51A. 51A dalam CPC ini adalah berkaitan dengan – untuk hendak memenuhi apa yang dipanggil *equality of arms*. Di mana segala apa yang pendakwa ada mesti di *share* dengan izin dengan pihak pembela. Akan tetapi sekarang ini nampaknya, seperti mana saya bersetuju dengan Yang Berhormat Puchong, undang-undang ini semua kita *u-turn* habis. Jadi, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Padang Serai. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Sebelum Yang Berhormat Padang Serai respons. Duduk dahulu. Ahli-ahli Yang Berhormat, yang saya tidak boleh *reconcile* dalam kepala saya ini ialah pada saat Ahli-ahli Yang Berhormat berhujah mengenai dengan peruntukan rang undang-undang kepada seksyen-seksyen tertentu yang begitu akademik, ilmiah bukan kita menentukan. Ahli-ahli Yang Berhormat juga lupa dengan perkara-perkara penting seperti mematuhi peraturan mesyuarat.

Hah itu, *very difficult for me to reconcile*. 37(1)(b) mengatakan, apabila meminta penjelasan jangan panjang lebar dan mengeluarkan hujah baru, kerana itu seolah-olah perbahasan. Saya ingatkan semula apabila kamu hendak menegakkan pendapat kamu juga, saya juga akan menegakkan kuasa saya untuk tidak membenarkan pencelahan dibawa 37(2) dan 35(7). Faham itu? Sila Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Terima kasih. Apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Puchong tadi. Memang pada masa ini ada banyak cara untuk melindungi saksi dan apabila peguam cara dikeluarkan daripada proses ini, ia adalah seolah-olah dengan izin Tuan Pengerusi, *throwing the baby out with the bath water*. Membuang semua semata-mata kerana kononnya hendak melindungi saksi. Proses *inquiry* ini, mengapa kita menekankan perkara ini adalah proses *inquiry* ini amat penting kerana tahanan dua tahun ataupun tahanan tanpa bicara di bawah seksyen 19A itu bergantung sepenuhnya kepada proses *inquiry* kerana *board* akan membuat keputusan untuk menahan atau tidak berlandaskan laporan daripada *inquiry officer*.

Jika proses *inquiry* itu menjadi sebelah sahaja, tidak ada *participation* yang efektif daripada orang yang ditangkap atau dituduh itu, maka *report* yang dihantar bagi tahanan akhirnya juga adalah satu *report* yang tidak boleh dipercayai dan mungkin mengandungi banyak fakta-fakta yang tidak benar. Kita tahu yang telah masuk ISA dan juga yang telah menjadi peguam bagi kes ISA, pelbagai-alasan diberikan apabila tidak ada *scrutiny* ini di dalam *open court*. Pelbagai alasan

diberi yang begitu kabur. A, menyatakan nampak kamu di sebuah jalan raya melakukan perkara ini, itu sahaja. Tidak ada banyak fakta yang akan diberikan.

Apabila kita membenarkan sistem seperti ini dengan secara automatik *reports* dan proses-proses itu akan menjadi *mechanical*. Tidak akan ada sebenarnya satu percubaan yang *genuine* oleh pegawai-pegawai yang terlibat untuk menjalankan tugas mereka untuk sebenarnya memastikan adakah orang yang ditangkap ini benar-benar melakukan perkara tersebut. Itu yang akan berlaku. Jadi Tuan Pengerusi, saya mengakhiri dengan menyatakan bahawa kita mesti menolak proses *rusher* ini. Ia seolah-olah *inquisition* dengan izin, *inquisition* masa zaman kegelapan di Eropah. Mereka duduk membuat semua keputusan, orang yang ditangkap tidak ada hak.

Jadi, saya mintalah supaya jangan kita di dalam Parlimen ke-13 membawa rakyat negara ini kepada satu lagi zaman kegelapan baru. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Pengerusi. Ambil bahagian. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Sila, sila Yang Berhormat Tanjong Karang dan selepas itu Menteri respons.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya bercakap pendek sahaja. Saya nampak pihak pembangkang ini, dia masih lagi *confuse*. Saya hendak bagi jelas. Kalau daripada yang kita hendak bahas, ada dua peraturan yang dibuat. Apa yang kita bincangkan ini ialah *indicator invoke* 149. Yang Berhormat sana cakap dia *mixed* di antara undang-undang biasa, CPC, Akta Keterangan – itu kita buat dibawa Artikel 74. Sudah tentulah di bawah 37(4) undang-undang biasa, tentu ia akan memberikan perlindungan kepada rakyat seperti yang dicakapkan tadi bahawa yang dituduh (OKT), dia tidak boleh bersalah sehingga dibuktikan kesalahan dan *prove dia beyond reasonable doubt*. Itu biasa.

Akan tetapi, ini kita bercakap Artikel 149 – sudah tentulah proses-proses yang kita ikut tidak sama dengan proses yang ditetapkan di bawah CPC ataupun Akta Keterangan. Kalau saya percaya, seperti yang saya kata saya pernah terlibat. Kalau polis ada saksi, ada bukti, saya percaya polis akan dakwa di mahkamah terbuka. Saya ambil contoh, saya hendak ulang ini insiden di Batang Kali. Tarikh 4.7.2013, kejadian 6:18:15. Tempat kejadian Shell Petrol Stesen, Batang Kali, Hulu Selangor. Geng 36 menyerang Geng 08. Mangsa, satu lelaki India mati. Suspek tiga atau lima lelaki India Geng 36. Tangkapan tiada. Saksi tiada. Yang dituduh pun tiada. Kalau dapat tangkapan sekalipun, kalau saksi tidak ada bawa ke mahkamah terbuka, saya kata tadi tentu tidak akan menang kes ini.

Kes kedua, saya beritahu Yang Berhormat. Tarikh 22.3.2013, tempat kejadian Opposie Hardware Shop, Seri Semarak Marketing Sdn. Bhd, No.10 dan 18, Selayang Baru, Batu Caves, Selangor. Geng 24 menyerang Geng 36. Siapa yang menjadi mangsa? Satu mati, empat cedera, semua lelaki India. Suspek 10 hingga 12 lelaki India Geng 24, tangkapan enam lelaki India, saksi tiada. Tidak ada saksi. Dituduh satu. Ini kalau tuduh ini pun gerenti lepas punya sebab tidak ada saksi. Itu sebab saya kata tadi daripada pengalaman saya, bahawa kalau kes-kes yang cukup

saksi, cukup bukti, tidak ada sebab kita hendak *invoke* seksyen 149 ataupun menggunakan akta ini.

**■2130**

Saya hendak beritahu kepada pihak yang sebelah sana Tuan Pengerusi. Bila kata *board* ini Tuan Pengerusi *board* ini dia bukan macam mahkamah. Kalau mahkamah betul, hakim duduk saja dengar, dengar peguam bela, dengar peguam bicara, dia diam dan dia akan buat keputusan. Akan tetapi saya percaya, peranan *board* ini ialah peranan seperti juga lembaga penasihat, dia ada berhak. Dia akan tanya polis, dia akan tanya macam-macam sebelum dia buat keputusan. Jangan anggap *board* ini seperti hakim di mahkamah.

Saya tahu macam mana dulu lembaga penasihat, bukan dia dengar, bukannya dia diam, dia tanya polis, dia tanya macam mana dan dia boleh *cross* dia punya polis dan sebagainya, lega. *Board* ini menggantikan kuasa Menteri. Serupa juga masa saya jadi Menteri dulu. Kita tanya...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Minta penjelasan

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tidak payahlah, saya hendak terang saja, saya sudah letih sudah dengan ini. Mereka tidak faham, masa saya jadi Menteri dulu sampai empat pagi. Tentu kita akan tanya polis mana bukti, sebab apa, takkan tiada saksi.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Naik *board*, naik *board*.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sehingga polis *can convince* kita barulah kita berani *sign*. Saya percaya *board* ini yang kita buat untuk gantikan kuasa Menteri patutnya pihak sana kena berterima kasih. Ini kerana tidak ada *political* langsung di dalam kita hendak meminda undang-undang ini. *[Dewan riuh] [Tepuk]* Selagi pihak sebelah sana masih lagi *confuse* di antara undang-undang yang di buat di bawah Artikel 74...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Tanjung Karang baca fasal 11...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Undang-undang yang di bawa di bawah Artikel 149 sampai bila pun kita tidak boleh selesai Tuan Pengerusi.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Dia tidak bagi *floor* Yang Berhormat Subang. Dia takut hendak bagi *floor*.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Baca fasal 11, baca fasal 11.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ya, okey.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** You kata *board* itu siasat, *board* tidak siasat. *Board* terima laporan daripada *inquiry officer*.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Itu yang saya minta tanya dia tadi...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang siasat *inquiry officer*. You kena faham itu dulu.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Dia peguam yang tidak faham undang-undang Yang Berhormat Subang. Dia peguam yang tidak faham undang-undang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tidak faham tanya lah...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Dia tulis *report*. *Report* pergi kepada lembaga.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Faham, faham, faham..

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Lembaga baca itu saja.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yalah itu sebab, saya pun tidak faham macam mana Yang Berhormat jadi *lawyer*.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Kalau faham ini majlis...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Jangan mengelirukan Dewan Yang Berhormat Tanjung Karang. Jangan mengelirukan Dewan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya tidak kelirukan Dewan, saya cerita pengalaman Yang Berhormat duduk saya faham. Saya tidak bagi jalan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ini *you confuse*, bila *you confuse* sendiri tidak baca, *you* tidak tahu apa ini..

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Pengerusi, saya tidak bagi jalan.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat semua tidak faham peraturan mesyuarat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Itu satu lagi tapi bila kita ada Yang Berhormat cakap macam ini terpaksalah...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Apa ini? Biarlah...

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat tuduh menuduh di antara satu sama lain, tidak faham dengan apa yang...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Dia sudah kelirukan Dewan, dia katakan saya keliru. *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi:** Saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat semua tidak faham Peraturan Mesyuarat. Sila duduk, duduk..

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Kalau sudah keliru janganlah tuduh orang lain. Tuan Pengerusi, bila mereka...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Tanjung Karang duduk, Yang Berhormat Subang duduk, Yang Berhormat Sepang duduk.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Pengerusi, ini yang *lawyer* sebab inilah...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Bila mereka..

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat duduk dulu, Ahli Yang Berhormat duduk dulu, Ahli Yang Berhormat duduk dulu.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Bila dia tidak baca perkara yang asas. Fahamkan perkara yang asas dulu.

**Tuan Pengerusi:** Boleh Yang Berhormat Subang duduk dulu. *[Dewan riuh]* Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya merayu lagi sekali dan akan merayu lagi selepas ini. Sememangnya dalam perbahasan ada perbalahan pendapat. Itu kita harus semua terima dalam demokrasi. Tidak ada siapa yang saya katakan pada ketika ini siapa betul, siapa tidak. Ini kerana pendapat sebelah sini bercanggah dengan pendapat sebelah sana. Pada akhirnya kita membuat keputusan. Persoalan

saya di sini ialah bagaimana kita boleh mencapai keputusan atas nama satu perkataan ‘Demokrasi’ kalau peraturan mesyuarat tidak dipatuhi.

Jadi saya tidak akan hormat sesiapa lagi. Peguam-peguam yang berhujah mengatakan saya lebih tepat daripada rakan sebelah, kalau tidak mematuhi peraturan mesyuarat ini. Sila Yang Berhormat Tanjung Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya pun malulah perangai peguam macam ini. Peraturan mesyuarat pun tidak boleh hormati.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Baca dulu...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Eh! Orang cakap saya baling ini. Apa ini! Hormat ini, ini Tuan Pengerusi, siapa? Saya cakap benda yang betul. Kalau Yang Berhormat seorang peguam, mematuhi undang-undang tidak jadi kecoh. Ini bukannya pasar ikan. Bagilah saya bercakap.

**Seorang Ahli:** Ya, sudah bagilah ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yalah yang hendak..ya, apa? Wah! Ini Tuan Pengerusi, puak dia tidak ikut peraturan boleh, puak kita tidak mengikut peraturan marah. Ini perangai pembangkang. *[Tepuk]*.

**Tuan Pengerusi:** Menteri, Menteri. Yang Berhormat Menteri saya

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak beritahu Tuan Pengerusi, saya hendak balik kepada fakta.

**Tuan Pengerusi:** Menteri, Yang Berhormat Menteri diam sekejap Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tolong faham bahawa *inquiry* betul, *board* ini dia bukan buat, dia yang buat perkara ini bila sudah siap, dia akan *present* kepada *board*. *Board* nanti dia akan soal jawab lah dengan pegawai. *Board* di situ bukan macam hakim, hanya diam sahaja. Dia mesti ada soal jawab. Ini yang dia tidak faham, sebab saya bercakap melalui pengalaman saya. Saya sudah bagi tahu, saya pun dulu kalau tidak jadi Timbalan Menteri Dalam Negeri ini, saya pun tidak setuju undang-undang ini. Bila saya mendalamkan saya tahu undang-undang ini memang perlu untuk menjaga keamanan negara kita. Terima kasih. *[Tepuk]*

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Patutlah tidak menjadi Menteri.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tidak menjadi Menteri sebab hendak kalah dengan Selangor, itu saja.

### 9.37 mlm.

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Pengerusi, saya ingin menyebut beberapa perkara rentetan daripada isu-isu yang dibangkitkan. Saya ingin menjelaskan bahawa saksi-saksi semasa *inquiry* akan dilindungi semasa kes. Perlindungan ini bukan saja dari subjek tetapi juga peguam subjek. Peguam subjek mungkin akan terdedah dari

segi identiti saksi kepada subjek ini. Ini boleh mendatangkan bahaya kepada keselamatan saksi, sekeluarga atau rakan-rakan saksi.

Dalam perkara ini lah maka apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Padang Serai dalam peruntukan seksyen 9(1) ini saya lakukan. Yang Berhormat Subang juga mengatakan bahawa seksyen 9(1)(d) sebagai satu perkara yang membenarkan pegawai *inquiry* mengambil keterangan tanpa kehadiran subjek jika terdapat keperluan dari sudut kepentingan awam. Jawapan saya ialah pindaan seksyen 9(5) adalah lebih baik kerana membenarkan keterangan subjek diambil dengan kehadiran peguamnya.

Jadi perkara-perkara yang begitu sebagaimana yang di sebut oleh Yang Berhormat Tanjung Karang adalah sesuatu yang munasabah. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada keberanian Yang Berhormat Tanjung Karang. Selepas ini boleh menjadi Menteri semula. [Dewan riuh]

*[Fasal-fasal 12 dan 13 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Fasal-fasal 14 hingga 17 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

#### Fasal 18 – Pindaan :

**Dato’ Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera Tuan Pengerusi. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya bangun pada masa ini untuk membuat satu cadangan bagi meminda fasal 18. Fasal 18 ini adalah mengikut rang undang-undangnya untuk meminda seksyen 15 Akta ibu. Seksyen 15 ini adalah berkaitan atau pun tajuknya ‘*Police Supervision*’. Mengikut seksyen 15 Akta ibu, seksyen 15 ini mempunyai empat subseksyen. Manakala rang undang-undang yang dibawa pada hari ini adalah untuk menambah tiga lagi subseksyen iaitu subseksyen 5, subseksyen 6 dan subseksyen 7.

Saya mencadangkan atau mengusulkan supaya pindaan dibuat untuk membatalkan subseksyen 5 dan subseksyen 6 dalam fasal 18E yang berkaitan dengan seksyen 15 ini, alasan cadangan saya untuk membatalkan mencadangkan dibatalkan subseksyen 5 ini, subseksyen 5 Tuan Pengerusi adalah berkaitan dengan satu peruntukan baru yang menyebutkan bahawa mana-mana orang yang berpakat atau pun bersubahat atau pun menolong mana-mana *registered person* untuk melanggar apa-apa syarat di bawah seksyen ini, orang itu mengikut cadangan ini melakukan satu kesalahan dan boleh di hukum dengan penjara tidak lebih daripada 10 tahun dan tidak kurang daripada dua tahun, itu subseksyen 5.

Saya berpendapat bahawa cadangan atau pun peruntukan subseksyen 5 ini adalah terlalu umum. Ianya boleh di interpretasikan daripada pelbagai sudut tidak kira pakat atau pun subahat ataupun tolong itu dalam bentuk apa sekali pun.

#### ■2140

Kalau didapati menolong satu-satu orang *registered person* ini, maka orang itu dianggap melakukan satu kesalahan. Ia tidak ada kecualian langsung sama ada kecualian itu dikatakan kecuali dengan alasan yang munasabah, tidak ada. “*No any person who conspires with abets or*

*assists any registered person to breach any condition under this section shall be guilty of an offence shall be liable to imprisonment for a term not exceeding ten years and not less than two years.* Pada pandangan saya, peruntukan ini adalah satu peruntukan yang terlalu umum yang boleh diberikan satu tafsiran yang pelbagai, apatah lagi ianya mempunyai satu minimum *imprisonment term* iaitu dua tahun. Katakanlah Yang Berhormat Baling. Tidak ada? Ada?

**Seorang Ahli:** Ada.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Yang Berhormat Baling suka tolong orang. Kebetulan yang ditolongnya itu adalah *registered person* yang terpaksa ditolong dalam apa alasan sekali pun. Yang Berhormat Baling akan didapati bersalah. Kalau tidak sengaja atau pun terpaksa pun didapati bersalah dan boleh dihukum tidak kurang dua tahun, kakanda Yang Berhormat Baling.

**Seorang Ahli:** Hilang kelayakan.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Hilang kelayakan untuk bertanding mungkin. Ini peruntukannya. Saya hanya membaca. Sebab itu saya mencadangkan supaya subseksyen (5) ini dibatalkan dan tidak sepatutnya menjadi satu penambahan kepada seksyen 15 di dalam Akta Ibu.

Kedua, saya juga mencadangkan supaya subseksyen (6) yang dicadangkan melalui rang undang-undang ini supaya ditambah di dalam seksyen 15 Akta Ibu dibatalkan. Subseksyen (6) berbunyi, “*Section 173A and 294 of the Criminal Procedure Code shall not apply in respect of offences under subsection (4) and subsection (5)*”.

Tuan Pengerusi, bagi peguam, seksyen 173A dan seksyen 294 Kanun Acara Jenayah atau Kanun Tatacara Jenayah adalah satu peruntukan atau dua peruntukan yang cukup penting, terutamanya apabila seseorang yang dibela oleh peguam itu didapati bersalah. Sebelum dijatuhan hukuman, peguam akan membuat mitigasi supaya anak guamnya tidak hukum atas alasan-alasan tertentu sebagai contohnya kalau kata Yang Berhormat Baling tadi dia terpaksa. Katakanlah dia dituduh di bawah subseksyen (5), dia terpaksa membantu. Kalau tidak bantu mungkin orang itu mati dan sebagainya. Akan tetapi seksyen 173A dan 294 ini adalah *bon for good behavior*. Ini adalah – kita minta kepada kuasa mahkamah supaya jangan hukum atau denda orang ini sebaliknya kita beri jaminan untuk berkelakuan baik. Subseksyen 6 ini menyatakan bahawa kedua-dua seksyen ini tidak boleh *diapply* untuk kesalahan di bawah subseksyen 4 iaitu orang itu sendiri melakukan perlenggaran.

Subseksyen 5 orang yang membantu orang yang *disregistered* itu melakukan kesalahan. Ini adalah satu yang boleh saya katakan *as taken away the court discretion*. Ia telah mengambil kuasa budi bicara mahkamah. Dengan ada peruntukan ini, mahkamah tidak ada kuasa budi bicara lagi untuk tidak menghukum orang itu untuk mengenakan bon untuk *good behavior* sebaliknya kena hukum minimum *two years* dan maksimum *10 years* Tuan Pengerusi. Oleh sebab atas alasan ini, saya mencadangkan supaya peruntukan ataupun cadangan dalam rang undang-undang untuk meminda memasukkan subseksyen 6 ini...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Kota Bharu.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Kota Bharu sedikit sahaja ya.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Kota Baharu setuju atau tidak dengan saya kita tahu bahawa apabila kita kata *we want to* – hendak tegakkan keadilan, *justice must be tamper with mercy*. Jadi apabila kita buang kuasa hakim itu bermakna kita juga membuang *mercy* hakim itu. Jadi setujukah dengan saya kesalahan ini juga bukan ke atas *principal offender*?

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini boleh dikatakan aksesorilah, *conspired abets or assists*. Perkataan '*assists*' itu sendiri telah membimbangkan kita sebab boleh ditafsirkan dengan longgar sesiapa sahaja yang mungkin sahaja tidak langsung *assists* itu boleh kena dan hukuman pula *minimum sentence*. Ia satu hukuman yang tidak sewajarnya.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih banyak Yang Berhormat Sepang. Saya amat bersetuju dan Nabi pun ampunkan umat Tuan Pengerusi. Ini mahkamah sudah tidak boleh ampunkan pesalah lagi. Dalam hal ini Tuan Pengerusi, biasanya mahkamah menggunakan seksyen atau *apply section 173A and 294* dalam kes-kes yang melibatkan *youthful offender*. Pesalah muda yang mungkin berumur kurang daripada 21 tahun ataupun *first offender*. Orang yang kali pertama melakukan kesalahan dan juga alasan-alasan yang lain. Sekarang ini, kuasa budi bicara mahkamah di bawah kedua-dua seksyen ini *has taken away by this provision*.

Seterusnya Yang Berhormat Tuan Pengerusi, sehubungan dengan cadangan untuk membatalkan subseksyen 5 dan subseksyen 6, maka subseksyen yang dinombori sebagai nombor 7 digantikan dengan nombor 5. Itu adalah *numbering* sahaja. Itu untuk fasal 18, Tuan Pengerusi.

Saya rasa penjelasan saya cukup jelas dan saya memohon Dewan ini membuat satu keputusan supaya peruntukan yang tidak wajar ini dibatalkan daripada rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan Yang Berhormat Kota Bharu yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahaskan. Sila.

#### 9.46 mlm

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyokong pindaan ini atas alasan berikut. Saya bermula dengan subseksyen 5. Subseksyen 5 yang menyatakan, "*Any person who conspires with abets or assist any registered person*". Tuan Pengerusi, '*conspires with abets*' kita tahu. Apa pula perkataan baru '*assist*' ini? Sebenarnya, di bawah undang-undang tidak ada satu kategori kesalahan *assist*. '*Conspires*' kita tahu dan '*abets*' kita tahu di bawah *Penal Code* ataupun Kanun Keseksaan sudah pun ada seksyen *daripada 109, Chapter 5* saya percaya 109 dan seterusnya yang menyatakan bahawa,

"Jika seseorang itu '*abets' an offence* ia menjadi kesalahan. Jadi apa perlunya subseksyen 5 yang baru ini?

Kedua itu, '*conspires with abets, assist*'. Apa definisi perkataan '*assist*'? Bagaimana kita hendak tahu apakah maknanya *assist*? Bagaimana mahkamah hendak buat keputusan apakah *assist*? Seolah-olah perkataan-perkataan seperti ini dimasukkan tanpa nasihat yang betul daripada pihak Jabatan Peguam Negara. Tidak pernah saya lihat *drafting* seperti ini Tuan Pengerusi. Saya tidak pernah lihat.

Kedua Tuan Pengerusi adalah subseksyen 6. subseksyen 6 adalah percubaan untuk mengeluarkan seksyen 173A dan juga seksyen 294. Apakah seksyen 173A dan seksyen 294? Kedua-dua seksyen ini adalah mengenai budi bicara mahkamah. Budi bicara mahkamah iaitu ada keadaan-keadaan di mana seseorang itu mungkin disabitkan kesalahan di mana ada dengan izin *extenuating circumstances* di mana kita perlu tidak menghantar dia ke penjara, tetapi mungkin membebaskan atas bon, personel bon dan sebagainya. Mengapakah kerajaan di dalam rang undang-undang ini hendak mengeluarkan ataupun mengetepikan budi bicara hakim yang duduk di tempat pengadilan bertahun-tahun tahu, bagaimana hendak menggunakan budi bicara apabila menjalankan *sentencing*? Mengapa kita hendak ambil budi bicara tersebut? Pada bila-bila dan perkara ini pernah dilakukan sebelum ini juga. Mengambil budi bicara itu asalah sesuatu yang membahayakan. Ini kerana kalau begitu maknanya tidak ada dengan izin *mercy*. Ia tidak ada *mercy*. Kalau kita lihat seksyen 294, Kanun Acara Jenayah.

#### ■2150

Ia adalah mengenai *first offender*. Maknanya orang yang melakukan kesalahan kali pertama. Apakah kalau ada fakta-fakta yang menyebabkan perlu memberi ataupun melihat kembali, adakah perlu menghantar pesalah ini ke penjara? Apakah kuasa untuk memberi *mercy* itu tidak akan digunakan? Bukan itu sahaja, dalam prinsip *sentencing* juga ada isu lain, *rehabilitation*. Kita juga dalam keadaan-keadaan yang sesuai perlu memberi peluang kepada pesalah untuk mengubah caranya. Itu sebab kita kata *rehabilitation*. Mengapa undang-undang yang telah dicadangkan di sini begitu keras, begitu zalim dan tidak memberi peluang dan mengapa tidak percaya kepada badan kehakiman?

Perkara 173A, Kanun Acara Jenayah adalah di dalam kes-kes di mana sebelum disabit kesalahan, mahkamah ada kuasa untuk menilai keadaan dan membebaskan pesalah ataupun tertuduh tanpa sabit kesalahan setelah memberi *warning* ataupun membebaskannya dengan bon ataupun *surety*. Kuasa ini adalah suatu kuasa yang saya rasa peguam-peguam dan juga hakim-hakim yang telah lama di dalam sistem perundangan jenayah kita akan memberitahu bahawa kuasa ini amat penting. Perkara 294 dan perkara 173A bukan tujuannya untuk membebaskan orang yang buat salah tetapi tujuannya adalah untuk memastikan tidak berlaku sesuatu ketidakadilan yang amat besar.

Jadi, percubaan untuk mengeluarkan perkara 173 dan perkara 294A adalah sesuatu yang langsung tidak wajar dan saya ingin menambah, ia juga merupakan prinsip-prinsip *sentencing principal*. *Sentencing principal* ini amat penting. Oleh sebab itu, apabila kita hendak membawa

pindaan kepada Kanun Acara Jenayah ataupun Kanun Keseksian, kita perlu melihat apakah *impact*, *long term impact*, dari mana dan sebab apa ada peruntukan-peruntukan seperti ini. Mengapa Parlimen sebelum ini dan juga *common law* kerana banyak peruntukan seperti ini kita ambil daripada *common law*. Mengapa *the common law* dengan izin, *in all its wisdom* berpendapat bahawa perlu peruntukan-peruntukan seperti ini? Peruntukan-peruntukan seperti ini telah tumbuh secara organik dalam tempoh beratus tahun, kita pinjam dari *jurisdiction* bidang kuasa *Commonwealth* yang lain.

Jadi, kalau kita hendak pinda, janganlah melakukan secara sewenang-wenang tanpa mengambil kira bagaimana peruntukan-peruntukan ini... dengan peruntukan-peruntukan lain, termasuk *sentencing principal* dan sebagainya. Jadi dengan itu Tuan Pengerusi, saya mohon untuk menyokong pindaan ini dan saya harap ia akan diluluskan oleh Dewan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Sila Menteri.

#### 9.54 mlm.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Pengerusi, boleh saya...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Puchong, *I already call the Minister.*

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Pengerusi, sekali lagi saya berdiri untuk memberikan *response* kepada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kota Bharu tadi. Mengenai fasal 18(e) subseksyen 5. Kerajaan berpendapat tidak perlu dibatalkan kerana kewujudan subseksyen untuk merangkumi bukan sahaja kepada orang yang didaftarkan tetapi meluas kepada sesiapa yang berkomplot, bersubahat dan membantu.

Ini untuk mengelakkan supaya rakyat tidak berkomplot, bersubahat dan membantu mana-mana subjek yang sedang menjalani perintah pengawasan untuk melanggar apa-apa syarat yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah. Bagi subseksyen 6, ia tidak perlu dibatalkan kerana kerajaan ingin membanteras jenayah ini secara tegas dan tidak membenarkan subjek yang melanggar syarat-syarat yang ditetapkan oleh lembaga, dibenarkan untuk dibebaskan dengan bon berkelakuan baik di bawah seksyen 173A dan subseksyen 294 Kanun Tatacara Jenayah.

Beginu juga bagi sesiapa yang berkomplot, bersubahat dan membantu mana-mana subjek yang sedang menjalani perintah pengawasan untuk melanggar apa-apa syarat yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah juga, tidak dibenarkan dibebaskan dengan bon berkelakuan baik di bawah subseksyen 173A dan seksyen 294 Kanun Tatacara Jenayah.

Selain daripada itu, apa yang dilontarkan oleh Yang Berhormat Kota Bharu tadi agak tidak begitu tepat kerana pematuhan baru di bawah subseksyen 15(5) adalah diasaskan kepada mana-mana orang yang didapati berkomplot, bersubahat dan membantu mana-mana subjek yang sedang menjalani perintah pengawasan untuk melanggar apa-apa syarat yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah. Bukan satu kesalahan jika yang didaftarkan dibantu ketika dalam bencana atau nyawa terancam. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan Yang Berhormat Kota Bharu dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan.

*[Pindaan dikemukakan bagi diputuskan, dan tidak disetujukan]*

**Fasal 18 – Pindaan Menteri:**

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Pengerusi, pindaan dalam jawatankuasa yang dicadangkan pada fasal 18 Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 seperti berikut;

- (a) dalam subseksyen (b)(iii) dengan sub perenggan yang berikut;
  - (i) dengan memasukkan selepas perenggan (k) perenggan yang berikut;
    - "(l) he shall be attached with the electronic monitoring device."*

Itulah pindaan yang mahu dibuat.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera dalam Kertas Pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas. Sila.

**9.56 mlm.**

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Satu sahaja perkara yang ingin saya dapat penjelasan daripada Menteri ialah, *electronic device* ini apakah jenisnya? Saya takut pada suatu hari nanti *electronic device* ini kalau tidak ditakrif dengan terperinci mungkin termasuk satu kamera yang mana seseorang itu ke mana pun dia pergi akan dilihat apa yang dibuat. Hinggakan dia ke bilik mandi, ke bilik air pun akan diketahui oleh pihak berkuasa.

Jadi yang pentingnya, sementara hendak menjelaki ke mana seseorang itu pergi, patutlah juga kita hormati dengan izin, *the privacy of person* dan... Kalau boleh, bolehkah Menteri beritahu apakah jenis *electronic device* yang akan digunakan ini?

**9.58 mlm.**

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Pengerusi, ada beberapa spesifikasi yang telah dibuat secara tender terpilih. Terdapat beberapa spesifikasi yang telah diperuntukkan. Ianya termasuk yang dipasang di tangan seperti jam atau yang dipasang di *ankle* atau di buku lali.

Jadi, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Beruas kerana teknologi akan berubah dan saya juga bersetuju bahawa hak peribadi seseorang harus dijaga. Akan tetapi saya fikir oleh kerana Menteri diberi kuasa setiap tahun untuk membuat laporan tahunan kepada Dewan yang mulia ini maka jika *device* berkenaan tidak sesuai. Ahli-ahli Yang Berhormat ketika itu, kalau Yang Berhormat Beruas kalah masa itu kita ganti dengan Ahli Yang Berhormat yang lain. Kita pastikan ada *device* lain yang disesuaikan dengan teknologi terkini.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Menteri Dalam Negeri dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujukan.

*[Pindaan dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan]*

**[Fasal 18 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

**Fasal 19 – Pindaan:**

**Tuan Pengerusi:** Sila.

■2200

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya berdiri untuk memohon mencadangkan supaya pindaan kepada Fasal 19 ini dan ini adalah satu pindaan yang amat penting. Ini kerana Fasal 19 yang memasukkan seksyen 15A yang baru ini akan mengeluarkan atau pun *oust judicial review* mana-mana atau apa-apa tindakan oleh *Board* termasuk– ini penting, termasuk tindakan menahan. Sebelum ini, semasa perbahasan pada *second reading* tadi, saya telah menyebut mengenai *subjective approach*. Saya tidak akan mengulangi kecuali untuk menyatakan bahawa percubaan untuk *oust judicial review* ini adalah satu pendekatan dan undang-undang yang sudah lapuk. Ini adalah *subjective approach* yang bermakna apa-apa yang Menteri atau pun *Board* di dalam kes ini membuat keputusan, apa yang mereka kata itu adalah benar dan kita tidak boleh *challenge* atas tersebut.

Ini bermakna, jika Menteri atau *Board* menyatakan bahawa buah yang di hadapan kita, kita semua nampak itu oren tetapi kalau *Board* kata itu buah epal, kita tidak boleh *challenge* dia. Kerana apa? Ini kerana kita tidak boleh *challenge the subjective satisfaction*, dengan izin. *Subjective satisfaction Board*, jika seksyen 15A atau pun Fasal 19 ini diluluskan oleh Dewan pada malam ini. Kita tahu bahawa mahkamah sendiri, walau pun mahkamah kita atau badan kehakiman kita adalah dianggap sebagai konservatif. Akan tetapi badan kehakiman kita pun, dalam tahun 1980an telah mula bergerak ke arah tidak lagi menggunakan *ouster clause*. Akan tetapi apabila ini berlaku, Kerajaan Barisan Nasional pada masa itu di bawah Tun Dr. Mahathir, terus membawa pindaan untuk mengekalkan apa yang dikatakan sebagai *subjective approach* iaitu hanya atas isu prosedur keputusan Menteri atau di dalam kes ini, *Board* boleh dipersoalkan. Ini masalahnya tetapi perkara ini telah saya sentuh semasa perbahasan sebelum ini. Saya tidak akan ulang.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Apa yang hendak saya tekankan di sini adalah ini.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Puchong berdiri.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Boleh Yang Berhormat Padang Serai? Terima kasih Tuan Pengerusi. Hanya satu soalan yang pendek untuk pandangan Yang Berhormat Padang Serai dan kemungkinan juga untuk dijawab oleh Yang Berhormat Menteri.

Seperti mana yang saya sebutkan tadi Tuan Pengerusi, kalau kita lihat kepada cara dalam mana seksyen 15A ini digubal, ianya menyebut secara spesifik dan khusus perkataan-perkataan ‘act’. “...any act done or finding or decision made by the Board in the exercise of its discretionary power...”. Maka, kita lihat di situ ia menjurus kepada keputusan yang dibuat atau pun carian, “...in the exercise of its discretionary power...” tetapi tidak disebut perkataan “direction”. Kalau Yang Berhormat Padang Serai lihat kepada 19A, *sub-section* (1), berkaitan dengan *detention orders* itu. Apa yang kita lihat adalah, “The Board may,... direct that any registered person be detained...”. Jadi, perkataan yang digunakan oleh 19A(1) adalah *the direction to order detention order* dan subseksyen (2) di situ menggunakan perkataan “*The direction of the Board... shall be subject to review...*”. Jadi, ada perbezaan antara perkataan di dalam 15A di mana perkataan “*direction*” tidak wujud. Apa yang dinyatakan di situ, “...act done or finding or decision made... in the exercise of its discretionary power...” tetapi di dalam subseksyen kemudiannya, “...*direction of the Board...*”. Nampaknya terdapat satu masalah di sini di mana *direction in issuing detention order* itu walaupun ianya juga melibatkan penggunaan *subjective or discretionary power* tetapi ianya tidak terikat dengan *the restriction to the judicial review*. Adakah Yang Berhormat Padang Serai boleh memberi pendapat? Terima kasih.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ya, saya rasa ini masalah dengan rang undang-undang ini. Terdapat banyak isu *drafting* seperti yang kita juga rujuk sebelum ini. Konflik yang disebut oleh Yang Berhormat Puchong ini sebenarnya serius. Sekali lagi saya hendak menyatakan, saya tidak pernah lihat *drafting* seperti ini sebelum ini. Apakah Jabatan Peguam Negara terlibat di dalam *drafting* seperti ini? Jikalau ya, maknanya mungkin standardnya- tetapi tidak mengapa.

Kembali kepada isunya yang saya sebut tadi adalah bahawa... [*Dewan riuh*] ...apakah yang sedang dibuat di dalam rang undang-undang ini? Di dalam rang undang-undang ini, sekali lagi apa yang telah dilakukan adalah, dengan izin, *assault upon the powers of the judiciary*. Itu yang berlaku dan ini adalah sesuatu perkara yang telah lama berlaku di bawah pemerintahan Barisan Nasional. Kalau kita rujuk kepada kuasa badan kehakiman, yang paling penting kita perlu ingat Tuan Pengerusi, adalah di bawah Fasal 4(1) – *Supreme Law of Federation*, dengan izin. “*This constitution is a supreme law of the Federation and any law passed after Merdeka Day which is inconsistent with this Constitution shall to the extend of the inconsistency be void*”. Siapakah yang membuat keputusan mana-mana akta yang diluluskan oleh Parlimen adalah sah atau tidak? Badan kehakiman. Ini adalah sesuatu yang sering dilupakan oleh mungkin pihak kerajaan adalah bahawa di negara kita yang merupakan *supreme law* bukan Parlimen dan bukan kerajaan. Yang merupakan *supreme law* di negara kita adalah *Federal Constitution* atau Perlembagaan Persekutuan. Bermakna, hak untuk mempertikaikan apa-apa tindakan oleh pihak kerajaan terhadap seorang individu, ada dan apabila timbul pertikaian di antara seorang individu dan pihak kerajaan, yang memutuskan pertikaian itu adalah badan kehakiman, bukan mana-mana pihak lain.

Apakah yang dilakukan oleh seksyen 15A baru ini? Pertikaian ini tidak lagi diputuskan oleh badan kehakiman. Pertikaian ini diputuskan oleh *Board*. Selepas *Board* membuat keputusan,

badan kehakiman terpaksa tutup mulutnya. Ini adalah percubaan untuk menutup mulut badan kehakiman, untuk mendiamkan badan kehakiman. Ini adalah *trend legislation* di bawah pemerintahan Barisan Nasional, selalunya adalah untuk menghakis kuasa kehakiman.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menekankan Fasal 19 yang memasukkan seksyen baru iaitu seksyen 15A yang tidak membenarkan semakan kehakiman apa-apa tindakan kecuali prosedur.

Akan tetapi Fasal 19A subseksyen (2) pula membenarkan Mahkamah Tinggi untuk menyemak keputusan Lembaga untuk mengarahkan tahanan dan melanjutkan tempoh tahanan yang didaftar. Kita sudah biasa dengan *selective prosecution* dan *prosecution*. Ini macam ada *selective function of the judiciary*. Ada satu bahagian kehakiman diberikan kuasa, satu lagi tidak ada, yang memihak kepada sesiapa yang membawa rang undang-undang ini dia gunakan kuasa mahkamah, memberi kuasa kepada Mahkamah Tinggi tetapi kalau secara majmuk, tidak ada pula kuasa yang diberikan kepada tuan hakim di mahkamah. Sila jelaskan. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Terima kasih.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Padang Serai, sedikit. Sama. Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Padang Serai. Saya hendak minta Yang Berhormat Padang Serai manfaatkan sidang ini untuk menjelaskan hujah yang menyatakan bahawa sebenarnya ada *judicial review* dalam undang-undang ini.

Mereka berpendapat bahawa *judicial review* ini adalah dari segi bab prosedur. Saya hendak minta pengalaman Yang Berhormat Padang Serai, kalau boleh menjelaskan dan berikan pencerahan kepada Ahli-ahli Parlimen. Apakah masalah praktikalnya apabila *judicial review* itu hanya kepada bab prosedur? Itu satu.

Keduanya, siapakah yang tentukan hal-hal yang berkaitan dengan prosedur ini di dalam rang undang-undang yang baru ini? Terima kasih.

## ■2210

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar dan Yang Berhormat Bukit Katil. Kepada soalan oleh Yang Berhormat Kapar itu menjadi masalah. Di dalam rang undang-undang ini mereka berpura-pura memberi hak *judicial review*. Kalau kita lihat 19A(2) dengan izin, “*The direction of the Board under subsection (1) shall be subject to review by the High Court*”. Akan tetapi bila kita baca 15A; *there shall be no judicial review in any court except in regard to any procedural requirement*.

Yang disebut oleh Yang Berhormat Bukit Katil apabila hanya isu *procedure* yang dibenarkan untuk disoal, apa berlaku ialah seperti yang saya katakan tadi, maknanya asas penangkapan tidak boleh disoal hanya perkara teknikal, perkara prosedur, seumpamanya adakah perintah tahanan diserahkan dengan sempurna ke atas orang yang ditahan. Isu-isu prosedur seperti itu sahaja yang boleh dipertikaikan sama di bawah ISA dan EO dahulu kita tidak boleh menyoal apakah asal. Akan tetapi di seluruh dunia di *jurisdiction Commonwealth* lain keadaan ini

tidak lagi ada. Di UK kita boleh *testnya* adalah *objective test*. Kes undang-undang seperti ini timbul daripada kes Karam Singh yang mengikuti kes *Liversidge v Anderson* sejak 1942 masa Perang Dunia Kedua. Jadi kita masih ikut undang-undang orang putih masa dia di bawah masalah Perang Dunia Kedua. Apa logiknya Tuan Pengerusi?

Kembali kepada isu perlombagaan tadi, kuasa *judicial review* ini adalah kuasa sedia ada mahkamah dan ia adalah sebahagian daripada pembahagian kuasa di negara kita, negara demokrasi. Antara *judiciary* atau badan kehakiman, badan perundangan (*legislative*) dan badan *executive*. Apabila dan ketiga-tiga ini sepatutnya seimbang, seimbang. Akan tetapi apabila mengambil kuasa daripada badan kehakiman keimbangan itu hilang ia menjadi berat sebelah dan itu membahayakan kebebasan dan semua rakyat negara ini.

Saya sebut tadi bahawa terlalu banyak percubaan. Sebab itu kita perlu lihat 15A ini dalam perspektif percubaan untuk mengurangkan kuasa kehakiman kerana kita tahu sebelum ini pun di dalam tahun 1988 setelah kes Dato' Yap Peng, terus kerajaan membawa pindaan *Constitution Amendment Act*, saya tidak ingat tahunnya. Akan tetapi pindaan kepada perlombagaan itu sekali gus mengambil kuasa kehakiman daripada badan kehakiman dan memberikannya kepada badan eksekutif. Sebenarnya pada tarikh itu *separation of powers*, dengan izin di dalam negara kita telah berakhir kerana kuasa kehakiman telah diambil.

Saya hendak baca di sini petikan daripada apa yang Sultan Perak, Sultan Azlan Shah semasa dia *Lord President* menyatakan mengenai pindaan yang mengambil kuasa daripada badan kehakiman. Kata Sultan Azlan Shah dengan izin; "*The precise reason for this amendment remains unclear. But the consequences maybe severe. With this amendment, it would appear that the judicial power is no longer vested in the courts and more importantly, the High Courts have been stripped of their inherent jurisdiction. Their powers are now only to be derived from any federal law that maybe passed by Parliament.*" Sultan Azlan Shah, Sultan Perak yang mengeluarkan, bekas *Lord President* yang mengetahui mengenai perkara ini.

Ini bermakna memang benar kerana Mahkamah Persekutuan lepas itu saya percaya *justice Abdul Hamid* yang mengatakan bahawa di dalam kes Kok Wah Kuan dan ia menyatakan bahawa *if you want to know the jurisdiction and powers of the two high courts of the superior courts you will have to look at Federal Law*. Maknanya Tuan Pengerusi pindaan ini, pindaan ini adalah konsisten dan tindakan-tindakan Kerajaan Barisan Nasional yang lain yang melemahkan badan kehakiman. Kemudian apabila kita persoalkan ini mereka kata kita perlekehkan badan kehakiman, tidak. Kita mahu badan kehakiman kita menjadi *first class* seperti pada satu masa dahulu badan kehakiman kita dihormati.

Jadi kembali kepada pindaan ini, akhirnya ini yang penting dan ini masalah dengan seksyen 15A. Mahkamah adalah dengan izin, *The ultimate arbiter*. *The ultimate arbiter of any dispute between the citizens in the state*, dengan izin. Maknanya hanya mahkamah yang boleh diberikan kuasa itu bukan *board*, bukan Menteri, bukan mana-mana badan yang lain dan ini adalah *basic*, Tuan Pengerusi.

Kalau kita lihat di sini apabila *judicial review* diketepikan bermakna apa, apakah kesan praktikalnya? Kesan praktikalnya adalah seperti apa yang kita buat apabila kita meminta mahkamah jalankan *judicial review* kita ke mahkamah kita kata keputusan ini, Yang Arif. Keputusan ini adalah *irrational*, tidak munasabah, ataupun tidak mengikuti prosedur ataupun tidak sah. Kalau *judicial review* tidak diketepikan bermakna kita boleh berhujah mengenai bahawa keputusan itu tidak munasabah ataupun dengan izin *irrationality*. Sekarang jika 15A ini dibenarkan, kita tidak lagi boleh berhujah mengenai *irrationality* ataupun ketidakmunasabahan mana-mana keputusan yang dibuat. Yang kita boleh *argue* ataupun berhujah hanya mengenai prosedur.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Padang Serai melawan sedikit ya. Setiu. Saya hendak minta penjelasan mengenai dengan 15A dan 19A adalah perkara yang berbeza kerana 15A adalah di bawah Bahagian IV. Bahagian IV ini hanya menyebut berkenaan dengan *supervision* tetapi bawah 19A adalah di *part* lain. Di IVA dia di bawah *detention orders*. Bermakna yang dibolehkan di bawah *detention order subject to review by the High Courts*. Akan tetapi di bawah 15A hanya tertakluk kepada *supervision* sahaja. Boleh beri sedikit penjelasan.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ya, boleh. Yang Berhormat Setiu, kalau 15A diperhatikan dan sebelum itu mari kita lihat dahulu kepada *Explanatory Note 12*. *Explanatory Note 12* yang menyatakan saya baca dengan izin, “*Clause 19 seeks to introduce a new section 15A into Act 297 to oust judicial review of any act or decision of the Prevention of Crime Board regarding any question except on compliance with any procedural requirement in Act 297*”.

Sekarang kalau berbalik kepada 15A dan kita baca dengan teliti juga menyatakan; “*There should be no judicial review in any court of, and no court shall have or exercise any jurisdiction in respect of, any act done or finding or decision made by the board in the exercise of its discretionary power*”. Bermakna apa? Perkataan kunci ‘*any act done, any act finding decision*’. Maknanya mana, apa-apa keputusan *finding* atau *decision* ditangkap di bawah 15A.

Jadi oleh itu 19A(2) itu tidak membantu kita. Kalau benar *judicial review* dibenarkan, maka *drafting* sekali lagi adalah salah jika Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri akan berdiri selepas ini dan akan *confirm* kepada kita semua bahawa *judicial review* yang penuh dibenarkan kepada mereka yang ditahan tanpa bicara kita akan berterima kasih. Akan tetapi saya rasa perkara itu tidak akan berlaku.

#### ■ 2220

Jadi kembali kepada isu ini yang saya sebut tadi, Tuan Pengurus adalah, saya menyatakan bahawa kita tidak dapat lagi menyoal *the irrationality* atau keputusan yang tidak munasabah. Di mana-mana negara demokrasi di mana sistem perundangan yang berlandaskan *common law*, yang berlandaskan ketulusan dan *rule of law*, kita tidak boleh ada satu situasi di mana tindakan mana-mana organisasi atau kementerian ataupun *board* atau apa-apa oleh pihak kerajaan, kita tidak boleh ada satu keadaan di mana keputusan seperti itu tidak boleh disoal atas

kemunasabahannya. Tidak boleh kerana jika kita benarkan satu situasi di mana *irrationality* dengan izin, tidak boleh disoal. Keputusan *irrationality* keputusan tidak boleh disoal. Bermakna kita akan memberi lesen kepada *board* untuk melakukan apa-apa keputusan yang tidak munasabah kerana mereka mempunyai kuasa. Oleh sebab itu kita tidak boleh memberikan kuasa seperti itu, tetapi perlu membenarkan mahkamah mempunyai kuasa *judicial review* yang penuh atas setiap keputusan yang dibuat oleh *board* tersebut.

Jadi sekali lagi saya meminta kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri untuk menimbang semula peruntukan ini kerana membenarkan peruntukan seperti ini di dalam isu yang melibatkan *fundamental freedom* ataupun hak asasi rakyat di bawah fasal 5 hingga fasal 13 adalah satu *step* yang amat serius. Saya percaya Perdana Menteri pun tidak mahu imej negara dijejas apabila kita lihat bahawa kuasa mahkamah untuk menilai mana-mana tahanan juga dirampas *because* itu akan menjadi *news*. *No judicial review in Malaysia, detention without trial, courts have no say*. Itu adalah *international news* yang kita akan dapat jika pindaan ini diluluskan. Jadi dengan itu, saya memohon untuk mencadangkan.

**Tuan Pengerusi:** Saya ingat sebelum ini saya tidak ada persaingan apabila memberi hujah. Sekarang saya ada persaingan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagai yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Padang Serai yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas. Sila.

#### 10.22 mlm.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi, saya...

**Beberapa Ahli:** Baliklah, baliklah.

**Tuan Pengerusi:** Sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk menyokong. Saya mohon untuk menyokong cadangan pindaan yang dibuat oleh Yang Berhormat Padang Serai. *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi, minta jinakkan sedikit itu. Tuan Pengerusi, sebelum saya dengan Yang Berhormat Padang Serai khususnya para peguam yang datang ke Parlimen ini, sering kali apabila kami membela kes-kes di mahkamah dan mempertikai ataupun *challenge* mana-mana undang-undang, mahkamah sering mengatakan kalau sekiranya kamu tidak puas hati dengan undang-undang yang dibuat ini, pergilah ke Parlimen. *You must fight in the Parliament*. Cuba pinda undang-undang tetapi nampaknya setelah kami hampir 20 tahun melawan di mahkamah, membela kes-kes orang yang dizalimi, dalam kes ISA dan sebagainya, apabila kami berada di sini, kami dapat *it is even worst* daripada mahkamah. Inilah masalah negara kita.

Kedua, saya ingin mengatakan apabila kita memperkenalkan *ouster clause*, saya percaya - Saya merasa hairan jika sekiranya betul undang-undang ini dibuat atas nasihat Peguam Negara, saya yakin Peguam Negara, mereka sudah pasti akan membaca banyak keputusan yang dibuat di mahkamah di dalam negara kita berhubung dengan peruntukan *ouster clause* ini. Sebenarnya peruntukan *ouster clause* seperti mana dikatakan oleh Yang Berhormat Padang Serai bukan hanya

wujud dalam akta yang dipinda ini tetapi banyak lagi. Saya beri contoh. Dalam akta berkaitan dengan prinsip *Publication Act* dengan izin, kita ada juga dalam Akta Koperasi. Kita ada juga dalam akta-akta yang lain. Kalau kita masih ingat dalam seksyen 9A, Akta Pilihan Raya juga menutup pintu mahkamah. Apabila satu daftar pemilih telah digazet, tidak boleh dicabar. Ini semua adalah peruntukan yang menutup pintu mahkamah.

Jadi rakan saya daripada Padang Serai betul. Inilah trend yang berlaku dalam negara kita. Sepatutnya, saya juga hendak beritahu juga banyak kes-kes mahkamah, khususnya mahkamah di peringkat tertinggi mengatakan walaupun kamu ada *ouster clause* ini, kamu tidak boleh tutup pintu mahkamah. Persoalannya kenapakah dalam keadaan begitu, masih lagi kita mengadakan *clauses* seperti ini? Ini kerana ini menunjukkan bahawa kita tidak peka kepada keputusan-keputusan yang dibuat oleh mahkamah kita. Tadi Yang Berhormat daripada Tanjung Karang mengatakan ini bukan mahkamah. Ini Parlimen. Kita kena faham *separation of powers*. Kalau itulah hujahnya, kenapakah kita takut hendak membawa orang yang ditahan ini ke mahkamah? Ini kerana mahkamah adalah – saya telah berhujah dalam peringkat dasar bahawa *separation of powers* ini sepatutnya kita kekalkan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Sepang. Saya minta penjelasan atas dua perkara. Satu, yang telah dibangkit tadi oleh Yang Berhormat Tanjung Karang bila dia kata kita semua adalah *confuse* dan dia sangat jelas tentang pindaan yang dibuat ini. Akan tetapi bila dia sebut lembaga. Ini kerana kita sedang berbincang *judicial review* atas lembaga. Dia ada gambaran bahawa lembaga ini boleh soal, boleh panggil saksi dan macam-macam. Bukanakah prosedur dalam pindaan ini yang dibaca bersama dengan Akta Ibu, siasatan yang sebenarnya dibuat oleh *inquiry officer*. Dia yang panggil saksi, dia yang dengar semua keterangan, dia yang buat laporan. Laporan itu akan dihantar kepada lembaga. Seksyen 10 dan 11 adalah jelas. Selepas laporan sampai, apa lembaga buat? Dia hanya baca laporan itu. Itu sahaja. Dia baca dan dia buat keputusan. Keputusan ada dua Tuan Pengerusi. Pertama, *supervision order* dengan syarat-syarat yang ada juga kuasa yang kita bantah untuk tahan dua tahun. Itu prosedur dia. So Yang Berhormat Tanjung Karang kena faham ini.

So, bila kita sebut sekarang *judicial review*. Kita sekat *judicial review* sekarang hanya atas *procedural requirement*. Saya hendak tanya Yang Berhormat Sepang, apa prosedur lagi? Tidak ada apa-apa. You terima satu buku, you baca. Itu sahaja prosedur. Jadi bermaksud, kita tahu sebagai peguam, *judicial review* adalah satu *remedy* yang sangat terhad. Bukan macam rayuan ataupun bicara penuh. Itu lain. *Judicial review is very limited* dengan izin. Dengan syarat macam ini, saya nampak *judicial review* pun sudah macam tidak ada makna lagi. Itu yang saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Subang yang telah memberikan satu penerangan yang saya percaya dan saya harap pihak Yang Berhormat Tanjung Karang dapat memahami dengan tepat apa yang dibincangkan tadi. Saya ingin menyambung tadi. Seperti mana yang saya katakan tadi dalam...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Pengerusi, boleh beri jalan?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak apa, saya minta maaf. Saya memang suka hendak bagi peluang, tetapi saya terpaksa *take for tap* lah. Tadi bila saya bangun dia tidak bagi peluang. Minta maaf, duduk dululah. Balik dulu, esok datang lagi. Kalau dia tunjukkan itu, saya akan bagi. Saya tidak mahu buang masa. Saya ingin menyatakan bahawa seksyen yang dipindah ini, 15A, dia adalah hampir sama dengan apa yang dibuat ke atas Undang-undang ISA yang telah dimansuhkan. Kita tahu pada tahun 1989, setelah saya katakan tadi dalam kes Yang Berhormat Bukit Gelugor apabila pihak kerajaan dimalukan. Penahanan ke atas Yang Berhormat Bukit Gelugor telah didapati mempunyai unsur *mala fide* dan juga saya *quote page 15* mengatakan, *"The attention was not exercise with care and portion and proper sense on responsibility for the purpose of extending if the order was properly made."*

So, ini keputusannya. Saya ada keputusan ini. Pihak kerajaan telah meminda dan memasukkan seksyen 8B dalam Akta ISA di mana ayatnya berbunyi begini.

#### ■2230

*Said, "There shall be no judicial review in any court of, and no court shall have or exercise any jurisdiction in respect of, any act done or finding or decision made by The Yang di-Pertuan Agong or the Minister in the exercise of their discretionary power in accordance with this Act except in regard to any question on compliance with any procedural requirement in this Act governing such act or decision.*

Okey, ada sedikit perbezaan. Kalau kita lihat dalam peruntukan ini, dalam peruntukan di bawah 8B ISA, kenapa diletakkan *decision made by Yang di-Pertuan Agong or the Minister* tetapi dalam ini tidak ada. Kenapa? Sebab, walaupun kita tidak bersetuju dengan ISA. Kita menentang habis-habisan ISA, tetapi paling kurang semasa ia diperkenalkan, paling kurang, ISA juga dibawa di bawah Artikel 149 Perlembagaan tetapi ia mengikut peruntukan dalam 151. Sebab 151 menghendaki saya kata tadi, *representation* mestilah dibenarkan dibuat oleh orang yang kena tahanan dan kemudiannya mesti diberi kepada apa yang dipanggil badan rayuan dan yang boleh mengesyorkan kepada Yang di-Pertuan Agong. Sebab itu dia letakkan perkataan Yang di-Pertuan Agong.

Bermakna semasa Ahli-ahli Parlimen dahulu menggubal yang saya percaya mendapat perkenan Peguam Negara ketika itu, mereka perhatikan dua artikel ini, 149 dan 151. Akan tetapi sekarang ini, walaupun Yang Berhormat Menteri mengatakan sebenarnya kami telah berunding, kami telah mendapat kerjasama daripada Peguam Negara, saya yakin ini jawapan *lips service* sahaja dengan izin. Saya yakin, Peguam Negara kalau sekiranya pun dia di *consult* dengan izin *was not all heartedly support this amendment*. Kerana apa? Ini kerana tidak mungkin seorang Peguam Negara, syarat hendak menjadi Peguam Negara, mestilah dia ini seorang yang layak jadi Hakim Mahkamah Persekutuan. Bagaimakah seorang Peguam Negara ketika menggubal rang undang-undang ini tidak perhatikan Perkara 151 yang menjadi asas. Sebab kalau kita perhatikan dalam 149, tidak ada prosedur macam mana apa yang perlu dimasukkan dalam undang-undang ini.

Malahan tadi, semasa kita bincangkan Seksyen 3, saya merasa amat terperanjat apabila Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa sebenarnya walaupun *preamble* mengatakan bahawa kononnya ada ancaman daripada luar tetapi jawapan Yang Berhormat Menteri mengatakan tidak ada. Setakat ini tidak ada. Kalau tidak ada bermakna *the very basis* dengan izin *of the existence of this law is absence*. Bagaimanakah kalau kamu membuat satu undang-undang dalam keadaan basis, premis di mana undang-undang itu dibuat tidak ada? Ini satu penyalahgunaan kuasa yang paling jelas.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Sepang...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dapat kembali...

**Tuan Pengerusi:** Boleh duduk dulu Yang Berhormat Sepang, duduk dulu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Saya cuma, saya ada kemusykilan di sini. Saya cuma minta bantuan daripada peguam-peguam yang ada dalam Dewan ini mengenai dengan soal perkara pematuhan mesyuarat 23(1)(h) yang antara lain menyatakan bahawa pertanyaan atau persoalan itu tidak boleh dikeluarkan dengan tujuan hendak mendapat buah fikiran atau hendak mendapat penyelesaian berkenaan dengan perkara undang-undang yang belum menjadi masalah atau kerana hendak mendapat jawab dalam perkara yang dimisal-misalkan sahaja. Jadi walaupun peruntukan 23(1) peraturan mesyuarat ini ada nanti peguam yang mengatakan bahawa ini khusus untuk soalan-soalan bagi jawapan lisan. Akan tetapi saya juga berhak di bawah peraturan mesyuarat ini untuk mengimplementasi peraturan mesyuarat.

Bagi saya, tujuan 23(1)(h) ini adalah untuk mengelakkan perkara seperti begini iaitu satu perkara undang-undang yang sekarang ini kita cuma cari penyelesaian. Perkara yang disebut oleh Yang Berhormat Sepang dan peguam-peguam ada di Parlimen yang lain ini terutama sekali Yang Berhormat Padang Serai, saya menganggapnya sebagai *hypothetical case* menurut pendapat mereka masing-masing. Jadi soal yang belum jadi masalah undang-undang kalau kita perpanjang lebarkan lagi, ini mungkin yang cuba dikekang oleh Peraturan Mesyuarat 23(1)(h) ini. Jadi bolehkah dalam hujah ini walaupun kita semua *passionate* dengan soal ini ambil kira juga dengan peraturan mesyuarat ini? Perkara-perkara yang dimisal-misalkan *hypothetical, you are not solution for the Minister to answer. This is not the court of floor that at the end of the day I decide which is right and which is wrong. Is you, members of Parliament that decide.* Sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi, saya rasa dalam perbahasan ini, dia adalah benda yang *interrelated*. Kita tidak boleh mentafsirkan...

**Tuan Pengerusi:** Saya setuju itu Yang Berhormat. Maksud saya di sini ialah hujah daripada tadi pagi sehingga sekarang ini adalah inti dia serupa, *representation, Article 149, Article 151*. Cuma, dalam Jawatankuasa ini *argument* secara terperinci. Jadi apabila *argument* itu secara terperinci, saya menganggap bahawa ialah *hypothetical*, andaian-andaian daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan dan sudah tentu Yang Berhormat Menteri ada jawapan dan saya rasa jawapan itu tidak juga akan memenuhi semua aspirasi dan hasrat Ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi

bagi saya, tugas saya ialah cuma memimpin mesyuarat. Jangan terlampau membazirkan masa kepada isu-isu yang telah pun difahami.

**Beberapa Ahli:** Yes! [Tepuk]

**Tuan Pengerusi:** Itu sahaja.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Pengerusi, sebelum Yang Berhormat Sepang sambung. Saya rasa Tuan Pengerusi sudah mula tadi pandangan dengan pemerhatian bahawa Peraturan Mesyuarat 23 ini terpakai pada soalan lisan. Saya rasa itulah keadaan untuk yang 23. Isu tentang – sebab sekarang kita bukan soalan lagi. Kita bincang rang undang-undang yang dibentang oleh kerajaan, pindaan kepada rang undang-undang yang sedia ada. So, dalam satu rang undang-undang, sama ada untuk sokong atau bantahkah, atau bagi pandangan tentang pindaan yang patut dibuat atau pembetulan, memang kita kena bincang dengan contoh-contoh atau keadaan yang belum berlaku sebab ini rang undang-undang. So, apa-apa kes yang kita akan sebut mesti secara automatik...

**Tuan Pengerusi:** Itu Yang Berhormat Subang, saya bersetuju. Saya bersetuju, itu sebab tadi kenapa mukadimah saya kata begitu. Akan tetapi *on the spirit of that* peraturan mesyuarat, di mana persoalan sama ada ia persoalan tujuan untuk sesi soal jawab, jawapan kepada soalan jawapan lisan ataupun persoalan yang sedang dibangkitkan ini bagi saya *the spirit is the same* iaitu menimbulkan persoalan-persoalan yang memerlukan penyelesaian. Jadi, penyelesaian yang kita cuba untuk capai di sini ialah pada akhirnya setelah hujah saya timbang, semua pun telah dilemparkan akan memungut suara sama ada suara lebih ataupun belah bahagian. Itu yang saya mahu Ahli-ahli Yang Berhormat untuk juga ambil perhatian kepada ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Jadi, boleh saya teruskan?

**Tuan Pengerusi:** Sila.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Sepang, sikit. Yang Berhormat Sepang...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya?

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Cela sikit boleh?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, okey.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Mengambil semangat daripada apa yang Tuan Pengerusi cadangkan, oleh sebab di peringkat Jawatankuasa, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Sepang apakah kita bersetuju untuk meminta Yang Berhormat Menteri mempertimbangkan bagi khusus Seksyen 15A ini agar ada ruang diberikan untuk semakan kehakiman, diberikan kepada mereka yang ditahan di bawah Akta Pencegahan Jenayah ini. Adakah itu yang ingin kita sampaikan kepada Yang Berhormat Menteri ataupun kita ingin batalkan keseluruhan Seksyen 15A? Sebab saya tengok dari segi *compromis*lah. Takkam sampai kita tak boleh bagi pandangan langsung dan takkanlah setiap pandangan kita ditolak. Setiap pandangan itu mesti ada asas. Asasnya dalam hal ini ialah semak dan imbang dalam undang-undang ini. Saya ingat hampir tiada apabila hanya prosedur sahaja dibenarkan untuk semakan kehakiman. Silakan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil, terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, kenapa yang apabila sayakah, Yang Berhormat Bagan Seraikah, Yang Berhormat Puchong berbahas, kita terpaksa memberikan contoh kes-kes lain dan sebagainya? Sebab kita mahu. Pertamanya, saya kata daripada awal lagi, rang undang-undang ini rang undang-undang yang begitu penting. Saya rasa kita janganlah terlampau hendak mengejar masa. Sebab kami Pakatan Rakyat ini kami mewakili 51% rakyat yang sokong kami. *[Dewan riuh]* Itu yang pertama. Hai marah pula, ini fakta. Fakta tidak boleh terima kah?

■ 2240

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sudah, okey sudah? Kalau lapar pergi luar kejap ya. Tidak ada loceng dekat situ kot. Yang keduanya, kami yang ini kami di peringkat ini, oleh kerana kami bukan kerajaan kami tidak boleh hendak memastikan undang-undang ini akan diluluskan atau tidak. Akan tetapi, kami akan berusaha supaya untuk meyakinkan kerajaan kenapakah hujah-hujah yang kami berikan patut diambil kira. Kami bukan hujah macam orang lain, kami berhujah berdasarkan fakta, berdasarkan setiap yang kami sampaikan ada faktanya. Kalau tidak betul, sila betulkan.

Sebab itu Tuan Pengerusi.....

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Jadi saya merasakan, saya bagi contoh ISA tadi. Saya bagi contoh sebab saya hendak katakan kenapakah dalam mereka memperkenalkan seksyen 8B ISA itu, kenapa ada ayat Yang di-Pertuan Agong? Mesti ada sebabnya. Sebab itu saya bagi contoh Tuan Pengerusi supaya mereka dapat melihat benda ini. Yang Berhormat Menteri dapat melihat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat melihat. Ini kerana kalaualah kiranya kami ini...

**Seorang ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Diamlah. Cakap sajalah tidak hendak cakap, lepas itu bising pula.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bising, kacau. Tuan Pengerusi, tolong minta jangan ganggu. Kalau hendak bising tempat lainlah.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi, saya mohon supaya jangan ganggu.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi, kami merasakan sekiranya *judicial review* ini perkara yang paling minima yang patutnya kerajaan, saya minta boleh pertimbangkan sebab seperti mana kami katakan tadi, sekiranya keputusan mana-mana pihak dalam kes ini, dalam undang-undang ini tidak boleh di *review* langsung. Dalam Parlimen ini kita

boleh terima kerana apa keputusan Tuan Yang di-Pertua tidak boleh di *review*. Sebab *separation of powers*.

Akan tetapi dalam kes yang ini, kita bukan orang yang ditahan ini bukan dia tidak ada yang dipanggil tidak ada *avenue* lain. The *only avenue* dengan izin untuk mereka menyatakan kenapakah keputusan mereka ini, keputusan sesuatu benda, satu badan ini tidak betul ataupun tidak mengambil kira *certain-certain* faktor. Hanya mahkamah saja boleh.

Saya merasa hairan kenapakah kita harus takut, kita harus bimbang, kita harus gusar, kita harus merasa gentar untuk mahkamah memfailkan? Kadang-kadang dalam *judicial review* sendiri saya rasa seperti mana yang mungkin Tuan Pengerusi sedar, ada prosedur-prosedur yang kita perlu patuhi. Contohnya kita mesti buat dalam masa 40 hari. Kalau kita buat permohonan itu selepas 40 hari, permohonan kita akan ditolak. Bermakna ada satu *safe guard*. Maknanya kes-kes *judicial review* ini dia punya idea ialah untuk *speedy disposal* dengan izin.

Sebab itu dalam kes *judicial review*, you tidak boleh fail lambat-lambat sebab dia ada sebab itu kenapa diberikan *time frame* yang pendek. Sebab sebarang keputusan mestilah diputuskan segera. Sekarang sudah tiga bulan ya, dulu asal 40 hari. Jadi, sekarang ini kita merasa hairan kalau *judicial review* pun tidak boleh. Main demos tidak boleh, *statutory* tidak boleh. Jadi, kalau benda ini semua tidak boleh bermakna seperti mana dikatakan tadi kita menganggap apa saja keputusan pun tetap akan betul. Ini yang kita tidak boleh terima.

Sebab itulah saya meminta supaya paling kurang- sebab ini melibatkan *preventive detention*, saya minta supaya paling kurang ini *barred minimum*lah orang kata *barred minimum*. Kalau yang ini pun pihak kerajaan tidak boleh, tidak boleh terima pandangan kami,buka *judicial review* saja. Okey nampaknya, kami tidak nampaklah kerajaan akan dengan izin *back off* untuk tahan tanpa bicara ataupun dan sebagainya. Akan tetapi,paling kurang,ini permintaan kami, rayuan kami. Paling kurang, bukalah ruang untuk mahkamah ini dibenarkan *review*, itu saja kami minta.

Kalau itu pun tidak berani bermakna ada sesuatu yang ingin kita tutup. Ada sesuatu yang ingin kita lindung. Jangan marah kalau orang mengatakan undang-undang ini dibuat kerana di sini lah tidak pergi mahkamah sebab di sinilah lubuk rasuah, di sinilah lubuk untuk kita ini.

#### **Beberapa Ahli: [Dewan riuh]**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Jangan marah, jangan marah, jangan marah. Jangan marah. Jangan marah. Itu Yang Berhormat Menteri kah itu, Menteri kah? Standard Yang Berhormat Menteri kah?

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat Sepang. Ahli Yang Berhormat Sepang, duduk dulu Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat yang lain, ahli Yang Berhormat yang lain tolong senyap sekejap. Saya ulang balik pada sesuatu saat kita tegakkan apa yang kata undang-undang. Pada sesuatu saat juga kita melanggar peraturan mesyuarat. Jadi, tidak eloklah apabila kita panggil bahawa ini adalah lubuk rasuah. Kalau Yang Berhormat cakap begitu, itu termasuk diri Yang Berhormat dan termasuk orang lain. Tidak elok. Itu bukan *parliamentary words*. Boleh berhujah dengan apa cara sekalipun, jangan begitu Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi saya....

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat yang lain tolong senyap, Ahli Yang Berhormat. Sila.

**Tuan Pengerusi:** Tuan Pengerusi, saya tadi *qualified*. Saya kata jangan marah kalau ada orang menganggap ini lubuk rasuah. Saya cakap jangan marah. Saya tidak setuju. Sebab itulah saya hendak menjaga nama Perdana Menteri, saya hendak jaga nama baik Perdana Menteri. Saya tahu MCA tidak jaga nama baik, Yang Berhormat Menteri tidak jaga nama baik. Saya hendak jaga. Saya hendak jaga nama baik Perdana Menteri saya walaupun dia daripada parti lain.

*[Dewan riuh]*

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hei, walaupun...

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Ada Yang Berhormat Menteri bersedia untuk menjawab.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya ini, saya bukan duduk di Mongolia. Saya duduk di Malaysia.

**Tuan Pengerusi:** Sila. Sila. Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau saya duduk di Malaysia Perdana Menteri saya adalah daripada Pekan. Salahkah saya hendak bela Perdana Menteri saya?

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Salah kah? Hei kamu. Yang Berhormat semua tidak sayang kah? Saya sayang.

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Tuan Pengerusi peraturan. Tuan Pengerusi, peraturan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya sayang Perdana Menteri saya pun salah kah?

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Tuan Pengerusi peraturan. Tuan Pengerusi peraturan.

**Tuan Pengerusi:** Sudah Yang Berhormat.

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Tuan Pengerusi peraturan.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Tuan Pengerusi peraturan.

**Tuan Pengerusi:** Sila, sila, sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Apa ini? Ada masalah kah.

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Tuan Pengerusi..

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Tidak apa. Tidak apa Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Menteri, sila gulung, sila jawab, respons.

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Dr. Ahmad Zahidi bin Hamidi]:** Fasal 19 tidak perlu dibatalkan kerana orang tahanan mempunyai hak untuk membuat permohonan habeas corpus terhadap perintah tahanan yang dibuat oleh lembaga atau membuat semakan terhad perintah pengawasan. Dalam perkara ini saya ingin membangkitkan apa yang terkandung di dalam apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Sepang dalam perkara ini, saya fikir apa yang disebutkan oleh beliau tidak langsung relevan dengan pindaan yang dicadangkan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi boleh saya minta satu pengesahan? Yang Berhormat Menteri ini perkara yang cukup penting. Yang Berhormat Menteri, tadi disebutkan bahawa peruntukan seksyen 19 tidak melibatkan *detention orders*. Ini dibawa oleh Yang Berhormat Setiu tadi di mana dia kata oleh kerana ianya dalam bahagian empat, ianya hanya mengikat kepada *supervisory order*. Boleh Yang Berhormat Menteri, ini yang cukup penting kepada kita semua. Boleh Yang Berhormat Menteri beri pandangan berkaitan dengan topik itu? Terima kasih.

**Dato' Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datok]:** Yang Berhormat Puchong, kita lihat apabila kes ini atas subjek dibawa kepada Lembaga Pencegahan Jenayah. Pihak mahkamah tinggi adalah pihak pemutus untuk menentukan dari segi prosedur tentang soal mempertikaikan keputusan lembaga berkenaan berkaitan perintah tahanan atau perintah pengawasan kecuali atas ketidakpatuhan prosedur. Jadi, kerana lembaga telah berpuas hati demi kepentingan awam, keselamatan awam atau pencegahan jenayah. Perkara ini adalah terletak di tangan eksekutif.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya setuju Yang Berhormat Menteri tapi kalau kita lihat seksyen 19 ini melibatkan hanya bahagian empat dan bahagian empat itu hanya merujuk kepada *supervisory order*, bukan *detention order*. Jadi, saya hendak dapat pengesahan daripada kerajaan apabila kita hendak luluskan untuk kita jelas, so tidak ada masalah di mahkamah bahawa sebenarnya seksyen 15A hanya untuk *supervisory order*, tetapi Tuan Pengerusi tidak untuk *detention order*. Seperti mana disebut oleh Yang Berhormat Setiu tadi. Kalau boleh Yang Berhormat Menteri hanya untuk mengesahkan perkara itu dalam Dewan ini. Terima kasih Menteri.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Pengerusi

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa pindaan yang dinyatakan...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Pengerusi ada minta penjelasan tambahan Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri sudah duduk. Yang Berhormat Puchong sudah saya bagi laluan. Lagi Yang Berhormat Gombak mahu minta lagi.

■2250

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Sedikit sahaja penjelasan Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Okey, sedikit sahaja lepas itu Yang Berhormat Menteri *respond*.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** /Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Selepas daripada ini tidak ada lagi sedikit, sedikit.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri yang menyatakan bahawa apabila *detention order* itu dikeluarkan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah ini, ianya boleh dilakukan semakan penghakiman. Di mana, klausa mana yang membolehkan perkara itu dilakukan itu yang pertama. Sebab setelah kami semak tidak ada kelihatan dalam apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri.

Kedua Yang Berhormat Menteri, kalau kita lihat di muka surat 21 dengan jelas Perkara 12 menyatakan dengan izin Tuan Pengerusi kalau boleh saya sebut, '*Clause 19 seeks to introduce a new section 15A into Act 297 to oust judicial review of any act or decision by the Prevention Of Crime Board....*' Jelas di sini Tuan Pengerusi bahawa klausa 19 itu memperuntukkan untuk memperkenalkan seksyen baru 15A yang tidak membentarkan *judicial review*.

Disebut dengan jelas, '*of any act or decision of the prevention of crime board*'. Oleh kerana Yang Berhormat Menteri mengatakan boleh ada semakan penghakiman maka saya hendak mohon sedikit penjelasan di mana yang membolehkan semakan penghakiman tersebut? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Bukan semakan penghakiman. Saya kata disemak semula oleh Mahkamah Tinggi. Itu terdapat dalam klausa itu kalau Yang Berhormat Gombak perhatikan betul-betul. Ertinya, kuasa Lembaga Pencegahan Jenayah bukan muktamad. Ertinya boleh disemak semula di Mahkamah Tinggi. Jadi, ertinya ada kelonggaran di situ untuk memberikan peluang kepada subjek untuk di bawa di Mahkamah Tinggi dari segi prosedur. Itu cukup jelas.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Itu maknanya Yang Berhormat Menteri mengesahkan yang boleh disemak ialah prosedur. Bukan asas penangkapan atau penahanan. Betul Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Di dalam hal ini, klausa itu jelas memperlihatkan semakan semula itu dari segi prosedur.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Okey, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Pengerusi, saya tidak ada jawapan lain selain pada apa yang telah saya sebutkan.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti mana yang dicadangkan sebagaimana yang dinyatakan dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujukan.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujukan]*

*[Fasal 19 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

**Fasal 20 – Pindaan:**

**10.53 mlm**

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Dewan, sahabat-sahabat yang sabar menunggu, terima kasih. Pertamanya, saya sekali lagi bangun untuk

membentangkan satu cadangan pindaan kepada fasal 20 yang mana fasal 20 ini adalah berkaitan dengan seksyen 16 dalam Akta Ibu, POCA.

Seksyen 16 ini bertajuk '*Registered person not to consult with other register persons*'. Dia mempunyai dua subseksyen. Subseksyen 1 dan subseksyen 2. Sebelum saya terus ke subseksyen 2, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa dalam seksyen 16, subseksyen 1 memperuntukkan bahawa orang yang didaftarkan atau *registered person* tidak boleh berhubung atau pun mempunyai satu *association* dengan lain-lain orang yang berdaftar tanpa kebenaran daripada *officer in this charge of police district or OCPD* di mana dia tinggal kecuali *unless he shall prove that he did not know and had no reason to suspect that such other person was a registered person*.

Saya ingin menarik perhatian di sini sebelum saya pergi ke subseksyen 2 bahawa perkataan yang terakhir yang berbunyi *unless he shall prove that he did not know and had no reason to suspect that such other person was a registered person* sepatutnya Tuan Pengerusi, digunakan untuk seksyen 15(5) yang mana orang yang didapati membantu yang tadi disebut sepatutnya diletakkan di situ. Barulah ianya *justifiable*. Itu cadangan saya supaya Yang Berhormat Menteri mungkin walaupun telah lepas seksyen itu boleh cuba untuk pertimbangkan untuk memperkemaskan.

Seksyen 16(2) ini adalah berkaitan dengan hukuman yang dikenakan kepada seorang *registered person* yang mempunyai hubungan dengan *registered person* yang lain. Mengikut peruntukan lama seksyen 16(2) hanyalah boleh dihukum dengan penjara satu tahun sahaja. Akan tetapi, dengan pindaan ini rang undang-undang ini telah mencadangkan 15 tahun daripada satu tahun kepada 15 tahun. Bukan itu sahaja, diadakan pula satu minimum *centre* iaitu *not less than five years*, lima tahun iaitu 1/3 daripada maksimum *term of imprisonment*. Itu yang dicadangkan oleh rang undang-undang ini bagi meminda seksyen 16(2) dalam fasal 20 ini.

Jadi, atas sebab ini saya berpendapat bahawa kuasa yang diberikan kepada mahkamah yang melimitkan bidang kuasa yang mana mahkamah kalau hendak hukum paling kurang lima tahun atas tuduhan itu daripada satu tahun asalnya. Oleh sebab itulah, kita di pihak pembangkang kita menentang pindaan ini kerana pindaan ini sebagaimana yang disebut oleh rakan-rakan saya tadi adalah satu pindaan kepada satu akta yang hanya asalnya untuk *super vision* sahaja tetapi ditukar kepada *detention*. Dari *supervision police* kepada *detention*. Inilah akibatnya daripada *supervision* hanya satu tahun. Bila masuk *detention*, 15 tahun. *Not less than five years minimum term*.

Oleh sebab itu, oleh kerana kita berpendapat hukuman yang dicadangkan ini adalah satu yang keterlaluan, maka saya mencadangkan supaya perkataan *not less than five years* dibatalkan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Menteri *respond* kepada usul.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Pengerusi, sekali lagi saya bangun untuk memperjelaskan pada Dewan yang mulia ini melalui usul oleh Yang Berhormat Kota Bharu bahawa fasal 20 tidak perlu dipinda kerana ianya melibatkan kesalahan subjek yang didaftar. Bergaul dengan subjek lain yang berdaftar di bawah akta ini kerana kerajaan ingin menyampaikan mesej kepada masyarakat dan subjek bahawa kesalahan ini merupakan satu kesalahan yang serius.

Oleh itu, bagi menggambarkan keseriusan kerajaan dalam membanteras jenayah maka hukuman *and not less than five years* adalah wajar. Terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Boleh saya mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri? Sedikit sahaja, sedikit sahaja Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat Gombak saya kasi sedikit sahaja. Saya kata selepas Yang Berhormat Gombak tiada lagi sedikit, sedikit.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, ya. Ini dua ayat sahaja, dua ayat sahaja, dua ayat sahaja Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Sila, sila Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri. Sekiranya orang yang berdaftar itu adalah saudara mara atau pun adik-beradik, adakah dengan itu dia layak ditahan selama lima tahun minimum semata-mata kerana bercampur dengan orang lain yang juga berdaftar? Dia adik-beradik semacam saya dengan Yang Berhormat Johor Bharu. Dua-dua berdaftar sebagai Ahli Parlimen. Macam mana? Saya harap boleh berikan penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Boleh berhubung melalui media sosial dengan Yang Berhormat Johor Bharu lah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Johor Bharu...

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Pasal sudah letih - saya cuma bergurau..

## ■2300

Jadi dalam perkara ini maksud bergaul ini sekadar bergaul persaudaraan dan sebagainya. Ada asosiasi dari segi kesalahan jenayah, itu maksudnya. Saya fikir tidak payah dipanjangkanlah Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kota Bharu dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujukan.

*[Pindaan dikemukakan dan bagi diputuskan, dan tidak disetujukan]*

*[Fasal 20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

*[Fasal-fasal 21 hingga 22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang undang-undang]*

## Fasal 23 – Pindaan

### 11.01 mlm.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Bintulu boleh pergi minum sekejap ya. Kita bincang. Tuan Pengerusi, terima kasih izinkan saya bentang pindaan kepada fasal 23. Fasal 23 ini membawa bab IVA tajuk '*Detention Orders*' dan pindaan yang kita cadangkan ini adalah untuk membatalkan itu sebab itu merupakan aspek pindaan yang kita tidak boleh terima atas prinsip dan beberapa alasan yang kita sudah sebut beberapa kali.

Alasan yang diberi beberapa kali oleh Menteri dan beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain ialah kes-kes ini tidak boleh dibicarakan. Saksi tidak ada ataupun bukti tidak cukup dan tidak boleh dibicarakan. Akan tetapi Tuan Pengerusi, saya perhatikan saya tidak perlu pergi jauh, kita pergi kepada negara jiran sahaja Indonesia. Mereka ada kes-kes keganasan yang cukup serius seperti letupan bom di Bali. Ramai orang terbunuh, tetapi polis mereka sanggup siasat, tangkap, tahan dan bawa ke mahkamah, dakwa, sabit dan hukum di mahkamah. Mereka yang rancang, ini jenayah terancang dan *terrorism*. Kategori yang *most serious*, agak serius, *the maximum serious*. Dakwa, sabit dan hukum. Indonesia boleh buat kenapa Malaysia kita tidak boleh buat. SOSMA yang disebut oleh Yang Berhormat Tanjong Karang kita sekarang bagi kuasa menggunakan Perkara 149 juga kita bagi kuasa satu bulan untuk tahan tapi lepas itu kita wajibkan pihak berkuasa bawa ke mahkamah dan dakwa di mahkamah.

So, itulah untuk kes-kes *terrorism* di mana ada niat untuk bunuh, cederakan orang, musnahkan harta awam atas alasan ideologi. Kita boleh buat untuk kategori orang itu yang bermotivasi tinggi untuk melakukan jenayah yang paling serius, kenapa kita tidak sanggup buat untuk kategori jenayah pada geng-geng biasa. Ini persoalannya.

Sebab itu alasan yang diberi sekarang kita tidak boleh dakwa, kita tidak boleh bawa ke mahkamah. Ini alasan yang dalam tahun 2013 ini dalam suasana dunia sekarang ini, alasan ini nampak macam lemah sangat dan susah diterima. Pandangan itu juga Tuan Pengerusi bukan pandangan saya sahaja. Bukan pandangan Pakatan Rakyat sahaja. Saya ingin rujuk balik kepada Laporan Suruhanjaya Diraja yang ditubuhkan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Ada bab yang khusus saya rujuk pada muka surat 125 dan 126 dan dengan izin. Oleh sebab itulah perbincangan tentang undang-undang dan amalan *preventive detention*. Disiasat dengan lengkap oleh mereka dan ini adalah pendapat Tun Dzaiddin bersama dengan Tun Hanif Omar dan anggota-anggota Suruhanjaya Diraja itu.

Tuan Pengerusi, saya baca daripada 126 perenggan 'd'. Ini bermula dan dengan izin dalam bahasa Inggeris.

*"The following categories of infringements of rights were noted by the Commission with specific reference to how PDRM executed their duties: Allegations by detainees of physical and psychological abuse by police interrogation officers during the first few days of investigation while the detainees were held incommunicado. This was especially so to extract confessions from detainees".*

Perenggan yang kedua dan ini terpenting tentang Yang Berhormat Tanjong Karang selalu sebut SOP, SOP tadi.

*"Non-compliance to basic guidelines set by Ministry of Internal Security (MOIS) in the use of preventive detention. For example in the case of EPOPCO, itu yang emergence ordnance itu. The police officers must establish a direct link between the detainee and criminal activities of gangs, record of three previous crimes committed, record the statements of five independent witnesses. The Commission's enquiry showed that they were not followed in a number of cases under review. Furthermore, ini serious. MOIS (Ministry of Internal Security Official) failed to act as an effective check and balance in ensuring that the police officials fulfilled the basic guidelines provided".*

Semua ini adalah dapatan fakta oleh suruhanjaya kita sendiri. Sebab itu mereka dapat kegunaan undang-undang macam ini tidak patut diteruskan dan mereka buat syor bahawa undang-undang yang benarkan tahanan tanpa bicara dimansuhkan dan tidak diteruskan.

Yang lebih serius Tuan Pengerusi adalah di muka surat 127 di bawah tajuk '*Allegations of Torture and Inhumane and Degrading Treatment*'. Mereka kata *the Commission received written and oral complaints and sekian-sekian and they said* Tuan Pengerusi, "*while it was not practically possible to inquire into every complaints to verify the allegations, the sheer number of complaints does warrant concern*". And then mereka senaraikan apa-apa aduan yang dibuat. *Physical abuse* secara *detail* disenaraikan di sini. *Sexual abuse*:-

- i) *forcing detainees to strip naked in front interrogators;*
- ii) *forcing to change to lockup clothes up in front of police officers;*
- iii) *verbally assaulting with vulgar words;*
- iv) *forcing to re-enact sexual acts;*
- v) *asking detainees' experience about sex.*

Ini semua ditulis di sini. So, maksud saya adalah ini bezanya dengan pengalaman tahanan tanpa bicara dan proses di mana kita ada jaminan dibawa ke mahkamah di hadapan hakim. Itu bezanya. Muka surat 128 *psychological abuse* macam-macam didokumentasi di sini. Saya bagi dua tiga contoh seperti berikut:-

- i) *threatening to arrest detainees' wives or relatives if they did not cooperate;*
- ii) *forcing detainees to listen to obscene stories;*
- iii) *giving Al-Quran, then taking it back;*
- iv) *threatening detainees with re-arrest if they engaged lawyers or applied for writ of habeas corpus;*
- v) *Forbidding detainee from discussing habeas corpus application with wife.*

Beberapa contoh dan ini semua adalah dapatan daripada Suruhanjaya Diraja yang ditubuhkan oleh Barisan Nasional pada 2004 dan laporan mereka pada 2005. Sebab berdasarkan semua ini mereka bagi syor yang tegas bahawa cara untuk masa depan untuk PDRM. Tuan

Pengerusi, ini penting sebab semangat laporan ini macam ini. Saya pohon baca daripada *forward* yang ditandatangani oleh Tun Mohamed Dzaiddin sendiri *Chairman*.

*"The Recommendations contained in this Report accordingly seek to institute reforms in police doctrine, function, organization, management system, legislations pertaining to areas that fall within police responsibilities and work processes. They also seek to improve the working and living conditions of police personnel".*

Dan ini adalah yang penting. *"The ultimate objective is the emergence of a revitalized and modern police force that is efficient, clean and trustworthy, dedicated to serving the people and the nation with integrity and respect for human rights".*

Ini hasrat mereka. Hasrat yang murni dan nasihat mereka adalah dalam sini tapi yang malangnya hari ini kita nampak nasihat ini, apa yang dibuat oleh kerajaan terus bercanggah dengan semua ini. Pendekatan yang disyorkan dalam laporan ini adalah bukan pada undang-undang macam sekarang, undang-undang yang tahan tanpa bicara tetapi kepada arah berkepolisian.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: [Bangun]**

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Policing dengan lebih berkesan. More efficient, more professional dengan izin.

#### ■2310

Itulah yang dicadangkan dan semua butiran ada sini. Macam mana kita boleh mencapai itu.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: [Bangun]**

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Silakan Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Subang. Yang Berhormat Subang kita dengar apa Yang Berhormat Subang sebut tadi berkenaan dengan sebab-sebab kenapa bukan sahaja kita dalam Pakatan Rakyat menentang tahanan tanpa perbicaraan. Akan tetapi kita juga ada kes-kes di mana jelas dinyatakan oleh hakim-hakim sebab-sebab atas mana kita seharusnya tidak membenarkan kembalinya tahanan tanpa perbicaraan. Kita juga ada suruhanjaya yang diwujudkan dengan tujuan khusus untuk mendapat pencarian-pencarian berkenaan *abuse* yang berlaku semasa tahanan tanpa perbicaraan.

Akan tetapi kita tengok, kita lihat bagaimana wujudnya *from all cross section*, Yang Berhormat Subang. Daripada orang-orang berpengalaman, orang-orang yang membuat *inquiry*, mendapat tahu fakta daripada mereka-mereka yang telah pun melalui tahanan tanpa perbicaraan. Akan tetapi kita lihat bagaimana semua ini langsung tidak dipedulikan. Kita datang ke Parlimen ini kita sebut, kita sebagai Ahli Parlimen bawa apa yang disebutkan sebagai pandangan hakim. Kita bawa pandangan tokoh-tokoh yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong untuk mempengerusikan suruhanjaya. Semua mereka ada pandangan yang bernas tetapi langsung tidak dipedulikan. Inilah Barisan Nasional, apa yang dibuat oleh mereka *brute majoriti*. *[Dewan riuh]* Mereka menggunakan majoriti, di luar Dewan mereka suka menyatakan...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Puchong. Yang Berhormat Puchong, itu hujah.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tidak, *I am coming to that, I am coming to that.*

*[Disampuk] Tuan Pengerusi, that is the others point and I wish to take.*

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Sudahlah. Apa ini? Yang Berhormat Kinabatangan. Jangan ganggulah. Tuan Pengerusi, saya hendak tanya, sekarang pukul *is 11.12 malam...* *[Disampuk] I said can you shut up or not! [Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat. Sudah lewat malam, lewat malam.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Just shut up!*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Puchong, *continue* Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Stand-up, kalau hendak cakap stand-up. What do you want?* *[Disampuk] Apa yang you hendak? Kamu tidak tahukah saya sekarang bercakap...*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Puchong, teruskan hujah.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Sit down and keep quiet.* Apa ini.

**Tuan Pengerusi:** Teruskan hujah.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya hendak tanya apa yang berlaku di sini?

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Tidak, tidak usah cabarlah. Tidak usah cabar, *you cakaplah.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *I said what is wrong with you?*

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat, tolong duduk Ahli Yang Berhormat.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Pergilah, bodoh!

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Apa masalah kamu? *What is wrong with you?*

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan Yang Berhormat Puchong, sila teruskan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *What is wrong with you? Behaving like a small boy.* Tuan Pengerusi, saya hendak tanya kita sekarang di sini, kita datang ke Parlimen, kita hendak hujah berkenaan dengan *such an important bill.* *[Disampuk] Now is 11.00 o'clock at night rush through. What do you mean so what? Rush through.* Kita di sini, *we are against –as we said, this same Dewan Tuan Pengerusi,* kita datang ke sini kita semua kata betapa kita semua sokong untuk ISA ditarik balik, EO ditarik balik. *We are now here discussing such an important bill* Tuan Pengerusi *but rush through by Parliament why?* Kenapa? Kenapa kita perlu buat sedemikian? *Nothing is being considered,* apa-apa yang kita sebut sebagai *amendment langsung* tidak dipedulikan. Kita hendak minta jawapan daripada Menteri, *we get half-hearted responses...*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Puchong, itu hujah.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Bukan hujah.

**Tuan Pengerusi:** Kalau minta pencelahan kepada Yang Berhormat Subang minta celah.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya hendak tanya kepada rakan saya Tuan Pengerusi, *we must be serious. Let be serious.*

**Beberapa Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Pengerusi, apakah...

**Seorang Ahli:** Peguam bodoh, peguam bodoh.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** You shut up...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Pengerusi, apa ini Tuan Pengerusi?

Ini ada maksud. *[Disampuk]* Macam mana dia boleh cakap macam itu?

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** What is wrong with you?

**Beberapa Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara][Dewan Riu]

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat duduk.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tolong ambil tindakan, siapa kata tadi, mengaku.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] ...Ini jawatankuasa, bercakap macam Jawatankuasa. *[Dewan riu]*

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Mengaku, mengaku!

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara][Dewan riu]

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya orang baru...

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Stupid lawyer. *[Disampuk]*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, macam mana saya mahu buat *ruling* kalau Ahli Yang Berhormat tidak duduk. Sila duduk, duduk, duduk.

**Beberapa Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Puchong, duduk dahulu Yang Berhormat Puchong. Let me make a *ruling* duduk dahulu. *[Disampuk]* Macam mana saya boleh buat *ruling*? Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, yang sebut tadi bodoh, apakah, tolong tarik balik.

**Beberapa Ahli:** Tarik balik.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Tuan Pengerusi, saya hendak tarik balik tetapi dia tidak menghormati kerusi Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, itu soal lain.

**Beberapa Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tarik balik.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat yang lain tolong duduk. Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Dia belum tarik balik.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat Puchong, saya belum selesai lagi, duduk! Ahli Yang Berhormat tolong tarik balik kerana bagi pendapat saya, itu adalah hujah yang *unparliamentary*.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Saya tarik balik, saya tarik balik tadi tetapi jangan buat...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat hormat, menarik balik tidak ada kondisi. Tarik balik.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Saya tarik balik tetapi janganlah buat begitu...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tarik baliklah. *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat yang lain jangan campur.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Jangan anggap orang lain semua bodoh.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Sudah diberi arahan tarik balik.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Kalau ya peguam pun...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tarik balik.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat Kapar, duduk dahulu. Saya belum selesai. Yang Berhormat Puchong, ini *floor* saya.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Tengok dia tidak boleh. Dia ingat dia samseng kah.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat tarik balik. Kalau Ahli Yang Berhormat tidak tarik balik saya arah Ahli Yang Berhormat untuk keluar! *[Dewan riuh]*

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Saya tarik balik perkataan "bodoh".

**Tuan Pengerusi:** Selesai isu, dia tarik balik. Sila Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Peraturan Mesyuarat 37(1).

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya, saya faham tetapi Tuan Pengerusi, kita perlu serius. Tidakkan kita hendak *bulldoze*, kita hendak datang ke Dewan ini, kita hendak teruskan. Sampai kita lihat jawapan yang diberi pun tidak ada minat langsung. Isu-isu ini berkenaan isu undang-undang yang cukup penting Tuan Pengerusi. Kita lihat bagaimana nas-nas yang dibawa Yang Berhormat Subang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Subang, ini *floor* Yang Berhormat Subang.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** *Are you allowing Yang Berhormat Puchong to continue? After that I would not allow you to speak anymore.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tidak, saya hendak tanya Yang Berhormat Subang. Pada saya bahawa isu-isu yang dibawa ini, Yang Berhormat Subang setuju kah dengan saya bahawa apa yang dibawa ini bukan sahaja pandangan remeh daripada peguam-pegawai,

pandangan daripada pihak-pihak yang paling kanan. Tuan Pengerusi, *let us not* memperkecilkan mereka, hakim-hakim, pesuruhjaya, Suruhanjaya Diraja langsung tidak diambil kira...

**Tuan Pengerusi:** Okay, *point has been made*, Yang Berhormat Subang boleh respond.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Yang Berhormat Puchong saya setuju dengan pandangan, saya minta di masuk dalam ucapan saya. Itulah *point* yang kita sudah sebut tadi, kita ulang sekali tadi. Ada persoalan besar dan saya nampak Menteri dalam jawapan sebelum ini tidak bantu menjawab. Kenapa kerajaan UMNO Barisan Nasional tidak hormati laporan ini? [*Merujuk buku yang dipegang*] Tidak menghormati pandangan daripada ini dan ikut nasihat daripada ini. Ini perlu dijawab sebab inilah suruhanjaya yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri pada masa itu dan pelantikan dibuat ikut undang-undang. Banyak duit rakyat dibelanjakan untuk dapat pandangan, *research* dan hasil kerja siasatan dan sebagainya dalam ini.

Tuan Pengerusi, saya akhir dengan dua *point* ringkas sahaja sebab yang tahanan tanpa bicara ini, yang dicadangkan dalam Bahagian IVA ini, kuasa untuk tahan... Alasan yang selalu diberi tidak boleh dibawa ke mahkamah. Saya ambil dua contoh kes yang disebut satu ialah saya tidak ingat siapa yang sebut, kes ketua pelacur. Dia *complaint* ada tangkap ketua pelacur, pelacur-pelacur sudah balik ke China dan tidak boleh dakwa di mahkamah. [*Disampuk*] Yang Berhormat Tanjong Karang yang sebut ya. Saya pun kurang faham, mana polis yang – kalau kita buat serbuan di sesuatu tempat jenayah, terancang di sana *its a brothel* ya. *You tangkap, you tangkap* semua tetapi *you tahu you* akan dakwa ketua pelacur itu. Okey bagus, yang lain-lain saksi *you simpan* dalam rumah. *You bagi* mereka perlindungan, bawa mereka ke mahkamah, mereka beri keterangan lepas itu hantar mereka balik ke China. Itu sahaja, apa susah.

Kes yang paling serius, pembunuhan Altantuya. Tidak ada saksi, tidak ada saksi yang nampak dia diletupkan, tidak ada saksi yang nampak tetapi kita boleh siasat, kita boleh dapat tahu siapa, kita bawa mereka ke mahkamah. Hanya kita sampai sekarang kita belum tahu siapa yang arahkan dua anggota polis itu membunuh dan meletupkan dia, kita belum tahu lagi.

## ■2320

Memang ada orang yang arahkan tetapi sampai sekarang tak boleh tahu lah tapi tak apa. Akan tetapi yang maksud saya, ini jenayah yang paling serius, tak ada saksi tapi kita berjaya dan ini biasa, biasa dalam kes-kes pembunuhan. Ini biasa dibuat oleh polis bukan sahaja di sini, di negara lain. Kes Sosilawati pun tak ada saksi, tak ada mayat pun sampai sekarang tapi boleh dibawa ke mahkamah, ada sabitan. So, inilah sebabnya dan okey, katalah kita balik kepada geng. Ada hujah oleh menteri dan rakan-rakan lain, saksi takut ke. Ini berkaitan dengan jenayah terancang atau *organized crime* yang dibuat oleh geng-geng dan sebagainya.

Di negara lain pun ada sama, bukan Malaysia sahaja yang unik dalam dunia yang ada geng-geng ini. Kita ada mafia di Amerika, kita ada mafia di Itali, kita ada geng yang sama di Indonesia, sama di Thailand. Ini bukan fenomena yang *Malaysian* tapi mereka boleh tangani itu. Kenapa di sini kita perlu rujuk, kita kena buat tahanan tanpa bicara.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Boleh?

**Tuan R.Sivarasa [Subang]:** Silakan Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Minta penjelasan sedikit. Ada juga Tuan Pengerusi, ada juga hujah-hujah yang mengatakan bahawa *organized crime* ini sentiasa satu langkah lebih ke depan daripada pihak polis, ertiinya mereka *one step ahead of the police*. Sebab itu kalau kita nak mendakwa, payah. Jadi, bukankah ini suatu penghinaan kepada polis kita bahawa polis kita ini *one step behind the organized crime*, dengan izin. Saya rasa pihak polis tak boleh terima ini. Macam mana pandangan Yang Berhormat Subang?

**Tuan R.Sivarasa [Subang]:** Betul, saya rasa ada sebahagian besar daripada PDRM yang anggap diri mereka ini sebagai pegawai polis yang profesional, yang ada keupayaan buat semua dan sanggup buat siasatan yang profesional dan bawa penjenayah-penjenayah ini ke mahkamah. Tuan Pengerusi, saya balik lagi kepada laporan suruhanjaya itu, muka surat 126. Ini pemerhatian daripada Tun Zaidi dan rakan-rakan beliau. Mereka sebut ini, ini berkaitan dengan undang-undang macam ini, *detention without trial laws*. ‘Furthermore, detention laws provide a convenience shortcut to crime solving instead of rigorous and coordinated investigations. It also reflected weakness in police officers in undertaking high quality evidence based investigation’. Ini kerisauan mereka juga. Jadi Tuan Pengerusi, bagi saya dan saya rasa semua di sini, Pakatan Rakyat dan juga di sana, kita setuju *we must be hard on crime*. Itu tak ada *compromise*, khususnya penjenayah yang melakukan keganasan, kekerasan, gunakan senjata, membunuh, mencederakan, rogol, samun.

Apa kita mahu? Kita mahu dan ini untuk mana-mana masyarakat, *in any civilized community*. Kita kena tangkap *and they must be punish, but they must be seen to be punish, justice must be seen to be done*, itu penting. *Public* kena nampak penjenayah ditangkap, dibawa ke mahkamah terbuka, bukti diberikan dan mereka disabit dan dihukum, *that is what*, itu yang *lesson*. Kalau kita tak buat macam itu, *there's is no civilized community*. Apa yang maksud saya Tuan Pengerusi, adalah hukuman mesti setimpal. Kalau seorang membunuh, *you* penjara dua tahun sahaja kah? Kalau seorang samun dan rogol, *you* tahan dua tahun sahaja kah? Dia patut dimasukkan 15 tahun, 20 tahun lebih, itu setimpal. Sebab itu bila kita buat cara macam ini, dua tahun, inilah *soft on crime*, kita tak betul. Ini bukan *handling crime, we are not hard on crime*. Ini *soft on crime*.

Ini kita kena faham. *This is ultimately Tuan Pengerusi, this law will weaken our police force. It weakens the system, ini kena long term, ini weakens us. That's why 2004, bukan sekarang, 9 tahun dahulu suruhanjaya ini sudah beri arah yang betul, they pointed us in the right direction, nine years ago* tapi sampai sekarang kita masih di tempat ini. Jadi Tuan Pengerusi, sebab itu kita terpaksa cadangkan pindaan macam ini dibatalkan dan khususnya Fasal 23, itulah alasan kita cadangkan pembatalan ini. Kekalkan undang-undang yang lama, akta ibu, itu kita tak ada masalah tetapi cara untuk mencegah, saya petik perkataan daripada menteri tadi, roh. Apa tujuan kita? Mencegah jenayah, betul. Cara dia adalah bukan dengan pindaan macam ini. Sekian, terima kasih. Saya mohon mencadangkan.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan Yang Berhormat Subang yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Pengerusi:** Sila, kalau tidak minat, sila menteri, respons kepada usul.

#### 11.25 mlm.

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Pengerusi, saya mengikuti dengan teliti perbahasan mengenai usul yang dikemukakan oleh sahabat saya tadi, Yang Berhormat Subang. Saya amat menghormati pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Puchong di dalam beberapa cadangan yang dibuat oleh beliau tadi. Tentu sekali perkara ini adalah perkara yang serius pada hemat saya, namun kerajaan berpandangan bahawa Fasal 23 tidak perlu dibatalkan kerana fasal ini berkenaan perintah tahanan di mana Lembaga selepas menerima laporan daripada Pegawai *Inquiry* di bawah Seksyen 10 dan selepas menerima keputusan *review*, Lembaga boleh mengeluarkan perintah tahanan terhadap subjek.

Fasal ini juga berkenaan kesahan atau *validity*, dengan izin, perintah tahanan dan juga penggantungan perintah tahanan. Bukan itu sahaja, malah fasal ini menerangkan dengan lebih lanjut berkenaan laporan tahunan di mana Menteri Dalam Negeri perlu membentangkan laporan tahunan kepada Parlimen setiap tahun. Selain daripada itu, fasal ini juga memperuntukkan *sunset clause* di mana akta ini akan disemak setiap lima tahun. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Subang dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan tidak disetujukan]*

#### Fasal 23 –

**Tuan Pengerusi:** Ada Ahli Yang Berhormat yang minat? Sila Yang Berhormat Padang Serai.

#### 11.27 mlm.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Akhirnya, kita tiba kepada isu pokok iaitu Fasal 23 mengenai tahanan tanpa bicara. Ini peluang terakhir bagi kerajaan untuk tidakkekalkan Fasal 23 di dalam rang undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, ini kali pertama sejak tahun 1960 perkara seperti ini berlaku dan sejarah tidak akan melupakan hari ini. Sejarah Malaysia tidak akan lupakan hari ini, di Parlimen Ke-13 ini, untuk satu masa yang lama dan untuk kita di meja pembangkang, kita membantah. Kita membantah keras dan bantahan-bantahan kita telah direkodkan di dalam *Hansard*. Ini akan diingati oleh rakyat negara ini pada satu ketika tetapi Yang Berhormat-Yang Berhormat di barisan kerajaan, adakah Yang Berhormat-Yang Berhormat yang hadir benar-benar hendak nama mereka turun di sejarah

negara ini membawa kembali tahanan tanpa bicara ke negara kita. Adakah benar Yang Berhormat nak berbuat demikian?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau dia betul-betul penjenayah, apa salah?

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Pengerusi, bukan sahaja isu domestik untuk kita. Saya sebut tadi masa Yang Berhormat Perdana Menteri ada, ini juga mengenai imej negara kita. Bulan Jun 2010, *UN Working Group on Arbitrary Detention* telah datang ke Malaysia, saya rasa dengan kebenaran pihak berkuasa, telah melawat tempat-tempat tahanan termasuk Kamunting.

#### ■2330

Repot yang mereka keluarkan menyatakan bahawa hampir semua yang ditemu duga ataupun yang mereka jumpa telah mengalami, diseksa daripada beberapa segi iaitu sama seperti laporan Suruhanjaya Diraja mengenai polis yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Subang tadi. Cerita mengenai ini telah keluar di seluruh dunia. BBC mempunyai *story* mengenai ini, '*Detainees Tortured Under Detention in Malaysia*', ada BBC dan sebagainya.

Jika kita meluluskan sekali lagi tahanan tanpa bicara, dengan pastinya Tuan Pengerusi salah guna kuasa akan berlaku, dengan pastinya orang akan diseksa. Apabila kita memberi kuasa seperti ini kepada pihak berkuasa, potensinya ia akan disalahgunakan terutamanya apabila tidak ada *safeguard*, tidak ada *judicial review* atas asas penahanan dan sebagainya. Ini bukan cara untuk mencegah jenayah.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Minta Yang Berhormat Padang Serai. Saya hendak bertanya pandangan tadi, kita dengar banyak dari sebelah sana yang sentiasa kata apa salahnya kita buat ini kepada penjenayah. Saya ingin ingatkan, kita boleh gunakan ayat yang sama. Apa takut sangat kalau kita telah tangkap penjenayah, bawa dia ke mahkamah, sabitkan, bagi dia hak untuk dibela [*Dewan riuh*]

Saya masih ingat semasa saya ditahan di bawah ISA, di dalam tahanan saya, saya bertemu dengan beberapa orang yang ditahan yang menyatakan mereka telah disabitkan dengan ISA kerana membuat syiling palsu. Saya pun hairan. Memang betul syiling palsu itu mengancam keselamatan negara tetapi mereka yang mengaku buat syiling palsu ini, tidak dibawa ke mahkamah dan mereka hanya ditahan di bawah ISA selama dua tahun. Selepas itu [*Disampuk*] Syiling, syiling palsu.

Selepas itu mereka dibebaskan. Saya ingin bertanya, apa takut sangat sistem perundangan kita untuk bawa penjenayah ini atas dihadapi dengan mahkamah dan dihukum mengikut perundangan dan mengikut apa yang mereka patut dihukum. Terima kasih.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu. Sebenarnya itu poin yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Batu juga, *point* yang ditimbulkan oleh Peguam Negara. Baru di hujung bulan Ogos sebuah forum di Petaling Jaya, Peguam Negara menyatakan bahawa pihak penguat kuasa mempunyai *addiction to preventive detention law*. Itu bukan perkataan kita, perkataan Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani. Jadi

maknanya, sebab itu seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Subang, apabila pihak penguat kuasa diberi undang-undang seperti ini, insentif untuk memperbaiki cara siasatan, cara pendakwaan dan sebagainya akan hilang, lesap begitu sahaja. Mengapa perlu apabila ada kuasa seperti ini? Tangkap, bawa kepada *Board*, tahan dua tahun, habis cerita. Itu yang akan berlaku.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: [Bangun]**

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Adakah ini mencegah jenayah?

Tidak! Langsung tidak. Jadi Tuan Pengerusi ...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat, minta penjelasan.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini hari ini adalah hari jadi Mohandas Karamchand Gandhi, *Mahatma Gandhi birthday*. Hari ini juga seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Padang Serai tadi, telah mencalarkan satu imej yang buruk dengan kewujudan rang undang-undang ini.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Padang Serai, ISA di negara kita adalah yang paling lama telah berleluasa, ramai rakyat telah turun ke padang, kita telah merayu, kita telah meminta supaya dimansuhkan. Pada bulan 15 September 2011, ISA dimansuhkan tetapi tidak sampai dua tahun atau tiga tahun, benda ini pulang balik. Hendak mansuhkan ISA bertahun-tahun, hampir 10 tahun atau 20 tahun tetapi ini kembali dalam masa dua tahun atau tiga tahun. Adakah ini aspirasi rakyat? Adakah ini mengikut kehendak rakyat? Adakah rakyat telah diberikan keutamaan, suara mereka telah diberikan keutamaan? Sila jelaskan. Terima kasih.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Pengerusi, memang apabila *announcement* dibuat oleh Perdana Menteri pada 16 September 2011, kita berharap, walaupun kita masih sangsi, kita berharap bahawa ada satu pembukaan sedikit, *spring* sedikit di dalam cara pentadbiran. Malangnya, sekali lagi nampaknya ini tidak berlaku. Pada masa ini Tuan Pengerusi, seluruh negara saya tahu bahawa prosiding ini dilihat secara *live* di merata-rata YouTube, Ustream dan sebagainya. Seluruh negara melihat kepada kita. Di Dewan Rakyat kita memberi pedoman, kita memberi, kita seumpama *guide* untuk seluruh negara. Apakah arah yang akan diambil oleh negara kita? Apakah arah yang akan diambil oleh pentadbiran? Apakah arah yang akan diambil oleh Malaysia dalam tahun-tahun akan datang? Seluruh negara menunggu, melihat apakah keputusan Dewan ini.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [Bangun]**

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Dan tugas dan tanggungjawab yang dipikul oleh kita, begitu berat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Begitu berat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Padang Serai, saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Padang Serai, adakah kita menghadapi masalah untuk meyakinkan wakil rakyat dan Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional ini oleh kerana mereka tidak

memahami satu prinsip yang dasar iaitu lebih baik membebaskan seorang yang bersalah daripada menahan dan menghukum seseorang yang tidak bersalah. Ini kerana kita melihat sikap mereka macam acuh tidak acuh. Tangkap sahajalah. Mereka sudah penjenayah. Tidak payah dibuktikan kesalahan, terus dianggap bersalah. Mereka tidak takut kepada kemungkinan dihukum orang yang tidak bersalah sedangkan ini merupakan satu kezaliman yang wajib kita jauhi. Apakah pandangan Yang Berhormat Padang Serai?

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Prinsip bahawa kita mesti pastikan bahawa tidak ada seorang pun yang tidak bersalah yang dihukum walaupun sepuluh yang bersalah lepas, adalah prinsip yang amat penting dan inilah prinsip yang mengasingkan kita daripada mereka yang tidak bertamadun ataupun cara pemerintahan yang tidak bertamadun.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** *[Bangun]*

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ini adalah yang *civilize* di mana-mana negara moden...

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Tuan Pengerasi, bolehkah saya minta mencelah? Kalau di antara sepuluh orang ini, kalau seorang bunuh sepuluh orang, adakah ini kesalahan?

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Bercakap tanpa menggunakan pemberitaan suara]*

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Itulah sebabnya kalau sesiapa yang bunuh, sebab itu kita mengharapkan pihak polis menjalankan siasatan yang cekap, tangkap pembunuhan, bawa mereka ke muka pengadilan. Itu yang kita minta tetapi kalau kita berikan peluang kepada pihak penguasa sentiasa menggunakan cara tahanan tanpa bicara, maka pihak penguasa juga akan menjadi lebih leka dalam kerja mereka, tahap kecekapan akan menurun dan pembunuhan-pembunuhan seperti yang dinyatakan tadi akan terlepas. Itu menjadi masalah.

Saya sebut tadi bahawa prinsip yang disebutkan oleh Yang Berhormat Shah Alam sebenarnya adalah prinsip yang mengikat ataupun menjadi asas pada perbahasan yang dibuat oleh meja pembangkang. Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya hendak hanya mendapat pandangan daripada Yang Berhormat Padang Serai. Kalau kita tangkap orang yang kita syak dia bersalah, dia adalah pembunuhan. Akan tetapi tidakkah ada kemungkinan akhirnya oleh kerana kita tangkap orang tanpa bukti, maka yang kita tangkap adalah orang yang tidak bersalah. Yang pembunuhan yang sebenar itu terlepas. Maka, apa yang ditimbulkan tadi oleh Yang Berhormat daripada... Dari mana?

**Seorang Ahli:** Tebrau.

■2340

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tebrau, sebenarnya tidak relevan. Ini kerana apa yang kita hendak ialah kita hendak tangkap orang yang bersalah. Cara macam mana hendak tangkap orang yang bersalah ialah kita bawa ke mahkamah, kita buktikan kesalahan dia. Kalau kita tangkap semua orang, selepas itu kita kata selesai sudah, kita sudah tangkap. Akan tetapi pembunuhan yang sebenarnya tengah duduk menyembunyikan, menyorok, dia tunggu setahun lagi dan selepas itu dia bunuh orang lain. Kita ingat sudah selesai sudah tetapi tidak selesai lagi kerana

kita main tangkap, cekup orang tepi jalan. Tidak ada bukti, tidak ada apa. Orang yang tidak bersalah kita aniaya, orang yang bersalah lepas. Bukankah itu satu kezaliman yang jauh lebih besar?

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ya sebenarnya— itulah sebabnya semalam semasa perbahasan, saya menyebut bahawa undang-undang seperti ini akan membawa kepada *false confident*, keyakinan yang palsu terhadap rakyat. Tidak adil kepada rakyat kerana mereka benar-benar bimbang mengenai masalah jenayah. Jadi kita perlu memberikan mereka satu *solution* ataupun penyelesaian yang benar-benar akan berkesan dan bukan satu *solution* yang nampak keluar di surat khabar seolah-olah kerajaan telah berbuat sesuatu. Akan tetapi, adakah ia berkesan? Adakah penjenayah yang sebenar akan ditangkap? Itu masalahnya.

Jadi Tuan Pengerusi, saya sekali lagi ingin menyatakan bahawa jika undang-undang ini diluluskan, ia akan menjadi satu kesilapan yang amat besar. Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional, saya nyatakan sekali lagi. Ini adalah satu kesilapan yang amat besar, amat besar jika undang-undang ini diluluskan.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Padang Serai. Tadi ada pihak di sebelah sana mengatakan kita seolah-olah mahu membebaskan atau melepaskan penjenayah-penjenayah dan contoh yang dibawakan tadi berapa orang yang ditembak mati, tikam mati, letup mati. Kalau setahu saya, kalau seseorang pembunuhan disabitkan kesalahan, maka antara hukumannya ialah hukuman mati. Tiba-tiba sekarang kita hendak menyerahkan pembunuhan-pembunuhan ini kepada suatu undang-undang yang menahan mereka, dua tahun, lima tahun, 10 tahun, 15 tahun dan kemudian bebas. Nampaknya Barisan Nasional ini mahu melepaskan pembunuhan-pembunuhan [*Tepuk*] Ya pembunuhan-pembunuhan akan lepas, sedangkan mereka kalau betul pembunuhan itu didakwa di mahkamah mengikut undang-undang, mereka boleh dihukum gantung sampai mati. Akan tetapi oleh sebab kita meluluskan undang-undang ini, senyum pembunuhan-pembunuhan ini. *It is okay, give me 15 years, I'll come back.*

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** ...Bukan 15 tahun itu kira lama, dua tahun. Ini satu *luxury*, nikmat kepada pembunuhan-pembunuhan. Maka bertanggungjawablah kita kalau kita mengambil sikap menyokong undang-undang sebegini. Terima kasih. Macam mana pandangan?

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Pengerusi, itulah isunya adalah mengenai pencegahan jenayah...

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** ...Apakah gunanya...

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Sambung sedikit. Tuan Pengerusi *[Dewan riuh]* Ini ada kaitan dengan *complacency*. Bukan soal lambung, soal realiti. Semasa ISA berkuat kuasa, ramai pemimpin-pemimpin Barisan Nasional juga kena tahan. Tiga Abdul contohnya. Atas alasan apa ju, ada yang teraniaya. Oleh sebab itu – Yang Berhormat Padang Serai, apakah pandangan Yang Berhormat Padang Serai kalau undang-undang ini kita luluskan, tentu wujud *complacency*.

Pegawai-pegawai polis rasa hendak buat *investigation* kadang renyah, tangkap dahulu simpan dua tahun.

Dalam masa dua tahun itu, kadang-kadang banyak perkara yang tidak di *investigate*. Selepas itu bawa ke *board*, sambung lagi dua tahun. Akhirnya seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kuala Krai— akhirnya fail-fail lama akan bertapuk di sana dan akhirnya penjenayah Tuan Pengerusi, yang sepatutnya mendapat hukuman yang cukup berat, akhirnya mereka akan terlepas disebabkan oleh polis akan merasa *complacent*, tidak ada *pressure*.

Oleh sebab itu sementara, kita tahu, kita faham, kita sokong kerajaan untuk mengadakan undang-undang yang cukup ketat untuk menyelesaikan masalah jenayah. Akan tetapi pegawai-pegawai polis kita, penguat kuasa kita harus kita beri kelengkapan latihan dan sebagainya supaya sementara mereka berhadapan dengan penjenayah tetapi kompetensi mereka mesti kita naikkan setinggi yang mungkin. Tidak memberikan mereka *leeway*, jalan mudah, jalan pintas kerana takut-takut mereka rasa *complacent*. Apakah pandangan Yang Berhormat Padang Serai tentang hal ini?

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. ...

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Yang Berhormat Padang Serai, untuk sambung apa yang disebutkan tadi bukan sahaja dua tahun dan dua tahun tetapi sebagaimana Yang Berhormat Menteri sebut tadi ada *sunset clause* pula, lima tahun. Maknanya lima tahun nanti kita jadi kerajaan, kita batalkan rang undang-undang ini, mereka ini bebas begitu sahaja. Ini masalah yang mereka selama ini.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Pengerusi, isu *complacency* ini adalah isu yang penting kerana masalahnya bukan sahaja *complacency* dalam pencegahan jenayah. Akan tetapi ini boleh membawa bahaya kepada rakyat kerana dengan pastinya akan ada anggota-anggota polis yang apabila diminta supaya – bukan semua tetapi mungkin ada yang apabila diminta untuk menyelesaikan jenayah akan menggunakan peruntukan seperti ini untuk menutup kes supaya boleh lapor balik. Ini dia, kita sudah selesaikan sepuluh kes hantar ke dalam tahanan tanpa bicara.

Perkara-perkara seperti ini akan pasti berlaku. Ia adalah sifat keadaan di mana ada tahanan tanpa bicara, inilah sifat dan kesannya yang akan *spread* ataupun yang akan sebar di antara pegawai-pegawai penguat kuasa, pegawai-pegawai penyiasat dan sebagainya. Kita tidak boleh mengelak. Ini adalah sesuatu yang- walaupun kerajaan mengambil tahu mengenai perkara ini dan cuba menghalang, tidak boleh dielakkan. Jadi akhirnya apa yang kita dapat? Meluluskan undang-undang seperti ini, ia terbalik daripada tujuan untuk menjaga keselamatan orang ramai, kita membahayakan pula keselamatan orang ramai sebab itu kita tolak.

Jadi Tuan Pengerusi, kembali kepada undang-undang ini. Sekali lagi, seperti saya kata apabila saya memulakan perbahasan tadi bahawa peluang itu masih ada. Yang Berhormat Menteri ada. Saya minta jangan lakukan perkara ini, jangan lakukan perkara ini. Ada peluang lagi? Ini kerana jika undang-undang ini diluluskan Tuan Pengerusi, dengan pastinya hari ini, 2 Oktober 2013 akan turun menjadi sejarah negara sebagai satu dengan izin, *black day for Malaysia*. Jangan

benarkan hari ini menjadi *black day* for Malaysia. Jadi sekali lagi saya minta supaya undang-undang ini tidak diluluskan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri, respons.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Pengerusi, saya sekali lagi mendengar dengan teliti hujah-hujah Yang Berhormat Padang Serai dan pencelahan yang dibuat oleh rakan-rakan di sana.

Fasal 23, jangan dianggap sebagai dengan izin, *black day* sebagai mana tanggapan oleh Yang Berhormat Padang Serai. Kalau keluarga Yang Berhormat Padang Serai menghadapi tindakan oleh gengster, ketika itu tidak ada saksi, ketika itu jika ada saksi pun tidak berani untuk menjadi saksi, apakah tindakan Yang Berhormat lakukan? Di dalam keadaan ini, saya berkali-kali meneliti apa Yang Berhormat Kuala Krai sebut, merendah-rendahkan profesionalisme polis, seolah-olah polis tidak ada kewibawaan. Itulah sebabnya Yang Berhormat Kuala Krai, kita lihat bahawa memang mudah cakap. Tangkap, masuk mahkamah, penjarakan. Mudah. Mudah, masalahnya gantung sampai mati. Akan tetapi, saya ingin menjemput semua Ahli-ahli Parlimen daripada sebelah sana untuk datang ke Bukit Aman dan saya akan mempertontonkan video-video pembunuhan yang dilakukan di restoran [*Dewan riuh*]

■2350

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Ada video tetapi...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau ada bukti, kenapa tidak dakwa?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ada video.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Dengar saya jelaskan, duduk, duduk, duduklah. Datang ke Bukit Aman saya akan uruskan bagaimana pihak Jabatan Pencegahan Jenayah ada video melalui CCTV. Saya ambil contoh umpamanya seseorang sedang makan di restoran, dua orang datang dengan *full face* pakai topi keledar, tembak terus. Apa boleh jadi? Macam mana hendak tangkap? Kalau muka tutup, macam mana hendak tangkap? Yang Berhormat Batu hendak tangkap?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ada, ada..

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Habis-habis gigit telinga polis [*Dewan riuh*]

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Gigit telinga polis

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Jadi..

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tangkaplah siapa-siapa, tangkaplah siapa-siapa.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Mana boleh tangkap siapa-siapa.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Pengerusi dalam undang-undang baru siapa yang kita hendak tahan dalam keadaan ini?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi boleh minta izin ya Tuan Pengerusi...

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Dengar, dengar...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Menteri macam mana boleh tahu mereka itu? Menteri macam mana boleh tahu mereka itu? Saya sudah tidak...

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Menteri macam mana..

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Beruas duduk dulu...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Menteri tanya saya jawab...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat minta penjelasan bolehkah?

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat duduk...

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Jangan...

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat yang lain duduk.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Jangan berbahas di dalam soal ini. Saya terbuka hati, berlapang dada selepas tamat sidang ini kita ramai-ramai ke Bukit Aman dan saya akan perlihatkan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Boleh saya hendak jawab? Boleh?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Minta penjelasan, Menteri minta penjelasan [*Dewan riuh*]

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Jangan, Yang Berhormat Sepang duduk, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Menteri boleh jawab?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Minta penjelasan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tanya soalan kita hendak jawab.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Masalah polis ialah sekarang kerana tidak ada saksi yang sanggup dan saksi itu memang tidak dapat dikemukakan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Betul.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Itu sebabnya ada *preventive action* dibuat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Boleh, boleh saya jawab?

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Pengerusi saya tahu Tuan Pengerusi... Kasihan dengan beliau, hampir enam jam tak turun langsung.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Undi boleh baru...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Pengerusi sikit.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Izinkan saya menjawab bahawa...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tambahan penjelasan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Menteri cabar kita..

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Pengerusi.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** ...Rang undang-undang ini mewujudkan perintah tahanan kerana ia melibatkan jenayah kekerasan terancang.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Pengerusi. Menteri minta penjelasan. Tuan Pengerusi, penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Di mana saksi tidak mahu tampil memberi keterangan atau saksi tidak dapat mengenal pasti keputusan mahkamah...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Pokok Sena minta ini.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** ...Kerana bimbang keselamatan diri, keluarga, rakan-rakan serta...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Menteri minta penjelasan. Sedikit sahaja.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Menteri.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Mohon penjelasan. Penjelasan, penjelasan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Menteri minta penjelasan. Mohon penjelasan Tuan Pengerusi.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** ...Beberapa fakta yang tidak dapat dikemukakan di mahkamah. Beberapa dokumen jika didedahkan akan bertentangan dengan kepentingan awam, untuk keselamatan awam atau pencegahan awam dan...

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Menteri, kami mohon penjelasan Menteri. Beri penjelasan dulu Yang Berhormat Menteri. Ini penting.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Minta penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** ...Saya tidak berniat untuk meneruskan jawapan  
[Dewan riuh]

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Jangan luluskan macam itu.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat Menteri sudah duduk. Sila duduk Ahli Yang Berhormat. Duduk Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Sedikit penjelasan Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat. Apabila Menteri diasak dengan soalan-soalan yang saya anggap antara lain pedas-pedas, Menteri senyap dan mendengar. Apabila Menteri menjawab, empat lima orang berdiri. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin buat sopan mungkin Menteri akan jawab.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya minta dengan sopan Tuan Pengerusi  
[Dewan riuh]

*[Fasal-fasal 23 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

*[Fasal 24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

#### **Fasal 25 [Pindaan] -**

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk membuat cadangan pindaan kepada Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 agar fasal 25 dibatalkan.

Tuan Pengerusi, saya memohon fasal ini dibatalkan kerana ia bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan kita. Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan Dan Pemerluasan) 2013 ini dibuat dengan mukadimah di bawah Perkara 149, Perlembagaan Persekutuan. Perkara 149 adalah di bawah Bahagian 11, Perlembagaan Persekutuan, dengan izin, dengan heading "Special

*Powers against subversion, organized violence, and acts and crimes prejudicial to the public and Emergency Powers.”.*

Tuan Pengerusi, mengikut peruntukan Perkara 151 ini iaitu *Restrictions on Preventive Detention*, ada syarat-syarat dinyatakan bahawa apa-apa undang-undang yang dibawa di bawah bahagian ini mesti mengikut syarat-syarat yang telah di tetapkan oleh Perkara 151. Fasal 25, Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013, ini bercadang memperkenalkan seksyen 21A yang baru dengan *heading, Disclosure of Information*. Seksyen baru ini tidak mengikut Perkara 153, dalam tiga perkara.

Satu, dengan izin dalam bahasa Inggeris, *a person detained must be...*

**Tuan Pengerusi:** Sebentar Ahli Yang Berhormat, ada usul.

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

### USUL

#### MERENTIKAN KUAT KUASA PERATURAN MESYUARAT DI BAWAH P.M 90(2)

**11.57 mlm.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua yang dikasih.

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 90(2) dan dengan persetujuan Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan usul untuk merentikan kuat kuasa Peraturan Mesyuarat 12 iaitu bagi membolehkan Peraturan Mesyuarat menamatkan perkara yang patut diselesaikan pada hari yang berkenaan juga.”

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, di bawah Perkara 151 menyatakan tiga perkara mesti diikuti kalau kita hendak buat apa-apa undang-undang di bawah Bahagian 11, Perlembagaan Persekutuan iaitu dengan izin dalam bahasa Inggeris, “*A person detail must be inform of the ground of his detention*”. Kedua, “*the allegation of fact of which the order is based* dan ketiga, *shall give him the opportunity to make representation against the order*.”

Tuan Pengerusi, seksyen 21A baru yang dicadangkan menyatakan bahawa dengan izin, *Inquiry Officer Board or public servant*, mereka ini tidak perlu, dengan izin, *disclose facts or to produce documents which he considers against*, nombor satu, *against public interest to disclose or produce documents or being compromise the protection over witness or his family or associates*.

#### ■2400

Perkara 153 menyatakan bahawa pihak berkuasa tidak perlu mendedahkan fakta yang bertentangan dengan *national interest*, dengan izin dan kita tahu bahawa seksyen yang diperkenalkan ini tidak mengikut syarat-syarat yang telah termaktub ataupun dinyatakan dalam Perkara 153.

Ini kerana tanpa diberi fakta dan dokumen bagaimanakah orang yang ditahan itu tahu dengan izin pertama, *grounds of detention*; kedua, *the allegation of facts or wicks the orders was make*, dan tanpa tahu fakta bagaimanakah ketiga mereka membuat representasi terhadap tangkapan dan tahanan tersebut. Mungkin pihak Menteri akan katakan Perkara 153 ini memberi *exception* ataupun pengecualian tetapi kalau hendak buat pengecualian perkataan yang digunakan mestilah mengikut perkataan di bawah 153 iaitu *against national interest* dan bukan seperti yang dinyatakan dalam seksyen 21A yang hendak diperkenalkan.

Tuan Pengerusi, sebagai penggubal undang-undang, kita di sini mesti menggubal undang-undang dengan jelas supaya tidak akan dipertikaikan di mahkamah nanti. Jadi, kalau pun Yang Berhormat Menteri tidak setuju dengan saya tentang *substantive pollution of the section, at least the wording must follow*, dengan izin, Artikel 153, “*We can only make law not to disclose information of defects if it is against national interest*”. Jangan gunakan perkataan “*against public interest to disclose, or produce or compromise the protection of a witness, or his family or associate*”.

Ini akan membuka kepada banyak perbalahan dan pertikaian di mahkamah nati. Harap Yang Berhormat Menteri jangan hanya kata dia *appreciate my views* dan tidak memberi jawapan kerana dua perkara yang saya bangkitkan. Satu, peruntukan ini tidak mengikut perlumbagaan. Ya atau tidak. Kedua, perkataan yang boleh digunakan untuk pengecualian hanya *against national interest*. Ya atau tidak sama ada boleh guna lain-lain perkataan? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan Yang Berhormat Beruas yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahaskan. Sila Yang Berhormat Menteri respons kepada usul.

#### ■12.03pg.

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Pengerusi saya teruja juga dengan hujah-hujah yang telah dilontarkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Beruas. Namun, Fasal 25 tidak perlu dibatalkan kerana fasal ini memperuntukkan lindung jamin atau *safeguard*, dengan izin, kepada saksi, keluarga atau rakan-rakan serta melindungi fakta-fakta atau

apa-apa dokumen yang dianggap jika didedahkan akan bertentangan dengan kepentingan awam, keselamatan awam atau pencegahan jenayah. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Belum jawab Tuan Pengerusi. Adakah ini mengikut yang diperuntukkan di bawah Perkara 153 yang mengatakan hanya pengecualian diberikan kepada *national interest*, adakah ini bercanggah? Saya hendak dapat satu jawapan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Pengerusi, saya tidak berhajatlah untuk respons kepada soalan itu.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Beruas dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujukan.

*[Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan tidak dipersetujukan]*

#### Fasal 25 -

**Dato' Kamarudin bin Jaffar. [Tumpat]:** Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya kalau Yang Berhormat Menteri masih lagi gagah untuk menjawabnya iaitu apa, dengan izin, *what could possibly be benda-benda yang to be against public interest to disclose?* Orang membunuh orang lain. Maknanya, apakah kemungkinan-kemungkinan fakta, dokumen atau sebagainya yang terlalu sulit sehingga hendak mensabitkan dan hendak menjadikan bukti orang itu dibunuh itu atau dadah atau sebagainya sehingga ia dikatakan ianya adalah *against public interest to disclose*. Begitu juga dengan kes *protection of a witness* dan sebagainya. Saya mungkin dapat menerima in *very exceptional cases* Tuan Pengerusi tetapi saya tidak dapat fikirkan apakah kemungkinan-kemungkinan yang ada dalam peruntukan ini.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Dengan keizinan Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Tumpat, walaupun belum setahun saya berada di kerusi ini tetapi saya meneliti kesukaran-kesukaran yang dihadapi oleh pihak polis apabila di dalam beberapa kejadian tembakan bunuh. Setelah siasatan dilakukan Tuan Pengerusi, mereka adalah merupakan saksi-saksi yang telah memberikan keterangan kepada pihak polis sehingga penjenayah itu ditahan di bawah EO dahulu atau dikenakan kediaman terhad. Apabila EO dan RR ini dibatalkan, penjenayah ini keluar di dalam masyarakat dan saksi ini kena bunuh. Inilah masalah yang dihadapi. Ditakdirkanlah Yang Berhormat Tumpat jadi saksi kepada seseorang penjenayah ketika itu dan penjenayah itu keluar, mereka membala dendam. Ini yang kita buat untuk melindungi saksi supaya tidak dimangsakan. Saya tidak berhajat untuk menjawab lebih daripada itu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Boleh?

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri sudah duduk Yang Berhormat.

*[Fasal 25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

**Fasal 26 [Pindaan] -**

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Pengerusi, saya lihat jam di dinding itu sudah tidak ada digitalnya lagi. Ertinya telah melewati jam 12 malam. Namun, yakinlah Tuan Pengerusi, ini adalah merupakan pindaan terakhir dan selepas ini kita boleh balik. Tuan Pengerusi, pindaan dalam Jawatankuasa yang dicadangkan adalah pada Fasal 18, Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 dipinda dengan menggantikan Fasal 26 dengan fasal-fasal yang berikut iaitu Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 22 dengan seksyen yang berikut. *The Minister may by order published in the Gazette, amend the schedules.* Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Batu. Sila Yang Berhormat Batu ya.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya ingat tadi Yang Berhormat Menteri sebut bahawa undang-undang ini memberi kuasa supaya kita boleh menangani penjenayah-penjenayah dan golongan jenayah yang sofistikated. Bagi saya kalau begitu tidak ada maknanya kita perlukan Yang Berhormat Menteri untuk buat *schedule*. Sebab ada kala Geng 46 ini hari ini dia pecah jadi Geng 42 dan 45. Esok dia bergabung dengan Geng 36, jadi 43.

So, setiap hari saya percaya polis mempunyai maklumat yang penuh tentang geng-geng ini bagaimana mereka bergabung dan bagaimana mereka berpecah dan bagaimana mereka menukuhan kumpulan yang baru. Saya tidak nampak dengan adanya *schedule* ini akan membantu untuk menangani penjenayah. Saya agak kalau kita sebut penjenayah ini sofistikated, dia tidak akan 43 dia tetap 43. Tiga *line* dia tetap tiga *line*. Dia akan jadi berlainan. Saya ingin dapatkan penjelasan apakah keperluan ini akan meningkatkan keberkesanan untuk menangani penjenayah.

**■2410**

Satu lagi satu perkara yang Menteri sentiasa kata membela saksi tapi tidak pernah menteri memberitahu berapa jumlah penjenayah ataupun peratusan jenayah ini yang dilakukan oleh geng-geng ini sama ada kebanyakannya ragut, pecah rumah. Ini adalah sebab kongsi gelap atau kumpulan yang tidak berorganisasi? Adakah dengan *schedule* ini akan membantu? Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Kinabatangan.

**12.02 mlm.**

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya ini yang terakhirlah Tuan Pengerusi. Sudah tiga hari kita bersidang Tuan Pengerusi. Masih lagi kita mendengar kumpulan 43, 3 lain, 08 yang tidak ada *alhamdulillah*. Ketua kumpulan 26 belum ada, itu sahaja. Jadi apa pun sebetulnya dakwaan daripada rakan-rakan ini hasrat murni kerajaan iaitu untuk memakmurkan negara dan rakyat. Ini jelas.

Jadi kalau ada putar belit di luar saya rasa rakyat tahu menilai mana emas, mana permata. Mana yang perlu disokong, mana yang perlu diketepikan dan rata-rata saya tengok mungkin saya bukan memperleh Tuan Pengerusi. Mungkin peguam-peguam yang lain ini kerap kali bercakap ini mungkin di luar tidak laku sebab Yang Berhormat Puchong ada sama Yang Berhormat Beruas. Jadi yang bawah-bawah ini tidak berapa laku. Inilah masanya hendak menampilkan diri. Hendak memperlihatkan masyarakat orang ramai jadi di luar boleh lakulah sebab saya tahu Yang Berhormat Beruas sudah kontrol semua soal-soal guaman ini dengan Yang Berhormat Puchong sebab Yang Berhormat Puchong memang hebat luar biasa.

Akan tetapi rakan-rakan lain mana boleh ikut. Itu kita akui biarpun Yang Berhormat Puchong sebelah sana tetapi dia luar biasa. Dia asal pergi mahkamah kalau 10 kes, 9 kes menang. Orang salah pun dia boleh menangkan. Ini kehebatan Yang Berhormat Puchong. Oleh sebab itu pada saya, kerajaan kita tegas. Saya melihat bahawa saya meneliti pindaan-pindaan ini satu demi satu. Saya melihat betulkah ada unsur-unsur penganiayaan. Memang jelas tidak ada mana-mana satu undang-undang jaminannya terlalu sempurna ataupun *perfect*, tidak ada.

Di mana-mana dunia pun ada penjenayah. Apa pun undang-undang, undang-undang mati pun ada lagi pengedar dadah padahal sudah tahu hukumannya gantung sampai mati. Dia buat juga. Jadi oleh kerana itu, rasa saya menteri teruskanlah usaha murni ini. Jangan bimbang, rakyat akan terus bersama-sama dengan kita memastikan kemenangan kita pada masa akan datang.

Terima kasih [*Tepuk*]

**Tuan Pengerusi:** Sila menteri.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Pengerusi, saya ingin sekali lagi memberikan maklum balas apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Batu tadi. Saya ingin...

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Saya hendak minta penjelasan dua minit. Sebelum Yang Berhormat Menteri jawab, saya minta...

**Tuan Pengerusi:** Sila Menteri..., tidak mengapa bagi laluan tidak mengapa.

### 12.13 mlm.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Kita telah berhujah tiga hari. Sebelah sini kekhuitiran ialah salah guna kuasa tahanan tanpa bicara. Sebelah sana adalah untuk membanteras jenayah. Di dalam jadual PCA ialah untuk membanteras jenayah terancang (*organized crime*). Di dalam waktu mengatakan EO dan ISA, indeks jenayah telah naik. Apa yang ketara ialah mereka yang telah ditahan, orang lain akan menggantikan mereka di dalam organisasi dan negara kita telah menandatangani *Convention Against Transnational Organized Crime*. Peruntukan ialah untuk membatalkan organisasi bukan menahan individu.

Saya meminta menteri memberikan penjelasan adakah niat untuk menyatakan harta benda organisasi haram menggunakan *Anti Money Laundering* yang sedia ada untuk menyatakan kewangan mereka? Ini adalah lebih berkesan dengan menahan mereka yang akhirnya ialah ikan bilis maafkan saya bukan *big boss*. Pada masa ini beberapa *big boss* telah ditahan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Selayang minta pencelahan, boleh?

**Tuan Pengerusi:** *[Ketawa]* Ini Yang Berhormat macam pencelahan atas pencelahan dalam pencelahan *[Ketawa]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ini hendak rumuskan Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kapar, saya bagi laluan tadi kepada Yang Berhormat Selayang untuk bertanya atas budi bicara saya. Selepas itu pula *you* tanya dia macam ini. Sila Menteri *response*.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Hendak buat rumusan.

**Tuan Pengerusi:** Lain kali saya bagi laluan. Silakan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Pengerusi, bahas tidak bagi, mencelah tidak bagi. Kasihan Yang Berhormat Kapar. Betullah Tuan Pengerusi, kasihan. Bahas pun tidak boleh, celah pun tidak boleh.

**Tuan Pengerusi:** Sila Menteri, sila.

#### 12.15 tgh mlm.

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Kapar ini dia harus berlatih supaya memahami Peraturan Dewan oleh Yang Berhormat Gombak supaya Yang Berhormat Gombak dapat ajar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya minta izin.

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Gombak pun kadang-kadang tidak betul Yang Berhormat Menteri *[Ketawa]*

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Dari segi *schedule*, saya ingin menyatakan kepada Yang Berhormat Batu itulah sebabnya pindaan ini meminta supaya *schedule* dibuat kerana saya sebutkan tadi di awal perbahasan ini bahawa ada persatuan-persatuan yang tidak didaftarkan ini adalah kongsi gelap dan persatuan ini berubah-ubah dan bertambah-tambah. Saya harap 026 tidak merupakan kongsi gelap yang baru *[Ketawa]*

Jadi di dalam keadaan itu maka *schedule* ini penting Tuan Pengerusi kerana kita harus mengemaskinikan maklumat dan saya cukup teruja dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Selayang tadi. Bukan di dalam akta ini tetapi akan ada akta lain yang akan kita bentangkan dalam sidang akan datang bahawa premis-premis dan akaun bank mereka yang menyewakan tempat itu pun akan disita, akan dirampas. Ini tindakan tegas yang akan dilakukan oleh kerajaan. Saya tidak ada berhajat untuk menambah.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Masalahnya ialah bahawa pindaan sepertimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujukan.

*[Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**[Fasal 26 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

**Fasal 27 [Pindaan] -**

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat.

**12.18 mlm.**

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kepada semua Ahli-ahli atas kesabaran. Kita sudah sampai ke pindaan yang penghujung.

**Seorang Ahli:** Akan tetapi kita perlu bertahan lagi *[Ketawa]*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Pengerusi saya cadangkan pindaan ini iaitu pembatalan fasal 27 atas alasan yang kita sudah sebut yang terdahulu pindaan di fasal 27 ini ada rujukan kepada tempat-tempat tahanan dan tempat tahanan ini akan digunakan untuk tahanan tanpa bicara yang kita bantah dengan tegas. Saya tidak akan ulang semua yang saya sebut tadi tetapi ada tadi menteri bangkitkan satu contoh yang menarik sedikit. Saya rasa itu perlu komen atau ulasan.

Menteri tadi bagi contoh satu kes yang spesifik dua orang atas motosikal datang tembak seorang. Macam mana kita hendak selesaikan dengan topeng. Akan tetapi macam mana undang-undang ini pun boleh selesaikan itu? Itu yang menjadi persoalan. Tidak boleh. So kita kena faham itu satu.

Kedua, saya ada cadangan tetapi saya boleh bagi cadangan macam mana kita boleh kurangkan kadar pembunuhan, jenayah pembunuhan. Itu lebih mudah untuk buat dan saya hanya boleh memetik nasihat. Bukan nasihatlah, ini pandangan yang diberi oleh menteri sendiri kepada rakan saya Yang Berhormat Selayang, 1 Oktober.

**■2420**

Ini jelas dan inilah jawapan yang menteri perlu untuk bukan kes spesifik itu tetapi secara satu pendekatan jangka masa tengah dan panjang macam mana kita kurangkan kadar jenayah berat. Izinkan saya baca perenggan daripada jawapan itu Tuan Pengerusi. Ini berkaitan dengan Operasi Ops Cantas dan pandangan daripada Menteri sendiri. Ini jawapannya, *"Hasil daripada operasi yang dijalankan sehingga 18 September 2013, seramai 2,012 orang lebih kurang yang disyaki telah dibuat tapisan. Seramai 8,898 orang ditangkap dan sebanyak 280 senjata api dan senjata berbahaya telah dirampas. Kejayaan yang paling ketara dalam tempoh operasi ini dijalankan adalah – inilah point dia, penurunan jenayah indeks terutamanya kes yang melibatkan jenayah keganasan seperti bunuh yang menurun hampir 42% daripada 69 kes ke 40 kes dalam tempoh sebulan operasi dijalankan"*.

Itu tanpa pindaan. Tanpa undang-undang ini. Ini polis buat dan kita ucapkan tahniah, syabas kepada mereka *[Tepuk]* Ini yang kita mahu. Dia buat ini dalam satu bulan. So apa yang kita mahu kita akan bagi sokongan yang penuh. Kita mahu mereka teruskan ini. Apa-apa sumber mereka perlu, apa-apa sokongan, kewangan, peralatan, latihan, semua ini yang kita mesti bagi mereka. Macam mana mereka boleh meningkatkan tindakan seperti ini. Ini yang kita mahu.

Saya bukan pakar dalam polis. Saya hendak kongsi ini Tuan Pengerusi. Ayah saya bersara pada tahun 1969 sebagai pendaftar PDRM. Beliau adalah pendaftar kepada Tun Salleh, Ketua Polis Negara Malaysia yang pertama, orang Malaysia yang pertama menjadi Ketua Polis Negara. Sebelum itu semua orang putih. Abang saya bersara sebagai *Assistant Commissioner Police*. Saya tahu sedikit tentang hal polis ini. So nasihat yang menteri perlu adalah ini sendiri, pandangan dia sendiri dan juga kalau perlu nasihat lain saya menolak kepada kepakaran, kemahiran dan pengalaman laporan ini. Semua ada di sini. Macam mana tidak ada?

Okey, tadi kita kata ada geng-geng. *Special Branch* atau Cawangan Khas kita, jangan hantar mereka kawal kita tetapi hantar mereka kawal geng ini. Minta mereka turun ke bawah mereka sudah buat. Mereka boleh pantau geng-geng ini masuk ke dalam. Inilah cara di negara lain *organized crime*, dengan izin, dicegah. *That is how infiltration*. Ini bukan kerja satu atau dua hari. Ada kes di Amerika Syarikat masuk dua tahun mereka pantau. Tengok, dapat maklumat semua. Selepas dua tahun serbuan menyeluruh, tangkapan banyak, dakwa di mahkamah, sebab semua keterangan ada. Itulah caranya. So itulah cara yang perlu dibuat. Itulah pendekatannya yang kita mahu.

Jadi, ya silakan Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya hendak kembali kepada isu *full faced helmet* yang bunuh ini. Apakah yang terjadi kalau sebab tekanan NKRA atau tekanan politik, polis hanya tangkap dua orang tanpa bukti, masukkan dan kata kes selesai. Pada hal penjenayah yang sebenar terus bermaharajalela. Kalau dia tembak lagi, kita tangkap dua orang lagi, kata kes selesai [*Dewan riuh*] Ini tidak akan selesai atau penjenayah sebenar ditangkap dan tidak dibicarakan tetapi hanya dimasukkan untuk dua tahun.

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Sudahlah buat andaian. Cakap *fact* sahajalah.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Selepas itu suspek dituduh. Dia akan bunuh lagi. Yang kita telah lihat kegagalan EO yang telah kita sebut tadi. Menteri sendiri mengaku selepas EO dimansuhkan atau lepas dari EO, mereka terus menjadi penjenayah. Apakah PCA ini akan menjamin ini tidak akan berlaku?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu. Itu pandangan yang bernas. Saya terima sebagai ucapan saya juga dan itu *point* yang penting. Contoh yang diberi oleh Menteri sendiri tidak boleh ditangani oleh undang-undang ini. Ini jelas.

Tuan Pengerusi, statistik. Ini saya kena ulang sebab ini *point* yang penting. Menteri pun bagi statistik untuk menunjukkan kenapa undang-undang ini perlu, tetapi statistik yang diberi oleh Yang Berhormat Pulai berdasarkan jawapan dalam Parlimen oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang dahulu. Mungkin dia juga membuktikan dengan jelas statistik tahun 2005 hingga tahun 2009 kadar jenayah berat meningkat tinggi. Akan tetapi pada masa yang sama kita ada EO. Jadi tiada kaitan dengan tahanan ini dan EO serta pengurangan jenayah. *There's no connection*, dengan izin.

So dengan jelas telah terbukti dan menteri belum jawab lagi. So Tuan Pengerusi, kita ulang pendapat kami itu. Cara untuk menangani masalah ini adalah dengan *effective policing*, dengan izin. Saya akhiri dengan pemerhatian ini Tuan Pengerusi. Oleh sebab ada beberapa kali dan ini saya ingat Yang Berhormat Kinabatangan pun ada menyebut seolah-olah *effective policing*, dengan izin, dan hak asasi ini bercanggah. Ini satu fahaman yang memang salah. *It's a complete misconception* dan ini bukan pandangan saya sahaja.

Saya sekali lagi hendak mengakhiri dengan memetik pandangan daripada Tun Hanif Omar, Timbalan Pengerusi dalam Suruhanjaya ini. Mereka yang tulis laporan ini dan inilah pandangan beliau. Ini daripada beliau.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Mahu beri Yang Berhormat Subang?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Biar saya habiskan ini dahulu ya. Muka surat 120 di mana laporan ini berkata, perenggan 1.3, tajuknya *Making Human Rights A Central Pillar of Policing*. Pandangan ini sangat penting sebab ini mungkin akan bantu menjelaskan kekeliruan yang ada dalam minda ramai di sana itu tentang hubungan di antara hak asasi dan *effective policing*. Dengan izin saya baca, "...the traditional *raison d'etre* of-policing is the provision of security to the maintenance of law and order. This remains true today. However, maintaining law and order cannot be at the expense of human rights as provided for under Federal Constitution and the laws of the country". Ayat seterusnya adalah sangat penting Tuan Pengerusi. Mereka berkata ini, "Indeed good policing and human rights are fully compatible and mutually reinforcing. In helping maintain security of life and property, the police are in fact promoting two of the fundamental human rights."

Jadi ini pandangan mereka...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Subang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Mereka sudah jelas dalam hal ini. Mungkin rakan-rakan di sana kurang jelas. *Human rights and good policing are fully compatible and mutually reinforcing*. Bukan bercanggah ya. Jadi ini kita kena faham, *that* kita boleh ada kedua-dua ini. Inilah pendekatan yang kita perlu. Kita mesti galakkan PDRM dalam arah ini. Ini arah yang betul dan inilah arah yang patut diikuti dan bukan ke arah undang-undang yang dicadangkan oleh Menteri. Silakan Yang Berhormat Bintulu.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Subang.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Yang Berhormat Subang. Saya muah minta pandangan daripada Yang Berhormat Subang. Dalam masa kita memansuhkan EO, Yang Berhormat Subang sedar atau tidak di Sibu kongsi gelap buat *asseveration* hebat. Dia kata ini kali EO sudah tiada. Kalau apa-apa kes dia orang buat jenayah memanglah muah ambil masa lima atau sepuluh tahun. Akan tetapi buat sementara waktu boleh lanyak lagi. Polis tangkap tidak mengapa, caj pergi mahkamah. Sepuluh tahun baru selesai. Itulah Sibu kita tengok. Hari-hari

tembak menembak. Adakah kita melihat keluarga itu susah? *Open tembak*— dekat kedai kopi pun dia tembak. Kalau orang lain yang kena?

Saya mahu minta pandangan. Kita mesti mahu lihat panjang lebar tiga hari. Mula-mula kata ini *juridical* dalam kempen, *juridical* semua tidak ada guna. Hakim semua tidak berguna, semua tidak betul! Akan tetapi hari ini dalam Dewan semua cakap hakim bagus. *Juridical* bagus! Kadang-kadang itulah tadi saya cakap Yang Berhormat Gombak, depan tengok okey, belakang tengok pun okey, atas bawah semua tengok okey. Kadang-kadang saya *confuse*. Saya minta pandangan sedikit.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Okey, Terima kasih.

■1230

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Subang. Yang Berhormat Subang, ada kaitan sedikit. Sama.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Katil.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya setuju dengan Yang Berhormat Bintulu tadi dan minta Yang Berhormat Subang memberikan penjelasan. Bagaimana kita hendak imbang antara keperluan, dalam konteks ini ada sambutan besar-besaran gengster-gengster besar Yang Berhormat Bintulu tahu. Mungkin boleh kongsi dengan Bukit Aman dan keperluan untuk mengadakan undang-undang, memastikan agar kegiatan jenayah ini dapat dibendung.

Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Subang. Seingat saya kalau mengikut *Hansard* tahun 1959, Menteri yang membentangkan undang-undang ini telah pun menjelaskan dengan begitu teliti bahawa rang undang-undang, *Prevention of Crime Bill* ini tidak akan disalahgunakan. Apa mekanisme untuk memastikan tidak akan disalahgunakan, ada dua iaitu dia menyatakan bahawa *power* atau kuasa itu dibahagikan. Di dalam undang-undang yang lama, “*No police officer may be an inquiry officer*”. Itu semakan yang pertama dan Menteri waktu itu menyatakan bahawa “*The inquiry officer will be a senior, an experience officer*”.

Dalam konteks ini, hari ini kita sudah luluskan undang-undang bahawa *inquiry officer* ini adalah sekadar *officer* ataupun Inspektor Polis. Saya yakin berbanding inspektor dengan pangkat yang lebih tinggi ia jauh lebih kurang pengalamannya daripada apa yang ada di dalam undang-undang yang lama.

Jadi saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat Subang, gunakan, manfaatkan saat-saat akhir dan penting ini untuk memberikan kefahaman kepada kita semua bagaimana kita hendak *balance* perkara ini supaya undang-undang ini tidak disalahgunakan dan sekarang ini kita ada pula tahanan tanpa bicara. Ini semua terbuka kepada masalah *abuse* ataupun penyalahgunaan. Terima kasih.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Yang Berhormat Bukit Katil fahaman saya tentang siapa adalah *inquiry officer* dalam akta yang dipinda ini sama dengan dahulu ya, ia masih bukan pegawai polis dan mungkin Yang Berhormat Menteri boleh sahkan ini juga. Akan tetapi *abuse* atau salah guna yang boleh dilakukan di sini adalah dari segi

*check and balance* ini kita nampak ia ada banyak masalah dan saya tidak mahu ulang semula sebab rakan-rakan yang lain yang telah berhujah kelemahan dalam proses *inquiry*, proses lembaga, ketiadaan hak untuk buat *judicial review* dan macam-macam.

Akan tetapi pada pokoknya masalah ialah tahanan tanpa bicara dua tahun, itu yang agak penting. Saya balik kepada - boleh saya jawab isu Yang Berhormat Bintulu dahulu ya. Yang Berhormat Bintulu bangkitkan samseng semua sudah buat sambutan besar dan langkah pertama Yang Berhormat Bintulu kena buat ialah beri semua nama yang *you* tahu, semua butir-butir kepada Bukit Aman serta-merta [*Dewan riuh*] Beritahu semua, beritahu semua *detail*. Beri nombor *hand phone*, beri gambar, beri semualah. Beri semua maklumat, itu penting ya [*Dewan riuh*]

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Subang. Itulah, tadi saya tanya Yang Berhormat Subang ada lihat atau tidak?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang kedua, yang kedua...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kalau sudah lihat, nanti di luar saya beritahu apa kita sudah buat. Nanti di luar saya beritahu.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tidak apa, luar nanti kita beritahu.

**Beberapa Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Bandar Kuching pun tahu.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Kalau masalah adalah kes-kes lambat, kenapa lambat kita kena tanya. Ada kelemahan di pihak polis, di peringkat siasatan, selepas di bawa ke mahkamah kenapa di mahkamah? Kita kena *fix* masalah itu, kalau ada kelemahan dalam sistem kehakiman, *we fixed that problem, we don't create another problem*, dengan izin. *Fixed that*, kalau ada masalah dengan siasatan polis, kita *fixed* itu. Kita kena bantu polis menambah baik sistem mereka, keupayaan mereka, kapasiti mereka. Itu ialah masalah.

Jangan kita buat masalah ketiga dan undang-undang yang zalim, yang melanggar hak asasi dan yang tidak akan dihormati di dunia. Itu kita kena faham. *So, sorry*, Yang Berhormat Gombak *please*.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Pengurus dan Yang Berhormat Subang. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Subang tentang contoh yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi. Asas yang diberikan ialah akta yang ada sekarang tidak cukup kemas untuk mengheret mereka ke muka pengadilan maka dibawa pindaan dan dicadangkan supaya tahanan tanpa bicara. Beliau memberi contoh, mengajak kita ke Bukit Aman minggu depan untuk menyaksikan video tentang pembunuhan dan Yang Berhormat Menteri sendiri memberi contoh ada kes di kedai kopi, dua orang *full-face* tembak.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Subang, adakah dengan rang undang-undang ini kita boleh tangkap yang *full-face* itu, siapa mereka? Kalau alasannya sekarang tidak boleh, apakah dengan rang undang-undang yang hendak diluluskan malam ini ataupun pagi ini membolehkan siapa juga yang *full-face* kita tangkap dahulu. Di mana keadilannya? Jadi, saya tidak faham apakah contoh yang hendak dibawa oleh Yang Berhormat Menteri itu boleh meyakinkan kita bahawa rang undang-undang ini mesti diluluskan bagi membendung jenayah berat.

Kalau Yang Berhormat Subang boleh juga memberikan cadangan, kalau rang undang-undang yang hendak kita tolak pada pagi ini, apakah cadangan lain, bagaimanakah kita hendak tangani masalah jenayah berat ini? Saya baru dapat jawapan daripada Kementerian Dalam Negeri pagi ini bahawa jumlah *strength* perjawatan di Jabatan Siasatan Jenayah PDRM hanya 9.1% yang berjumlah lebih kurang 10,000 perjawatan.

Persoalan saya, adakah Yang Berhormat Subang setuju lebih baik satu jumlah peruntukan munasabah diberikan kepada PDRM untuk meningkatkan kekuatan Jabatan Siasatan Jenayah ini, memberikan latihan yang terbaik kepada pegawai dan anggota polis supaya mereka lebih cekap, lebih efisien, lebih mahir untuk *gather intelligent* dan dengan maklumat yang tepat, bukti yang sahih baru kita boleh menyelesaikan masalah jenayah dalam negara kita ini. Apa pandangan Yang Berhormat Subang tentang perkara ini?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Yang Berhormat Gombak. Saya setuju, itulah pendekatan yang diambil. Saya balik kepada isu yang pertama itu, soalan daripada Yang Berhormat Gombak iaitu sama ada ada undang-undang dan pindaan baru ini boleh bantu selesaikan dua-dua kes yang disebut tadi. Jawapannya jelas seperti Yang Berhormat Gombak sebut. Tidak boleh. Macam mana undang-undang ini akan kenal pasti siapa yang *full-faced*, penjenayah yang membunuh itu, tidak boleh. Ada kemungkinan besar kita tangkap orang lain dan simpan di Simpang Renggam untuk dua tahun dan untuk kesalahan membunuh. Itu pun salah juga bagi saya.

Dari segi prinsip keadilan, ini pembunuhan dan kita hukum dengan dua tahun, mana boleh. Itu yang maksud saya, undang-undang ini bermaksud kita akan jadi *soft on crime*, kita sepatutnya *hard on crime*. Jadi, balik kepada pendekatan untuk jangka masa tengah. *The medium and the long term, what is the solution?* Apakah kita boleh? apa yang disebut oleh Yang Berhormat Gombak secara kebetulan telah disyorkan dalam Laporan Suruhanjaya Diraja juga.

Mereka perhatikan, ini 2004 Tan Sri Pengerusi. Masa itu CID ada hanya 6,000 lebih anggota, sekarang sudah hampir 10,000. Masa itu 6,000 lebih mereka ada dan permintaan dicatatkan secara rasmi di sini, permintaan mereka pada sembilan tahun dahulu, mereka minta 22,000 anggota untuk buat tugas mereka. Kita tidak beri, jadi saya tidak salahkan polis. Seperti Yang Berhormat Puchong sebut di banyak tempat, jumlah anggota polis tidak cukup. OCS Balai di Kota Damansara merayu kepada saya, "*Tolong bangkit dalam Parlimen, minta lebih*". Dia ada lebih 60 orang anggota dan jaga hampir 150,000 penduduk di Kota Damansara, mana boleh. Saya tidak salahkan mereka, saya salahkan Yang Berhormat Menteri dan pengurusan di atas iaitu Kerajaan UMNO Barisan Nasional. Saya tidak salahkan polis. So...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Subang, hendak tanya sedikit ya.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Nanti, saya hendak habiskan *point* ini dahulu. Okey, okey silakan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Fasal berkaitan dengan polis ini. Adakah Yang Berhormat Subang bersetuju dengan saya bahawa apabila ada berlakunya sesuatu perhimpunan, kita lihat kadang-kadang jumlah polis itu begitu ramai.

■0040

Kenapakah boleh— kadang-kadang jumlah polis lebih ramai daripada orang yang berhimpun. Jadi, kenapa dalam hal-hal begitu Yang Berhormat, polis boleh ramai begitu. Boleh terangkan kepada Dewan?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ya, itu pun satu contoh di mana kita nampak tenaga polis yang sepatutnya ditumpukan kepada pencegahan jenayah tetapi disalah gunakan kepada tujuan politik. Kita boleh cerita banyak pengalaman. Perhimpunan- ceramah pun. Dalam ceramah yang saya ada buat, ada 20 hingga 30 polis yang hadir. Apa guna? Sepatutnya 30 polis itu cari peragut beg dan perompak. So, balik kepada soalan Yang Berhormat Gombak tadi dan saya akan akhir dengan ini, Tuan Pengerusi. *Deployment* itu adalah satu isu yang sangat penting. Suruhanjaya Diraja ini sudah syorkan dan amat jelas sekarang ialah jumlah anggota polis yang ditumpu kepada apa yang disebut *core policing*, memang tidak cukup. Inilah pendekatan kalau, tadi Yang Berhormat Gombak tanya, apakah kita patut buat untuk menangani jenayah secara berkesan. Itulah dia.

Kita ada lebih kurang sekarang 110,000 anggota dalam PDRM. Lebih kurang. Sekurang-kurangnya separuh patut ditumpukan kepada *core policing*. Aktiviti untuk mencegah jenayah. Cawangan khas boleh *dideploykan* untuk kerja-kerja pantau, mendapatkan maklumat risik, *penetrate* dan semua. Itu cara kerja mereka. Bukan untuk buat nota mana anggota Pakatan Rakyat pergi dan apa aktiviti mereka. So, itulah caranya. Kalau kita betul-betul fokus kepada itu, bagi tutupan dan prioriti, inilah kita akan selesaikan masalah itu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Subang, boleh? Saya dengar dia sudah mula merapu. Saya hendak tanya satu. Yang Berhormat, saya dengar ucapan Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat cabar Yang Berhormat Bintulu, supaya ambil gambar dan laporkan kepada polis. Saya dengar Yang Berhormat beritahu, sewaktu Yang Berhormat berceramah, ada 20 hingga 30 polis hadir. Bolehkah Yang Berhormat beritahu supaya pihak Kementerian Dalam Negeri betul-betul siasat dakwaan palsu ataupun betul. Seramai 20 hingga 30 orang polis di satu ceramah. Di mana? Okey, beritahulah [*Dewan riuh*] Tidak ada, salah satu daripadanya. Kalau betul kita bagilah.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tidak payahlah, tidak payahlah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Dalam satu ceramah. Akan tetapi kalau keluar *Blackout 505*, memanglah polis ramai. Ini kalau ceramah datang lima atau enam orang, tidak akan polis sampai 20 hingga 30 orang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tidak apa, tidak apa. Terima kasih. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Munasabahlah sikit bercakap. Hendak membohong tidak habis-habis.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih. Ya, Yang Berhormat Gombak.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak beritahu Yang Berhormat. Kalau boleh beritahu di mana dan tarikh. Saya tidak tanya yang lain. Saya tanya Yang Berhormat. Tolonglah beritahu tarikh dan tempat di mana. Jadi, saya percaya SB mesti ada laporan. Janganlah dok tembak macam itu!

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Subang, salah satu...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya bagi *floor* kepada Yang Berhormat Gombak. Ini *floor* Yang Berhormat Gombak.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Gombak, saya tanya dia. Ini *floor* saya.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ini *floor* Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Subang bagi *floor*. Dia punya *floor*, bukan *you* punya *floor*.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Apa ini? Tidak, saya dia bagi jalan, Yang Berhormat apa pasal jalan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat sudah habis. Duduk!

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat. Yang Berhormat Tanjung Karang dan Yang Berhormat Gombak, duduk dulu Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya tengah diberi jalan, dia pula yang mencelah. Tidak mengikut peraturan.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat tidak mengendahkan peraturan mesyuarat, saya juga tidak mengendahkan peraturan mesyuarat lagi. Siapa sahaja berdiri saya suruh keluar. Tolong, Ahli-ahli Yang Berhormat. Sila, Yang Berhormat Subang. Yang tadi bukti ini, laporan suruhanjaya sudah berapa kali diangkat. Tolong, Yang Berhormat Subang. *Wrap it up!* Supaya Yang Berhormat Menteri boleh respons.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tengok itu buku pun sudah pening kepala. Sudah boringlah.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya hampir habis, Tuan Pengerusi. Dia yang mencelah. Akan tetapi okey.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Itu buku *you* tolong edar bagi kita semua!

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan. Sila.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Buku ini oleh Suruhanjaya Diraja dan saya minta dimasukkan sebagai rekod prosiding hari ini. Saya minta dimasukkan sebagai rekod. Jadi Tuan Pengerusi, itu sahaja saya ingin hujahkan dan untuk pindaan ini, kita cadangkan pembatalan Fasal 27 dan saya mohon mencadangkan.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera dalam kertas pindaan Yang Berhormat Subang yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahaskan. Sila, ada mahu bahas?

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Pengerusi:** Sila, Yang Berhormat Menteri respons kepada apa yang dibangkitkan dalam usul ini.

**12.45 mlm.**

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Pengerusi, Fasal 27 tidak perlu dibatalkan kerana peruntukan baru ini hanya memberikan kuasa kepada menteri untuk menyelenggarakan dan menguruskan mana-mana tempat tahanan. Selain daripada itu, menteri juga dibenarkan untuk menetapkan apa-apa modul pemulihan terhadap orang yang ditahan jika ada keperluan. Menteri juga mempunyai kuasa untuk membuat peraturan-peraturan ke atas tempat-tempat tahanan yang ada. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Subang dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan tidak disetujukan]*

*[Fasal-fasal 27 hingga 28 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Pengerusi, memang saya tidak hendak cari pasal *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang. Akan tetapi sebelum itu Tuan Pengerusi, saya bersama rakan-rakan di sini dan di sana ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas atas daya tahan Tuan Pengerusi yang berada di atas sana dari jam empat petang hingga jam 12.52 minit *[Tepuk]* Ertinya, selama lapan jam 53 minit, Tuan Pengerusi. Dengan ini saya maklumkan rang undang-undang ini kepada Majlis sekarang.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

*[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang Undang-undang dilaporkan dengan ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

**USUL****MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH  
PERATURAN MESYUARAT 16(3)**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

■0050

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan mesyuarat]*

**UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN****Tapak Pelupusan Sampah Haram Sungai Klang, PJS3**

**12.50 mlm.**

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tapak pelupusan sampah haram di tepi Sungai Kelang Kiosk 3. Sungai pada satu ketika dahulu menjadi satu sumber air kepada kita semua. Akan tetapi sekarang dengan pencemaran yang berlaku ia tidak memungkinkan kita meminum air daripada sungai.

Melalui sumber daripada Jabatan Penerangan dari Sungai kelang, purata 50 tan hingga 60 tan sampah atau sisa pepejal dikutip setiap hari. Selepas hari hujan tidak memerlukan sekiranya 80 tan sampah dikutip dari perangkap sampah sepanjang Sungai Klang dan cabang-cabangnya. Situasi sampah terapung ini wujud di sungai-sungai seluruh negara khususnya di kawasan kepadatan tinggi seperti bandar dan bandar raya. Keadaan ini menyebabkan kawasan menjadi teramat busuk dan memberi kesan yang buruk kepada masyarakat persekitaran. Selain itu wabak demam denggi di kawasan berkenaan juga punca kepada hal yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan keadaan di Sungai Klang, saya ingin menjuruskan kepada keadaannya di kawasan PJS3 dan juga PJ4 di Petaling Jaya. Di kawasan tersebut, sungai telah menjadi tapak pembuangan sampah haram. Melalui jawapan bukan lisan daripada Yang Berhormat Menteri pada sidang Parlimen yang baru lalu, beliau tidak menafikan bahawa terdapat pembuangan sampah haram aktif dijalankan pada jarak dua kilometer bermula dari jambatan PJS3 sehingga ke muara Sungai Penchala.

Di dalam jawapan beliau juga, Yang Berhormat Menteri mengaku bahawa terdapat lori-lori pengangkut sampah yang masuk ke kawasan tersebut dan terdapat penjaga di kawasan berkenaan yang mengenakan bayaran tertentu yang meliputi kerja-kerja menolak sampah ke dalam sungai. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, laporan berkenaan aktiviti berkenaan telah pun dibuat terhadap Majlis Bandaraya Petaling Jaya atau MBPJ dan Pejabat Daerah Petaling tetapi ia tidak berjaya dihentikan. Ini adalah kerana tapak tersebut dipercayai dijaga oleh sekumpulan gengster dan ada di antaranya terdiri daripada kongsi gelap yang berleluasa di kawasan Lembah Klang.

Tuan Yang di-Pertua, aktiviti haram ini sudah pun giat dijalankan sejak empat, lima tahun kebelakangan ini dan tidak ada sebarang tindakan diambil terhadap aktiviti pembuangan sampah di kawasan yang dinyatakan. Para pengusaha domestik di daerah persekitaran menjadikan kawasan sungai di PJS3 dan PJS4 sebagai tapak pembuangan sampah mereka. Sampah yang dikumpulkan akan dijaga oleh sekumpulan kongsi gelap ini dan apabila hujan turun, lori-lori digunakan untuk menolaknya ke sungai. Ini mengakibatkan pencemaran teruk berlaku.

Menurut pemerhatian saya, setiap kali hujan lebat, keadaan Sungai Klang terutamanya di kawasan Puchong akan menjumpai pelbagai sampah sarap yang dipercayai salah satu hasil daripada pembuangan sampah besar-besaran di PJS3 dan PJS4. Gengster-gengster ini mengutip bayaran sebanyak RM150 bagi setiap lori yang mengambil perkhidmatan mereka ini. Setiap sungai yang berada lingkungan 20 meter ia tertakluk di bawah penguatkuasaan Jabatan Pengairan dan Saliran. Aktiviti haram yang dijalankan oleh gengster dan anggota kongsi gelap ini pula sudah tidak di bawah kuasa Majlis Bandaraya Petaling Jaya mahupun Pejabat Daerah Petaling. Ia sudah menjadi tanggungjawab pihak Polis Diraja Malaysia. Pihak-pihak yang menjalankan kegiatan haram ini mungkin dilengkapi dengan senjata api yang mungkin membahayakan pegawai-pegawai penguat kuasa.

Sehubungan dengan itu hanya pihak polis sahaja yang mampu menghalau pihak-pihak ini beredar daripada kawasan tersebut dan menghentikan kegiatan mereka ini. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) perlu mendapat perhatian daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bagi menangani masalah ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

#### **12.55 mm.**

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan atas ucapan penangguhan sebentar tadi berhubung kegiatan pembuangan sampah haram di kawasan PJ Selatan 3 dan PJ Selatan 4, Petaling Jaya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagaimana jawapan kementerian ini bagi soalan bukan lisan daripada Yang Berhormat iaitu melalui siasatan awal Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia mendapati kegiatan pembuangan sampah haram ini memang aktif dijalankan pada jarak

dua kilometer bermula dari jambatan PJS3 sehingga ke muara Sungai Penchala. Difahamkan bahawa lori-lori pengangkut sampah yang masuk ke kawasan tersebut dikenakan bayaran tertentu oleh penjaga di situ untuk kerja-kerja pembuangan sampah haram di dalam kawasan rizab sungai.

Sehubungan dengan itu dalam jawapan yang lalu kementerian ini telah mengesyorkan agar pemantauan dan penguatkuasaan bersepadan dijalankan di kawasan berkenaan oleh Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor, Pentadbir Tanah Daerah Petaling, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Subang Jaya, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor dan Lembaga Urus Air Selangor. Kesemua jabatan dan agensi tersebut terletak di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.

Selaras dengan Warta Kerajaan Negeri Selangor, No. 2004, bertarikh 5 Jun 2009, rizab sungai yang telah diwartakan bagi maksud seksyen 13, Kanun Tanah Negara 1965 di kawasan tersebut adalah selebar 50 meter di kiri dan 50 meter di kanan tebing sungai. Justeru tidak dapat dinafikan bahawa kegiatan pembuangan sampah haram kawasan tersebut berlaku dalam kawasan rizab sungai. Tambahan pula, selaras dengan warta tersebut, kawasan rizab sungai tersebut adalah berada di bawah kawalan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor manakala Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor pula adalah pegawai penyelenggara bagi kawasan rizab tersebut.

Selain itu Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor serta Pejabat Tanah Daerah Petaling sewajarnya bertanggungjawab untuk menyemak status hak milik tanah bagi mengenal pasti pencerobohan tanah kerajaan atau penyalahgunaan syarat tanah. Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Majlis Perbandaran Subang Jaya juga wajar bertanggungjawab menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap perniagaan haram yang mungkin berlaku di kawasan tersebut. Lembaga Urus Air Selangor di bawah Kerajaan Negeri Selangor juga perlu menjalankan penguatkuasaan larangan berkaitan pencemaran sesuatu sumber air di bawah seksyen 79(1) Enakmen Lembaga Urus Air Selangor Tahun 1999. Sehubungan dengan itu, adalah wajar dan lebih sesuai isu ini dibawa ke Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Selangor. Sekian, terima kasih.

■0100

#### **MASALAH KERAKYATAN YANG MENJEJASKAN PERSEKOLAHAN DAN PELBAGAI MASALAH**

##### **1.00 pagi**

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi tunggu sampai malam ini. Masalah kerakyatan yang menjelaskan persekolahan dan pelbagai masalah di kawasan Bayan Baru.

Saya hendak bagi kes nombor pertama - Encik Krishnan seorang pemegang IC biru, manakala isterinya Kumari Muniandy memiliki IC merah. Mereka mempunyai enam orang anak. Lima antara mereka tidak dapat melanjutkan pelajaran mereka kerana tidak mempunyai IC biru atau IC merah. Anak sulung Tirunakaruss, umurnya 17 tahun sepatutnya menduduki SPM pada

tahun ini tidak bersekolah dan bekerja sebagai buruh kasar dengan gaji RM500 sahaja. Akan tetapi anehnya, anak ketiga Puvaneshwari, umur 15 tahun mempunyai IC biru. Jadi bapa IC biru, ibu IC merah, anak sulung tiada IC, anak kedua tiada IC, anak ketiga IC biru, anak keempat tiada IC, anak kelima IC merah dan anak keenam IC merah.

Kes kedua - Ooi Ah Suan seorang ibu tunggal tidak mempunyai sebarang dokumen kerana ibu bapanya telah mati awal dan neneknya menjadi penjaganya. Ah Suan telah berkahwin dan mempunyai seorang anak lelaki berumur 11 tahun. Suaminya telah meninggalkan mereka ketiga anaknya masih kecil. Ah Suan tidak mempunyai pekerjaan tetap kerana tiada IC atau pengenalan diri. Ah Suan hidup dalam ketakutan kerana penguatkuasaan pendatang tanpa izin dan beliau mungkin ditahan dan dipisahkan daripada anaknya selama-lamanya.

Kes ketiga - Sasikala a/p Manna berumur 10 tahun tidak dapat bersekolah kerana tiada surat beranak. Ibu bapa Sasikala telah meninggalkan Sasikala. Sasikala dijaga oleh neneknya yang berumur 80 tahun. Sasikala tidak pernah hadir sekolah walaupun sehari. Setiap hari dia tunggu kawan-kawannya pulang dari sekolah dan meminta kawan-kawan mengajar sedikit sebanyak apa yang telah dipelajari di sekolah. Saya membantu Sasikala membuat permohonan daftar lewat sijil kelahiran, namun pihak JPN menolak dengan alasan memohon supaya bidan menjadi saksinya. Di mana kita mencari bidan yang sudah meninggal. Dengan pelbagai alasan dan permintaan yang tidak munasabah oleh pihak JPN, maka kanak-kanak ini tidak dapat belajar dan ini menyebabkan masa depan mereka menjadi gelap dan ia akan menjadi isu sosial kepada Malaysia.

Ini hanya tiga kes daripada 29 kes yang telah saya hantar kepada pihak JPN pada awal tahun 2013. Tiada tindakan susulan yang diambil daripada JPN. Saya juga telah menghantar surat melalui pos kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, bertarikh 22 Ogos 2013 dengan nombor rujukan Datuk Zahid/KDN/Mykadbiru/2013 dengan salinan surat kepada Ketua Pengarah JPN Putrajaya dan Pengarah JPN Pulau Pinang untuk mengetahui status permohonan mereka. Namun sehingga kini, hari ini saya masih tidak menerima sebarang jawapan daripada pihak JPN mahupun Menteri yang bertanggungjawab. Saya ingin meminta pihak kementerian membela nasib rakyat Malaysia tanpa kerakyatan, tanpa status ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Menteri.

#### 1.04 pg.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih pada Yang Berhormat Bayan Baru di atas ucapan penangguhan yang telah dibangkitkan tersebut.

Kes yang pertama Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan semakan rekod Jabatan Pendaftaran Negara, nama iaitu Encik Krishnan a/l Kotan, 720919-07-5047 adalah seorang rakyat Malaysia yang bertaraf warga negara Malaysia dan telah memiliki kad pengenalan biru. Manakala isteri penama iaitu Puan Kumari a/p Muniandy juga adalah seorang rakyat Malaysia yang bertaraf warga negara Malaysia dan hanya memiliki sijil kelahiran dengan nombor berdaftar E 265038.

Walau bagaimanapun, penama didapati tidak pernah memohon dan memiliki kad pengenalan biru sehingga kini. Semakan juga mendapati bahawa Encik Krishnan a/l Kotan, kad pengenalan nombor 720919-07-5047 dan Puan Kumari a/p Muniandy tidak pernah mendaftar perkahwinan di bawah undang-undang sivil yang terpakai di Malaysia.

Selain itu, tiada sebarang maklumat kelahiran dalam rekod JPN bagi tiga orang anak penama berikut. Pertama Tirunakaruss Krishnan, yang kedua Ganapathy Krishnan, anak ketiga Puvaneshwari Krishnan. Manakala tiga orang lagi anak penama anak keempat sehingga anak keenam telah pun memiliki sijil kelahiran, tetapi taraf kewarganegaraan belum ditentukan kerana ibunya hanya memiliki sijil kelahiran dan maklumat mereka adalah seperti berikut. Anak keempat Sureyya Krishnan dan sijil kelahiran nombor daftar AJ24090, anak kelima Sivaneswari Krishnan dengan sijil kelahiran nombor daftar AN33503 dan anak keenam Gunawathy Krishnan dengan sijil kelahiran nombor berdaftar AU65702.

Tuan Yang di-Pertua, pendaftaran kelahiran dan kematian di persekutuan ditadbir oleh tiga peruntukan undang-undang iaitu Akta Pendaftaran Kelahiran Kematian 1957 bagi negeri-negeri di Semenanjung. Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian CAP 123 bagi negeri Sabah dan Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian CAP 10 bagi negeri Sarawak. Sehubungan dengan itu, setiap kelahiran yang berlaku di Malaysia perlu didaftar dan sekiranya selepas tempoh 42 hari kanak-kanak tersebut masih belum memiliki sijil kelahiran, makna belum didaftar, pendaftaran kelahiran boleh dibuat melalui permohonan daftar lewat kelahiran.

Selain itu mengikut peruntukan undang-undang di bawah Perkara 14(1)(b), seksyen 1, Bahagian II, Perlembagaan Persekutuan, kanak-kanak yang lahir di Persekutuan yang sekurang-kurangnya seorang daripada ibu bapa pada masa kelahiran itu seorang warganegara ataupun bermastautin secara tetap di Persekutuan layak untuk dianugerahkan taraf kewarganegaraan Malaysia secara kuat kuasa undang-undang. Walau bagaimanapun, penganugerahan ini turut tertakluk kepada kesahihan tahap perkahwinan ibu bapa dan dokumen yang dikemukakan oleh pemaklum semasa pendaftaran kelahiran.

Cadangan penyelesaian, justeru bagi kes yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat, kementerian ini mengesyorkan agar Puan Kumari Muniandy hadiri di mana-mana JPN yang berhampiran dengan tempat kediaman untuk memohon daftar lewat kad pengenalan bagi dirinya. Setelah permohonan daftar lewat kad pengenalan diluluskan dan dikeluarkan Mykad, maka Puan Kumari perlu mengemukakan permohonan pembetulan maklumat bagi kesemua anak beliau untuk mendapatkan taraf kewarganegaraan seperti taraf ibunya. Manakala bagi anak pertama hingga ketiga yang tidak ada sebarang rekod kelahiran di JPN, penama dan isteri perlu terlebih dahulu mengemukakan permohonan daftar lewat kelahiran bagi mereka.

Kesimpulannya, kementerian ini mendapati bahawa maklumat yang dikemukakan oleh Yang Berhormat juga adalah tidak tepat berhubung dengan pemilik dokumen pengenalan diri mereka.

Kes yang kedua Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan semakan kementerian ini didapati bahawa Puan Ooi Ah Suan tidak pernah mengemukakan permohonan daftar lewat kelahiran.

Sehubungan dengan itu Puan Ooi Ah Suan perlu mengemukakan permohonan daftar lewat kelahiran di mana-mana JPN yang berhampiran. Setelah itu sekiranya permohonan itu diluluskan maka Puan Ooi Ah Suan perlu mengemukakan permohonan daftar lewat kelahiran untuk anak beliau.

**■0110**

Kes yang ketiga. Tuan Yang di-Pertua berdasarkan semakan kementerian ini didapati bahawa permohonan pendaftaran lewat kelahiran sebelum ini telah ditolak kerana permohonan dan pengajur tidak dapat membuktikan kelahiran Sasikala a/p Manna dan terdapat percanggahan fakta di kalangan saksi-saksi terlibat.

Dalam hal ini, JPN tidak mempunyai sebarang halangan untuk mempertimbangkan semula permohonan daftar lewat kelahiran sekiranya pemohon, pengajur dan saksi-saksi yang terlibat dapat mengemukakan maklumat dan dokumen yang membuktikan bahawa kelahiran Sasikala a/p Manna benar-benar telah berlaku di Persekutuan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, merunjuk kepada 20 permohonan kad pengenalan biru yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat, adalah dimaklumkan bahawa terdapat di antara mereka yang perlu lebih dahulu memohon taraf kewarganegaraan Malaysia sebelum dikeluarkan kad pengenalan biru. Berikut merupakan perinciannya:

- (i) sembilan orang yang mengemukakan permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia di bawah Perkara 19(1) Perlembagaan Persekutuan;
- (ii) lapan orang boleh memohon taraf kewarganegaraan Malaysia di bawah Perkara 16, Perlembagaan Persekutuan;
- (iii) empat orang yang didapati mempunyai tuntutan taraf kewarganegaraan Malaysia secara berkuat kuasa undang-undang boleh mengemukakan permohonan kad pengenalan biru iaitu Mykad;
- (iv) tiga nama tidak dapat disemak kerana maklumat yang dikemukakan tidak lengkap;
- (v) seorang telah pun memperoleh taraf kewarganegaraan Malaysia secara daftaran di bawah Perkara 16, Perlembagaan Persekutuan tetapi belum mengemukakan permohonan kad pengenalan biru; dan
- (vi) permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia sedang diproses.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kad pengenalan biru hanya akan dikeluarkan kepada pemohon-pemohon yang telah diluluskan permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia.

Oleh itu, dinasihatkan agar pemohon yang terlibat dapat mengemukakan permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia di JPN yang berhampiran dengan tempat kediaman dan seterusnya pertimbangkan akan dibuat berdasarkan peruntukan undang-undang semasa.

Dalam hal ini perlu diberi penekanan bahawa, adalah menjadi tanggungjawab setiap pemohon untuk membuktikan kelayakan untuk dianugerahkan taraf kewarganegaraan Malaysia berdasarkan dokumen yang dikemukakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dewan bersidang semula pada jam 10 pagi pada hari Khamis, 3 Oktober 2013.

*[Dewan ditangguhkan pada pukul 1.14 pagi]*